

**PENENTUAN KRITERIA KIFAYAH DAN MA'RUF NAFKAH
ISTERI DAN ANAK DI MALAYSIA**

BAHIYAH BINTI AHMAD

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

**PENENTUAN KRITERIA *KIFAYAH* DAN *MA'RUF*
NAFIKAH ISTERI DAN ANAK DI MALAYSIA**

BAHIYAH BINTI AHMAD

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

ABSTRAK

Nafkah yang mencukupi dan baik adalah penting bagi keperluan kehidupan isteri dan anak-anak. Ia perlulah menepati kriteria *kifāyah* dan *ma'rūf* seperti yang telah ditetapkan oleh syarak dan dibincangkan oleh fuqaha. Walau bagaimanapun, penentuan kriteria-kriteria tersebut memerlukan penilaian semasa kerana ia dipengaruhi oleh ‘urf dan sosioekonomi masyarakat di sesuatu tempat. Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 telah memperuntukkan suatu akta bahawa nafkah isteri dan anak perlu ditaksirkan mengikut kemampuan dan keperluan pihak-pihak tertentu. Walau bagaimanapun, peruntukan ini terlalu umum dan tiada penerangan yang jelas mengenai maksud kemampuan dan keperluan pihak-pihak tersebut. Hal ini menimbulkan ketidakpuasan hati sesetengah pihak terhadap keputusan penghakiman disebabkan hakim menggunakan budi bicaranya dalam menterjemahkan akta yang sedia ada. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengemukakan satu standard pentaksiran nafkah yang menepati kriteria *kifāyah* dan *ma'rūf* yang dapat dipraktiskan dalam amalan kehakiman syariah di negara ini. Melalui kaedah analisis kandungan terhadap kitab-kitab berautoriti syariah, laporan kes-kes pentaksiran nafkah dan temu bual mendalam dengan para responden yang terdiri daripada kumpulan hakim dan kumpulan ibu, kajian ini telah berjaya mengenal pasti kaedah pentaksiran nafkah yang lebih praktikal. Antara hasil kajian tertumpu kepada kriteria *ma'rūf* yang menuntut penelitian terhadap latar belakang sosioekonomi dan kemampuan tertinggi pembiaya. Dalam kriteria *ma'rūf*, aspek *al-hājjah*, iaitu adakah anak benar-benar memerlukan nafkah merupakan kriteria tambahan dalam pentaksiran nafkah anak. Kriteria *kifāyah* pula menuntut pentaksiran nafkah memenuhi keperluan isteri dan anak tanpa mengurangi *kifāyah adnā* atau

keperluan minimum mereka. Kaedah penentuan kadar nafkah semasa, kadar nafkah *kifāyah adnā*, serta item-item semasa nafkah telah turut dikenal pasti sebagai panduan pentaksiran nafkah yang lebih pragmatik.

ABSTRACT

The good (*ma'rūf*) and sufficient (*kifāyah*) maintenance (*nafaqah*) to the wives and children are important to an adequate standard of their living. Being subjected to the criteria of *kifāyah* and *ma'rūf* as ruled by the Sacred Law (*syar'*) and discussed by the scholars of Islamic Jurisprudence (*fuqahā'*), the determination of these criteria however needs the current assessment and evaluation since it is influenced mostly by the social practices ('urf) of the society and their socio economics status. As a result the Malaysian Islamic Family Law (Federal Territory) Act 1984 and Islamic Family Law (State Of Selangor) Enactment 2003 have allocated an act that the wife and child financial support assessment needs to be based on the means and needs of the parties. These however is too general since there is no statements such that elaborate the meaning of the means and the needs of the parties. Hence, this may lead to the judge exercising his judicial discretion in interpreting the concerning act which conduces to dissension within the disputing parties. Thus, this research aims to elicit a standard evaluation or expertise of financial support (*nafaqah*) which is appropriate to the criteria of *kifāyah* and *ma'rūf* that can be practiced by the court in this country. The methodology used in this research is an analytical method for explaining the authentic sacred law books, the law reports regarding the maintenance assessments and the interview materials given by selected respondents of judges and a group of mothers. Finally the research reached some of its important findings including examining the socio economics background of the legal supporters and their capability to earn maximum income and considering *al-hājjah* of the child as an additional assessment of child support in determining criterion of *ma'rūf*. While determining criterion of *kifāyah* in financial support (*nafaqah*) assessment as applicable to the need of the wife and child

without marginalizing their minimum basic needs. The formula of determining the current rate of maintenance (*nafaqah*), its minimum rate (*kifāyah adnā*) and other current items of the maintenance (*nafaqah*) also have been recognized as a guide to more practical assessments.

University Of Malaya

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang kerana berkat kurniaan-Nya serta izin-Nya telah memberi kekuatan, kesihatan, kesabaran dan semangat kepada pengkaji untuk menyempurnakan tesis ini. Selawat dan salam kepada junjungan tercinta Rasulullah SAW pembela umat, penawar segala duka dan penjamin di dunia dan di akhirat.

Dengan penuh kesedaran dan rendah hati, pengkaji mengakui bahawa tanpa tunjuk ajar, kerjasama, bantuan, sokongan, dorongan dan peluang yang diberikan oleh pihak-pihak yang terlibat, adalah mustahil bagi pengkaji menyempurnakan kajian ini.

Justeru pengkaji ingin melahirkan rasa penghargaan yang setinggi-tingginya dan ucapan terima kasih yang sebanyak-banyaknya terdahulu buat Prof Madya Dr. Raihanah Haji Azahari selaku penyelia pertama yang tidak pernah jemu memberikan tunjuk ajar kepada pengkaji. Juga buat Dr. Asmak Ab. Rahman selaku penyelia kedua yang sangat bersabar dengan pengkaji dalam memberikan tunjuk ajar terutamanya dalam bidang metodologi dan sosioekonomi. Tanpa bimbingan dan penyeliaan yang mantap daripada kedua-dua penyelia ini, pengkaji tidak mungkin dapat menyempurnakan kajian ini.

Terima kasih dan penghargaan juga ditujukan kepada para pemeriksa tesis ini iaitu Prof. Madya Dr. Raihanah Abdullah (Universiti Malaya) sebagai pemeriksa dalam serta Prof. Dr. Najibah Mohd Zin (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia) dan Prof. Dr. Khoiruddin Nasution MA (Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta) sebagai pemeriksa luar di atas kepakaran yang dikongsi dan dicurahkan bagi memantapkan lagi penghasilan tesis pengkaji.

Perhargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada para responden kajian yang terdiri daripada barisan para arif hakim iaitu Yang Arif Tuan Haji Walid Abu Hassan, Yang Arif Tuan Zainor Rasyid, Yang Arif Tuan Fauzi Mokhtar, Yang Arif Tuan Amran Mat Zin, Tuan Drs Atras bin Mohamad Zin, Tuan Wan Mahyuddin Wan Muhammad, Tuan Shaiful Azli bin Jamaludin, Tuan Mohamad Fauzi bin Ismail, dan Tuan Kamarulzaman bin Ali. Juga kalungan kasih kepada sekalian responden dalam kalangan ibu-ibu yang pengkaji tidak dapat menyebutkan nama-nama mereka demi menjaga etika kerahsiaan kajian. Sesungguhnya mereka telah memberikan kerjasama yang sangat padu sehingga sanggup ditemu bual malah ada yang pengkaji bertemu sehingga dua kali dalam jangka masa yang lama. Semoga Allah SWT membalias jasa baik kalian dengan ganjaran syurga.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga dihulurkan kepada pihak-pihak yang telah memberikan kerjasama dan keizinan kepada pengkaji untuk mendapatkan data-data yang diperlukan antaranya Puan Norisan Binti Mohd Aspar, Ketua Penolong Pengarah dan Encik Azizul Abllah, Penolong Pengarah, Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan, Jabatan Perangkaan Negara. Encik Yong Abdullah, Ketua Sektor Operasi Pendidikan, Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia. YAA Dr. Mohd. Na'im Haji Mokhtar, Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Selangor, Pn. Fauziah binti Abdullah, Penolong Pegawai Syariah, Bhgn. Sokongan Keluarga, Puan Noor Lidyawati Salehhudin

Penolong Pegawai Penerangan, JKSM, Putrajaya. En. Zainal bin Mat, Penolong Kanan Tadbir & Kurikulum Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Pantai Kg. Kerinchi, Kuala Lumpur. Encik Mohd Ali bin Kasmin, Penolong Kanan Tadbiran dan Kurikulum, Sekolah Kebangsaan Bangsar, Kuala Lumpur. Barisan peguam iaitu Puan Aishah Din dan Puan Salwa Dato' Hj Fadzil. Cik Wan Ritini Binti Wan Ismail dan Ustaz Mohd Fariz Abdul Razak Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Selangor, Puan Fadilah binti Sefian, Penolong Pengurus Pentadbiran dan Keurusetiaan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Puan Suhaili Binti Suboh, Pegawai Dietetik Universiti Malaya, Tuan Haji Azman bin Haji Ahmad, editor Bahasa Melayu dan Maulana Zaharudin Nawi, editor Bahasa Inggeris.

Tidak lupa, penghargaan ini pengkaji dedikasikan buat pembangun jiwa, penyubur kasih sayang iaitu bonda tercinta Zainab binti Man, dan ayahanda yang setia Ahmad bin hamid atas segala jerit perih menjaga hal ehwal pengkaji sejak kecil sehingga sekarang. Hanya Allah SWT yang mampu membalas jasa kalian.

Buat suami tercinta, Mohd Noor Razman bin Ajid, terima kasih yang tidak terhingga atas segala bantuan, pengorbanan, kesabaran dan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada pengkaji sepanjang perjalanan pengkaji menyiapkan penulisan ini. Juga buat anakanda Aminul Hakim bin Mohammad Noor Razman, buah hati penyejuk mata yang setia menemani pengkaji. Tidak lupa juga kepada adik-beradik, ipar-duai, saudara-mara dan jiran-jiran yang sentiasa memberikan kerjasama, sokongan dan dorongan kepada pengkaji. Semoga Allah SWT memudahkan hidup kalian.

Kepada sekalian ustaz, ustazah dan rakan-rakan tersayang yang sentiasa memberikan galakan iaitu Ustazah Zunaidah Marzuki, Ustazah Shamsiah Mohamad, Ustazah Raudatul Firdaus, Ustazah Qurratul Aien, Ustaz Zaharudin Nawi, Ustaz Rahimin Affandi, Ustaz Anwar Ramli, Ustaz Ridzwan, Ustaz Ameen al-Nahari, Ustaz Saiful Anwar, Zuraida, Linda, Munaliza Nor, Mazlina, 'Amilin, Ruqayyah, Anita Nurul, kak Ana, kak Faridah Ismail, Puan Fauziah Majid, Puan Hafizatun Nur, Fahimah, Syahidra, Kak Khadijah, Raihanah, Musfirah, Nurul Huda Zaki, Hudha, Sumayyah, Nabilah, Wani, Azlina, Zaid, Rusydi, Hilmi, barisan staf Jabatan Fiqh dan Usul dan barisan staf Pejabat Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Islam, dan ramai lagi yang pengkaji tidak dapat menyebutkan nama mereka di sini.

Pengkaji mendoakan agar Allah SWT memberikan ganjaran yang baik atas segala kebaikan yang telah diberikan kepada pengkaji terutamanya dalam menjayakan kajian ini. Sekian.

Bahiyah binti Ahmad
F647, Kg. Singkir Laut
08110 Bedong, Kedah

busyra4u@gmail.com
0193400963 / 0133416605

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
PANDUAN TRANSLITERASI	xvi
SENARAI STATUT	xvi
SENARAI KES	xvii

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Permasalahan Kajian	1
1.3 Persoalan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Metodologi Kajian	5
1.6 Skop Kajian	6
1.7 Sorotan Kajian Lepas	7

BAB DUA

PENSYARIATAN DAN PENENTUAN ITEM-ITEM NAFKAH ISTERI DAN ANAK

2.1 Pendahuluan	30
2.2 Pensyariatan Nafkah Isteri dan Anak	30
2.2.1 Pensyariatan Nafkah Isteri	30
2.3 Item-Item Nafkah Isteri dan Anak	38
2.3.1 Item-Item Nafkah Isteri	38
2.3.2 Penentuan Item-Item Nafkah Isteri	59
2.3.3 Item-Item Nafkah Anak	60
2.3.4 Penentuan Item-Item Nafkah Anak	64

BAB TIGA

KRITERIA DAN KAEDAH PENTAKSIRAN KADAR NAFKAH ISTERI DAN ANAK SECARA *KIFĀYAH* DAN *MA'RŪF* MENURUT ULAMA

3.1 Kriteria-Kriteria Pentaksiran Nafkah Isteri	67
3.1.1 Kriteria <i>Ma'rūf</i>	67
3.1.2 Kriteria <i>Kifāyah</i>	77
3.2 Kriteria-Kriteria Pentaksiran Nafkah Anak	81
3.2.1 Kriteria <i>Ma'rūf</i>	81
3.2.2 Kriteria <i>Kifāyah</i>	87
3.3 Kesimpulan Kriteria <i>Ma'rūf</i> dan <i>Kifāyah</i> dalam Nafkah Isteri dan Anak	89
3.4 Penentuan Kaedah Pentaksiran Kadar Nafkah Isteri dan Anak Menurut Perbincangan Ulama	93
3.5 Kaedah Penetapan Kadar <i>Kifāyah</i> Nafkah Isteri	96

BAB EMPAT

PANDANGAN HAKIM-HAKIM DI MALAYSIA DALAM PENTAKSIRAN NAFKAH ISTERI DAN ANAK

4.1 Pendahuluan	99
4.1.1 Pengenalan	99
4.1.2 Kaedah Kajian	100
4.1.3 Nafkah Semasa, Nafkah Idah, Nafkah Tertunggak Dan Nafkah Sementara	103
4.2 Konsep <i>Ma'rūf</i> dan <i>Kifāyah</i> pada Pandangan Hakim	109
4.2.1 Konsep <i>Ma'rūf</i>	109
4.2.2 Menilai Kriteria <i>Ma'rūf</i>	111
4.2.3 Konsep <i>Kifāyah</i>	118
4.2.4 Menilai Kriteria <i>Kifāyah</i>	119
4.3 Kesimpulan	132

BAB LIMA

MENGANALISIS AMALAN MASYARAKAT DALAM PERBELANJAAN DAN PENENTUAN ITEM NAFKAH ISTERI DAN ANAK

5.1 Pendahuluan	135
5.1.1 Pengenalan	135
5.1.2 Kaedah Kajian	135

5.2 Dapatan Kajian	147
5.2.1 Maklumat Demografi Responden	147
5.2.2 Analisis Demografi Responden	149
5.2.3 Menganalisis Amalan Masyarakat Dalam Perbelanjaan Keperluan Asas Kehidupan Isteri Dan Anak	151
5.3 Kesimpulan	279
5.3.1 Item-Item Keperluan Asas Isteri Dan Anak	279
5.3.2 Amalan Perbelanjaan Item-Item Nafkah	280
5.3.3 Formula <i>Kifāyah</i> Nafkah	281
5.3.4 Jadual <i>Kifāyah</i> Nafkah Isteri Mengikut Kelas	283
5.3.5 Jadual <i>Kifāyah</i> Nafkah Anak Mengikut Umur dan Kelas	285

BAB ENAM

MODEL NAFKAH *KIFĀYAH ADNĀ* ISTERI DAN ANAK DI MALAYSIA: SATU CADANGAN

6.1 <i>Kifāyah Adnā</i> : Satu Pengenalan	292
6.2 <i>Kifāyah Adnā</i> : Satu Implikasi	297
6.3 <i>Kifāyah Adnā</i> : Pandangan Hakim	303
6.4 <i>Kifāyah Adnā</i> : Pandangan Masyarakat	308
6.5 <i>Kifāyah Adnā</i> : Satu Cadangan	312
6.5.1 Model Cadangan Kadar <i>Kifāyah Adnā</i> Nafkah Isteri	313
6.5.2 Model Cadangan Kadar <i>Kifāyah Adnā</i> Nafkah Anak	314

BAB TUJUH

KESIMPULAN

7.1 Pendahuluan	316
7.2 Rumusan	316
7.2.1 Objektif Pertama	316
7.2.2 Objektif Kedua	318
7.2.3 Objektif Ketiga	319
7.2.4 Objektif Keempat	327
7.3 Kesimpulan	329
7.4 Cadangan	337

BIBLIOGRAFI	340
LAMPIRAN	349

University Of Malaya

SENARAI JADUAL

Jadual 4. 1	Senarai hakim yang ditemu bual	101
Jadual 4. 2	Rangka kerja pembangunan modal insan yang bersepadu bagi Malaysia	125
Jadual 5. 1	Pembahagian pendapatan isi rumah 40% rendah, 40% sederhana dan 20% tinggi terhadap responden kajian	144
Jadual 5. 2	Purata pendapatan isi rumah mengikut kumpulan pendapatan, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2012	145
Jadual 5. 3	Pendapatan isi rumah bulanan purata bagi kumpulan pendapatan tertinggi 20%, pertengahan 40% dan terendah 40% mengikut kumpulan etnik, Malaysia, 2012	146
Jadual 5. 4	Pengkelasan responden berdasarkan pendapatan isi rumah	147
Jadual 5. 5	Maklumat demografi responden	147
Jadual 5. 6	Taburan kekerapan (frekuensi distribution), peratusan umur, tempat	149
Jadual 5. 7	Responden yang mempunyai data berasingan bagi kos makanan dan pembersihan	153
Jadual 5. 8	Peruntukan keperluan makanan dan pembersihan RC sebulan	159
Jadual 5. 9	Peruntukan kos makanan dan pembersihan setiap RB sebulan	166
Jadual 5. 10	Peruntukan kos makanan dan pembersihan RA sebulan	173
Jadual 5. 11	Kos perbelanjaan keperluan makanan setiap responden dan purata perbelanjaan mengikut kelas	174
Jadual 5. 12	Kos perbelanjaan keperluan pembersihan setiap responden dan purata perbelanjaan mengikut kelas	180
Jadual 5. 13	Perbandingan pendapatan isi rumah responden dengan bayaran bulanan rumah dan bayaran bil air serta elektrik	182
Jadual 5. 14	Perbandingan antara kelas responden, pembayaran rumah dengan purata pembayaran rumah mengikut kelas	184
Jadual 5. 15	Perbandingan antara kelas responden dengan pembayaran bil air dan elektrik	186
Jadual 5. 16	Perbandingan antara bilangan isi rumah responden, pembayaran rumah dengan pembayaran bil air dan elektrik	187
Jadual 5. 17	Ringkasan keperluan pakaian responden-responden Kelas C	191
Jadual 5. 18	Ringkasan keperluan pakaian responden-responden Kelas B	193
Jadual 5. 19	Ringkasan keperluan pakaian responden-responden Kelas A	196

Jadual 5. 20	Kos pakaian sebulan responden-responden mengikut kelas	197
Jadual 5. 21	Maklumat mengenai perubatan responden	198
Jadual 5. 22	Kos perubatan (alternatif) sebulan responden-responden mengikut kelas	204
Jadual 5. 23	Caj kemudahan kesihatan (kerajaan) di Malaysia	206
Jadual 5. 24	Caj kemudahan kesihatan (swasta) di Malaysia	208
Jadual 5. 25.	Kos dandanan responden-responden sebulan mengikut kelas	211
Jadual 5. 26	Kos pembantu kerja rumah responden sebulan mengikut kelas	213
Jadual 5. 27	Kos telekomunikasi responden sebulan mengikut kelas	221
Jadual 5. 28	Kos pengangkutan responden sebulan mengikut kelas	223
Jadual 5. 29	Responden yang mengatakan secara puratanya anak-anak mereka makan lebih kurang sama seperti mereka	226
Jadual 5. 30	Cadangan pengambilan keperluan tenaga untuk rakyat Malaysia (Recommended Nutrient Intakes for Malaysian)	227
Jadual 5. 31	Perbelanjaan responden untuk kos makanan dan pembersihan anak berumur sebelum 4 tahun	231
Jadual 5. 32	Kos keperluan makanan dan pembersihan anak-anak responden mengikut kategori umur dan kelas	234
Jadual 5. 33	Kos purata pakaian anak-anak responden kelas A yang telah bersekolah	239
Jadual 5. 34	Kos purata pakaian anak-anak responden kelas B yang telah bersekolah	239
Jadual 5. 35	Kos purata pakaian anak-anak responden kelas C yang telah bersekolah	240
Jadual 5. 36	Perbandingan kos purata pakaian anak-anak responden setiap kelas	240
Jadual 5. 37	Perbandingan kos pakaian anak-anak responden yang belum bersekolah	242
Jadual 5. 38	Keperluan pendidikan anak-anak responden Kelas A	245
Jadual 5. 39	Keperluan pendidikan anak-anak responden Kelas B	246
Jadual 5. 40	Keperluan pendidikan anak-anak responden Kelas C	248
Jadual 5. 41	Kos keperluan pendidikan sekolah rendah anak-anak responden	254
Jadual 5. 42	Ringkasan kos pendidikan anak-anak responden peringkat sekolah rendah bagi semua kelas	257
Jadual 5. 43	Kos keperluan pendidikan sekolah menengah anak-anak responden	257

Jadual 5. 44	Ringkasan kos pendidikan sekolah menengah anak-anak responden bagi semua kelas	261
Jadual 5. 45	Kos keperluan pendidikan prasekolah anak-anak responden	262
Jadual 5. 46	Kos purata keperluan pendidikan anak-anak responden peringkat prasekolah	266
Jadual 5. 47	Purata kos bagi kenderaan awam jenis bas dan van anak-anak responden	267
Jadual 5. 48	Kadar tambang bas Rapid KL mengikut jenis perjalanan bas	268
Jadual 5. 49	Kos pendidikan peringkat prasekolah, rendah dan menengah	270
Jadual 5. 50	Kos keperluan pendidikan anak-anak responden bagi pengajian peringkat ketiga sebulan	272
Jadual 5. 51	Kos purata perbelanjaan pengajian anak responden pada peringkat ketiga mengikut kelas	274
Jadual 5. 52	Data daripada temu bual rambang ke atas 8 orang pelajar pengajian peringkat ketiga	276
Jadual 5. 53	Duit poket /bantuan sara hidup tambahan daripada ibu bapa sebulan	278
Jadual 5. 54	Kos perbelanjaan item-item keperluan asas responden mengikut kelas	283
Jadual 5. 55	Jadual <i>kifāyah</i> nafkah anak mengikut umur dan kelas	285
Jadual 6. 1	Jadual kalkulator had kifayah zakat LZS	309
Jadual 6. 2	Purata kos perbelanjaan kadar nafkah responden sebulan bagi semua tahap kelas	313
Jadual 6. 3	Model cadangan kadar <i>kifāyah adnā</i> nafkah isteri	313
Jadual 6. 4	Purata kos perbelanjaan kadar nafkah anak responden sebulan bagi semua tahap kelas	314
Jadual 6. 5	Model cadangan kadar <i>kifāyah adnā</i> nafkah anak	315

SENARAI RAJAH

Rajah 3. 1	Kriteria pentaksiran nafkah isteri	67
Rajah 3. 2	Kriteria pentaksiran nafkah anak	81
Rajah 5. 1	Kos perbelanjaan keperluan makanan responden sebulan mengikut kelas	176
Rajah 5. 2	Kos perbelanjaan keperluan kebersihan responden sebulan mengikut kelas	180
Rajah 5. 3	Graf perbandingan antara pendapatan isi rumah, pembayaran bulanan rumah dengan pembayaran bil air serta elektrik	183
Rajah 5. 4	Graf kadar pembayaran rumah mengikut kelas responden	185
Rajah 5. 5	Graf perbandingan kadar pembayaran bil air dan elektrik mengikut kelas responden	187
Rajah 5. 6	Carta bar perbandingan antara isi rumah responden, kadar pembayaran rumah dengan kadar pembayaran bil air dan elektrik	188
Rajah 5. 7	Graf kos pakaian sebulan responden-responden mengikut kelas	198
Rajah 5. 8	Graf kos perubatan (alternatif) responden sebulan mengikut kelas	204
Rajah 5. 9	Graf perbandingan kos dandanannya responden sebulan mengikut kelas	211
Rajah 5. 10	Graf perbandingan kos pembantu kerja rumah responden sebulan berbanding kelas	219
Rajah 5. 11	Graf perbandingan kos telekomunikasi responden sebulan mengikut kelas	221
Rajah 5. 12	Graf perbandingan kos pengangkutan responden sebulan mengikut kelas	225
Rajah 5. 13	Graf kos purata pakaian anak-anak responden setiap kelas yang telah bersekolah (termasuk pendidikan di prasekolah (tadika)) ke atas sebulan	241
Rajah 5. 14	Graf perbandingan kos pakaian anak-anak responden yang belum bersekolah sebulan mengikut kelas	243
Rajah 5. 15	Kos purata pendidikan sekolah rendah anak-anak responden	255
Rajah 5. 16	Kos purata pendidikan sekolah menengah anak-anak	259
Rajah 5. 17	Kos purata perbelanjaan tadika/prasekolah anak-anak	263
Rajah 5. 18	Kad khas pelajar	269
Rajah 5. 19	Kos purata pengajian peringkat ketiga anak-anak responden mengikut kelas	274

PANDUAN TRANSLITERASI

Arab	Roman
ء, ا	a,’
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ

Arab	Roman
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	h,t

SENARAI STATUT

NAMA STATUT	MUKASURAT
Akta 303, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, mengandungi pindaan terkini - P.U.(A)247/2002 / Islamic Family Law (Federal Territory) Act 1984, (Akta No. 303, 1984).	3, 8, 64 & 122
Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, mengandungi pindaan terkini -Sel-P.U. 7/2004 / Islamic Family Law (State Of Selangor) Enactment 2003, (Enakmen 2, 2003).	6 & 107
Undang-Undang Personal Jordan, (قانون الأحوال الشخصية), (Akta No. 26, 2010).	8, 59 & 48

SENARAI KES

NAMA KES	MUKASURAT
Azura Adna <i>lwn</i> Mohd Zulkifli Salleh, (2000) XIV BHG (II), JH 179.	10
Faridah Daud dan seorang lagi <i>lwn</i> Mohd Firdaus Abdullah @ Jettle Francis, (2002) XV BHG (I), JH 25.	8
Hayati binti Othman <i>lwn</i> Ayob b. Zainal.(1990-1991) JH 246.	9
Hazizah binti Haron <i>lwn</i> Lokman bin Abu Hasan, (2013) 37 BHG (II) JH 195.	106
Masiran bin Saadali <i>lwn</i> Azizah binti Abdul Rahman, (2003) XVI BHG (I) JH 33.	9
Mohd Hassan bin M. Ghazali <i>lwn</i> Siti Sharidza binti Mohd.Sidque (2004), XVIII (18) BHG (II) JH 269.	126
Norazian Mohd Yusuf <i>lwn</i> Khairul Azmi Mohd Rashid. (1999), XV BHG (I) JH 65.	9
Norizam binti Lazim, <i>lwn</i> Halim Azman b. Hj. Sulaiman. (1995) X BHG (I) JH 65.	10
Nor Bee <i>lwn</i> Ahmad Shanusi (1981) 2 JH 67.	27
Rohana binti Zakaria <i>lwn</i> Moktar bin Abdul Talib. (2009) 27 BHG (II) JH 279.	116
Rooseliwati Hussein <i>lwn</i> Syed Farouk Azlan bin Syed Abdul Aziz, (2013) 36 BHG (I) JH 140.	105, 113 & 121
Sri Utama Dewi Kasman <i>lwn</i> Abu Bakar bin Abdullah (2010) 30 BHG (I) JH 111.	106 & 129

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Bahagian ini akan menjelaskan mengenai latar belakang permasalahan kajian diikuti oleh persoalan kajian, objektif yang ingin dicapai, kepentingan kajian, metodologi yang akan digunakan, skop kajian dan akhir sekali sorotan kajian lepas.

1.2 LATAR BELAKANG PERMASALAHAN KAJIAN

Apabila Hindun binti Utbah telah mengadu kepada Rasulullah SAW bahawa suaminya Abū Sufyān bersikap kedekut dengan tidak memberi nafkah yang cukup kepadanya dan anaknya, maka Rasullullah SAW telah memberi kebenaran kepada Hindun untuk mengambil sendiri nafkah bagi diri dan anaknya daripada harta suaminya sehingga cukup (*kifāyah*) dan *ma'rūf*. Ini berdasarkan sebuah hadis saih yang direkodkan dalam Sahih al-Bukhārī dan Muslim:

وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا ، قَالَتْ : قَالَتْ هِنْدُ امْرَأَةُ أَبِي سُفِيَّانَ لِلنَّبِيِّ - صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - : إِنَّ أَبَا سُفِيَّانَ رَجُلٌ شَحِيقٌ وَئِسَّرٌ يُعْطِينِي مَا يَكْفِينِي وَوَلَدِي إِلَّا مَا أَحَدَثُ مِنْهُ ، وَهُوَ لَا يَعْلَمُ ؟ قَالَ : « خُذِي مَا يَكْفِيْكَ وَوَلَدِكَ بِالْمَعْرُوفِ » .¹

Terjemahan: Daripada Ā'isyah radiya Allah 'anha, beliau telah berkata, telah berkata Hindun, isteri kepada Abū Sufyān kepada Nabi SAW, bahawa sesungguhnya Abū Sufyān itu seorang yang bakhil. Dia tidak memberi kepada aku apa yang cukup bagiku dan untuk anakku, kecuali aku mengambil senyap-senyap daripadanya tanpa pengetahuannya. Berkata Rasulullah SAW, ambillah apa yang *kifāyah* (cukup) bagimu dan anakmu secara yang *ma'rūf*.

¹ Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Nafaqāt, Bab Khidmah al-Rajul fi Ahlihī, no. hadis: 5049, dan Muslim, Kitab al-'Aqdiyyah, Bab Qadiyyah Hindun, no. hadis 1714, Lihat Muhammed bin Ismā'il, Abū 'Abd Allāh al-Bukhārī, "Şahīh al-Bukhārī," dalam *al-Jāmi'* al-Şahīh al-Mukhtaşar, ed. Muştafa Dīb al-Bughā, c.3, (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1987), 5:2052, dan Muslim bin Hajjāj Abū al-Ḥussain al-Qusyairī al-Naisābūrī, "Şahīh Muslim," ed. Muhammed Fu'ad 'Abd al-Bāqī, (Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t), 3:1338.

Berasaskan hadis di atas menunjukkan nafkah perlu diberikan secara cukup dan baik yang diistilahkan dalam bahasa asalnya sebagai *kifāyah* dan *ma'rūf*. Dua syarat ini perlu menjadi kriteria kepada pembiaya nafkah apabila memberikan nafkah kepada pihak-pihak yang berhak. Dua kriteria berkenaan juga boleh ditemui dalam nas-nas syarak yang lain yang berkaitan dengan pemberian nafkah antaranya;

وَالْوَالِدَاتُ يُرِضِّعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوَّاينَ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتَمَّمَ الْرَّضَاعَةُ وَعَلَى الْمُوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

al-Baqarah: 2: 233

Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara *ma'rūf*.

إِنْفِقْ ذُو سَعَةٍ مِّنْ سَعْتِهِ وَمَنْ قُدِّرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَأَنْفِقْ مِمَّا أَنْتَهُ اللَّهُ لَا يُكَافِفُ اللَّهَ

نَفْسًا إِلَّا مَا أَتَاهَا سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا

al-Talāq: 65: 7

Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah itu menurut kemampuannya; dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah dia memberi nafkah daripada apa yang diberikan oleh Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepada-Nya. (orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.

Hadis Haji Wadā':

وَعَنْ جَابِرِ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - فِي حَدِيثِ الْحِجَّةِ بِطُولِهِ - قَالَ فِي ذِكْرِ النِّسَاءِ { وَلَهُنَّ عَلَيْكُمْ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ } أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ

Terjemahan: Daripada Jābir bahawa Rasulullah SAW telah bersabda pada hadis haji terakhir, dengan pesanan yang panjang mengenai wanita, iaitu “(kewajipan kamu atas mereka (isteri-isteri) adalah

memberikan nafkah kepada mereka dan pakaian mereka secara *ma'rūf*.²

Pemberian nafkah bukan hanya asal diberi, asal disediakan, atau asal ada, namun pemberian tersebut perlulah memenuhi dua kriteria seperti di atas iaitu *kifāyah* dan *ma'rūf* seperti menurut garis panduan yang diperuntukan oleh syarak.

Di Malaysia, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 telah memperuntukkan bahawa nafkah isteri dan anak perlu ditaksirkan mengikut kemampuan (suami atau pembiaya) dan keperluan pihak-pihak (isteri dan anak-anak).³ Mengikut kemampuan dan keperluan pihak-pihak tersebut sebenarnya menimbangkan kriteria *kifāyah* dan *ma'rūf*.

Namun, disebabkan peruntukan yang umum, para hakim menimbangkan faktor yang pelbagai untuk menetapkan kadar nafkah isteri dan anak yang menepati kriteria *kifāyah* dan *ma'rūf*. Hal demikian ini sering kali mengundang keputusan penghakiman yang berbeza-beza antara hakim-hakim sehingga menimbulkan pertikaian dalam kalangan pihak-pihak yang terlibat.⁴

² Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Haj, Bab Hajjah al-Nabī SAW, no. Hadis 1218. Lihat Muslim, 2:890.

³ Lihat Akta 303, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, mengandungi pindaan terkini - P.U.(A)247/2002, laman sesawang *esyariah*, dicapai pada 7 Mac 2012, http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal_Updated.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/3668dafa6fd3e20b48256fd50019775d?OpenDocument, dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, laman sesawang *esyariah*, dicapai pada 7 Mac 2012, http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Updated.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/ca9cc9e2f91e354748257115000d69dd?OpenDocument.

⁴ Lihat Mek Wok Mahmud & Sayed Sikandar Shah Haneef, "The Problem of the Divorce Among Muslim in Malaysia: Addressing Its Epistemological Dimension," (Kertas Kerja International Family Law Conference di Hotel Crown Princess, Kuala Lumpur, 16-17 Januari, 2007), 333, Maznah Mohamad, Abdul Monir Yaacob, ed., "Di mana berlaku diskriminasi dalam undang-undang keluarga Islam", dalam *Undang-Undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-Negara Asean*, c.2, (Kuala Lumpur: IKIM, 2000), 237-261, yang mewakili Muslim Women and the Law (MUSWAL), dan kajian-kajian ilmiah seperti Zaharah Jaafar, "Penetapan Kadar Nafkah Isteri: Satu Kajian di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan," (tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2005), 181, dan Nik Noraini Nik Badli Shah (1994), *Undang-Undang Keluarga: Nafkah dan Hak-Hak Kewangan Lain*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka). (Buku ini adalah terjemahan disertasi asal pengkaji: "A Comparative Study of the Law and Practice Relating to Maintenance in Malaysia for Muslims and non-Muslims," (Kertas Projek, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya pada tahun 1985/1986), 134.

Ini berlaku kerana beberapa perkara, iaitu pertama apabila terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan hakim mengenai apakah item-item semasa bagi nafkah isteri dan anak yang diiktiraf dalam penghakiman. Kedua, adakah pentaksiran kadar nafkah isteri dan anak dalam penghakiman mengambil kira elemen *kifāyah* dan *ma'rūf*. Ketiga, sekiranya elemen-elemen ini diambil kira oleh hakim, adakah penilaian tersebut menepati kriteria yang digariskan oleh syarak, selari dengan tuntutan semasa serta distandardkan antara hakim-hakim.⁵

Permasalahan kajian ini dapat diperincikan kepada persoalan-persoalan kajian yang lebih tersusun, seterusnya dijawab oleh objektif yang digariskan antaranya:

1.3 PERSOALAN KAJIAN

- 1) Apakah item-item nafkah serta kaedah pentaksiran nafkah isteri dan anak menurut perbincangan fuqaha?
- 2) Adakah pentaksiran nafkah isteri dan anak dalam pandangan dan amalan semasa hakim-hakim di Malaysia menepati kriteria *kifāyah* dan *ma'rūf*?
- 3) Bagaimanakah amalan semasa masyarakat berkaitan item-item keperluan asas isteri dan anak serta perbelanjaannya?
- 4) Bagaimanakah pentaksiran nafkah isteri dan anak yang menepati kriteria *kifāyah* dan *ma'rūf* dan apakah item-item semasa bagi nafkah isteri dan anak yang dapat dicadangkan sebagai panduan hakim-hakim dan masyarakat di Malaysia?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

- 1) Mengenal pasti item-item nafkah isteri dan anak serta kriteria-kriteria pentaksiran nafkah menurut perbincangan fuqaha.

⁵ Kekaburan ini dikenal pasti dalam temu bual pengkaji bersama sembilan orang hakim mahkamah syariah sekitar Kuala Lumpur dan Selangor pada Ogos-Disember 2012.

- 2) Menilai sama ada pandangan dan amalan semasa oleh hakim-hakim di Malaysia dalam pentaksiran nafkah isteri dan anak menepati kriteria *kifāyah* dan *ma'rūf*.
- 3) Menganalisis amalan semasa masyarakat berkaitan item-item keperluan asas isteri dan anak serta perbelanjaannya sebagai satu garis panduan kadar *kifāyah* dan *ma'rūf*.
- 4) Mengemukakan panduan pentaksiran nafkah isteri dan anak secara *kifāyah* dan *ma'rūf* dan item-item semasa nafkah isteri dan anak sebagai panduan hakim-hakim khususnya dan masyarakat di Malaysia amnya.

1.5: METODOLOGI KAJIAN

Mod kajian yang telah digunakan dalam kajian lapangan pada kajian ini adalah berasaskan kajian kualitatif. Ia mencakupi kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisisan data. Kajian kualitatif ini dipilih kerana keluasan kajian ini dalam menggunakan apa jua cara yang difikirkan munasabah untuk mencapai data yang dikehendaki.

Menurut Neuman, pendekatan ini sesuai digunakan kerana ia lebih berorientasikan kajian sosial berbanding menumpukan kepada kaedah-kaedah kajian yang tertentu.⁶ Justeru, ia digambarkan seperti payung yang menaungi apa jua teknik dibawahnya bagi mencapai maklumat dan data yang diinginkan.⁷

Bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki, pendekatan menerusi temu bual mendalam telah dipilih sebagai kaedah dalam kajian lapangan ini. Menurut Babbie, kajian lapangan boleh dianggap sebagai satu kaedah pengukuran yang lebih tepat (*greater validity*) berbanding kajian soal selidik dan kajian eksperimen kerana

⁶ W. L. Neuman, *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. cet. ke-7, (Boston: Pearson, 2011), 425.

⁷ Ibid.

penglibatan pengkaji yang turun ke lapangan sebenar. Hasrat utamanya bertujuan bagi memahami pengalaman kehidupan manusia yang kompleks.⁸

Sehubungan dengan itu, kajian lapangan dengan menggunakan kaedah temu bual mendalam ini telah dijalankan bagi memperoleh data daripada dua kumpulan responden iaitu kumpulan hakim dan kumpulan ibu. Kaedah yang terperinci mengenai tatacara temu bual yang dijalankan bagi kedua-dua kumpulan ini diuraikan dengan lebih terperinci dalam bab 4 (responden – kumpulan hakim) dan bab 5 (responden – kumpulan ibu).

1.6 SKOP KAJIAN

Penerangan bagi skop kajian ini boleh dibahagikan kepada data dokumentasi dan data lapangan. Bagi data dokumentasi, ia boleh dibahagikan kepada dokumen agama dan dokumen bukan agama. Dokumen agama kajian ini dihadkan kepada perbincangan daripada ulama ahlu Sunnah wal-Jamaah dan ulama al-Zahiri seperti Ibn Hazm. Perbahasan dan perbincangan lebih tertumpu kepada subjek fiqh dan bukannya akidah.

Bagi dokumen bukan agama, rujukan dibuat kepada pelbagai sumber seperti buku, kertas kerja, tesis, laporan rasmi kerajaan (seperti Laporan Penyiasatan Isi Rumah dan Laporan Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10), surat pekeliling, data atas talian (*online*), jurnal, bahan perundangan seperti statut, kes dan sebagainya di peringkat nasional mahupun antarabangsa yang berkaitan dengan perbincangan kajian.

Bagi contoh statut di peringkat nasional, rujukan telah dibuat kepada Akta 303, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, memandangkan skop kajian lapangan kajian ini adalah bagi negeri Wilayah Persekutuan dan Selangor sahaja. Sementara bagi contoh statut di peringkat antarabangsa, rujukan telah dibuat

⁸ E. Babbie, *Introduction to Social Research*. cet. ke-5, (Belmont,CA: Wadsworth, 2011), 320.

kepada Undang-Undang Personal Jordan, Akta No. 26, memandangkan pengkaji berkesempatan meneliti sendiri statut tersebut apabila membuat ziarah ilmiah ke negara berkenaan sewaktu kajian ini dijalankan.

Bagi data lapangan pula, ia diperoleh daripada kaedah temu bual mendalam bagi dua kategori responden iaitu kumpulan hakim dan kumpulan ibu. Hakim-hakim yang ditemu bual terdiri daripada hakim-hakim mahkamah rendah dan tinggi syariah. Sementara temu bual kumpulan ibu dihadkan kepada kumpulan wanita Muslim berkahwin atau yang pernah berkahwin dan sekurang-kurangnya mempunyai seorang anak. Lokasi yang dipilih adalah terhad kepada kawasan bandar di Kuala Lumpur dan Selangor sahaja.

1.7 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Pendahuluan

Pentaksiran nafkah isteri dan anak dalam perundangan syariah di negara ini masih lagi kabur dan mengundang persepsi negatif sesetengah pihak. Mek Wok Mahmud dan Sayed Sikandar Shah Haneef menyatakan kadar nafkah yang selalunya diputuskan oleh hakim mahkamah syariah dilihat tidak mengikut taraf hidup semasa⁹, malahan menurut Maznah Mohamad kadarnya rendah dan tidak mengambil kira faktor ekonomi¹⁰. Hakim dilihat memberi pertimbangan yang berbeza dan tidak jelas walaupun atas pentaksiran nafkah disandarkan kepada keperluan dan kemampuan pihak-pihak. Ini menyebabakan penilaian dan keputusan yang dikeluarkan kelihatan tidak mendapat pertimbangan yang sewajarnya oleh hakim dan dirasakan tidak adil bagi pihak-pihak yang berkenaan.

⁹ Mek Wok Mahmud & Sayed Sikandar Shah Haneef, “The Problem of the Divorce Among Muslim dalam “Malaysia: Addressing Its Epistemological Dimension,”(kertas kerja, International Family Law Conference, Hotel Crown Princess, Kuala Lumpur, 16-17 Januari 2007), 333.

¹⁰ Maznah Mohamad (2000), “Di mana berlaku diskriminasi dalam undang-undang keluarga Islam”dalam *Undang-Undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-Negara Asean*, ed. Abdul Monir Yaacob, c.2 (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia), 237-261.

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 telah memperuntukkan bahawa nafkah isteri dan anak perlu ditaksir mengikut kemampuan dan keperluan pihak-pihak.¹¹ Namun, tiada penerangan atau pendetailan dalam mana-mana manual mahupun arahan amalan yang diguna pakai oleh hakim menerangkan mengenai apakah garis ukur kepada kemampuan dan keperluan pihak-pihak tersebut.¹² Ini berbeza dengan beberapa kanun undang-undang personal di negara lain misalnya seperti Jordan¹³ yang memperuntukan bahawa kadar nafkah isteri tidak boleh mengurangi kadarnya yang paling minimum. Walaupun tiada perincian mengenai kaedah ataupun perlaksanaan kadar minimum tersebut, namun ia lebih jelas digariskan dalam penegasan terhadap kriteria kecukupan berbanding akta atau enakmen dalam undang-undang keluarga Islam di Malaysia.

Disebabkan peruntukkan yang umum dan tiada perincian mengenainya, hakim-hakim telah menggunakan budi bicara mereka sendiri dalam mentafsirkan peruntukan pentaksiran nafkah yang dikanunkan mengikut kaedah dan pemahaman masing-masing. Dalam kes *Faridah Daud dan seorang lagi lwn. Mohd Firdaus Abdullah @ Jettle Francis*,¹⁴ plaintif telah menuntut hadanah anak dan tuntutan nafkah anak sebanyak RM150 seorang. Dalam penghakiman bertulis hakim, hanya hak hadanah sahaja dilihat dibahaskan secara mendalam dan terperinci, sementara tiada alasan penghakiman dibuat mengenai kadar nafkah anak yang dituntut. Hakim seterusnya memutuskan kadar

¹¹ Lihat Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984: Seksyen 61: Pentaksiran Nafkah, http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal_Original.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/d441586f0bd6767348256cef00297264?OpenDocument.

¹² Hal ini dipastikan sendiri oleh kajian projek sebelum ini dalam temu bual bersama hakim pada Ogos-Disember 2012.

¹³ Undang-Undang Personal Jordan, No. 26, Tahun 2010, Perkara 64 menyatakan: (قانون الأحوال الشخصية) بحسب حال الزوج يسراً وعسراً وتجوز زيادتها ونقصها تبعاً لحالته على أن لا تقل عن الحد الأدنى بغير الضرورة من القوت والكسوة والسكن والتطهيب وتلزم النفقة أما بتراضي الزوجين على قدر معين أو بحكم القاضي وتسقط نفقة المدة التي سبقت لihat 'Umar Sulaimān 'Abd Allāh al-Asyqar, *Al-Wadih fi Sharh Qānūn al-Āḥwāl al-Shakhsiyah al-'Urdūnī*, Raqm 26, li 'Ām 2010, (Jordan: Dar al-Nafais, 2012), 203-205 & 408.

¹⁴ *Jurnal Hukum*; XV; BHG (I), (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2002), 25-46.

nafkah anak adalah sebanyak RM100 sahaja setiap seorang tanpa dinyatakan sebab kadar tersebut diputuskan.

Hal yang sama berlaku pada kes *Hayati binti Othman lwn Ayob b. Zainal*.¹⁵ Kes yang diputuskan pada tahun 1990 ini telah dirayu dan diulang bicara pada tahun yang sama. Kes ini diulas oleh Jawatankuasa Rayuan Mahkamah Syariah sebagai kes yang mendukacitakan kerana alasan penghakiman yang tidak lengkap, ringkas dan tidak mencatatkan keperluan pihak-pihak secara terperinci. Juga tiada sokongan dokumen-dokumen atau saksi-saksi dan tiada penganalisaan mengenai kemampuan pihak yang kena tuntut seperti pekerjaan dan tanggungan.¹⁶

Terdapat juga kes yang seakan-akan terpengaruh dengan kadar tuntutan pihak yang menuntut dan bukan atas pertimbangan keperluan pihak yang menuntut dan kemampuan pihak yang kena tuntut. Misalnya kes *Masiran bin Saadali lwn Azizah binti Abdul Rahman*,¹⁷ responden dalam tuntutan balas telah menuntut RM15,000 untuk nafkah idah selama 3 bulan dan mutaah sebanyak RM21,600, sedangkan plaintif hanya bekerja di bahagian Buruh Am, sebuah Majlis Perbandaran dengan kadar gaji bersih RM867.40. Mahkamah kemudiannya memutuskan responden layak mendapat RM1000 untuk nafkah idah dan RM10,000 untuk nafkah mutaah.

Hal yang demikian berbeza dengan kes *Norazian Mohd Yusuf lwn. Khairul Azmi Mohd Rashid*.¹⁸ Responden yang bergaji bersih RM1,270 (iaitu RM402.60 lebih daripada gaji plaintif dalam kes *Masiran* di atas telah dituntut nafkah idah sebanyak RM600 dan nafkah dua orang anak RM400. Keputusan penghakiman ialah isteri mendapat RM500 sebagai nafkah idah dan RM350 untuk nafkah anak. Agak menghairankan apabila hakim yang bersetuju dengan kadar nafkah idah isteri sebanyak

¹⁵ *Jurnal Hukum*; (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1990-1991), 246-240.

¹⁶ Ibid.

¹⁷ *Jurnal Hukum*; XVI; BHG (I), (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2003), 33-40.

¹⁸ *Jurnal Hukum*; XV; BHG (I), (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999), 65-67.

RM10 sehari dalam alasan penghakiman walaubagai mana pun telah memutuskan kadar yang lebih rendah sepatutnya isteri tersebut dapat di akhir keputusan penghakiman bertulis beliau.

Mengenai nafkah tertunggak pula, terdapat hakim yang tegas menganggap nafkah tersebut sebagai hutang yang wajib dijelaskan oleh suami. Tanggungjawab ini tidak gugur walaupun tunggakan hutang tersebut memakan masa selama beberapa tahun, atau isteri dikatakan telah reda terhadap hutang tersebut pada masa yang lalu. Selagi mana isteri mahu menuntut tunggakan nafkah tersebut, ia adalah dikira hutang ke atas suami. Hal sedemikian boleh dilihat dalam kes *Norizam binti Lazim, lwn. Halim Azman b. Hj. Sulaiman*.¹⁹ Plaintiff dalam kes ini menanggung sebahagian daripada nafkanya sendiri kerana membantu suami. Apabila berlakunya perceraian, nafkah yang ditanggungnya sendiri selama 3 tahun, walaupun ketika dalam perkahwinan plaintiff reda menanggung nafkahnya sendiri, tetap dikira sebagai hutang oleh mahkamah ke atas bekas suami apabila plaintiff telah menuntut kembali nafkah tersebut. Isu yang sama kelihatan berbeza dengan kes *Azura Adna lwn Mohd Zulkifli Salleh*.²⁰ Plaintiff walaupun menuntut tunggakan nafkah anak yang agak lama iaitu selama 13 tahun ke atas responden, telah diputuskan oleh mahkamah sebagai tuntutan yang tidak wajar dan permohonan plaintiff ditolak. Dalam kes ini, hakim tidak pula membenarkan plaintiff menuntut tunggakan nafkah walaupun dalam kadar 3 tahun seperti yang berlaku dalam kes *Norizam* di atas, sebaliknya terus menolak tuntutan plaintiff apabila menyatakan di dalam alasan penghakiman bahawa tuntutan tunggakan nafkah yang lama iaitu sehingga 13 tahun adalah tidak wajar berbanding mengambil kira beban penanggungan nafkah yang telah dipikul oleh plaintiff sebelum ini.

¹⁹ *Jurnal Hukum*; X; BHG (I), (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1995), 65-78.

²⁰ *Jurnal Hukum*; XIV; BHG (II), (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2000), 179-224.

Contoh laporan-laporan penghakiman yang dilihat tidak konsisten di atas berlaku disebabkan tiada satu kaedah pentaksiran nafkah yang seragam dalam sistem kehakiman syariah negara ini. Ini menyebabkan hakim-hakim menggunakan budi bicara mereka sendiri yang menyebabkan perbezaan kaedah dan pemahaman dalam kalangan hakim-hakim bagi mentaksirkan kes-kes nafkah di mahkamah.

Kajian pentaksiran nafkah di peringkat antarabangsa

Di peringkat antarabangsa, pentaksiran dalam kes nafkah keluarga terutamanya pembiayaan kepada keperluan nafkah anak yang diistilahkan sebagai '*Child Support*' lebih terkehadapan. Ini dapat dilihat dalam polisi dan amalan perundangan 34 negara-negara Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD)²¹ seperti United States of America, Australia, United Kingdom, Norway dan Canada.²²

Sejarah *Child Support* diperkenalkan apabila ramai anak-anak di negara-negara tersebut yang terbiar dari segi keperluan asas mereka dan meningkatnya keluarga yang hanya diketuai oleh ibu. Hal ini disebabkan bapa anak tersebut tidak tinggal bersama untuk membiayai keluarga mereka kerana perpisahan, perceraian ataupun pengabaian tanggungjawab terutama terhadap anak-anak yang lahir di luar pernikahan.²³

Child Support diperkenalkan antaranya di Amerika pada awal 80-an, Australia pada tahun 1989 dan di United Kingdom pada tahun 1991. Polisi demi polisi dan perubahan demi perubahan telah berlaku dalam sistem *Child Support* yang diperkenalkan di negara-negara ini berikutan maklum balas yang diterima daripada

²¹ The Organization For Economic Co-Operation And Development (OECD) <http://www.oecd.org/els/family/oecdfamilydatabasethefamilysupportcalculator.htm> dicapai pada 12 November 2014.

²² Ibid.

²³ Belinda Fehlberg and Mavis Maclean, Child Support Policy in Australia and the United Kingdom: Changing priorities but a similar tough deal for children?, International Journal of Law, Policy and the Family 23, (2009), 1-24 doi: 10.1093/lawfam/ebn015, Advance Access Publication 29 January 2009 and Child Support Handbook (OCS), Administration for Children and Families, Department of Health and Human Services, 6, <http://www.acf.hhs.gov/programs/css/resource/handbook-on-child-support-enforcement>, dicapai pada 12 November 2014.

orang ramai, pakar polisi, perundangan dan ekonomi, pembiayaan dan juga penerima *Child Support* yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam sistem ini.

Kajian Daniel R Meyer, Judi Bartfeld, Irwin Garfinkel dan Patricia Brown telah melihat tahap dan kesan ke atas tiga perubahan yang berlaku pada polisi *Child Support* di Wisconsin, Amerika.²⁴ Tiga perubahan tersebut berlaku apabila Wisconsin mula menerapkan *Child Support Assurance System* (CSAS) pada tahun 1987 iaitu:

- 1) Ibu bapa sebenar perlu memikul tanggungjawab dalam membayai anak-anak mereka. Tanggungjawab ini perlu diterjemahkan dalam bentuk pernomboran. Justeru, sistem *Child Support* perlu ditekankan dalam pentaksiran berbentuk peratusan, iaitu *Percentage Expresses Order* (PEO). PEO ialah pemotongan peratusan, sebelum ditolak dengan apa-apa cukai atau potongan, daripada pendapatan kasar ibu atau bapa yang tidak tinggal bersama anak yang dibiaya dan juga berdasarkan bilangan anak. Pemotongan yang dibuat adalah; 17%, 25% , 29%, 31% dan 34% bagi seorang, 2, 3 4 dan 5 orang anak ke atas masing-masing.
- 2) Penahanan serta merta amaan *Child Support* daripada pendapatan ibu bapa tersebut sebaik sahaja ia dikuatkuasakan.
- 3) Jaminan daripada kerajaan iaitu faedah *Child Support* diberikan kepada keluarga yang mengambil skim *Child Support*. Kerajaan menjamin sekiranya berlaku kelewatan ataupun pengabaian pembayaran *Child Support* daripada bapa, sekurang-kurangnya satu jumlah yang minima akan dibayar kepada keluarga tersebut melalui tabung awam.

Ia berbeza dengan pendekatan sebelum ini, iaitu sebelum tahun 1987, di mana kaedah pentaksiran adalah berdasarkan jumlah tetap (*fix order*) yang diputuskan oleh mahkamah. Jumlah yang diputuskan tersebut selalunya rendah dan tidak

²⁴ Meyer, Daniel R;Bartfeld, Judi;Garfinkel, Irwin;Brown, Patricia, Child support reform: Lessons from Wisconsin, Family Relations; Jan 1996; 45, 1; ProQuest Education Journals, 11.

dikemaskinikan mengikut perubahan masa. Kes yang sangat hampir dari segi fakta kes pula kadangkala diputuskan dalam kadar yang sangat berbeza. Ini menyebabkan ibu bapa yang memfailkan kes tuntutan nafkah anak pada waktu tersebut sedikit dan pematuhan kepada keputusan yang dikeluarkan oleh mahkamah adalah rendah. Walaubagaimana pun, *fix order* dan *periodical fix order* tetap digunakan terutamanya bagi pembiaya yang mempunyai pekerjaan dan maklumat pendapatan yang jelas.

PEO lebih meluas digunakan bagi pembiaya yang tidak bermajikan, pembiaya yang mempunyai pendapatan rendah, dan mahkamah tidak mempunyai maklumat pendapatan pembiaya. Dalam penulisan lanjutan mereka, Bartfeld dan Garfinkel, melihat sebab hakim memfokuskan kaedah PEO kepada golongan-golongan tersebut kerana mungkin disebabkan meraka adalah golongan yang mengalami banyak perubahan pendapatan yang menyebabkan kaedah PEO lebih sesuai.²⁵

Bartfeld dan Garfinkel telah meneliti laporan yang dikeluarkan oleh Institute for Research on Poverty (IRP) yang dibiayai sendiri oleh Wisconsin untuk melihat sejauh mana keberkesanan perubahan yang telah dilakukan dalam pentaksiran *Child Support* mereka. IRP telah menilai lebih 14 ribu kes *Child Support* dalam 21 daerah Wisconsin antara tahun 1980 sehingga tahun 1991 iaitu bagi melihat kesan sebelum perlaksanaan dan kesan selepas perlaksanaan pentaksiran mengikut peratusan tersebut. Setiap kes pula dilihat sehingga 4 tahun bagi melihat kadar pembayaran *Child Support* yang berlaku. Antara hasil kajian yang didapati ialah:

1. Apabila *Child Support* berdasarkan peratusan pendapatan, ia mengurangkan faktor-faktor lain yang perlu diambil kira di dalam pentaksiran *Child Support* tersebut.
2. Kedua, mengasaskan pentaksiran dalam peratusan meningkatkan jumlah pentaksiran dan juga bayaran.

²⁵ Bartfeld, Judi; Garfinkel, Irwin, The impact of percentage-expressed child support orders on payments, The Journal of Human Resources; Fall 1996; 31, 4; ProQuest Education Journals, 794.

3. Ketiga, penahanan serta merta *Child Support* daripada pendapatan ibu bapa yang tidak tinggal bersama meningkatkan jumlah pembayaran *Child Support*.

Menurut Bartfeld dan Garfinkel lagi, walaupun secara umumnya perubahan yang dilakukan tersebut meningkatkan arahan amalan *Child Support* dan juga pembayaran yang dilakukan dalam kebanyakan daerah di Wisconsin, namun terdapat juga daerah-daerah yang tidak menunjukkan peningkatan dan perubahan. Justeru, pentaksiran *Child Support* perlu menitik beratkan pelbagai aspek yang perlu dilihat dan ia tidak memadai dengan menetapkan satu kaedah yang mudah seperti PEO yang dapat mencakupi kesemua kes *Child Support*.

Meninjau kesan perlaksanaan *Child Support* berbanding perbincangan polisi dan pentaksiran di peringkat antarabangsa, kajian-kajian yang dikemukakan adalah lebih ketara. Misalnya kajian Chien Chung Huang pada tahun 1988 sehingga 1998 yang meneliti kesan perlaksanaan *Child Support* ke atas bapa yang mempunyai anak luar nikah.²⁶ Huang mendapati penguatkuasaan *Child Support* yang efektif bukan sahaja meningkatkan bayaran *Child Support* kepada anak-anak tetapi juga lawatan bapa ke atas anak-anak tersebut.

Huang mendapati pembiayaan *Child Support* telah meningkat dari USD237 setahun pada tahun 1987 kepada USD582 setahun pada tahun 1997. Lawatan bapa juga telah meningkat dari 33 hari setahun kepada 49 hari setahun pada tempoh yang sama. Hasil kajian daripada analisis regrasi pula menunjukkan penguatkuasaan *Child Support* meningkatkan penyertaan bapa ke atas anak-anak mereka.

Tidak terhenti di situ, terdapat juga kajian-kajian yang membincangkan mengenai impak negatif perlaksanaan *Child Support* terutama ke atas pembiayaan *Child*

²⁶ Huang, Chien-Chung, Child Support Enforcement and Father Involvement for Children in Never-Married Mother Families, Fathering, vol. 4(1), 97.

<http://search.proquest.com/docview/222722764?accountid=28930>, dicapai pada 11 Mei 2015.

Support tersebut. Misalnya Maureen R Waller dan Robert Plotnick²⁷ telah mengkaji kenapa kaedah pembaharuan yang dilakukan oleh pembuat polisi dalam *Child Support* tidak banyak memberi jaminan ekonomi terhadap keluarga ibu tunggal terutamanya bagi keluarga yang perpendapatan rendah.

Waller dan Plotnick telah meneliti 7 buah kajian terdahulu yang telah dilakukan sekitar tahun 1988 sehingga 1996 melibatkan 428 responden bapa di beberapa buah negeri di Amerika.

Waller dan Plotnick mendapati kebanyakan ibu bapa membuat sendiri perjanjian pembiayaan anak-anak mereka kerana mempercayai bahawa *Child Support* tidak adil dalam membiayai anak-anak mereka. Ini disebabkan agensi *Child Support* mempunyai hak terhadap wang yang dibayar kepada anak-anak tersebut. Agensi *Child Support* juga dilihat berlebihan dalam menggunakan kuasa mereka serta kadar nafkah yang dikenakan ke atas pembiaya adalah tinggi tanpa menimbangkan keadaan pendapatan pembiaya. Antara yang dirasakan oleh pembiaya lagi adalah kegagalan mereka membayar amaun yang dikenakan dianggap sebagai penjenayah oleh agensi *Child Support* serta turut diancam dengan hukuman penjara.

Waller dan Plotnick juga mendapati para bapa yang berpendapatan rendah mempercayai *Child Support* tidak banyak membantu perkembangan anak-anak mereka, mencetuskan konflik antara pembiaya dengan bekas pasangan masing-masing serta menyusahkan para bapa yang berpendapatan rendah. Justeru mereka lebih memilih untuk membuat perjanjian sendiri dengan bekas pasangan masing-masing berbanding menggunakan sistem *Child Support*.

²⁷ Waller, Maureen R;Plotnick, Robert, Effective child support policy for low-income families: Evidence from street level research Journal of Policy Analysis and Management; Winter 2001; 20, 1; ProQuest Education Journals, 89.

Di Australia, Kristin Natalier dan Belinda Hewitt²⁸ meninjau mengenai pandangan mengapa bapa enggan membayar *Child Support*. Ia merupakan satu tinjauan temubual ke atas 26 orang bapa di Australia yang telah bercerai atau berpisah dan tinggal berasingan dengan anak-anak mereka. Natalier dan Hewitt mendapati para bapa lebih menganggap pembiayaan mereka kepada anak-anak setiap bulan sebagai hadiah yang menonjolkan kuasa dan ihsan pemberi kepada penerima nafkah. Namun, sistem *Child Support* telah menghilangkan integriti pembiaya kerana kuasa dan ihsan mereka telah dikuburkan dengan satu arahan pembiayaan kepada bapa yang mesti ditunaikan pada setiap bulan. Para bapa yang ditemu bual dalam kajian ini menyarankan antaranya:

1. Pemberian para bapa melalui sistem *Child Support* tidak mengubah kuasa mereka sebagai pembiaya dan pemberian tersebut adalah ihsan daripada mereka.
2. Para bapa memerlukan sikap baik dan sokongan daripada bekas pasangan mereka yang boleh menerima pemberian mereka dengan berterima kasih walaupun melalui sistem *Child Support*.²⁹

Di negara yang sama, Hilary P M Winchester³⁰ mendedahkan bahawa polisi yang digariskan dan diterapkan dalam *Australian Family Court* didapati menimbulkan satu bentuk penindasan dan perlakuan secara tidak adil dalam kalangan para pembiaya. Kajian beliau menerusi kaedah *mix method* (temu bual mendalam dan soal selidik) terhadap bapa-bapa tunggal di Newcastle, Australia yang membiayai anak-anak mereka selepas perceraian, mendapati bahawa polisi tersebut dirasakan berat sebelah oleh

²⁸ Kristin Natalier & Belinda Hewitt, 'It's not just about the money': non resident fathers' perspectives on paying child support, sage publication, 2010, BSA Publication Ltd, vol 44(3) : 489-505.

²⁹ Ibid, 497.

³⁰ Hilary P M Winchester, Lone Fathers and the Scales of Justice: Renegotiating Masculinity after Divorce, Department of Geography and Environmental Science, the University of Newcastle.

http://www.newcastle.edu.au/Resources/Schools/Humanities%20and%20Social%20Science/JIGS/JIGSV4N2_081.pdf, dicapai pada 14 November 2014.

majoriti responden kerana tidak mengambil kira kemampuan sebenar mereka sebagai pembiaya nafkah.

Anne Skevik³¹ seterusnya mengkaji perlaksanaan sistem *Child Support* di Norway. Sistem di Norway pada tahun 1990an sebelum ini menetapkan 11% tanggungan bagi seorang anak daripada pendapatan tahunan bapa, 18% bagi dua orang anak, 24% bagi 3 orang anak dan 28% bagi empat atau lebih anak. Sekiranya bapa tersebut mempunyai anak baru dalam keluarga baru, maka nisbah peruntukan tersebut perlu dibahagikan sama rata antara anak-anaknya.

Polisi ini telah ditukar memandangkan terdapat rungutan di kalangan pembiaya yang merasakan peruntukan bagi pembiayaan anak adalah melebihi daripada sepatutnya anak tersebut dapat, terutamanya bagi pembiaya yang berpendapatan tinggi.³²

Justeru mulai tahun 2001, pentaksiran ini berubah di mana kos sara hidup anak dikira berdasarkan kos sara hidup sebenar seorang anak. Anggaran mengenai kos tersebut diperolehi daripada ‘standard family budget’ daripada *National Institute for Consumer Research*. Perubahan kedua adalah pentaksiran tersebut dikongsi bersama ibu bapa. Sekiranya kedua-dua ibu bapa mempunyai pendapatan yang sama, maka mereka akan berkongsi dalam membiayai anak-anak mereka. Sekiranya pendapatan suami melebihi isteri seperti 2/3 pendapatan suami maka perkongsian bagi pembiayaan anak tersebut haruslah juga 2/3 pendapatan dan sebagainya. Pembiayaan dikecualikan bagi ibu atau bapa yang mempunyai pendapatan yang sangat rendah yang jika sekiranya diambil bagi pembiayaan anak, ibu atau bapa tersebut tidak dapat menguruskan keperluan atas kehidupan mereka.

³¹ Anne Skevik, Fairness in Child Support Assessments: the view of non resident fathers in norway, International Journal of Law, Policy and the Family 20, (2006), 181-200, doi: 10.1093/lawfam/ebn012, Advance Access Publication.

³² Ibid.

Perubahan ketiga ialah pengurangan pembiayaan akan berlaku berdasarkan bilangan hari anak-anak bermalam dengan ibu atau bapa yang tidak tinggal bersama mereka. Hal ini kerana ibu atau bapa tersebut memperuntukkan jumlah wang yang berasingan bagi keperluan makanan, pakaian dan tempat tinggal sekiranya anak-anak mereka bermalam bersama-sama mereka.

Anne kemudiannya mengkaji sejauh mana penerimaan bapa terhadap perubahan yang diperkenalkan tersebut dan mendapati semua bapa menyokong usaha atau pembaharuan yang dilakukan tersebut. Anne juga mendapati sikap utama yang mempengaruhi para bapa membiayai *Child Support* adalah ditentukan oleh hubungan dengan ibu anak-anak tersebut. Sekiranya hubungan tersebut baik, rata-rata bapa tidak begitu kisah dengan kadar *Child Support* yang dikenakan ke atas mereka.

Perubahan demi perubahan dalam polisi di beberapa buah negara terus dilakukan terutamanya apabila terdapat kajian yang tidak sedikit terhadap impak sistem ini ke atas para pembiaya. Selain Norway, antaranya lagi adalah Australia dan United Kingdom. Ini seperti yang dilaporkan oleh Belinda Fehlberg and Mavis Maclean dalam kajian mereka mengenai sejarah, pentaksiran dan perubahan *Child Support* di Australia dan United Kingdom.³³

Australia misalnya telah membuat perubahan yang besar dalam sistem *Child Support*-nya pada tahun 2006 dan 2008 antaranya:

1. Mengambil kira kedua-dua ibu bapa sebagai pembiaya dalam *Child Support*. Perubahan ini mengambil kira para ibu di Australia kebanyakannya berkerja walaupun separuh masa. Justeru mereka juga mempunyai tanggungjawab dalam membiayai anak-anak mereka.³⁴

³³ Belinda Fehlberg and Mavis Maclean.

³⁴ Ibid., 13.

2. Mengambil kira kos yang lebih tepat dalam membesar anak. Faktor umur anak juga diambil kira iaitu remaja mendapat lebih peruntukan berbanding anak yang masih kecil atau bayi.

3. Mengambil kira bapa yang tidak tinggal bersama anak yang memperuntukan masa yang lebih kepada anak-anak mereka dikurangkan pembiayaan amaun *Child Support* yang dikenakan.

4. Mengambil kira tanggungan baru para bapa yang juga perlu dibiayai bersama-sama dengan perintah pembiayaan *Child Support* yang dikenakan.

Di United Kingdom pula pada tahun 2008, *Child Maintenance and Enforcement Commission* (C-MEC) diperkenalkan menggantikan sistem *Child Support* yang lama. Pentaksiran anak telah digantikan dengan sistem peratusan. C-MEC berfungsi bagi ibu bapa yang tidak dapat mencapai persetujuan di mahkamah mengenai pembiayaan anak-anak mereka. Fokus utama C-MEC adalah untuk mengurangkan kemiskinan kanak-kanak dan memperkasakan persetujuan bersama di antara ibu bapa kanak-kanak yang terlibat.

Menurut Fehlberg and Maclean lagi, sekiranya perubahan yang dilakukan menyebabkan anak-anak lebih hilang kepentingan mereka, maka ia adalah sesuatu yang merugikan, walaupun begitu kedua-dua negara dilihat memantau dengan lebih cermat mengenai implikasi terhadap perubahan yang dilakukan masing-masing.³⁵

Kajian kesan perlaksanaan *Child Support* tidak hanya terhad kepada pembiaya *Child Support* namun terdapat juga kajian yang turut menumpukan kesan sistem ini kepada penerima *Child Support* terutamanya ibu dan anak-anak yang terlibat. Ini

³⁵ Ibid.

seperti kajian yang dibuat oleh Daniel R. Meyer dan Mei-Chun Hu³⁶ serta Kate Stirling dan Tom Aldrich di Amerika.³⁷

Meyer dan Chun Hu telah meneliti *Current Population Survey* (CPS) pada Mac 1996 yang mengandungi maklumat pendapatan masyarakat sejak tahun 1995. Sebanyak 4,450 keluarga ibu tunggal yang mempunyai anak di bawah umur 18 tahun telah dipilih sebagai sampel kajian. CPS ini telah digunakan untuk menilai tahap keberkesanan *Child Support*, insuran sosial (*social insurance*) dan juga duit kebajikan (*welfare*) ke atas keluarga-keluarga ini dalam meningkatkan tahap kemiskinan mereka. Hasil kajian mereka mendapatkan bahawa *Child Support* seperti mana juga bantuan-bantuan am yang lain seperti *social insurance* dan *welfare* hanya meningkatkan sebanyak 6-7% tahap kemiskinan keluarg-keluarga ini daripada paras garis kemiskinan.

Antara penyebab ketidak berkesanan sistem *Child Support* yang diketengahkan oleh kedua-dua penulis ini adalah disebabkan perubahan-perubahan yang dilakukan dalam sistem *Child Support* lebih memfokuskan untuk menyama tarakan atau ‘mengadilkan’ antara tanggungjawab pembiaya dan juga penjaga yang tinggal bersama-sama anak tersebut, berbanding memfokuskan untuk menaikkan jumlah bantuan yang diterima oleh keluarga-keluarga miskin yang terlibat.³⁸

Stirling dan Aldrich pula telah menilai 2,960 arahan daripada 3,387 arahan *Child Support* yang telah dikeluarkan oleh *Washington State Division of Child Support* pada October 2000 sehingga March 2001. Hasil kajian mendapatkan bahawa pembiayaan bapa meningkat dalam sistem *Child Support* iaitu dari 18% kepada 23% bagi seorang anak. Hal ini berdasarkan penambahan item pembiayaan penjagaan anak (*child care*) yang

³⁶ Meyer, Daniel R; Chun Hu, Mei, A note on the Antipoverty Effectiveness of Child Support among Mother-Only Families; 1999; University of Wisconsin Press, The Journal of Human Resources, Vol. 34, No. 1, 225- 234.

³⁷ Stirling, Kate; Aldrich, Tom, Child Support: Who Bears the Burden?* Family Relations; Jul 2008; 57, 3; ProQuest Education Journals, 376.

³⁸ Ibid.

perlu ditanggung oleh bapa. Walaupun begitu, Stirling dan Aldrich turut mendapati bahawa kesan *Child Support* tidak mengubah tahap kesusahan ibu dan anak yang menerima pembiayaan *Child Support* tersebut terutama ibu dan anak daripada golongan pendapatan rendah.

Hasil kajian mereka menunjukkan lebih 40% ibu masih berada di bawah paras kemiskinan berbanding para bapa yang membiayai *Child Support* yang sekurang-kurangnya berada 12.9% lebih tinggi di atas garisan tersebut. Ini menunjukkan para ibu dan anak lebih menanggung kesusahan dan kemerosotan pembangunan ekonomi berbanding bapa selaku pembiayaan *Child Support*.

Stirling dan Aldrich seterusnya mendapati *Child Support* tidak membantu mengurangkan tahap kemiskinan dan tidak membantu membangunkan taraf hidup berbanding bantuan-bantuan atau insuran yang lain. Justeru, mereka meminta penggubal polisi melihat dengan lebih teliti sekiranya pengurangan terhadap tanggungjawab pembiayaan bapa ingin dilakukan. Ini bagi memastikan keadaan ibu dan anak tidak diabaikan walaupun setelah menerima pembiayaan *Child Support*.

Kajian-kajian di peringkat antarabangsa yang dikemukakan di atas menunjukkan perbincangan, perbahasan dan perdebatan perlaksaan *Child Support* terutamanya dari segi polisi, pentaksiran dan kesannya adalah berterusan. Hal ini kerana sistem *Child Support* itu sendiri berkaitan dengan kemaslahatan manusia yang sentiasa berubah-ubah dan berbeza. Polisi dan kaedah pentaksiran yang tidak disandarkan kepada mana-mana pertimbangan agama tetapi hanya bersandarkan kepada ilmu kemanusiaan juga pasti lebih banyak mengundang perubahan.

Kajian pentaksiran nafkah di peringkat nasional

Di Malaysia, polisi yang hampir sama dengan program *Child Support* seperti negara-negara di atas dilaksanakan oleh Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), iaitu satu unit di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM).³⁹ Unit ini ditubuhkan secara rasmi pada 22 Oktober 2008 bagi menyediakan platform kepada para ibu tunggal yang ditinggalkan atau diceraikan bagi mendapatkan nafkah sementara bagi diri dan anak-anak apabila pembiaya nafkah mengabaikan perintah nafkah yang telah dikeluarkan oleh mahkamah. Bantuan ini diberikan dalam bentuk hutang dan pembiaya nafkah (suami) perlu menjelaskan semula hutang nafkah tersebut kepada pihak BSK.

Antara fungsi BSK yang lain ialah antaranya melaksanakan penguatkuasaan penghakiman atau perintah nafkah yang dikeluarkan oleh mahkamah syariah, menjadi agen mengutip dari pihak yang diperintahkan membayar nafkah, menyalurkan nafkah kepada pihak yang berhak mendapat nafkah dan mencari serta mengumpul dana bagi keperluan pembayaran nafkah yang tidak mencukupi.⁴⁰

Meninjau sama ada BSK mempraktiskan kaedah tertentu dalam penetapan kadar nafkah isteri dan anak yang dipohon, menurut Dr. Mohd. Na'im Haji Mokhtar,⁴¹ tiada kaedah yang khusus bagi penetapan kadar nafkah isteri mahupun anak oleh BSK. Jumlah nafkah yang diberikan hanyalah berdasarkan kepada keputusan perbicaraan hakim yang diputuskan di mahkamah.⁴² Hal ini berlangsung sehingga sekarang apabila

³⁹ Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, http://www.jksm.gov.my/jksmv2/index.php?option=com_content&view=article&id=152%3Abahagian-sokongan-keluarga&catid=59%3Absk&Itemid=146, dicapai pada 13 Oktober 2012.

⁴⁰ Ibid.

⁴¹ Dr. Mohd. Na'im Haji Mokhtar, Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, dalam temu bual dengan pengkaji melalui talian telefon pada 21 Oktober 2012. Beliau sekarang adalah YAA Dr. Mohd. Na'im Haji Mokhtar, Ketua Hakim Syarie, JKSM Selangor.

⁴² Ibid.

pengkaji telah mengesahkannya kembali dengan Pn. Fauziah binti Abdullah, Penolong Pegawai Syariah, BSK, JKSM, Putrajaya.⁴³

Walaupun begitu dalam penubuhan awal BSK, satu jawatankuasa telah ditubuhkan oleh JKSM bagi membincangkan antaranya formula pentaksiran nafkah yang akan digunakan oleh BSK dan para hakim.⁴⁴ Terdapat beberapa panduan asas yang dicadangkan bagi pentaksiran kadar nafkah anak antaranya ialah hanya pembiaya tunggal iaitu bapa yang bertanggungjawab dalam membiayai nafkah anak-anak. Ini berbeza dengan kebanyakkan sistem *Child Support* yang dijalankan di negara-negara OECD yang menekankan dwi-pembiaya seperti yang dibincangkan sebelum ini. Kedua, perbelanjaan atas anak-anak mengikut kategori umur telah dikira untuk mengambil jumlah peratusan yang bersesuaian daripada pendapatan bapa. Ketiga, sistem pemotongan pendapatan bapa mengikut peratusan dibuat bermula dengan pendapatan RM1000. Pemotongan sebanyak 23%, 33%, 40% dan 53% bagi seorang, 2, 3 dan 4 dan ke atas masing-masing telah dicadangkan.⁴⁵

⁴³ Perkara ini telah disahkan kembali oleh pengkaji melalui talian telefon dengan Pn. Fauziah binti Abdullah, Penolong Pegawai Syariah, Bhgn. Sokongan Keluarga, JKSM Putrajaya pada 23 Jun 2015.

⁴⁴ Jawatankuasa tersebut terdiri daripada ahli akademik Universiti Islam Antarabangsa Malaysia seramai 5 orang, masing-masing seorang daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya, peguam-pegawai syarie serta wakil-wakil dari JKSM sendiri. Satu kertas kerja pembentukan formula pentaksiran nafkah anak telah dipertanggungjawabkan kepada Prof Madya Dr Noraini Arifin (Pensyarah Perakaunan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) bersama-sama Dr. Noraini Md Hashim dan Dr. Roslina Che Soh (Pensyarah Undang-Undang Keluarga Islam, UIAM). Objektif kertas kerja ini antaranya bagi menyediakan garis panduan penetapan kadar nafkah sebagai rujukan oleh hakim mahkamah syariah dan menyediakan kadar nafkah yang bersesuaian dengan perbelanjaan atas anak-anak. Jawatankuasa tersebut terdiri daripada ahli akademik Universiti Islam Antarabangsa Malaysia seramai 5 orang, masing-masing seorang daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya, peguam-pegawai syarie serta wakil-wakil dari JKSM sendiri. Justeru satu kertas kerja pembentukan formula pentaksiran nafkah anak telah dipertanggungjawabkan kepada Prof Madya Dr Noraini Arifin (Pensyarah Perakaunan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) bersama-sama Dr. Noraini Md Hashim dan Dr. Roslina Che Soh (Pensyarah Undang-Undang Keluarga Islam, UIAM). Objektif kertas kerja ini antaranya bagi menyediakan garis panduan penetapan kadar nafkah sebagai rujukan oleh hakim mahkamah syariah dan menyediakan kadar nafkah yang bersesuaian dengan perbelanjaan atas anak-anak. (Temu bual pengkaji dengan Dr. Noraini Md Hashim melalui beberapa siri email sepanjang 24 Jun sehingga 2 Julai 2015).

⁴⁵ Lihat kertas kerja “Cadangan Formula Pengiraan Nafkah”, yang dibuat oleh Prof Madya Dr Noraini Arifin (Pensyarah Perakaunan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) bersama-sama Dr. Noraini Md Hashim dan Dr. Roslina Che Soh (Pensyarah Undang-Undang Keluarga Islam, UIAM), daripadajawatankuasa khas yang dilantik oleh JKSM bersempena dengan penubuhan BSK pada tahun 2008.

Pemotongan sebanyak 23% daripada pendapatan bapa, adalah berdasarkan pemotongan perbelanjaan pada kadar kurang dari 1/3 ataupun 33% dari jumlah keseluruhan pendapatan bapa berdasarkan mafhum hadis “Mulakan dengan dirimu, kemudian mereka yang wajib keatasmu membayai nafkah”.⁴⁶ Hal ini kerana pembahagian perlu dibuat bagi nafkah diri bapa itu sendiri, nafkah mereka yang ditanggung dan yang selebihnya bagi bapa untuk membuat amal jariah. Asas ini juga berdasarkan pemotongan yang bermula dengan 23% adalah berpatutan dengan Paras Garis Kemiskinan (PGK) negara.⁴⁷

Walaupun begitu formula ini didapati tidak dilaksanakan oleh pihak BSK mahupun mahkamah sendiri dalam kes pentaksiran nafkah mereka.⁴⁸ Justeru, tiada kaedah khusus yang digunakan oleh BSK dalam menentukan kadar nafkah isteri mahupun anak di Malaysia berbanding negara-negara OECD yang menguatkuaskan polisi dan formula pentaksiran khas dalam sistem *Child Support* mereka.⁴⁹

Meninjau kajian-kajian pentaksiran nafkah isteri dan anak di peringkat tempatan, antara yang terawal ialah kajian yang dilakukan oleh Nik Noraini Nik Badli Shah pada 1986.⁵⁰ Nik Noraini yang memfokuskan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi penetapan sesuatu kadar nafkah oleh hakim di mahkamah sivil dan juga hakim di

⁴⁶ Mafhum hadis yang dinyatakan dalam kertas kerja ini boleh dilihat misalnya daripada mafhum hadis riwayat Ibn Hibban, Kitab al-Zakah, Bab Sadaqah al-Tatawwu’, no. hadis: 3339, Lihat Muhammad bin Ḥibbān bin Ahmad Abū Ḥātim al-Tamīmī, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, ed. Syu‘aib al-Arnā’ut, (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1993), 8: 128

⁴⁷ Lihat kertas kerja “Cadangan Formula Pengiraan Nafkah”.

⁴⁸ Menurut Dr. Noraini Md Hashim, walaupun cadangan formula pentaksiran nafkah telah diusulkan dan telah ada dua kali pertemuan untuk memberi penerangan kepada ketua-ketua hakim syarie dan pegawai-pegawai mahkamah yang terlibat, namun formula ini tidak dipraktikkan kerana tidak ada mana-mana peruntukan khas undang-undang serta mana-mana arahan amalan yang mengikat para hakim untuk mentaksirkan perintah nafkah mengikut formula tersebut. (Temu bual pengkaji dengan Dr. Noraini Md Hashim melalui beberapa siri email sepanjang 24 Jun sehingga 2 Julai 2015).

⁴⁹ Hal ini telah disahkan oleh mantan pengarah BSK iaitu YAA Dr. Mohd. Na’im Haji Mokhtar yang merupakan Ketua Hakim Syarie, JKSM Selangor pada masa sekarang dalam temu bual dengan pengkaji melalui talian telefon pada 21 Oktober 2012 dan Pn. Fauziah binti Abdullah, Penolong Pegawai Syariah, Bhgn. Sokongan Keluarga, dalam temu bual dengan pengkaji melalui talian telefon pada 23 Jun 2015.

⁵⁰ Nik Noraini Nik Badli Shah, *Undang-Undang Keluarga: Nafkah dan Hak-Hak Kewangan Lain* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1994).

mahkamah syariah mendapati faktor pendapatan dan keupayaan mencari pendapatan oleh suami merupakan faktor yang paling diberi pertimbangan oleh hakim dalam memutuskan kadar nafkah yang bersesuaian.⁵¹

Kajian kedua pada tahun 2010 pula diusahakan oleh Siti Aishah Din⁵² iaitu mengkaji mekanisme penetapan kadar nafkah anak dengan merujuk penghakiman kes-kes mahkamah syariah negeri Selangor. Aishah telah meneliti kes-kes mahkamah yang difaiklan di mahkamah-mahkamah rendah syariah di Selangor dan mengeluarkan 25 kes sebagai contoh rujukan kes. Aishah mendapati bahawa para hakim belum mempunyai mekanisme yang dapat dijadikan garis panduan dalam menetapkan kadar nafkah isteri dan anak.⁵³ Menurut Aishah lagi, walaupun hakim cuba memberikan kadar nafkah semaksimum mungkin kepada plaintif⁵⁴ namun, disebabkan tiada mekanisme yang dirujuk, maka sukar bagi hakim untuk membuat keputusan yang dapat memuaskan hati semua pihak.⁵⁵

Aishah yang memfokuskan mekanisme pentaksiran nafkah anak mencadangkan bahawa nafkah minimum anak pada kadar RM150 sebulan. Pandangan beliau bersandarkan penghakiman YAA Hakim Haji Ismail Yahya yang menetapkan kadar makanan anak ialah RM1 bagi sarapan dan RM4 bagi makan tengah hari dan makan malam. Ini menjadikan nafkah sebulan anak adalah RM150.⁵⁶ Aisyah yang menyokong keputusan tersebut dan menyatakan bahawa RM5 sehari bagi kadar nafkah anak sama

⁵¹ Ibid., 105.

⁵² Siti Aishah Din, “Mekanisma Penetapan Kadar Nafkah Anak: Analisis terhadap penghakiman kes-kes Mahkamah Syariah Negeri Selangor” (tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010).

⁵³ Ibid., 142.

⁵⁴ Plaintiff selalunya adalah isteri yang menfaiklan kes bagi tuntutan nafkah bagi diri beliau mahupun bagi anaknya.

⁵⁵ Ibid., 146.

⁵⁶ Kes Maimunah binti Hamzah Iwn Mohamad bin Embong (2005) 4 SHLR, Saman no: 11100-028-0015-2004. (Sila Rujuk Siti Aishah Din, “Mekanisma Penetapan Kadar Nafkah Anak: Analisis terhadap Penghakiman Kes-Kes Mahkamah Syariah Negeri Selangor” (tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010, 158).

ada remaja atau kanak-kanak adalah berpatutan⁵⁷ mencadangkan kadar RM150 sebagai nafkah minimum anak dan ditetapkan dalam arahan amalan kehakiman. Hal ini bermaksud, hakim tidak boleh mengurangi daripada kadar tersebut.⁵⁸

Walau bagaimanapun, Aishah mengakui bahawa penetapan nilai RM150 tersebut hanyalah sebagai kadar asas yang paling minimum bagi makanan sedangkan nafkah sebenar bagi seorang anak, masih memerlukan keperluan-keperluan lain seperti keperluan tempat tinggal, perubatan dan sebagainya bagi menjamin kesejahteraan hidup⁵⁹.

Walaupun Aishah bersetuju dengan keputusan kehakiman YAA Hakim Haji Ismail Yahya yang menetapkan kadar yang sama bagi nafkah makanan kanak-kanak dan remaja, namun beliau turut mengakui bahawa kadar nafkah anak perlu berbeza mengikut keperluan dan tahap umur.⁶⁰ Aishah juga berhujah bahawa nilai RM150, bersamaan 15% daripada pendapatan minimum negara ini iaitu RM800-RM1000 tidak membebankan mana-mana pihak.⁶¹ Hujah Aishah ke atas kadar minimum RM150 hanyalah bersandarkan kepada satu fakta kes, dan hujah bahawa jumlah tersebut tidak membebankan bagi golongan berpendapatan minimum, hanya berdasarkan pertimbangan rasional beliau yang dilihat belum kukuh untuk dijadikan sandaran pentaksiran nafkah.

Aishah juga mencadangkan antaranya agar had minimum bagi nafkah keluarga ditetapkan dengan merujuk had kifayah jabatan zakat negeri-negeri. Kedua, mencadangkan agar dilaksanakan potongan peratusan pendapatan bapa untuk pembiayaan nafkah anak seperti yang dijalankan di Austria iaitu potongan 15%, 20% dan 25% masing-masing bagi seorang, dua orang anak, dan tiga orang anak atau lebih.

⁵⁷ Siti Aishah Din., 159.

⁵⁸ Ibid., 159.

⁵⁹ Ibid., 159.

⁶⁰ Ibid., 166.

⁶¹ Ibid., 178-180.

Ketiga, beliau mencadangkan agar kadar nafkah anak yang diberikan sepatutnya pada kadar 1/3 daripada pendapatan bapa.

Kajian ketiga ialah kajian pada tahun 2012 oleh Azhar bin Abdul Aziz⁶². Kajian beliau memfokuskan kepada amalan perkongsian pendapatan antara suami dengan isteri dan mencadangkan suami menanggung 2/3 daripada perbelanjaan nafkah keluarga. Ini kerana, suami merupakan pembiaya nafkah yang utama dan dapat memenuhi aspek *ma'rūf* sekiranya berbelanja mencapai tahap 2/3 tersebut. Azhar mengambil pandangan ulama yang membenarkan sumbangan isteri dalam nafkah rumah tangga tidak melebihi 1/3. Bagi menyokong hujah tersebut, beliau telah merujuk beberapa keputusan penghakiman syariah yang menunjukkan bahawa hakim selalunya menetapkan 2/3 daripada keseluruhan perbelanjaan sebagai kadar yang perlu ditanggung oleh suami.⁶³

Kajian-kajian lain yang turut menyentuh mengenai pentaksiran nafkah isteri dan anak dalam amalan kehakiman syariah di negara ini namun bukan secara khusus antaranya ialah kajian oleh Suwaid Tapah (2006)⁶⁴ dan Nurhidayah Hashim (2008)⁶⁵. Kedua-duanya menekankan bahawa penentuan kadar nafkah isteri dan anak hendaklah mengikut keadaan semasa dan amalan masyarakat setempat. Suwaid menekankan bahawa kriteria pentaksiran nafkah mestilah menurut keadaan dan kemampuan orang yang memberi dengan merujuk pendapatnya kepada mazhab al-Syāfi‘ī dan jumhur.⁶⁶

Bagi membuktikan faktor amalan masyarakat dan kelas sosial diambil kira oleh hakim dalam pentaksiran nafkah, Suwaid dan Nurhidayah telah merujuk kes *Nor Bee*

⁶² Azhar bin Abdul Aziz, “Amalan Perkongsian Pendapatan Antara Suami Isteri dalam Keluarga Islam di Malaysia: Analisis terhadap sumbangan isteri bekerja dalam perbelanjaan rumah tangga”, (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012).

⁶³ Ibid., 266.

⁶⁴ Suwaid Tapah, “Nafkah Isteri”, dalam *Undang-Undang Keluarga Islam*, ed. Abdul Monir Yaacob dan Siti Shamsiah Md.Supi, (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2006), 61-79.

⁶⁵ Nurhidayah Muhamad Hashim, “Failure to provide maintenance for the wife & children: Is there justice for women in Malaysia’s Syariah Court?” dalam *5th Asian Law Institute Conference (ASLI)* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2008).9.

⁶⁶ Suwaid, 66-67.

*lwn. Ahmad Shanusi.*⁶⁷ Dalam kes tersebut, YAA Kadi Besar ketika itu, iaitu Dato' Harussani Zakaria menjelaskan bahawa kadar nafkah isteri hendaklah mengikut kedudukan status sosial suami sama ada kaya, sederhana atau miskin. Had atau kadar pemakanan pula hendaklah mengikut kadar kebiasaan seharian. Misalnya, kekerapan makanan orang Melayu ialah 2 kali ringan dan 2 kali berat maka untuk empat kali makan bagi golongan sederhana diperlukan tidak kurang daripada RM6 sehari.⁶⁸

Menurut Suwaid, keputusan kes pada tahun 1981 ini bersesuaian dengan keadaan dan nilai mata wang pada waktu itu yang masih lagi rendah. Justeru menurut Suwaid, sekiranya kes tersebut berlaku pada masa sekarang (iaitu tahun 2006 kajian beliau), mungkin kadar nafkah yang wajar ialah RM10 atau lebih.⁶⁹ Nurhidayah⁷⁰ pula berpandangan, jika nilai itu diaplikasikan pada hari ini (iaitu tahun 2008 kajian beliau), RM6 sehari hanya dapat menampung sebahagian makanan sahaja. Nurhidayah mencadangkan agar kadar nafkah semasa bagi seorang isteri yang hidup sederhana memerlukan RM5 untuk makan pagi, RM6 untuk makan tengah hari dan RM6 untuk makan malam. Kos makan sahaja menjadikan jumlahnya sebanyak RM17 sehari atau lebih kurang RM500 sebulan.⁷¹ Kedua-dua kajian ini, walaupun memberikan cadangan terhadap kadar nafkah yang dikira bersesuaian pada pandangan masing-masing pada waktu tersebut, namun masih belum mampu memberikan satu kaedah pentaksiran nafkah yang bersesuaian dengan masyarakat dan ekonomi semasa.

Kesimpulan

Berbanding pentaksiran nafkah di mahkamah syariah negara ini, pentaksiran nafkah terutamanya nafkah anak kelihatan lebih kemas dan terkehadapan di peringkat

⁶⁷ Antara Nor Bee dengan Ahmad Shanusi (1981) 2 JH 67.

⁶⁸ Suwaid, 67-68.

⁶⁹ Ibid., 68.

⁷⁰ Nurhidayah, 9.

⁷¹ Ibid.

antarabangsa. Pelbagai kajian telah dijalankan seawal 80an bagi menghasilkan kaedah pentaksiran nafkah yang bersesuaian terutama bagi negara-negara yang mempraktiskan sistem *Child Support*. Dari segi sejarah, objektif serta ruh pelaksanaan *Child Support* walaubagaimana pun adalah berlainan dengan konsep nafkah yang digariskan dalam Islam. Islam menekankan bapa sebagai pembiaya utama berbanding sistem ini yang menjalankan dwi-pembiaya yang melibatkan ibu. Anak yang mendapat pembiayaan turut merangkumi anak hasil bersekedudukan di luar perkahwinan yang berlainan dengan sistem nafkah Islam.

Dari segi kaedah pentaksiran, sistem *Child Support* ini yang bermula dengan kaedah tradisional iaitu *fix order* telah mengalami anjakan kepada sistem pemotongan pendapatan bapa mengikut peratusan. Setelah perlaksanaan, sistem ini mengalami perubahan demi perubahan sehingga kaedah pentaksiran terkini yang berdasarkan keperluan sebenar seorang anak telah mengambil alih sistem pentaksiran mengikut peratusan tersebut.

Di Malaysia, tidak kurang juga para pengkaji dan pencadang polisi terutamanya bagi kaedah pentaksiran nafkah isteri dan anak ditetapkan dengan kaedah-kaedah tertentu seperti cadangan kadar tetap (*fix rate*), sistem pecahan dan juga sistem pemotongan pendapatan bapa mengikut peratusan seperti yang dilaksanakan dalam sistem *Child Support* di negara-negara yang terlibat. Cadangan-cadangan ini walaupun ada yang disandarkan kepada hujah-hujah syarak, namun masih dilihat longgar dan memerlukan kajian lanjutan. Justeru, kajian yang difokuskan oleh pengkaji bermatlamat mendapatkan kaedah pentaksiran nafkah isteri dan anak yang lebih kemas dan kukuh berdasarkan perspektif syarak dan mengikut amalan semasa masyarakat.

BAB DUA

PENSYARIATAN DAN PENENTUAN ITEM-ITEM NAFKAH ISTERI DAN ANAK

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan membincangkan pensyariatan serta penentuan item-item nafkah isteri dan anak oleh nas-nas syarak. Hal ini adalah untuk melihat asas penentuan perkara-perkara tersebut jelas di sisi syarak. Selain itu mahu melihat, apakah perkara dasar yang telah diperuntukkan oleh syarak semata tanpa dipengaruhi oleh pengaruh ‘urf masyarakat di sesuatu tempat.

Walau bagaimanapun, kajian yang menyandarkan pemahaman dengan pentafsiran daripada mufasirin ini mengakui akan kemungkinan terdapatnya pengaruh ‘urf apabila mufasirin menginterpretasikan nas-nas syarak sesuai dengan zaman dan amalan masyarakat mereka.

2.2 PENSYARIATAN NAFKAH ISTERI DAN ANAK

2.2.1 Pensyariatan Nafkah Isteri

Pensyariatan nafkah isteri dan anak terhadap suami merupakan suatu hukum yang telah dipersetujui penetapannya berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah. Al-Qur'an telah menjelaskan pensyariatan nafkah isteri dan anak pada beberapa tempat yang sama seperti ayat 233, Surah al-Baqarah (2);

وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا
وُسْعَهَا ...

... dan atas (المولود له) pula ialah memberi (رزقهن) dan (كسوتهن) menurut cara yang *ma'rūf*. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya ...

Dalam ayat ini, Allah SWT telah menerangkan bahawa kewajipan pemberian nafkah makanan dan pakaian isteri dan anak hendaklah atas tanggungjawab bapa berdasarkan frasa (المولود له) yang ditafsirkan oleh mufasirin sebagai suami kepada isteri atau bapa kepada anak isteri. Hujah ini berdasarkan beberapa riwayat daripada tabiin seperti Abū Ja'far, al-Rabī⁷² dan Sa'id bin Jābir⁷³.

Frasa (المولود له) secara literalnya juga bermaksud '*dan orang yang anak itu miliknya*'. Frasa ini dinisbahkan kepada bapa untuk menerangkan bahawa nasab anak adalah hak bagi bapa dan sewajarnya tanggungjawab bapalah memberikan nafkah kepada anaknya.⁷⁴ Malah termasuk dalam daerah pengertian ini juga apabila bapa turut dipertanggungjawabkan memberi nafkah kepada ibu yang melahirkan anaknya itu kerana ibu tidak mendapat apa-apa kepentingan nasab daripada anaknya.⁷⁵

Kalimah yang menunjukkan isteri ataupun ibu berhak mendapat nafkah daripada suaminya pula diwakili oleh *dhamīr* (هُنَّ) pada kalimah (رسقهن) dan (وكسوتهن) pada ayat yang sama. Sa'id bin Jābir mentafsirkan (رسقهن) sebagai nafkah dan pakaian ibu.⁷⁶ Dalam kalangan mufasirin, ada yang mentafsirkannya sebagai upah penyusuan ibu yang menyusukan anak suaminya.⁷⁷ Ini menunjukkan bahawa *dhamīr* (هُنَّ) sememangnya

⁷² Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd Abū Ja'far al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'ān*, ed. Aḥmad Muḥammad Syākir, (t.tp: Mu'assasah al-Risālah, 2000), 5:43.

⁷³ 'Abd Rahmān bin al-Kamāl Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *Al-Ddar al-Manthūr*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1993), 1:687, Abū Muḥammad 'Abd Ḥaqq bin Ghālib bin 'Atiyyah al-'Andalusī, *Al-Muḥarrar al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-'Azīz*, ed. 'Abd Salām 'Abd al-Shāfi'ī Muḥammad (Lubnān: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1993), 1:301 dan Abī al-Hassan 'Alī bin Aḥmad al-Wāḥiddī, *Al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-'Azīz*, ed. Ṣafwān 'Adnān, (Damsyīq: Dār al-Qalam, 1995), 1:172.

⁷⁴ Abū al-Qāsim Maḥmūd bin 'Umar al-Zamakhsyārī, *al-Kassyāf 'an ḥaqā'iq wa 'Uyūn al- 'Aqāwīl fī Wujūh al-Ta'wīl*, ed. 'Abd Razzāq al-Mahdī (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t.), 1:307.

⁷⁵ Ibid., 1:308.

⁷⁶ Al-Suyūṭī.

⁷⁷ Abū al-Laith Naṣr bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Samarqandī, *Baḥr al-'Ulūm*, ed. Maḥmūd Muṭrajī (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 1:179.

ditujukan kepada ibu. Walau bagaimanapun, mufasirin berbeza pandangan mengenai *dhamīr* ini adakah ia hanya ditujukan kepada ibu yang berada dalam idah cerai ataupun juga kepada ibu yang masih dalam ikatan perkahwinan. Pendapat yang terkuat menunjukkan bahawa ia ditujukan kepada ibu, tidak tertakluk semasa ikatan perkahwinan ataupun dalam masa tempoh idah.⁷⁸

Ayat yang sama juga menjadi dalil yang kuat kepada pensyariatan nafkah anak. Menurut al-Qurtubī, frasa ayat (وعلى المولود له رزقهن وكسوتهن بالمعروف) merupakan dalil asal bagi kewajipan bapa memberikan nafkah kepada anaknya dan bukan dalil asal bagi nafkah ibu, walaupun frasa ayat ini tidak menafikan nafkah ibu atau isteri.⁷⁹ Ibn al-‘Arabī turut mempunyai pandangan yang sama. Beliau menyatakan bahawa Allah SWT menamakan pemberian nafkah anak kepada ibu dalam frasa ayat, iaitu; (وعلى المولود له) رزقهن وكسوتهن بالمعروف dengan menggunakan *dhamīr* (هـ), yakni ‘ibu-ibu’. Hal demikian ini kerana nafkah makanan itu sampai kepada anak melalui ibu tersebut, seperti yang dinyatakan oleh Allah dalam firman-Nya:

وَإِنْ كُنَّ أُولَئِكَ حَمَلٌ فَأَنْفَقُوا عَلَيْهِنَّ حَتَّىٰ يَضَعَنَ حَمْلَهُنَّ فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَاتَّوْهُنَّ أُجُورُهُنَّ

Jika mereka dalam keadaan sedang mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya, kemudian jika mereka

⁷⁸ Ibn ‘Asyūr berpendapat bahawa ayat ini ditujukan kepada isteri yang berada dalam perceraian kerana ia merupakan kelangsungan penerangan hukum talak pada ayat sebelumnya iaitu; (ولِإِذَا طَافُتُمْ)(النساء فَبَلَغْنَ أَجْلَهُنَّ قَلَّا تَعْضُلُهُنَّ); Ayat 232, Surah al-Baqarah (2). Sekiranya ibu tersebut masih dalam ikatan perkahwinan, maka hak nafkahnya bukan kerana dia menyusukan anak suaminya, tetapi kerana *al-tamkīn* atau ‘*iṣmāh* kepada suami. Sementara mufasirin lain seperti Ibn ‘Ādil, Muḥammad ‘Alī al-Šābūnī, Ibn Hummān dan Al-Qurtubī pula mentarjihkan bahawa ayat ini ditujukan kepada semua ibu-ibu sama ada mereka telah diceraikan atau masih dalam perkahwinan berdasarkan penggunaan lafaz yang umum dan tujuan ayat ini adalah untuk menekankan bahawa kewajipan suami memberikan nafkah kepada golongan tersebut. Lihat Muḥammad al-Ṭāhir Ibn ‘Asyūr, *Tafsīr al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*, c.1 (Beirut: Mu’assasah al-Tārīkh, 2000), Surah al-Baqarah, ayat 233, 2:409, Abū Ḥafṣ ‘Umar bin ‘Alī Ibn ‘Ādil, *al-Lubāb fī ‘Ulūm al-Kitāb*, ed. ‘Ādil Aḥmad ‘Abd Maujūd, c.1 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998), 4:168-169, Muḥammad ‘Alī al-Šābūnī, *Rawā’i’ al-Bayān Tafsīr Āyāt al-Ahkām*, (Damsyiq:Maktabah al-Ghazālī, 1980), 1:352, Kamāl al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd Wāhid Ibn Hummām, *Syarḥ Fatḥ al-Qadīr ‘alā Hidāyah: Syarḥ Bidāyah al-Mubtadī* (Mesir: Syarikah al-Muṣṭafā al-Bāb al-Ḥalabī, t.t), 4:378, dan Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Ansārī al-Qurtubī, *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’ān*, (al-Qāhirah: Dār al-Syi’b, t.t), 3:160.

⁷⁹ Al-Qurtubī, 18:172.

menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya.

Sebahagian daripada ayat 6, Surah al-Talāq (65)

Walaupun ayat di atas menjelaskan tentang pemberian nafkah kepada ibu, namun tujuan sebenarnya adalah untuk memberikan nafkah kepada anak yang dikandungkan oleh ibu tersebut.⁸⁰ Al-Šābūnī menjelaskan lagi berdasarkan frasa ayat; (وكسوهن بالمعروف وعلى المولود له رزقهن), bahawa ayat ini menunjukkan betapa Allah SWT mewajibkan nafkah terhadap ibu dalam masa penyusuan kerana menjaga kepentingan dan kemaslahatan anak itu sendiri terutama nafkahnya. Apabila anak itu masih kecil dan belum mencapai umur baligh sudah pasti nafkahnya masih tetap wajib dibiayai oleh ayahnya.⁸¹

Al-Sa'dí⁸² menyatakan bahawa Allah SWT menggelarkan bapa sebagai (الْمُؤْلُودُ) iaitu ‘yang anak itu kepunyaannya’ kerana Allah SWT mentaklifkan kewajipan menunaikan nafkah itu kepada bapa dan bukannya ibu.⁸³

Kewajipan pemberian nafkah tempat tinggal kepada isteri dan anak serta upah penyusuan kepada isteri dan nafkah penyusuan untuk anak pula direkodkan oleh ayat 6, Surah al-Talāq (65);⁸⁴

أَسْكُنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ مِنْ وُجْدِكُمْ وَلَا تُضَارُوهُنَّ لِتُصْرِقُوا
عَلَيْهِنَّ وَإِنْ كُنَّ أُوْلَئِكَ حَمْلٌ فَأَنْفِقُوا عَلَيْهِنَّ حَتَّىٰ يَضَعَنَ حَمْلَهُنَّ فَإِنْ
أَرَضَعْنَ لَكُمْ فَإِاتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ وَآتُمُرُوا بَيْنَكُمْ بِعِرْوَفٍ وَإِنْ
تَعَاَسَرُتُمْ فَسَتَرْضِعُ لَهُ أُخْرَىٰ

⁸⁰ Abū Bakr Muḥammad bin ‘Abd Allāh Ibn al-‘Arabī, *Ahkām al-Qur’ān*, ed. Muḥammad ‘Abd Qādir ‘Atā’, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), Surah al-Talaq, ayat 6-7, 4: 274.

⁸¹ Al-Šābūnī, 1:355.

⁸² ‘Abd al-Rahmān bin Nāṣir bin al-Sa’dí, *Taisir al-Qur’ān al-Rahmān fī Tafsīr Kalām al-Mannān*, ed. ‘Abd al-Rahmān bin Ma’lā, (t.pt: Mu’assasah al-Risālah, 2000), 1:104.

⁸³ Ibid.

⁸⁴ Lihat Abū Ḥayyān al-Andalusī, *Tafsīr al-Baḥr al-Muhiḍ*, (t.pt: Dār al-Fikr, t.t), 8:214.

Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani idahnya) itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu; dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka (di tempat tinggal itu) dengan tujuan hendak menyusahkan kedudukan mereka (supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu). Dan jika mereka berkeadaan sedang mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya; kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya; dan berundinglah antara kamu (dalam hal menyusunya) dengan cara yang baik. Dan (sebaliknya) jika kamu (daripada kedua-dua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya.

Dalil-dalil lain yang menyentuh pemberian nafkah isteri dan anak berdasarkan ayat 26, Surah al-Isrā' (17) yang dinukilkhan oleh Imam al-Syāfi‘ī;

وَعَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَلَا تُبَدِّرْ تَبَدِّرِا



Dan berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau.

Walaupun terdapat pelbagai pentafsiran yang khusus dan yang umum mengenai kalimah (ذا القربى), namun Imam al-Syāfi‘ī cenderung untuk mentafsirkannya sebagai arahan memberikan nafkah yang wajib kepada anak-anak (furū‘) dan ibu-bapa (uṣūl).⁸⁵

Al-Qurṭubī⁸⁶ turut mengistinbatkan kewajipan pemberian nafkah isteri dan anak dalam ayat 5, Surah al-Nisā’ (4);

وَلَا تُؤْتُوا الْسُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيمًا وَأَرْزُقُوهُمْ فِيهَا وَأَكْسُوهُمْ وَقُولُوا هُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا

⁸⁵ Ibid., 6: 27.

⁸⁶ Al-Qurṭubī, 5:32.

Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu, (harta) yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu; dan berilah mereka belanja dan pakaian daripada pendapatan hartanya (yang kamu niagakan), dan juga berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik.

Pentafsiran ini antaranya bersandarkan kepada tafsiran-tafsiran sahabat seperti tafsiran (kata-kata) Ibn ‘Abbās daripada ayat ini (ayat 5, Surah al-Nisā’ (4));

“Jangan diberikan keseluruhan hartamu kepada isterimu dan anakmu yang menjadi sebab kehidupanmu, (kerana jika tidak) maka kamu jatuh fakir dan miskin, dan mengharap-harapkan mereka (isteri dan anak) memberikan apa yang ada pada tangan mereka, tetapi sebaliknya kamulah perlu menafkahi mereka.”⁸⁷

Dalil-dalil al-Qur'an yang diutarakan menunjukkan penetapan atau pensabitan nafkah isteri dan anak adalah wajib terhadap bapa.

Nas-nas hadis yang berkaitan kewajipan pemberian nafkah isteri dan anak oleh suami pula kebanyakannya bertaraf *sahīh* dalam kitab-kitab hadis *sahīh* seperti Bukhārī dan Muslim. Antaranya hadis:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ عَلَيْهِ السَّلَامُ:
أَفْضَلُ الصَّدَقَةِ مَا تَرَكَ غَنِّيًّا وَالْيَدُ الْعُلْيَا حَيْرٌ مِنْ الْيَدِ السُّفْلَى وَابْدَأْ إِمْنَانَ
تَعْوُلٍ تَقُولُ الْمَرْأَةُ إِمَّا أَنْ تُطْعِمَنِي وَإِمَّا أَنْ تُظْلِقَنِي وَيَقُولُ الْعَذْدُ أَطْعِمْنِي
وَاسْتَعِمْلِنِي وَيَقُولُ الْإِبْنُ أَطْعِمْنِي إِلَى مَنْ تَدَعُنِي فَقَالُوا يَا أَبَا هُرَيْرَةَ

⁸⁷ Al-Qurṭubī, 5:29.

سَمِعْتَ هَذَا مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا هَذَا مِنْ كِيسٍ
أَبِي هُرَيْرَةَ⁸⁸

Daripada Abū Hurairah; Bersabda Nabi SAW “Sebaik-baik sedekah ialah apa yang masih meninggalkan si pemberi dengan kekayaan.Tangan yang di atas adalah lebih baik daripada tangan yang di bawah, Bermulalah dengan yang paling ada hubungan kerabat denganmu. “Berkata isterimu, sama ada engkau memberiku makan atau mentalakkan aku, berkata hambamu, berilah aku makan dan aku berkhidmat denganmu, dan berkata anakmu, berilah aku makan, kepada siapa lagi aku ingin meminta? Ditanya kepada Abū Hurairah, Wahai Abū Hurairah, adakah engkau mendengar ini daripada Rasulullah SAW? Abū Hurairah menjawab, tidak, ini adalah daripada kefahaman Abū Hurairah.

Sabda Rasulullah SAW berhenti selepas jumlah (وَابْدأْ بِمِنْ تَعُولُ). Walaupun ayat seterusnya adalah kata-kata Abū Hurairah, namun, ia merupakan ijтиhad daripada pemahaman sahabat yang bertaraf mauqūf yang *sahīh*. Menurut al-Mulhab, hadis ini menjadi hujah berkenaan kesepakatan terhadap kewajipan pemberian nafkah terhadap isteri dan keluarga. Hadis ini juga menuntut agar seseorang menyelesaikan dahulu mengenai nafkah isteri dan keluarganya sebelum menafkahai dan memberi sedekah kepada orang lain.⁸⁹

Antara hadis lain lagi adalah hadis Hujjatul Wadā' yang panjang:

وَعَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - فِي
حَدِيثِ الْحُجَّ بِطُولِهِ - قَالَ فِي ذِكْرِ النِّسَاءِ:
وَلَهُنَّ عَلَيْكُمْ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ⁹⁰

Daripada Jābir bahawa Rasulullah SAW telah bersabda pada hadis haji yang panjang mengenai wanita, iaitu “(kewajipan kamu terhadap mereka (isteri-isteri) adalah nafkah mereka dan pakaian mereka secara *ma'rūf*.”

⁸⁸ Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Nafaqāt, Bab wujūb al-nafaqah ‘alā al-ahli wa al-‘iyāl, no.hadis: 5355, , Lihat Muḥammad bin Ismā‘il, Abū ‘Abd Allāh al-Bukhārī, *al-Jāmi‘ al-Sahīh al-Mukhtaṣar*, ed. Muṣṭafā Dīb al-Bughā, c.3, (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1987), 7:63.

⁸⁹ Abū al-Ḥassan ‘Alī Ibn Baṭāl, (2003), *Syarḥ Sahīh al-Bukhārī*, c.2 (Riyāḍ: Maktabah al-Rusd, 2003), 7:530.

⁹⁰ Muslim, Kitab al-Ḥāj, Bab Hujjah al-Nabiyya Ṣalla Allāhu ‘Alaihi Wasallam, no. hadis 147, Muslim bin Ḥajjāj Abū al-Ḥussain al-Qusyairī al-Naisābūrī, “Ṣahīh Muslim,” ed. Muḥammad Fu’ad ‘Abd al-Bāqī, (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t), 2:880.

(Hadis riwayat Muslim)

Al-Şan‘āni menyatakan hadis ini menerangkan kewajipan menafkahai isteri seperti yang dijelaskan oleh al-Qur'an dan ia adalah perkara ijmak yang telah disepakati.⁹¹ Hadis lain yang berkaitan nafkah isteri dan anak juga antaranya ialah hadis Hindun binti Utbah:

وعن عائشة رضي الله عنها ، قالت : هند امرأة أبي سفيان للنبي - صلى الله عليه وسلم - : إِنَّ أَبَا سُفْيَانَ رَجُلٌ شَحِيقٌ وَلَيْسَ يُعْطِينِي مَا يَكْفِيَنِي وَوَلَدِي إِلَّا مَا أَحَدْثُ مِنْهُ ، وَهُوَ لَا يَعْلَمُ ؟ قَالَ : « حُذِي مَا يَكْفِيَكِ وَوَلَدَكِ بِالْمَعْرُوفِ »⁹² . متفق عليه.

Daripada ‘Āisyah radiya Allāhu ‘anha, beliau telah berkata, Hindun isteri Abū Sufyān telah berkata kepada Nabi SAW, bahawa sesungguhnya Abū Sufyān itu seorang yang bakhil, dia tidak memberikan aku apa yang cukup bagiku dan untuk anakku, kecuali aku mengambil senapsenapsan daripadanya dengan dia tidak mengetahui. Bersabda Rasulullah SAW, ambillah apa yang cukup bagimu dan anakmu secara yang patut.

(Hadis muttafāq ‘alaih)

Hadis Hindun di atas dikupas dengan lebih lanjut dalam bab 3. Dalil-dalil yang dikemukakan serta perbincangan ulama yang dilampirkan sama menunjukkan bahawa pensyariatan kewajipan nafkah isteri dan anak terhadap suami adalah jelas berdasarkan nas-nas al-Qur'an, hadis dan ijmak.

⁹¹ Muḥammad bin Ismā‘īl al-Şan‘ānī, *Subul al-Salām*, ed. Muḥammad ‘Abd ‘Azīz al-Khaulī, c.4 (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turath al-‘Arabī, t.t), 5:137.

⁹² Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Nafaqāt, Bab Khidmah al-Rajul fī Ahlihī, no.hadis: 5049, dan Muslim, Kitab al-‘Aqdiyah, Bab Qadiyyah Hindun, no.hadis 1714, Lihat Muḥammad bin Ismā‘īl, Abū ‘Abd Allāh al-Bukhārī, *al-Jāmi‘ al-Saḥīḥ al-Mukhtaṣar*, ed. Muṣṭafā Dīb al-Bughā, c.3, (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1987), 5:2052, dan Muslim bin Ḥajjāj Abū al-Ḥussain al-Qusyairī al-Naisābūrī, *Saḥīḥ Muslim*, ed. Muḥammad Fu’ad ‘Abd al-Bāqī, (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, (t.t)), 3:1338.

2.3 ITEM-ITEM NAFKAH ISTERI DAN ANAK

Item-item nafkah isteri dan anak yang disenaraikan di bahagian ini adalah hasil pembacaan dan pemahaman pengkaji yang diperolehi dari kitab-kitab tafsir, hadis dan juga kitab-kitab fiqh turath dan kontemporari.

2.3.1 Item-item nafkah isteri

2.3.1.1: Makanan

Antara nafkah yang wajib diberikan suami kepada isteri ialah nafkah makanan seperti yang diistinbatkan oleh mufasirin daripada kalimah (رِزْقُهُنَّ) pada ayat 23, Surah al-Baqarah (2). Abū Ja‘far, tokoh dalam kalangan tabiin mentafsirkan (رِزْقُهُنَّ) sebagai (مَا يَقُولُنَّ مِنْ طَعَامٍ، وَمَا لَا يَدْلِهُنَّ مِنْ غَذَاءٍ وَمَطْعَمٍ)⁹³ iaitu makanan asasi yang memenuhi nutrisi dan mengenyangkan.⁹⁴ Qādhibī Muḥammad mentafsirkan (الرِّزْقُ) sebagai makanan yang mencukupi⁹⁵ dan al-Samarqandī pula mentafsirkan (رِزْقُهُنَّ) sebagai nafkah ibu dan juga upah penyusuan ibu yang menyusukan anak suaminya.⁹⁶

Dalam perbahasan fuqaha, makanan merupakan satu item nafkah yang disepakati kerana ia jelas menurut al-Qur'an dan al-Sunnah. Perbahasan mereka lebih berkisar pada bentuk makanan dan berapakah kadarnya yang perlu disediakan. Bentuk makanan yang dimaksudkan adalah sama ada makanan perlu disediakan dalam bentuk yang belum dimasak seperti bijirin yang telah siap dimasak seperti roti, atau dalam bentuk nilai mata wang seperti dirham dan dinar. Walau bagaimanapun, antara menyediakan nafkah makanan dalam bentuknya yang asal (makanan) dengan nilainya (dalam bentuk mata wang), pendapat yang paling dipersetujui oleh majoriti fuqaha al-

⁹³ Al-Tabarī, 5:43.

⁹⁴ Ibid., 5:43-44.

⁹⁵ Abū Muḥammad ‘Abd Ḥaqq bin Ghālib bin ‘Atiyyah al-‘Andalusī, *Al-Muharrar al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-‘Azīz*, ed. ‘Abd Salām ‘Abd al-Shāfi’ Muḥammad (Lubnān: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993), 1:301.

⁹⁶ Abū al-Laith Naṣr bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Samarqandī, *Baḥr al-‘Ulūm*, ed. Maḥmūd Muṭrajī (Beirut: Dār al-Fikr,t.t), 1:179.

Syāfi‘iyyah,⁹⁷ al-Ḥanafiyah⁹⁸ dan al-Ḥanābilah⁹⁹ ialah nafkah itu perlu disediakan dalam bentuknya yang asal.

Memperincikan perbincangan, majoriti dalam kalangan ulama al-Ḥanafiyah, al-Buhūtī dan dalam kalangan ulama al-Ḥanābilah dan Muḥammad al-Namlah berpendapat nafkah itu bukan sahaja perlu dalam bentuk makanan bahkan perlu juga disediakan dalam bentuk yang sedia untuk dimakan. Walau bagaimanapun, sekiranya isteri rela dan boleh menyediakan atau memasak sendiri makanannya, maka suami boleh menyediakan bahan makanan yang mentah.¹⁰⁰

Kewajipan memberikan makanan yang sedia untuk dimakan turut ditegaskan oleh Muḥammad al-Namlah sehingga apabila suami menyediakan nafkah makanan dalam bentuk yang belum siap seperti bijirin misalnya, maka nafkah seperti itu tidak dikira. Ini berdasarkan pemahamannya terhadap amalan para sahabat dan ‘urf pada zaman itu yang menyediakan makanan yang telah siap kepada isteri-isteri mereka. Walau bagaimanapun beliau mengakui, nafkah makanan yang disediakan dalam bentuk yang belum siap tetap sah sekiranya kedua-dua suami isteri bersetuju menerima hal sedemikian.¹⁰¹ Walau bagaimanapun pada pandangan pengkaji, hal ini perlu dicermati kerana dalam kalangan sahabat ada juga yang menyediakan makanan kepada isteri mereka dalam bentuk yang belum siap.

⁹⁷ Lihat Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi‘ī Abū ‘Abd Allāh , *al-Umm*, ed. Maḥmud Maṣrajī (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002), 5:128-129, Muḥyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Syarṭ al-Nawawī, *al-Majmū‘ Syarḥ al-Muhaddhab*, (Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiyyah, t.t), 18:249-250, Al-Māwardī, *al-Ḥāwi*, 11: 426, Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-‘Abbās al-Ramlī, *Nihāyah al-Muhtāj ilā Syarḥ al-Minhāj* (t.tp: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, 1967), 7:188, dan Muḥammad al-Zuḥailī, *al-Mu’tamad fī al-Fiqh al-Syafi‘iyy*, (Damsyiq: Dār ‘Ulūm, 2007), 4:281.

⁹⁸ Lihat Muḥammad Amīn al-Syahīr Ibn ‘Ābidīn, *Hāsyiah Rad al-Mukhtār*, c.2 (Mesir: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Jalī, 1966), 1:579.

⁹⁹ Manṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Buhūtī, *Kasyf al-Qinā‘ ‘an Matn al-Iqnā‘*, ed. Ibrāhim Aḥmad ‘Abd Hāmid (Riyad: Dār ‘Ālim al-Kutub, 2003), 2816.

¹⁰⁰ Lihat Ibn ‘Ābidīn, Nazzām, *al-Fatāwā al-Hindiyyah fī Madhhab Imām Abī Ḥanīfah* (t.tp: Dār al-Fikr, 1991), 1:571, Manṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Buhūtī, *Kasyf al-Qinā‘ ‘an Matn al-Iqnā‘*, ed. Ibrāhim Aḥmad ‘Abd Hāmid (Riyad: Dār ‘Ālim al-Kutub, 2003), 2816, ‘Abd al-Karīm bin ‘Alī bin Muḥammad al-Namlah, *Taisīr Masā’il al-Fiqh Syarḥ al-Rauḍ al-Marba‘*, c.1 (Kaherah: Maktabah al-Rushd, 2006), 4:675.

¹⁰¹ Al-Namlah, 4:686.

Hujah ini direkodkan menerusi kisah Saidatina Fatimah binti Rasulullah SAW sendiri yang mengisar gandum untuk menghasilkan tepung seterusnya membuat roti bagi makanan harian mereka. Bentuk makanan yang disediakan kepada Fatimah binti Rasulullah pada waktu itu bukanlah dalam bentuk siap, tetapi merupakan bijirin gandum yang perlu diproses terlebih dahulu. Ini berpandukan hadis:

حَدَّثَنَا عَلَيْهِ أَنَّ فَاطِمَةَ عَلَيْهَا السَّلَامُ أَتَتِ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَكُورًا إِلَيْهِ مَا تَلْقَى فِي يَدِهَا مِنَ الرَّحْمَى وَبَلَغَهَا أَنَّهُ جَاءَهُ رَقِيقٌ ..¹⁰²

Telah diceritakan kepada kami daripada ‘Ali (*karama Allāhu wajhahu*) bahawa Fatimah telah menghadap Nabi SAW mengadu kepada Baginda perihal tangannya kesan daripada batu pengisar gandum (Hal ini kerana) telah sampai ke pengetahuan Fatimah bahawa ayahnya (Nabi SAW) telah diberikan hamba.

Fatimah berhasrat agar ayahnya (Rasulullah SAW) dapat memberikan hamba tersebut kepada beliau sebagai pembantu membuat kerja-kerja rumah. Walau bagaimanapun Rasulullah SAW sebaliknya mencadangkan agar Fatimah membanyakkan bertakbir, bertasbih dan bertahmid setiap satunya sebanyak 33 kali iaitu suatu kekuatan yang lebih baik daripada seorang hamba dalam membantu membuat kerja-kerja rumah beliau.¹⁰³

Dalam mensyarahkan maksud pengaduan Fatimah kepada Rasulullah SAW, iaitu apa yang terkesan ke atas tangannya disebabkan batu pengisar gandum, Al-‘Ainī menyatakan; “hal ini menunjukkan Fatimah mengisar gandum, dan mereka yang mengisar gandum adalah mereka yang membuat roti, dan ini adalah sebahagian kerja rumah seorang isteri di rumah suaminya”.¹⁰⁴ Hal ini menjelaskan bahawa Fatimah telah menggunakan batu pengisar gandum bagi menghasilkan roti sebagai makanan untuk beliau dan keluarganya. Justeru, nafkah yang diterima Fatimah bukanlah daam bentuk roti yang telah siap, sebaliknya dalam bentuk bijirin gandum yang perlu dikisar dan

¹⁰² Lihat al-Bukhārī, 5:2051, no. Hadis 5046, Bab ‘Amila al-Mar’ah fī Bait Zaujhā.

¹⁰³ Lihat maksud hadis dalam ibid.

¹⁰⁴ Badr al-Dīn Maḥmūd Ibn Aḥmad Al-‘Ainī, *al-Bidāyah fī Syarḥ al-Hidāyah*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1990), 30:299,

dimasak terlebih dahulu untuk dijadikan roti. Hal ini membuktikan lagi bahawa penyediaan nafkah makanan dalam bentuk yang belum siap juga adalah diharuskan.

Pendapat ketiga dalam kalangan fuqaha pula tidak menentukan bagaimana bentuk nafkah makanan yang perlu diberikan. Mereka adalah al-Nawawī¹⁰⁵, al-Māwardī¹⁰⁶ dan al-Ramlī¹⁰⁷ yang berpandangan bahawa nafkah makanan itu perlu dilihat dalam bentuk keperluan semasa di suatu tempat atau mengikut ‘urf setempat.

Udum ataupun lauk-pauk juga perlu disertakan bersama-sama makanan asasi untuk isteri. Fuqaha al-Syāfi‘iyyah mengatakan bahawa kewajipan menyertakan lauk-pauk ini berdasarkan tafsiran Ibn ‘Abbas terhadap sepotong ayat: من أوسط ما تطعمون (أهلكم) iaitu makanan yang diberikan kepada ahli keluarga ialah roti beserta minyak. Ibn ‘Umar mentafsirkannya sebagai roti bersama minyak, roti bersama keju, roti bersama tamar atau sebaik-baiknya ialah roti bersama daging.¹⁰⁸ Al-Nawawī menjelaskan bahawa pemberian lauk-pauk bersama makanan asasi termasuk pemberian nafkah secara *ma‘rūf*.¹⁰⁹

Justeru, dengan mengambil kira pendapat para ulama yang muktabar, makanan yang wajib diberikan kepada isteri merupakan makanan asasi beserta lauk-pauk dan makanan tambahan yang lain yang bersesuaian dengan keperluan isteri, ‘urf dan keadaan masyarakat di sesuatu tempat.

2.3.1.2: Pakaian

Ulama mentafsirkan frasa (وَكُسُوفٌ) dalam ayat 233 Surah al-Baqarah (2) sebagai pakaian yang wajib diberikan kepada isteri atau ibu.¹¹⁰ Ibn Abī Ḥatim meriwayatkan

¹⁰⁵ Al-Nawawī, 18:252.

¹⁰⁶ al-Māwardī, *al-Ḥāwī*, 11: 426.

¹⁰⁷ Al-Ramlī, 7:190

¹⁰⁸ Ibid.

¹⁰⁹ Ibid.

¹¹⁰ Al-Ṭabarī, 5:44, Abū Muḥammad al-Ḥussain bin Mas‘ūd al-Baghwī, *Ma‘ālim al-ṭī Tafsīr al-Qur’ān*, ed. ‘Abd Razzāq al-Mahdī, (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 2000), 1:313, Abū Ishāq Aḥmad bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Tha‘labī al-Naisābūrī, *Al-Kasyf wa al-Bayān*, ed. Abī Muḥammad bin ‘Āṣyūr, c.1 (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 2002), 2:81.

daripada Mujāhid bahawa yang dimaksudkan dengan *kiswah* (pakaian) ialah pakaian yang boleh dipakai untuk solat.¹¹¹ Burhān al-Dīn al-Baqā‘ī¹¹² mentafsirkannya sebagai pakaian, perhiasan serta kelengkapannya yang mampu untuk menutup aurat lelaki ataupun perempuan. Sementara Ibn Kathīr¹¹³ mentafsirkannya dengan beberapa penerangan daripada hadis Nabi SAW iaitu:

عَنْ حَكِيمِ بْنِ مُعَاوِيَةَ الْقُشَّبِيرِيِّ عَنْ أَبِيهِ قَالَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا حَقُّ
رَوْجَةِ أَحَدِنَا عَلَيْهِ قَالَ «أَنْ تُطْعِمَهَا إِذَا طَعْمَتْ وَتَكْسُبُهَا إِذَا أَكْتَسَبَتْ
- أَوْ أَكْتَسَبَتْ - وَلَا تَضْرِبِ الْوَجْهَ وَلَا تُعْيَخْ وَلَا تَهْجُرْ إِلَّا فِي الْبَيْتِ
¹¹⁴..»

Daripada Ḥākim bin Mu‘āwiyah al-Qusyairī, daripada bapanya berkata: “Ya Rasulullah, apakah hak isteri kami terhadap setiap kami?”, Rasulullah SAW bersabda; “Iaitu kamu memberi dia makan jika kamu makan, dan memberi dia pakai, jika kamu pakai, dan tidak memukul wajahnya, tidak mencercanya, dan tidak mengasingkan tempat tidur kecuali di rumah.”

Pemakaian ini juga dapat difahami daripada kata-kata Ibn ‘Abbās iaitu pemakaian yang patut disediakan oleh seorang suami kepada isterinya ialah pakaian yang sama standard dan kelas seperti yang dipakai oleh suaminya. Ini kerana Ibn ‘Abbās berhias kepada isterinya sama seperti dia mengkehendaki isterinya berhias untuknya:

¹¹¹ ‘Abd Raḥmān bin Muḥammad Ibn Idrīs Ibn Abī Ḥātim, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, ed. As‘ad Muḥammad al-Tayyib, c.1 (Makkah: Maktabah Nizār Muṣṭafā al-Bāz, 1998), 1:430.

¹¹² Burhān al-Dīn Abī al-Hassan Ibrāhīm bin ‘Umar al-Baqā‘ī, *Nazm al-Darari fi Tanāsubi al-Āyāt wa al-Sūr*, ed. ‘Abd al-Razzāq Ghālib al-Mahdī, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995), 1:439.

¹¹³ Abī al-Fidā’ Ismā‘il Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, ed. ‘Abd Razak al-Mahdī, (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 2001), Surah al-Baqarah, ayat 229-230, 1:545.

¹¹⁴ Hadis riwayat Abū Dāud, Kitāb al-Nikāh, Bāb fī Haqqi al-Mar‘ah ‘ala Zaujhā, no. Hadis 2144. Al-Albānī mengatakan hadis ini sebagai ḥassan ṣaḥīḥ. Lihat Abū Dāud Sulaimān bin Asy‘ath al-Sajastānī, *Sunan Abī Dāud*, ed. Wizārah al-Auqāf Al-Miṣriyyah (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabī, t.t), 2:210.

وقال وكيع، عن بشير بن سليمان، عن عكرمة عن ابن عباس، قال: إني لأحب أن أتزين للمرأة كما أحب أن تزين لي المرأة، لأن الله يقول {وَلَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ} ورواه ابن جرير وابن أبي حاتم.

Daripada Ibn ‘Abbās berkata: “Aku suka berhias untuk isteriku, sebagaimana aku suka dia berhias untukku, kerana memahami maksud firman Allah SWT iaitu {وَلَهُنَّ

{مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ}” Diriwayatkan oleh Ibn Jarīr dan Ibn Abī Ḥātim.¹¹⁵

Kesimpulan oleh mufasirin daripada pengertian nafkah pakaian yang wajib diberikan kepada isteri adalah pakaian yang mampu memenuhi ciri-ciri berikut:

- 1) Pakaian yang mampu menutup aurat.
- 2) Pakaian yang boleh dipakai untuk bersolat.
- 3) Pakaian yang disempurnakan perhiasannya dan kelengkapannya.
- 4) Pakaian yang sama taraf dengan apa yang dipakai oleh suami (berdasarkan kata-kata Ibn ‘Abbās)

Perbincangan fuqaha terhadap nafkah pakaian pula lebih berkisar tentang berapa helai pakaian yang patut diberikan kepada isteri setiap tahun, dan sekiranya pakaian itu masih elok, adakah perlu diganti walaupun cukup setahun dan sekiranya rosak bagaimana pula keadaannya. Majoriti ulama menyarankan agar pakaian yang wajib diberikan ialah 2 helai setahun. Hal ini berdasarkan perkiraan 2 musim iaitu panas dan dingin yang kebiasaannya berlaku di tempat mereka.¹¹⁶ Terdapat juga pendapat lain yang mengatakan sekurang-kurangnya satu persalinan pakaian yang lengkap bagi

¹¹⁵ Hadis riwayat Al-Baihaqī, Kitāb al-Sunan al-Kubrā li al-Baihaqī, Bāb Haqqu al-Mar’ah ‘ala al-Rajul, no. Hadis 14728. Lihat Ahmad bin al-Ḥussain bin ‘Alī bin Mūsā Abū Bakr Al-Baihaqī, *Sunan al-Baihaqī al-Kubrā*, ed. Muḥammad ‘Abd Qādir ‘Aṭā’ (Makkah: Maktabah Dār al-Bāz, 1994), 7:482.

¹¹⁶ Al-Māwardī, *al-Ḥāwi*, 11: 433, Muḥammad ‘Arafah al-Dusūqī, *Hāsyiah al-Dusūqī ‘alā al-Syarḥ al-Kabīr*, (t.pt: Dār ‘Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, t.t), 2:513, Muḥammad bin Ahmad bin ‘Umar al-Syātīrī, *Syarḥ al-Yāqūt al-Nafīs fī Madhhab Ibn Idrīs*, c.2 (Saudi: Dār al-Minhāj, 2007), 667.

setahun.¹¹⁷ Al-Buhūtī pula menyatakan bahawa kadar paling minima untuk kecukupan (*kifāyah*) nafkah pakaian hendaklah yang lengkap dan menutup aurat.¹¹⁸

Kesimpulan daripada perbincangan ulama ini mendapati penentuan kadar pakaian hendaklah berdasarkan keperluan isteri sekira-kiranya mampu menutup auratnya dan berdasarkan ‘urf masyarakat di sesuatu tempat. Ia bukan berdasarkan kepada kadar yang tetap sama ada 2 helai atau sehelai pakaian setahun. Hal ini kerana ijтиhad para ulama hanya bersesuaian mengikut musim, keperluan dan ‘urf masyarakat pada waktu itu sahaja.

Perkara kedua yang dibincangkan oleh fuqaha ialah berkaitan dengan status pakaian isteri, adakah berdasarkan *kifāyah* (kecukupan) isteri atau berdasarkan *tamlīk* (pemilikan) isteri. Sekiranya berdasarkan *kifāyah*, maka pakaian yang rosak ataupun hilang perlulah diganti, namun jika berdasarkan *tamlīk*, suami tidak wajib menggantikan pakaian isterinya sekiranya pakaian itu rosak ataupun hilang kerana suami telah menunaikan tanggungjawabnya sebaik sahaja nafkah pakaian diserahkan kepada isteri. Walau bagaimanapun kebanyakkan fuqaha cenderung meletakkan pakaian isteri berdasarkan *tamlīk*¹¹⁹ untuk membezakan nafkah isteri dengan nafkah kerabat (termasuk juga nafkah anak) yang berdasarkan kepada *kifāyah*.¹²⁰

Walaupun begitu, menurut pendapat al-Juwainī, meletakkan ketetapan bahawa pakaian itu tidak perlu diganti semula disebabkan atas *tamlīk* semata-mata adalah

¹¹⁷ Al-Namlah, 4:687.

¹¹⁸ Mānsūr bin Yūnus bin Idrīs al-Buhūtī, *Kasyf al-Qinā‘ ‘an Matn al-Iqnā‘*, ed. Ibrāhīm Aḥmad ‘Abd Hāmid (Riyad: Dār ‘Ālim al-Kutub, 2003), 2814.

¹¹⁹ Pemilikan atau *tamlīk* menunjukkan bahawa nafkah isteri lebih kuat untuk ditunaikan kerana telah menjadi hak dan milik isteri tersebut setelah nafkahnya diserahkan oleh suaminya dan ia tidak gugur dengan pemberian daripada orang lain atau dengan cara lain seperti isteri tersebut yang mencari nafkahnya sendiri.

¹²⁰ Al-Buhūtī, 2821, Al-Namlah, 4:687, Muḥammad Ṣalīḥ ‘Uthaimīn, *Fiqh al-Nisā‘*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2008), 420-421.

sesuatu yang kurang tepat andai difahami konsep nafkah isteri berdasarkan *kifāyah* daripada nas syarak.¹²¹

2.3.1.3: Tempat Tinggal

Kewajipan menyediakan tempat tinggal kepada isteri dan anak-anak direkodkan dalam ayat 6, Surah al-Ṭalāq (65). Allah SWT berfirman:

أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ مِنْ وُجْدِكُمْ وَلَا تُضَارُوهُنَّ لِتُضَيِّقُوا عَلَيْهِنَّ
وَإِنْ كُنَّ أُولَاتِ حَمْلٍ فَأَنْفُقُوا عَلَيْهِنَّ حَتَّى يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ
فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ وَأُمِرُوا بَيْنَكُمْ إِعْرُوفٌ وَإِنْ تَعَاسِرُوهُنَّ فَسَرُّضُ لَهُ أُخْرَى

Tempatkanlah isteri-isteri itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu; dan janganlah kamu membuat sesuatu yang menyakiti mereka (di tempat tinggal itu) dengan tujuan hendak menyusahkan kedudukan mereka (supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu). Dan jika mereka berkeadaan sedang mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya; kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya; dan berundinglah sesama kamu (dalam hal penyusuan) dengan cara yang baik. Dan (sebaliknya) jika kamu (daripada kedua-dua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya.

Nafkah tempat tinggal difahami daripada jumlah (أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ), iaitu “Tempatkanlah isteri-isteri itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu”. Walaupun ayat ini ditujukan kepada isteri-isteri yang berada dalam idah talak,¹²² namun ia tidaklah menafikan hak isteri yang masih dalam ikatan perkahwinan untuk

¹²¹ Al-Juwainī, 438-439.

¹²² Al-Juwainī, 438-439, Al-Ṭabarī, 23:456, Abī Muḥammad Ḥussain bin Maṣ‘ūd bin Muḥammad al-Farā’ al-Baghwī, *al-Tahdhīb fī Fiqh Imām al-Syāfi’ī*, ed. ‘Ādil Aḥmad (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997), 5:111, Al-Qurṭubī, 18:166, Abū Ḥayyān al-Andalusī, 8:213, Muḥammad bin ‘Umar bin al-Hussain al-Rāzī, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī*, (t.t.p: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t), 1:4485.

turut mendapatkan hak tersebut bahkan kedudukannya lebih utama seperti penjelasan Ibn Qudamah terhadap ayat ini.¹²³

Apa yang penting dibincangkan di sini ialah, bagaimanakah tuntutan rumah yang perlu disediakan oleh suami. Hal ini disentuh pada frasa ayat (مِنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ مِنْ وُجْدِكُمْ) yang membawa beberapa maksud seperti:

- 1- Rumah tersebut mestilah milik suami atau yang suami berkuasa terhadapnya.¹²⁴
- 2- Menempatkan isteri pada sebahagian daripada tempat tinggal yang dimiliki oleh suami.¹²⁵

Al-Rāzī berpandangan seorang suami perlu menempatkan isterinya di sebuah rumah yang dimilikinya. Sekiranya suami tidak mampu menyediakan sebuah rumah, maka suami boleh menempatkan isteri di sebahagian bilik di rumah itu.¹²⁶ Sementara al-Baghwī berpendapat bahawa tempat tinggal yang dimaksudkan ialah tempat tinggal yang cukup, seperti rumah yang dimiliki suami, rumah sewa yang ditanggung kos sewaannya ataupun rumah yang dipinjam. Sekiranya rumah itu diambil balik oleh tuan rumah, suami perlu bertanggungjawab mendapatkan rumah yang lain bagi menempatkan isterinya.¹²⁷

Penyediaan rumah pula hendaklah berdasarkan kepada kesenangan dan kekayaan suami¹²⁸ sebagaimana yang ditafsirkan daripada kalimah (مِنْ وُجْدِكُمْ) oleh Ibn ‘Abbās dan Mujāhid. Ia juga bermaksud kesenangan dan kemampuan tertinggi suami.¹²⁹

¹²³ Mauqif al-Dīn ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Qudāmah, *Al-Mughnī*, (t.tp: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1985), 7:569.

¹²⁴ Ibn Kathīr, Surah al-Talak, ayat 6-7, 6:245.

¹²⁵ Al-Andalusī, 8:213.

¹²⁶ Al-Rāzī, 1:4485.

¹²⁷ Ibid.

¹²⁸ Ibn Kathīr, Surah al-Talak, ayat 6-7, 6:245, Abū al-Laith Naṣr bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Samarqandī, *Bahr al-‘Ulūm*, ed. Maḥmūd Muṭrajī (Beirut: Dār al-Fikr,t.t), 4: 330, ‘Abd Rahmān bin al-Kamāl Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *Al-Ddar al-Manthūr*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1993), 8:207, Al-Ṭabarī, 23:457.

¹²⁹ Al-Andalusī, 8:213.

Justeru, perbincangan mengenai nafkah tempat tinggal di atas dapat disimpulkan seperti berikut:

- 1) Rumah milik suami (Ibn Kathīr dan al-Rāzī).
- 2) Rumah yang suami berkuasa atau ada hak terhadapnya (Ibn Kathīr).
- 3) Sebahagian bilik daripada sebuah rumah sekiranya suami tidak mampu menyediakan sebuah rumah (Al-Rāzī)
- 4) Rumah yang ditanggung sewanya oleh suami (al-Bahgwī)
- 5) Rumah yang dipinjam (al-Bahgwī)

Kriteria pemilihan rumah di atas tidak bersifat bebas yang boleh dipilih oleh suami, sebaliknya perlu bersandarkan kepada kesenangan dan kemampuan tertinggi yang dimiliki suami berdasarkan syarat daripada frasa (وَنْ فِي جُنْحُنٍ) pada ayat 6, Surah al-Talāq (65) di atas. Ini bererti, suami yang mampu menyediakan sebuah rumah mampu milik adalah salah jika hanya menyediakan sebuah bilik sewa, seperti juga seorang suami yang mampu menyediakan rumah besar dan selesa adalah salah jika hanya menyediakan rumah sempit dan kecil.

Perbincangan fuqaha seterusnya mengenai apa yang dimaksudkan dengan rumah yang *syar'i* atau *dār al-syar'i* yang sepatutnya disediakan oleh suami untuk isteri. Perkara ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu *syar'i* dari segi fizikal dan *syar'i* dari segi spiritual. *Syar'i* dari segi fizikal adalah seperti menurut Ibn Abidin, iaitu antaranya:¹³⁰

- 1) Rumah yang boleh berkunci atau yang semaksud dengannya.
- 2) Tandas berada dalam rumah atau berdekatan dengan rumah sehingga isteri tidak perlu keluar terlalu jauh.
- 3) Perlu ada tempat memasak (dapur) dalam rumah dan tidak perlu berkongsi dengan

¹³⁰ Ibn 'Ābidīn, 599-602.

orang lain sekiranya suami mampu menyediakan.

Syar'i dari segi spiritual pula seperti hak isteri untuk berjiran dengan orang-orang yang soleh dan ditemani oleh mahram atau jiran perempuan yang dipercayai sekiranya suami ingin meninggalkan isterinya pada waktu malam dan rumah yang disediakan adalah tidak selamat sekiranya berseorangan.¹³¹ Selain itu, termasuk *syar'i* dari sudut ini seperti hak isteri untuk tidak berkongsi dengan orang lain di dalam rumahnya serta haknya untuk diziarahi oleh kedua-dua ibu bapa dan kerabatnya dalam selang masa yang tertentu. Hak untuk tidak berkongsi dengan orang lain termasuklah daripada kerabat suami dan mahramnya,¹³² kerabat isteri dan mahramnya, anak isterinya daripada suami yang lain atau anak suaminya daripada perempuan yang lain.¹³³

Hak untuk tidak berkongsi juga terpakai dalam kes poligami, iaitu isteri berhak mendapat rumah yang berasingan daripada madunya. Namun jika suaminya tidak mampu menyediakan rumah yang berasingan, suami dibolehkan menyediakan bilik-bilik dalam satu kediaman yang besar dengan memastikan bahawa setiap isteri tidak termudarat dari segi perasaan mereka.¹³⁴

Dalam Undang-Undang Personal Jordan, “*Qānūn al-Aḥwal al-Syakhsiyah*”, perkara 74,¹³⁵ ada menyatakan bahawa menjadi hak isteri untuk bersendirian di dalam rumahnya tanpa ada anak yang mumayiz atau mahram daripada lelaki ataupun anak yang mumayiz ataupun mahram daripada perempuan itu. Terkecuali daripada peruntukan ini ialah ibu bapa lelaki yang miskin lagi lemah tanpa ada orang lain selain

¹³¹ Ibid., 510.

¹³² Ibid.

¹³³ Ibid., 599-600

¹³⁴ Ibn Qudāmah, 7:226.

¹³⁵ Undang-Undang Personal Jordan, “*Qānūn al-Aḥwal al-Syakhsiyah*”, ini dirujuk dan dijadikan sebagai contoh berdasarkan contoh telah diberikan oleh penulis buku ini iaitu ‘Umar Sulaimān ‘Abd Allāh al-Asyqar, *Al-Wadih fī Sharḥ Qānūn al-Aḥwal al-Shakhsiyah al-’Urdunī*, Raqm 26, li ‘Ām 2010, (Jordan: Dar al-Nafais, 2012), 408.

suaminya yang boleh menyara kedua-dua ibu bapa itu. Hal ini dibenarkan dengan syarat ibu bapa lelaki tidak masuk campur dalam urusan rumahtangga suami dan isteri.¹³⁶

Dalam Undang-undang al-Ahwal al-Syakhsiyah, Emeriah Arab Bersatu, Perkara (83),¹³⁷ dinyatakan bahawa suami boleh menempatkan bersama-sama dengan isterinya:

- 1) Anak-anak daripada isterinya.
- 2) Anak-anak yang bukan daripada isteri itu sama ada lelaki ataupun perempuan walaupun yang telah baligh, kedua-dua ibu bapanya dan mahramnya yang perempuan. Ini dibenarkan dengan syarat, suami tersebut memang berkewajipan menjaga dan memberi tempat tinggal kepada kerabatnya dan rumah itu pula hendaklah luas dan mampu menempatkan mereka.¹³⁸

Termasuk tempat tinggal yang *syar'i* bagi seorang isteri ialah jaminan haknya untuk menziarahi dan diziarahi oleh ibu bapa dan kaum kerabatnya menurut pendapat yang jelas dalam mazhab Maliki dan Hanafi. Sementara mazhab-mazhab lain, tidak menyatakan perbahasan ini dalam nafkah tempat tinggal isteri. Al-Dusukī misalnya menyatakan suami tidak boleh menghalang ibu bapa isteri daripada menziarahinya seminggu sekali dan kerabat isteri daripada menziarahinya setahun sekali. Sekiranya seorang isteri mempunyai anak selain daripada anak suami (anak tiri) maka anak perempuan itu juga boleh menziarahinya malah untuk setiap hari.¹³⁹ Turut berpendapat sedemikian ialah Ibn 'Ābidīn,¹⁴⁰ Abū Yūsuf dan Ibn Nujaim.¹⁴¹

¹³⁶ Ibid.

¹³⁷ Undang-undang al-Ahwal al-Syakhsiyah, Emeriah Arab Bersatu ini dirujuk dan dijadikan sebagai contoh berdasarkan contoh telah diberikan oleh penulis buku ini iaitu Ahmad Muhamad Sādiq Namki, *Al-Ahwāl al-Syakhsiyah li al-Muslimīn: Dirāsah Muqāranah baina Fiqh al-Islāmī wa Masyrū'* *Qānūn al-Ahwāl al-Syakhsiyah al-Ittiḥadī li Daulah al-Immārāt al-'Arabiyyah al-Muttahidah*, (Dubai: Kulliyyah Syurṭah Dubayy, 1997), 230.

¹³⁸ Ibid.

¹³⁹ Ibn 'Ābidīn, 510.

¹⁴⁰ Ibid., 602

¹⁴¹ Ibid.

Perbincangan mengenai nafkah tempat tinggal isteri di atas, menunjukkan bahawa ia bukan sahaja perlu disediakan secara baik dan *syar'i* dari sudut fizikal malahan juga *syar'i* dari sudut spiritual seperti meraikan haknya untuk tidak berkongsi dengan orang lain dan haknya untuk menziarahi dan diziarahi.

2.3.1.4: Upah penyusuan untuk isteri

Upah penyusuan kepada isteri disentuh oleh ayat 6, Surah al-Talāq (65) iaitu pada ayat (فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَأَتُوْهُنَّ أُجُورَهُنَّ وَأَتَيْرُوا بَيْنَكُمْ بِمَعْرُوفٍ). Walaupun majoriti mufasirin seperti al-Samarqandī¹⁴², al-Jazā'irī¹⁴³ dan al-Māwardī¹⁴⁴ memperuntukkan ayat ini kepada ibu-ibu yang telah diceraikan, namun terdapat ulama lain seperti Ibn 'Ādil¹⁴⁵ dan Muḥammad bin Aḥmad al-Sharbīnī¹⁴⁶ yang berpandangan bahawa ayat tersebut juga boleh terpakai kepada ibu yang masih dalam ikatan perkahwinan sekiranya ibu itu menyusukan anaknya secara susuan badan.

Menurut Ibn 'Ādil¹⁴⁷ isteri yang masih dalam ikatan perkahwinan dan menerima nafkah, tidak dinafikan untuk menerima upah susuan sekiranya menyusukan anaknya. Ini turut disokong oleh al-Syarbīnī yang menyatakan harus bagi kesemua ibu yang masih dalam perkahwinan ataupun yang telah bercerai untuk mendapat upah penyusuan.¹⁴⁸

Ibn 'Ādil dan al-Sharbīnī menegaskan bahawa upah penyusuan ini bukan sebagai ganti kepada nafkah wajib, malah tambahan kepada nafkah wajib.¹⁴⁹ Walaupun

¹⁴² Al-Samarqandī, 3:441.

¹⁴³ Jābir bin Mūsā al-Jazā'irī, *Aisar al-Tafsīr li Kalām al-'Aliyy al-Kabīr*, (Madinah: Maktabah al-'Ulūm wa al-Hikam, 2003), 5:378.

¹⁴⁴ Abū al-Hassan 'Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Māwardī, *Al-Nakat wa al-'Uyūn*, ed. Al-Sayid bin 'Abd Maqsūd, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t), 6:33.

¹⁴⁵ Ibn 'Ādil, 4:169.

¹⁴⁶ Muḥammad bin Aḥmad al-Sharbīnī, *Tafsīr al-Sirāj al-Munīr*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t), 4:230.

¹⁴⁷ Ibn 'Ādil, 4:169.

¹⁴⁸ Muḥammad bin Aḥmad al-Sharbīnī, *Tafsīr al-Sirāj al-Munīr* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah,t.t), 4:229-230.

¹⁴⁹ Lihat Al-Sharbīnī, 4:229, Ibn 'Ādil, 4:169.

fuqaha tidak membahaskan upah penyusuan kepada isteri yang masih dalam perkahwinan sebagai salah satu nafkah wajib suami kepada isteri, namun fuqaha Malikiyyah dan Imam Mālik sendiri ada membincangkan. Antaranya ibu-ibu yang masih dalam ikatan perkahwinan yang menyusukan anaknya patut diberikan makanan tambahan agar dapat menguatkan dan membekalkan nutrien yang cukup kepada mereka.¹⁵⁰

Justeru, walaupun upah penyusuan adalah lebih khusus bagi isteri yang telah diceraikan dan pada masa yang sama menyusukan anak-anak mereka, namun tidak dinafikan juga hak isteri yang masih dalam ikatan perkahwinan untuk mendapat upah tersebut sekiranya isteri menyusukan anak suaminya dengan susu badannya. Tugas menyusukan anak adalah satu tugas yang memerlukan pengorbanan tenaga, masa dan komitmen yang tinggi daripada seorang ibu. Pendapat ulama Malikiyyah yang mewajibkan makanan tambahan untuk ibu yang menyusukan anak adalah sesuatu yang sangat wajar dan baik dalam meraikan tuntutan *ma’rūf* kepada mereka.

2.3.1.5: Nafkah atau Upah bagi Pembantu Isteri

Nafkah ataupun upah untuk pembantu isteri sama ada kepada pembantu yang merdeka ataupun pembantu hamba (*khādīm*)¹⁵¹ merupakan satu bahagian daripada nafkah isteri yang wajib ditunaikan oleh suami sama ada suaminya seorang yang kaya ataupun miskin. Ia merupakan pandangan majoriti ulama dan fuqaha al-Syāfi‘iyyah¹⁵² dan sebahagian pandangan ulama al-Hanafiyyah¹⁵³. Wajib menyediakan khadam untuk isteri atau upah pembantu isteri sekiranya suami itu mampu merupakan pendapat Abū

¹⁵⁰ Lihat Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs al-Qarrāfī, *al-Ddhākhira*, ed. Muḥammad Buḥaiẓah, c.1 (t.tp: Dār al-Gharbī al-Islāmī, 1994), 4:467, dan Al-Dusūqī, 2:509.

¹⁵¹ Al-Ramlī, 7:197

¹⁵² Lihat Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi‘ī Abū ‘Abd Allāh , *al-Umm*, ed. Maḥmud Maṣrajī (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002), 5:128-129, Muḥyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Syarṭ al-Nawawī, *al-Majmū‘ Syarḥ al-Muhaddhab* (Madīnah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiyyah, t.t), 18:256, Al-Māwardī, *al-Hāwī*, 11:420, Al-Ramlī, 7:197, dan Muḥammad al-Zuhailī, 4:282.

¹⁵³ Merupakan pendapat Muḥammad dan Abū Yūsuf, Lihat Muḥammad Ṣalīḥ ‘Uthaimīn, 389-390.

Ḩanīfah¹⁵⁴ dan sebahagian pendapat ulama al-Mālikiyah¹⁵⁵ dan Ḥanābilah.¹⁵⁶

Walaupun begitu, ulama bersetuju bahawa kewajipan untuk menyediakan pembantu bagi isteri adalah tertakluk kepada beberapa syarat:

- 1) Isteri tidak biasa berkerja menguruskan rumah sendiri.¹⁵⁷
- 2) Status sosioekonomi isteri melayakkannya untuk mendapat pembantu rumah seperti berstatus sosial tinggi dalam masyarakat seperti anak raja¹⁵⁸ ataupun kerana pekerjaan dan kedudukannya yang melayakkannya mendapat pembantu.¹⁵⁹
- 3) Isteri yang sakit.¹⁶⁰
- 4) Isteri yang memerlukan pembantu pada waktu-waktu tertentu bagi menguruskan kerja-kerja berat.¹⁶¹
- 5) Isteri beranak ramai.¹⁶²

Al-Buhūtī al-Ḥanbalī meluaskan lagi konsep pembantu rumah bukan hanya terhad kepada pembantu manusia, bahkan juga apa sahaja yang boleh melancarkan lagi pekerjaan menguruskan rumah tangga seperti penggunaan peralatan-peralatan dan kelengkapan yang memudahkan tugas isteri seperti alatan untuk memasak dan memanas.¹⁶³

Asas pandangan ulama mengenai kewajipan menyediakan pembantu kepada isteri berdasarkan ayat 19, Surah al-Nisā'.¹⁶⁴ Perbezaan ulama dalam menetapkan sama ada suami yang miskin wajib ataupun tidak wajib menyediakan

¹⁵⁴ Nazzām, *al-Fatāwā al-Hindiyah fī Madhhab Imām Abī Ḥanīfah* (t.tp: Dār al-Fikr, 1991), 1:570.

¹⁵⁵ Al-Qarrāfī, 468, al-Dusūqī, 2:510.

¹⁵⁶ Al-Buhūtī, 5816.

¹⁵⁷ Lihat Al-Nawawī, 18:256, Al-Ramlī, 7:197, Muḥammad al-Zuḥailī, 4:282, Al-Buhūtī, 2817

¹⁵⁸ Al-Qarrāfī, 468

¹⁵⁹ Al-Buhūtī, 2817

¹⁶⁰ Lihat Al-Nawawī, 18:256, Al-Ramlī, 7:197

¹⁶¹ Al-Ramlī, 7:197.

¹⁶² Muḥammad Ṣāliḥ ‘Uthaimīn, 389-390.

¹⁶³ Al-Buhūtī, 2815

¹⁶⁴ Al-Buhūtī, 5816, Al-Māwardī, *al-Ḥāwī*, 11: 420.

nafkah *khadam* atau pembantu bagi isteri dan jumlah pembantu yang perlu disediakan, bukanlah atas dasar perbezaan dalil tetapi lebih kepada perbezaan ‘urf masyarakat pada zaman ulama itu.¹⁶⁵ Hal ini dikuatkan lagi apabila Imam al-Syāfi‘ī sendiri berhujah bahawa memberikan nafkah atau upah pembantu isteri adalah sesuatu yang *ma’rūf* pada zamannya kerana orang miskin pun memiliki *khadam*.¹⁶⁶

Menyantuni isteri dengan berbuat baik dan menolong apa sahaja yang boleh meringankan tugas isteri, tidak dapat dinafikan merupakan tuntutan yang jelas daripada nas syarak dan juga contoh yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW terhadap isteri-isteri Baginda. Al-Ramlī menegaskan bahawa walaupun dicatatkan Fatimah, anak Rasulullah SAW sendiri tidak mendapat pembantu (manusia) setelah meminta kepada Baginda SAW, namun Rasulullah SAW tidaklah pula menafikan hak Fatimah atau hak wanita-wanita lain mendapatkan pembantu rumah, kerana Fatimah sendiri meredai cadangan Rasulullah SAW untuk meringankan bebannya dengan cara lain.¹⁶⁷

Justeru, membantu isteri dengan menyediakan pembantu rumah ataupun peralatan yang dapat memudahkan kerja isteri dalam menguruskan rumah tangga merupakan tuntutan yang jelas dalam nafkah isteri. Meskipun begitu, pertimbangan ‘urf dan amalan masyarakat merupakan ukuran apabila mempertimbangkan nafkah atau upah pembantu isteri.

2.3.1.6: Perabot/ Perkakasan Rumah/ Pembersihan dan Perdandanan Diri

Fuqaha mahupun mufasirin tidak membincangkan secara terperinci mengenai keperluan isteri terhadap peralatan-peralatan yang diperlukan di dalam rumah. Kelonggaran dalam hal ini sebenarnya memberi ruang kebebasan kepada ulama untuk sentiasa berijtihad mengikut kesesuaian ‘urf masyarakat pada zaman mereka. Alatan dan perkakasan

¹⁶⁵ Muḥammad Ṣāliḥ ‘Uthaimīn, 389-390.

¹⁶⁶ Al-Shāfi‘ī, 5:128-129.

¹⁶⁷ Al-Ramlī, 7:197.

rumah yang menjadi keperluan manusia asasnya bertujuan untuk memberikan keselesaan melakukan aktiviti-aktiviti seperti pembersihan diri, perdandanan diri, memasak, makan dan minum, tidur, beristirahat dan beribadat.

Justeru, ulama mendatangkan ijтиhad dan cadangan mereka mengikut keadaan masyarakat pada waktu itu seperti perlu ada sekurang-kurangnya hamparan untuk tempat beristimta¹⁶⁸ dengan isteri,¹⁶⁹ menyediakan hamparan-hamparan dan tutupan-tutupan yang bersesuaian di dalam rumah¹⁷⁰ dan menyediakan keperluan-keperluan lain seperti pemanas dan penyejuk udara,¹⁷¹ perkakasan untuk makan dan minum, memasak dan sebagainya.¹⁷²

Alatan pembersihan dan perdandanan bagi isteri pula dibincangkan dengan lebih terperinci oleh fuqaha mungkin kerana ia lebih berkait rapat dengan keperluan diri isteri itu sendiri. Antara alatan kebersihan yang perlu disediakan untuk isteri seperti air dan sabun.¹⁷³ Ibn ‘Abidīn juga mendatangkan pendapat yang agak terpencil daripada sebahagian ulama Aḥnāf yang mengatakan bahawa air yang berkaitan dengan ibadah wanita seperti air untuk berwudu’ dan mandi janabah tidak menjadi kewajipan suami untuk menyediakannya kepada isterinya. Beliau bagaimanapun tidak menyatakan pandangannya sendiri.¹⁷⁴ Pendapat terpencil ini dilihat melepaskan tanggungjawab hal ehwal ibadat isteri kepada dirinya sendiri. Boleh jadi pendapat ini sesuai bagi tempat dan waktu itu yang bermungkinan harga air terlalu mahal atau kesukaran mendapatkan air. Apapun, pandangan ini dilihat bertentangan dengan nas syarak seperti firman Allah yang bermaksud:

¹⁶⁸ Muḥammad bin Ahmad bin ‘Umar al-Syātīrī, *Syarḥ al-Yāqūt al-Nafīs fī Madhhab Ibn Idrīs*, c.2 (Saudi: Dār al-Minhāj, 2007), 668, Al-Dusūqī 2:510, Muḥammad Ṣāliḥ ‘Uthaimīn 427.

¹⁶⁹ Al-Dusūqī, 2:513.

¹⁷⁰ Muḥammad al-Zuḥailī, 4:282.

¹⁷¹ Al-Namlah, 687.

¹⁷² Al-Ramlī, 7:195, Al-Baghwī, *al-Tahdhīb*, 6:334, Al-Qarrāfī, 470, Ibn ‘Abidīn, 577, Muḥammad Ṣāliḥ ‘Uthaimīn, 427 dan A-Namlah, 4:687.

¹⁷³ Ibn ‘Abidīn, 580.

Wahai orang-orang yang beriman! peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada neraka yang bahan-bahan bakarannya manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.

Al-Taḥrīm 66:6

Dalam bab perhiasan pula, sebagaimana yang dipersetujui ialah suami wajib menyediakan sikat dan minyak kepada isteri, iaitu satu set perapian yang paling asas. Sementara celak ataupun minyak wangi pula tidak wajib dan terserah kepada suami untuk memberikannya.¹⁷⁴ Walau bagaimanapun Al-Māwardī memasukkan celak dan minyak wangi sebagai alatan perapian yang paling asas di samping sikat dan minyak.¹⁷⁵ Sebahagian ulama lain pula berpendapat bahawa alatan persolekan,¹⁷⁶ inai dan barang kemas bukan merupakan perapian asas yang wajib disediakan suami.¹⁷⁷

Namun, asas kepada keperluan perapian seorang isteri pada sesuatu zaman banyak ditentukan oleh faktor amalan masyarakat pada waktu itu. Mungkin kerana itulah al-Dusūqī menyatakan bahawa perapi yang diperlukan seperti minyak, celak dan inai disebabkan jika tidak ada dandanannya seperti itu maka tidak sempurna.¹⁷⁸ Sempurna atau tidak, hanya boleh dirasakan oleh individu yang hidup pada zaman tersebut sesuai dengan amalan masyarakatnya.

2.3.1.7: Perubatan

Majoriti ulama dalam kitab muktamad mazhab-mazhab menyatakan bahawa kos perubatan isteri bukan merupakan nafkah yang wajib disediakan suami walaupun kos

¹⁷⁴ A-Juwainī, 442, Al-Ramlī, 195, Al-Qarrāfī 470.

¹⁷⁵ Al-Māwardī, *al-Hāwī*, 11:428-429 dan al-Syarbinī 3:431.

¹⁷⁶ Al-Qarrāfī, 470

¹⁷⁷ Al-Buhūtī, 2816.

¹⁷⁸ Al-Dusūqī, 2:510.

rawatan dan perubatan itu berkaitan dengan proses kelahiran anak suami dan yang berkaitan dengannya.¹⁷⁹

Kemuncak kepada dalil yang digunakan oleh sebahagian ulama ini adalah kerana isteri diumpamakan seperti rumah sewa, sekiranya rumah sewa rosak atau perlu dibaiki, maka tanggungjawab itu merupakan tanggungjawab tuan rumah (isteri itu sendiri) dan bukannya penyewa (suami).¹⁸⁰ Hal demikian ini juga termasuk berkaitan dengan pengurusan jenazah isteri yang bukan menjadi tanggungjawab suami kerana keseronokan bersama isteri hanya di dunia sahaja. Apabila telah terputus hubungan isteri dengan dunia (mati) maka suami sudah tidak perlu bertanggungjawab menafkah isterinya.¹⁸¹ Majoriti ulama al-Mālikiyah dan Syekh Nazzām al-Ḥanafiyyah pula meletakkan tanggungjawab yang berkaitan dengan proses kelahiran anak dan hal ehwal perbidanan atas tanggungjawab suami. Hal ini kerana suami turut bertanggungjawab atas kelahiran anaknya, walaupun begitu, kos perubatan isteri secara umumnya diletakkan atas tanggungjawab isteri itu sendiri.¹⁸²

Walau bagaimanapun, dalam kalangan ulama, ada yang menentang keras pendapat yang menyatakan bahawa nafkah perubatan adalah atas tanggungjawab isteri itu sendiri terutamanya apabila mengqiaskan isteri kepada rumah sewa antaranya ialah al-Nawawī, al-Syāṭirī dan Al-Sayyid Sābiq.¹⁸³

¹⁷⁹ Lihat kitab ulama al-Syafi'iyyah: Al-Māwardī, *al-Ḥāwī*, 11: 433, Al-Ramlī, 195, Al-Baghwī, *al-Tahdhīb*, 6:334, dan merupakan pendapat al-Syīrāzī dalam al-Muhadhdhab (lihat Al-Nawawī, 18: 253). Al-Ḥanafiyyah: Nazzām mengatakan bahawa majoriti ulama Ḥanafiyyah berpandangan tidak wajib nafkah perubatan isteri walaupun dalam bidang perbidanan. (Lihat: Nazzām, 571-572), dan Ḥanābilah: Al-Buhūtī, 2816.

¹⁸⁰ Al-Baghwī, *al-Tahdhīb*, 6:334 dan Al-Namlah, 4:677.

¹⁸¹ Al-Baghwī, *al-Tahdhīb*, 6: 334, dan menurut Al- Qairawānī ia juga menjadi sebahagian pendapat ulama Malikiyyah (lihat Abī Muḥammad ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Rahmān al-Qairawānī, *Al-Nawādir wa al-Ziyādāt*, ed. Muḥammad Ḥajjī (Beirut: Dār al-Gharbī al-Islāmi, 1999), 4:599-603)

¹⁸² Al-Qairawānī, 4:599-603, Al-Dusūqī, 2:509, Ibn ‘Ābidīn, 580.

¹⁸³ Al-Nawawī, 18: 255, Al-Syāṭirī, 671-672, dan Al-Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, (Kaherah: al-Fatḥ li T‘lām al-‘Arabī, t.t), 2:82.

Al-Nawawī misalnya berpendapat bahawa nafkah perubatan isteri adalah tanggungjawab suami berdasarkan hujah-hujah berikut:¹⁸⁴

- 1) Jika seorang pekerja sakit di tempat dia bekerja, maka menjadi tanggungjawab majikannya untuk menanggung bayaran perubatan pekerja dan bukannya pekerja itu sendiri yang membiayai perawatannya.¹⁸⁵
- 2) Pendapat-pendapat ulama yang menyamakan isteri dengan rumah sewa sehingga penyewa (suami) tidak bertanggungjawab terhadap kerosakan rumahnya (isteri yang sakit), adalah qias yang salah dan tertolak.
- 3) Bertentangan dengan objektif perkahwinan untuk saling berkasih sayang antara pasangan seperti mana firman Allah SWT (...). Isteri yang diperlakukan seperti rumah sewa tidak mungkin dapat menimbulkan perasaan ketenangan dan kasih sayang kepada pasangannya.
- 4) Sekiranya makanan dan lauk pauk diberi untuk menjaga nyawa dan kesihatan seorang isteri, maka perubatan adalah lebih utama untuk diberi apabila boleh mengancam nyawa dan kesihatan isteri.

Berasaskan pandangan al-Nawawī bolehlah disimpulkan bahawa nafkah perubatan isteri terhadap suami adalah wajib, walaupun menurut pandangan ijmak ulama sunat sahaja.¹⁸⁶ Turut menyokong al-Nawawī adalah ‘Umar al-Syāṭiriy yang berhujah antaranya:¹⁸⁷

- 1) Ulama yang mewajibkan pembantu untuk isteri dengan berdalilkan (وعاشروهن بالمعروف) lebih patut untuk berdalilkan dengan dalil yang sama dalam nafkah perubatan isteri.

¹⁸⁴ Al-Nawawī, 18: 255.

¹⁸⁵ Al-Nawawī mengqiaskan pekerja kepada isteri dan majikan kepada suami.

¹⁸⁶ Al-Nawawī, 18: 256.

¹⁸⁷ Al-Syāṭirī, 671

2) Apabila mengqiaskan perempuan dengan rumah sewa adalah secara terang-terangan memperlakukan perempuan semata-mata untuk kepuasan suami.

Al-Sayyid Sābiq juga mengatakan bahawa wajib nafkah perubatan diberikan kepada isteri kerana dalam hadis Hindun, Nabi mengarahkannya mengambil apa-apa yang menjadi kecukupannya dan anaknya. Kalimah (الرِّزْقُ) di dalam al-Qur'an juga bermaksud umum, iaitu apa sahaja yang menjadi keperluan isteri maka suami wajib menyediakan termasuk perubatannya.¹⁸⁸

Menurut al-Syāṭiriyy, ulama yang berpendapat wajibnya nafkah perubatan isteri atau yang berpendapat sebaliknya merupakan kelompok yang sama banyak. Antara yang mengatakan nafkah perubatan isteri adalah wajib terhadap suami termasuklah al-Syaukānī, sebahagian ulama al-Ḥanafiyah dan satu pandangan daripada ulama al-Mālikiyah.¹⁸⁹ Al-Syaukānī juga menegaskan bahawa hakim perlu mempertimbangkan perubatan isteri berdasarkan keperluan dan tidak boleh semata-mata menurut pandangan mazhab di tempat mereka¹⁹⁰

Muhammad al-Namlah walaupun cenderung kepada pendapat bahawa nafkah perubatan tidak wajib atas suami¹⁹¹ namun beliau mengakui bahawa keperluan asas seorang isteri yang diutarakannya adalah apa yang menjadi keperluan pada tahun itu sahaja (1501hijrah), dan ia tidak boleh diguna pakai pada tahun-tahun yang lain selepas beliau. Ini kerana item-item nafkah isteri perlu diteliti berdasarkan *tahqīq al-manād* dan ijtihad yang khas pada sesuatu zaman.¹⁹²

Meninjau peruntukan perubatan nafkah isteri dalam kanun undang-undang, ia telah lama dikanunkan bagi sesetengah negara umat Islam yang meletakkannya di bawah

¹⁸⁸ Al-Sayyid Sābiq, 2:82.

¹⁸⁹ Al-Syāṭirī, 671-672.

¹⁹⁰ Ibid., 672.

¹⁹¹ Al-Namlah, 4:677.

¹⁹² Ibid.

pembiayaan suami antaranya Undang-Undang Personal Jordan, “*Qānūn al-Aḥwal al-Syakhsiyah*”, perkara 59 (↔):¹⁹³

“Nafkah isteri adalah termasuk makanan, pakaian, tempat tinggal, perubatan yang munasabah, dan juga khidmat pembantu kepada isteri yang biasa mempunyai pembantu.”

Undang-undang ini juga telah memperuntukkan bahawa upah bagi perbidanan atau kos bagi urusan kelahiran (termasuk pembayaran hospital), wajib ditanggung oleh suami dengan kadar yang *ma’rūf*¹⁹⁴ dan pengurusan jenazah isteri haruslah ditanggung oleh suami sekiranya isteri mendahului suaminya.¹⁹⁵

Merujuk kepada Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 pula, peruntukan perubatan hanya dinyatakan dalam nafkah anak¹⁹⁶ tetapi tidak dinyatakan dalam peruntukan nafkah isteri kerana nafkah isteri hanya dinyatakan secara umum, iaitu yang memenuhi keperluan asas isteri.¹⁹⁷

2.3.2 Penentuan item-item nafkah isteri

Nas-nas syarak secara jelas telah menggariskan tiga item yang utama yang merupakan keperluan asas bagi seorang manusia sebagai item nafkah isteri iaitu makanan, tempat tinggal dan pakaian. Walaupun begitu, seorang isteri juga memerlukan keperluan-keperluan lain bagi menyempurnakan kehidupannya termasuklah makanan tambahan sewaktu hamil dan sakit, peralatan pembersihan dan perapian diri, perabot dan perkakasan rumahtangga, pembantu atau alat pemudah kerja rumahtangga serta perubatan seperti mana yang telah dibincangkan oleh para fuqaha.

¹⁹³ Undang-Undang Personal Jordan, “*Qānūn al-Aḥwal al-Syakhsiyah*”, Perkara 59 (↔). Lihat ‘Umar Sulaimān ‘Abd Allāh al-Asyqar, *Al-Wadīh fī Sharḥ Qānūn al-Aḥwal al-Shakhsiyah al-‘Urdūnī*, Raqm 26, li ‘Ām 2010, (Jordan: Dar al-Nafais, 2012), 203-205 & 408.

¹⁹⁴ Perkara 70, Ibid.

¹⁹⁵ Perkara 71, Ibid.

¹⁹⁶ Seksyen 72, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, *mengandungi pindaan terkini - P.U.(A)247/2002*

http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal_Original.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/d441586f0bd6767348256cef00297264?OpenDocument

¹⁹⁷ Seksyen 61 dan 70 (2), ibid.

Item-item tambahan nafkah (selain makanan, pakaian dan tempat tinggal) yang telah dibincangkan oleh fuqaha dalam kitab-kitab muktamad mazhab-mazhab tidak bermakna ia tidak boleh bertambah atau berkurang. Mungkin apa yang diperlukan pada zaman fuqaha itu tidak lagi diperlukan pada zaman ini dan apa yang tidak menjadi keperluan pada zaman mereka sangat menjadi keperluan pada masa sekarang. Justeru, item-item keperluan nafkah isteri yang lain, yang melengkapi keperluan asasnya perlu sentiasa diteliti dan diijtihadkan berdasarkan ‘urf masyarakat di sesebuah tempat seperti yang diutarakan sebelum ini.

2.3.3 Item-Item nafkah anak

2.3.3.1: Penyusuan

Antara item keperluan nafkah anak yang paling jelas adalah haknya untuk mendapatkan penyusuan. Ini seperti yang diterangkan pada ayat 233, Surah al-Baqarah (2);

* وَالْوَالِدَاتُ يُرِضِّعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَمِيلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتَمَّمَ الرَّضَاعَةُ

Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuannya.

Dan juga akhir ayat 6, Surah al-Țalāq (65);

فَإِنْ أَرَضَعْنَ لَكُمْ فَأَتُوهُنَّ أَجُورَهُنَّ وَأَتَمْرُوا بَيْنَكُمْ بِمَعْرُوفٍ وَإِنْ تَعَاسَرْتُمْ فَسَتَرْضُعُ لَهُ أُخْرَى

Kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya; dan berundinglah di antara kamu (dalam hal menyusunya) dengan cara yang baik. Dan (sebaliknya) jika kamu (daripada kedua-dua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya.

Al-Rāzī menyatakan nafkah penyusuan (الرضاع) adalah tanggungjawab bapa kepada anaknya.¹⁹⁸ Mufasirin dan fuqaha turut membincangkan adakah ibu juga bertanggungjawab kepada penyusuan anaknya iaitu dengan memaksudkan bahawa nafkah penyusuan tidak hanya tertakluk atas bapa, bahkan juga atas ibu. Dalam hal ini ulama mempunyai beberapa pandangan antaranya:

- 1-Ibu yang masih dalam perkahwinan wajib menyusukan anaknya sendiri sementara ibu yang telah bercerai tidak wajib menyusukan anaknya. Ini merupakan pendapat Ibn al-'Arabī yang mewakili mazhab al-Mālikī¹⁹⁹
- 2-Arahan penyusuan kepada ibu terhadap anaknya adalah arahan yang sunat sahaja, tidak kira sama ada ibu itu masih dalam ikatan perkahwinan ataupun yang telah diceraikan. Ini merupakan pendapat al-Rāzī²⁰⁰, al-Naisābūrī²⁰¹ dan al-Jaṣṣāṣ²⁰².

Pandangan di atas menunjukkan bahawa antara nafkah anak yang wajib disediakan oleh seorang bapa adalah nafkah penyusuan. Ibu pula merupakan orang yang paling layak menyusukan anaknya kerana keistimewaan sifat dan keperibadian ibu itu sendiri dan ia sangat dituntut oleh Islam.²⁰³ Antara keistimewaan susu ibu yang dikemukakan oleh ulama ialah:

1. Mempunyai ciri keistimewaan fizikal dalam memberikan khasiat terbaik kepada bayi berbanding susu lain.²⁰⁴
2. Mempunyai keistimewaan spiritual yang mengalirkkan akhlak dan adab seorang

¹⁹⁸ Muḥammad bin 'Umar bin al-Hussain al-Rāzī, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī* (t.tp: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t), 30:33.

¹⁹⁹ Ibn Al-'Arabī, Surah al-Ṭalāq, ayat 6-7, 4:288.

²⁰⁰ Al-Rāzī, 30:33.

²⁰¹ Al-Naisābūrī, 2:69.

²⁰² Al-Ṣābūnī, 1:355.

²⁰³ Al-Ṣābūnī, dan M. Afzal Wani, *The Islamic Law on Maintenance Of Women, Children, Parents & Other Relatives: Classical Principles and Modern Legislations In India And Muslim Countries*, (Kashmir: Upright Study Home, 1995), 223-225.

²⁰⁴ Al-Ṣābūnī, 1:355

ibu kepada anaknya.²⁰⁵

3. Menyeimbangkan keperibadian anak melalui pelukan dan kasih sayang ibu yang menyusukan bayinya.²⁰⁶
4. Menghasilkan seorang anak yang mempunyai personaliti yang kuat dan normal.²⁰⁷

2.3.3.2: Makanan, pakaian dan tempat tinggal

Pensyariatan item-item nafkah anak secara umumnya seperti juga pensyariatan item-item nafkah isteri yang meliputi makanan, pakaian dan tempat tinggal. Bagi item makanan dan pakaian anak, ulama mengistinbatkannya juga daripada dalil yang sama pensyariatan nafkah isteri iaitu ayat 233, Surah al-Baqarah (2); Allah SWT berfirman: (وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقٌ هُنَّ وَكُسُوتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ).

Al-Qurṭubī menyatakan frasa tersebut merupakan dalil asal atas kewajipan bapa memberi nafkah kepada anaknya dan bukan dalil asal bagi nafkah ibu walaupun jumlah ini tidak menafikan nafkah ibu.²⁰⁸ Ibn al-‘Arabī pula menyatakan Allah SWT menamakan pemberian nafkah anak kepada ibu dalam frasa di atas dengan menggunakan *damīr* (هُنَّ), ‘ibu-ibu’, kerana makanan sampai kepada anak melalui ibu. Ini juga seperti firman Allah SWT dalam item nafkah tempat tinggal bagi anak:

أَسْكُنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ مِنْ وُجُدِّكُمْ وَلَا تُضَارُوهُنَّ لِتُضَيِّقُوْا
عَلَيْهِنَّ وَإِنْ كُنَّ أُونَتَ حَمْلٍ فَانْفَقُوا عَلَيْهِنَّ حَتَّى يَضَعُنَ حَمْلَهُنَّ فَإِنْ
أَرَضَعْنَ لَكُمْ فَئَاتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ وَأَتْمِرُوا بَيْنَكُمْ بِمَعْرُوفٍ وَإِنْ
تَعَاسَرُتُمْ فَسَتَرْضُعُ لَهُ أُخْرَى

Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani idahnya) itu di kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu; dan

²⁰⁵ Ibid.

²⁰⁶ Ibid.

²⁰⁷ M. Afzal Wani.

²⁰⁸ Al-Qurṭubī, 18:172.

janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka (di tempat tinggal itu) dengan tujuan hendak menyusahkan kedudukan mereka (supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu). Dan jika mereka dalam keadaan sedang mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya; kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya; dan berundinglah sesama kamu (dalam hal menyusunya) dengan cara yang baik. dan (sebaliknya) jika kamu (daripada kedua-dua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya.

Ayat 6, Surah al-Ṭalāq (65)

Al-Qurṭubī dan Ibn al-‘Arabī bersetuju bahawa walaupun ayat di atas memperuntukkan nafkah tempat tinggal kepada ibu-ibu namun peruntukan itu disebabkan anak yang bersama isteri sama ada dalam kandungannya atau pemeliharannya. Ayat di atas juga memperuntukkan isteri yang telah diceraikan bukan sahaja mendapat tempat tinggal dalam masa idahnya bahkan masih layak untuk mendapat nafkah makanan dan pakaian oleh kerana dia mengandungkan anak bekas suaminya sehingga habis idahnya.

Ibn Hummām daripada fuqaha al-Ḥanafiyyah turut menegaskan bahawa nafkah anak adalah tanggungjawab bapa termasuk makanan, pakaian dan tempat tinggal malah lebih utama sekiranya difahami daripada maksud ayat **وعلى المولود له رزقهن وكسوتهن (بالمعرفة).** Berkata Ibn Hummām: “Apabila nafkah orang lain menjadi wajib disebabkannya (anak) maka kewajipan menunaikan nafkahnya (anak) menjadi lebih utama.”²⁰⁹ Justeru, keutamaan anak untuk mendapatkan nafkahnya meliputi makanan, pakaian dan tempat tinggal adalah jelas dan utama menjadi tanggungjawab bapa seperti nafkah ibu atau isteri.

²⁰⁹ Ibn Hummām, 411.

2.3.3.3: Perubatan dan Pendidikan

Fuqaha tidak membincangkan atau menyentuh mengenai nafkah bagi menanggung kos pendidikan atau perubatan sebagai item nafkah yang wajib dibiayai oleh seorang bapa. Ini berlaku mungkin disebabkan faktor keadaan pada waktu itu yang rata-ratanya pendidikan dan perubatan tidak melibatkan sebarang kos. Walaupun begitu keperluan tersebut tidak dinafikan sama penting dengan tiga item utama nafkah anak, bagi memastikan kelangsungan dan kemendirian anak pada masa hadapan.

Al-Buhūtī, walaupun menekankan tiga item utama dalam nafkah anak, mengakui bahawa pertambahan dan pengurangan item-item keperluan nafkah anak boleh berubah berdasarkan ‘urf.²¹⁰ ‘Urf pada masa sekarang yang menuntut kos daripada perubatan dan pendidikan menyebabkan ia perlu dikira sebagai item nafkah yang wajib dibiayai oleh bapa untuk anak-anaknya.

Kedua-dua item ini bukan sekadar keperluan tambahan seorang anak, namun merupakan keperluan asas yang dapat menjamin kelangsungan kesihatan dan kehidupan yang baik pada masa hadapan. Berdasarkan hal ini, maka kedua item ini telah pun dimaksukkan sebagai item nafkah yang wajib ditanggung oleh bapa dalam seksyen 72, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 di negara ini.

2.3.4 Penentuan item-item nafkah anak

Perbincangan fuqaha dalam kitab-kitab muktamad mazhab-mazhab lebih menekankan tiga item utama nafkah yang diperlukan oleh anak antaranya ialah makanan, pakaian dan tempat tinggal²¹¹ dengan nafkah penyusuan sebagai nafkah tambahan yang wajib kepada seorang anak.²¹² Ketiadaan mana-mana item nafkah dalam kitab muktamad mazhab-mazhab fiqh tidak membawa maksud bahawa seorang bapa tidak perlu

²¹⁰ Al-Buhūtī, 2878.

²¹¹ Al-Juwainī, 516.

²¹² Al-Baghwī, *al-Tahdhīb*, 6:378-379, Al-Buhūtī, 2837.

menanggung kos item-item seperti kos pendidikan, perubatan ataupun keperluan-keperluan anaknya yang lain.

Ketiadaan perbahasaan fuqaha dalam hal ini menunjukkan terdapatnya perbezaan dalam melihat perkara tersebut sebagai sesuatu yang perlu ditanggung kosnya kerana perbezaan '*urf*' pada waktu itu. Sehinggakan dalam hal ehwal kos perkahwinan anak, terdapat ulama yang berpandangan bahawa ibu-bapa juga harus untuk membantu anak-anak dalam membiayai majlis perkahwinan bagi mengelakkan kemaksiatan dan kemudaratan.²¹³

Turut sama ditekankan oleh M. Afzal Wani bahawa item-item keperluan nafkah anak bukanlah tertakluk kepada beberapa item tertentu, bahkan merangkumi kesemua keperluan kehidupan seorang anak termasuk makanan, kesihatan, pelajaran, kemahiran-kemahiran didikan dan kasih sayang kepada anak-anak.²¹⁴ Justeru, seperti item-item nafkah isteri, item-item nafkah anak juga yang dibina di atas '*urf*' dan amalan masyarakat perlu diijtihadkan berdasarkan keperluan semasa dan zaman pada waktu ia ditentukan.

2.4 KESIMPULAN

Item-item yang dikenal pasti menjadi pengiktibaran para fuqaha apabila menentukan nafkah isteri dan anak boleh diperbaiki mengikut nafkah-nafkah tersebut. Bagi item-item nafkah isteri, terdapat tiga item yang utama yang telah digariskan syarak dan dibincangkan oleh fuqaha iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal. Syarak juga telah menetapkan upah penyusuan sebagai satu item nafkah ibu yang telah diceraikan oleh suaminya tetapi masih menyusukan anak bekas suaminya itu.

²¹³ Al-Buhūtī, 2837.

²¹⁴ M. Afzal Wani, 227.

Fuqaha meluaskan lagi perbincangan dalam penentuan item-item nafkah isteri yang lain, antaranya makanan tambahan sewaktu hamil dan sakit, peralatan pembersihan dan perapian diri, perabot dan perkakasan rumah tangga, pembantu atau alat pemudah kerja rumah tangga serta rawatan perubatan isteri.

Bagi item-item nafkah anak pula, fuqaha lebih menekankan tiga item utama nafkah yang diperlukan oleh anak antaranya ialah makanan, pakaian dan tempat tinggal dengan nafkah penyusuan sebagai nafkah tambahan yang wajib kepada seorang anak.


BAB TIGA

KRITERIA DAN KAEADAH PENTAKSIRAN KADAR NAFKAH ISTERI DAN ANAK SECARA *KIFAYAH* DAN *MA'RUF* MENURUT PENTAFSIRAN MUFASSIRIN DAN FUQAHĀ

3.1: KRITERIA-KRITERIA PENTAKSIRAN NAFKAH ISTERI

Dalam bahagian ini, pengkaji telah mengeluarkan pandangan-pandangan mufassirin dan fuqaha bagi mendapatkan secara jelas kriteria serta kaedah pentaksiran nafkah menurut pentafsiran dan pandangan mereka. Setelah diteliti, pengkaji mendapati, terdapat dua kriteria yang jelas telah ditekankan oleh ulama-ulama ini seterusnya aspek-aspek dalam kriteria tersebut. Kriteria-kriteria ini dan aspek-aspeknya adalah seperti yang diterangkan dalam gambar rajah di bawah:

Rajah 3. 1. Kriteria Pentaksiran Nafkah Isteri



3.1.1: Kriteria *Ma'rūf*

Ma'rūf (المعروف) merupakan salah satu kriteria pentaksiran nafkah isteri seperti yang dinyatakan dalam nas-nas al-Qur'an dan hadis yang berkaitan dengan nafkah isteri. Ayat 233, Surah al-Baqarah (2) misalnya menyandarkan kalimah (رسوئه) (رَزْقُهُنَّ) dan (كُسُوتُهُنَّ)

pada kalimah (بالمعرفة). Juga hadis *wadā'* dan hadis Hindun yang menunjukkan pentaksiran nafkah kepada isteri hendaklah dengan pertimbangan *ma'rūf*.

Berbanding fuqaha, mufasirin lebih banyak membincangkan maksud *ma'rūf* yang ditafsirkan melalui nas-nas nafkah. Kalimah (بالمعرفة) pada jumlah (وَعَلَى الْمُؤْلُودِ لَهُ) Surah al-Baqarah, ayat 233, yang ditafsirkan oleh mufasirin boleh diringkaskan seperti berikut:

1. Pemberian nafkah kepada isteri perlu berjajaran secara positif dengan kemampuan dan kekayaan suami. Ini bermakna, semakin mampu dan kaya seorang suami, maka pemberian kadar nafkah perlulah semakin tinggi dan mudah kepada isteri. Ini merupakan pendapat tabiin seperti al-Dāḥāk²¹⁵ dan al-Samarqandī²¹⁶
2. *Ma'rūf* mengambil kira kemampuan dan keperluan kedua-dua pihak tanpa rasa kedekut ataupun membazir dan saling tidak memberatkan atau menyusahkan antara satu sama lain. Ini adalah tafsiran yang diberikan oleh al-Baidāwī,²¹⁷ al-Qurṭubī²¹⁸ dan al-Jaṣṣāṣ.
3. *Ma'rūf* menuntut suami dan isteri memberi yang terbaik kepada pasangan masing-masing, seperti menurut tafsiran al-Naisābūrī²¹⁹ dan Qādī Abū Muḥammad²²⁰.

²¹⁵ Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd Abū Ja'far al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'ān*, ed. Aḥmad Muḥammad Syākir, (t.p: Mu'assasah al-Risālah, 2000) 5:44, 'Abd Rahmān bin al-Kamāl Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *Al-Ddar al-Manthūr*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1993), 1:689, Abū Muḥammad al-Ḥussain bin Mas'ūd al-Baghwī, *Ma'ālim al-fī Tafsīr al-Qur'ān*, ed. 'Abd Razzāq al-Mahdī, (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 2000), 1:313.

²¹⁶ Abū al-Laith Naṣr bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Samarqandī, *Baḥr al-'Ulūm*, ed. Maḥmūd Muṭrajī (Beirut: Dār al-Fikr,t.t), 1:179.

²¹⁷ Nāṣir al-Dīn Abī al-Khayr 'Abd Allāh bin 'Umar al-Baidāwī, *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl*, cet.ke-2 (Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1968), 1:525.

²¹⁸ Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Ansārī al-Qurṭubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, (al-Qāhirah: Dār al-Siyāb, t.t), 3:163.

²¹⁹ Abū Ishāq Aḥmad bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Tha'labī al-Naisābūrī, *Al-Kasyf wa al-Bayān*, ed. Abī Muḥammad bin 'Āsyūr, c.1 (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 2002), 2:181.

²²⁰ Abū Muḥammad 'Abd Ḥaqq bin Ghālib bin 'Atiyyah al-'Andalusī, *Al-Muḥarrar al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-'Azīz*, ed. 'Abd Salām 'Abd al-Shāfi'ī Muḥammad (Lubnān: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1993), 1:301.

4. *Ma'rūf* disyaratkan bukan sahaja kepada suami atau isteri, bahkan diluaskan maksudnya dengan mengambil kira pandangan dan timbangan masyarakat setempat dan semasa. Ini termasuklah amalan masyarakat dan harga pasaran semasa pada waktu tersebut, sebagai mana tafsiran *ma'rūf* daripada Ibn Kathīr²²¹, Ibn 'Āsyūr²²², Ibn 'Ādil²²³ dan al-Jaṣṣāṣ²²⁴.
5. *Ma'rūf* membawa maksud bahawa kadar nafkah tidak boleh diqaskan dengan dalil syarak yang qat'ī yang tetap dan tidak berubah sepanjang zaman, merupakan tafsiran *ma'rūf* oleh Ibn 'Ādil²²⁵.

Kriteria *ma'rūf* seperti yang dibincangkan oleh ulama di atas, dapat dibahagikan kepada beberapa aspek iaitu:

3.1.1.1: Sosioekonomi Suami

Menurut Kamus Dewan Edisi ke-4, sosioekonomi adalah berkaitan dengan atau melibatkan faktor kemasyarakatan dan ekonomi.²²⁶ Bagi menentukan berapakah kadar nafkah isteri yang sepatutnya diterima, maka ulama membincangkan status sosioekonomi siapakah yang harus diikuti dalam menentukan kadar nafkah. Terdapat tiga pandangan utama iaitu pertama dengan bersandarkan kepada sosioekonomi suami sahaja, kedua, bersandarkan kepada keperluan dan sosioekonomi isteri sahaja, dan yang ketiga bersandarkan kepada sosioekonomi suami dan isteri.

Pengkaji mendapati pendapat yang paling jelas dalam perbincangan ulama menunjukkan hanya status sosioekonomi suami yang perlu diikuti berbanding status

²²¹ Abī al-Fidā' Ismā'īl Ibn Kathīr, *Tafsir al-Qur'ān al-'Azīm*, ed. 'Abd Razak al-Mahdzī (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 2001), Surah al-Baqarah, ayat 233, 2:568.

²²² Muḥammad al-Tāhir Ibn 'Āsyūr, *Tafsīr al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*, c.1 (Beirut: Mu'assasah al-Tārīkh, 2000), al-Baqarah, ayat 233, 2:411.

²²³ Abū Ḥafṣ 'Umar bin 'Alī Ibn 'Ādil, *al-Lubāb fī 'Ulūm al-Kitāb*, ed. 'Ādil Aḥmad 'Abd Maujūd, c.1 (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998), 19:174-176.

²²⁴ Abī Bakr Aḥmad bin 'Alī al-Rāzī al-Jaṣṣāṣ, *Aḥkām al-Qur'ān*, ed. 'Abd Salām Muḥammad 'Alī Syāhīn, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t), 1:489.

²²⁵ Ibn 'Ādil, 19:174-176.

²²⁶ Laman sesawang *Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka*, dicapai pada 7 Oktober 2013, entri "sosioekonomi", <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=sosioekonomi>.

sosioekonomi isteri dalam mentaksirkan nafkah isteri. Jumhur ulama bersetuju bahawa suami dan isteri yang berlatarbelakangkan sosioekonomi yang sama perlu memberikan nafkah kepada isteri mereka dengan kadar kebiasaan perbelanjaan nafkah pada kebiasaan status mereka. Ini bermaksud, sekiranya suami dan isteri daripada sosioekonomi yang tinggi, maka nafkah yang perlu diberikan adalah mengikut status sosioekonomi yang tinggi. Walau bagaimanapun, ulama berbeza pandangan sekiranya suami ataupun isteri adalah daripada sosioekonomi yang berbeza.

Fuqaha al-Syāfi‘iyyah berpandangan penentuan kadar nafkah isteri hanya dilihat pada status sosioekonomi suami sahaja. Ini bermaksud, walaupun isteri itu daripada golongan orang yang berada dan biasa berbelanja mewah, tetapi apabila berkahwin dengan suaminya daripada sosioekonomi miskin, maka kadar nafkahnya adalah mengikut kadar nafkah orang miskin.²²⁷ Ini berdasarkan ayat 7 Surah al-Talāq (65) yang menyatakan hal tersebut:

لِيُنْفِقَ دُونَ سَعَةٍ مِّنْ سَعْتِهِ وَمَنْ قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلَا يُنْفِقْ مِمَّا إِنَّهُ
اللَّهُ لَا يُكَافِئُ اللَّهَ نَفْسًا إِلَّا مَا إِنَّهَا سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا



Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah dia memberi nafkah daripada apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepada-Nya. (orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.

Walaupun dalam hadis Hindun binti Utbah Rasulullah SAW membenarkan isteri mengambil apa yang mencukupi dirinya dan anaknya, al-Nawawī menegaskan apa yang

²²⁷ Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Syarṭ al-Nawawī, *al-Majmū‘ Syarḥ al-Muhaddhab* (Madīnah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiyyah, t.t), 18:249.

diambil itu tidaklah terkeluar daripada kemampuan seorang suami. Sekiranya kadar nafkah ditentukan dengan mengikut keperluan dan hajat isteri tanpa ada had, maka hakim akan sukar membuat keputusan dan kes tidak akan dapat diselesaikan.²²⁸

Al-Māwardī turut menyokong dengan menyatakan nas sebenar mengenai cara penetapan kadar nafkah isteri berdasarkan ayat 7 Surah al-Ṭalāq sahaja. Sementara nas-nas lain seperti ayat 233 Surah al-Baqarah dan hadis Hindun yang sering dihujahkan oleh golongan yang menyokong pertimbangan sosioekonomi isteri bukanlah dalil sebenar bagi pentaksiran kadar nafkah isteri.²²⁹ Beliau menegaskan maksud *ma'rūf* dalam hadis Hindun ialah seorang isteri boleh mengambil apa yang cukup untuknya dalam lingkungan kemampuan sosioekonomi suaminya sahaja.²³⁰

Tiga lagi ulama dalam mazhab al-Syāfi'ī turut menyokong bahawa penetapan kadar nafkah isteri adalah mengikut sosioekonomi suami iaitu al-Ramlī,²³¹ Ibn Farā' al-Baghwī²³² dan 'Umar al-Syātirī²³³.

Namun, dalam menetapkan kadar nafkah isteri, tidak semua ulama mazhab al-Syāfi'ī bersetuju bahawa kadar nafkah itu perlu ditetapkan sebaik sahaja berlakunya perkahwinan, sebaliknya, kadar nafkah adalah mengikut keperluan isteri tersebut tanpa ada ukuran tertentu. Hanya sekiranya berlaku perbalahan dan perselisihan, maka nafkah boleh ditaksirkan oleh hakim mengikut kadar nafkah yang bersesuaian.²³⁴

Pandangan yang didokong oleh ulama al-Syāfi'iyyah juga sebenarnya merupakan pandangan yang terkuat dalam mazhab Ḥanafī, iaitu asas utama dalam

²²⁸ Ibid., 18:250-251.

²²⁹ Abī al-Ḥassan 'Alī bin Muḥammad bin Ḥussain al-Māwardī, *al-Ḥāwī al-Kabīr*, ed. 'Alī Muḥammad Mu'awwad dan 'Ādil Aḥmad 'Abd Maujūd (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1999), 11:423.

²³⁰ Ibid.

²³¹ Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-'Abbās al-Ramlī, *Nihāyah al-Muhtāj ilā Syarḥ al-Minhāj* (t.tp: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1967), 7:188.

²³² Abī Muḥammad Ḥussain bin Mas'ūd bin Muḥammad al-Farā' al-Baghwī, *al-Tahdhīb fi Fiqh Imām al-Syāfi'ī*, ed. 'Ādil Aḥmad (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997), 6:324-332.

²³³ Muḥammad bin Aḥmad bin 'Umar al-Syātirī, *Syarḥ al-Yāqūt al-Nafīs fī Madhhāb Ibn Idrīs*, c.2 (Saudi: Dār al-Minhāj, 2007), 668-667.

²³⁴ Al-Nawawī, 18: 249.

pentaksiran nafkah isteri adalah dengan melihat sosioekonomi suami sahaja. Walaupun terdapat ulama Ḥanafiyyah yang mempertimbangkan sosioekonomi isteri, namun hal itu hanya dipertimbangkan jika status isteri sama dengan status suami.

Sekiranya berbeza, hanya sosioekonomi suami yang dipertimbangkan.²³⁵ Ini kerana sekiranya seorang perempuan kaya berkahwin dengan lelaki yang miskin, ini bermaksud, perempuan itu reda untuk menerima nafkah seperti perempuan yang susah kerana telah sedia maklum akan hal suaminya itu. Mentaksir kadar nafkah isteri berdasarkan sosioekonomi lelaki juga adalah sabit berdasarkan firman Allah SWT pada ayat 7, Surah al-Ṭalāq (لينفق...).²³⁶ Pandangan ini juga sama seperti yang dipegang oleh Ibn Ḥazm al-Ẓāhirī berdasarkan daripada pemahaman dalil yang sama.²³⁷

Ulama yang mentaksirkan nafkah isteri hanya dengan melihat sosioekonomi suami turut mengutarakan hadis sahih yang menyokong pandangan tersebut antaranya:

أَخْبَرَنِي أَحْمَدُ بْنُ يُوسُفَ الْمُهَلَّبِيُّ النَّيْسَانِيُّ ثَنَا عُمَرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ رَزِينٍ ثَنَا سُفْيَانُ بْنُ حُسْنِيٍّ عَنْ دَاؤَدَ الْوَرَاقِ عَنْ سَعِيدِ بْنِ حَكِيمٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ مُعَاوِيَةَ الْقُشَيْرِيِّ قَالَ أَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فَقُلْتَ مَا تَقُولُ فِي نِسَائِنَا قَالَ أَطْعِمُوهُنَّ إِمَّا تَأْكُلُونَ وَأَكْسُوهُنَّ إِمَّا تَكْتُسُوهُنَّ لَا تَضْرِبُوهُنَّ لَا تُقْبِحُوهُنَّ²³⁸

Daripada Mu‘āwiyah al-Qusyairī, telah berkata, aku telah menemui Rasulullah SAW, aku telah berkata (bertanya kepada Rasulullah SAW) Bagaimanakah pula (hak-hak yang perlu kami tunaikan terhadap) isteri-isteri kami? Rasulullah SAW bersabda, “Berilah mereka makan apa yang kamu makan, dan berilah mereka pakaian seperti

²³⁵ Sila rujuk Muḥammad Amīn al-Syahīr Ibn ‘Ābidīn, *Hāsyiah Rad al-Mukhtār*, c.2 (Mesir: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Jalī, 1966), 1:575, Kamāl al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd Wāhid, Ibn al-Hummām, *Syarḥ Fath al- Qadīr ‘Ala al-Hidāyah: Syarḥ Bidāyah al-Mubtadī*, (Mesir: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Jalī, t.t), 4:380, dan Nazzām, *al-Fatāwā al-Hindīyyah fī Madhhāb Imām Abī Ḥanīfah* (t.p: Dār al-Fikr, 1991), 1:570-571.

²³⁶ Ibn al-Hummām, 4:380.

²³⁷ Ibn Ḥazm, 9:251.

²³⁸ Hadis riwayat Abū Dāud, Kitab al-Nikāh, Bab fī Ḥaqq al-Mar’ah ‘ala Zaujhā, no. Hadis 2144, dan al-Nasā’ī, Kitab ‘Ishrah al-Nisā’, Bab Ḥaqq al-Rajul ‘ala al-Marah, no. Hadis 9151. Lihat Sulaimān bin al-‘Ash’ath Abū Dāud, dalam *Sunan Abū Dāud*, ed. Muḥammad Muḥyī al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd (t.p: Dār al-Fikr, t.t), 2:245, dan Abū ‘Abd al-Rahmān al-Nasā’ī, dalam *Sunan al-Nasā’ī al-Kubrā*, ed. Sulaimān al-Bandārī, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1991), 5:363.

yang kamu pakai, dan jangan kamu memukul mereka dan
jangan kamu mencela mereka.”

Al-Syaukānī yang juga menyandarkan pendapatnya kepada pendapat di atas, turut menzahirkan pandangannya melalui tajuk bab kitabnya (*Nail al-Auṭār*) iaitu باب (اعتبار حال الزوج في النفقة).²³⁹ Menjawab pengiktibaran *kifāyah* isteri dalam hadis Hindun, beliau berpandangan, hadis tersebut tidak menunjukkan nafkah isteri perlu ditaksir berdasarkan keperluan isteri secara mutlak tetapi perlu disertakan secara *ma'rūf*, iaitu mengikut kemampuan suami.²⁴⁰ Ulama lain yang turut berpandangan sedemikian antaranya al-Şan'ānī²⁴¹ dan al-Sayyid Sābiq²⁴² kerana ia bertepatan dengan ayat 6-7 Surah al-Talāq.

Justeru, tidak hairanlah jika ayat 7 Surah al-Talāq (65) ini menjadi hujah atau dalil yang terkuat di sisi mazhab al-Syāfi'i dan juga pendapat yang jelas pada mazhab al-Ḥanafī iaitu penentuan kadar nafkah hendaklah dengan berpandukan sosioekonomi suami sahaja (pemberi nafkah) tanpa perlu melihat keadaan isteri (penerima nafkah).

3.1.1.2: Kemampuan Tertinggi Suami

Seorang suami yang berada pada tahap sosioekonomi yang rendah, tidak semestinya berlepas tangan dan pasrah terhadap statusnya yang miskin, namun masih mempunyai usaha dan kemampuan untuk berusaha dengan lebih kuat bagi mencari nafkah keluarganya.

Untuk memahami dengan lebih jelas mengenai aspek kemampuan tertinggi suami, nas al-Qur'an yang berkaitan akan dikupas melalui pentafsiran mufasirin terutamanya frasa (لَا تكْلِفَ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا) pada ayat 233, Surah al-Baqarah (2).

²³⁹ Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al-Shaukānī, *Nail al-Auṭār Sharh Muntaqā al-Akhbār min Ahādīth al-Sayyid al-Akhyār* (Kaherah: Maktabah Dār al-Turāth, t.t) 5:322-323.

²⁴⁰ Ibid., 5: 323.

²⁴¹ Muḥammad bin Ismā‘īl al-Şan'ānī, *Subul al-Salām*, ed. Muḥammad ‘Abd ‘Azīz al-Khaulī, c.4 (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turath al-‘Arabī), 5:317-318.

²⁴² Al-Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, (Kaherah: al-Fath li ‘i‘lam al-‘Arabi, t.t), 2: 116

Hasil kajian mendapati maksud frasa (لا يكفل الله نفسا إلا وسعها) dan ayat-ayat yang seerti dengannya di beberapa tempat dalam al-Qur'an menunjukkan Allah SWT mentaklifkan kepada seseorang agar bertanggungjawab terhadap apa yang terzahir daripada dirinya sahaja. Segala perbuatan dan kesalahan yang tidak terzahir yakni seperti dalam hati atau yang tidak disengajakan pula dimaafkan.

Dalam konteks nafkah, hal ini boleh membawa maksud bahawa apa yang terzahir daripada seorang suami sahaja yang boleh dipertanggungjawabkan terhadap suami tersebut, seperti kekayaan, ilmu, kemahiran dan tenaga. Manakala urusan batin seperti niat dan keikhlasan suami dalam memberikan nafkah untuk keluarganya adalah urusannya dengan Allah SWT dan tidak boleh dipertanggungjawabkan atau dihukumkan atas suami tersebut.

Daripada perbincangan di atas, kalimah (الوسع) *al-wus'u* membawa beberapa pengertian, antaranya:

- 1) Kemampuan tertinggi untuk melaksanakan yang terbaik oleh seseorang.²⁴³
- 2) Kemampuan yang tidak sampai kepada *al-masyaqqa*, iaitu kesusahan yang tidak mampu ditanggung oleh manusia biasa secara berterusan atau yang menyebabkan kemudarat. ²⁴⁴ Contoh kemampuan yang sampai kepada *al-masyaqqa* adalah seorang suami memilih untuk tidak makan (walaupun dengan sedikit makanan) sedangkan tubuh badan beliau amat memerlukan makanan ketika itu. Hal tersebut kerana beliau memberikan makanan yang secukupnya kepada isteri dan anak-anak beliau.
- 3) Kemampuan tersebut adalah satu kemampuan yang boleh dilaksanakan secara berterusan, konsisten, dan berulang-ulang.²⁴⁵
- 4) Kemampuan tersebut dapat dilihat dan diadili dari segi luaran.²⁴⁶

²⁴³ Ibn 'Asyūr, Surah al-Baqarah, ayat 233, 2:412 dan Al-Samarqandī, 1:215.

²⁴⁴ Ibn 'Asyūr, Surah al-Baqarah, ayat 286, 2: 596-597.

²⁴⁵ Al-Samarqandī, 1:215.

Hubungan antara sosioekonomi suami dengan kemampuan tertinggi suami

Walaupun seorang suami berada pada status sosioekonomi yang rendah, namun, tuntutan usaha dari segi kemampuan tertingginya adalah sama dengan suami yang berada pada sosioekonomi yang tinggi walaupun natijahnya berbeza. Kemampuan tertinggi menuntut seorang suami mengerahkan daya usaha, kepintaran, kemahiran dan kebolehannya pada tahap maksimum bagi membiayai keperluan keluarga sesuai dengan kelebihan yang telah Allah SWT anugerahkan kepada golongan lelaki seperti maksud firman Allah SWT:

“Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian daripada harta mereka...”

Al-Nisā’ 4: 34

3.1.1.3: Amalan masyarakat atau ‘urf

Dalam penafsiran hadis Hindun pada kalimah *ma’rūf*, Ibn Ḥajar menerangkan maksud *ma’rūf* di situ adalah ukuran kecukupan yang boleh diketahui dengan penilaian kebiasaan masyarakat ataupun ‘urf.²⁴⁷

Fuqaha pula lebih membincangkan mengenai penentuan nafkah adalah berdasarkan amalan masyarakat atau ‘urf mengikut sesuatu item nafkah seperti makanan dan pakaian. Misalnya dalam menentukan nafkah makanan, al-Nawawī²⁴⁸, al-Māwardī²⁴⁹ dan al-Ramlī²⁵⁰ berpandangan bahawa nafkah makanan itu perlu dilihat dalam bentuk keperluan semasa di suatu tempat atau mengikut ‘urf setempat.

²⁴⁶ Ibn ‘Asyūr, Surah al-Baqarah, ayat 286, 2: 596-597; Al-Samarqandī, 1, 215.

²⁴⁷ Ahmad bin ‘Alī Ibn Ḥajar, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. Muhibb al-Dīn al-Khāṭib, (Beirut: Dār al-Ma’rifah, t.t), 9:509.

²⁴⁸ Al-Nawawī, 18:252.

²⁴⁹ al-Māwardī, *al-Ḥāwī*, 11:426.

²⁵⁰ Al-Ramlī, 7:190

Sebagai contoh, al-Nawawī mendapati di utara Iskandariah, Mesir, sekiranya makanan disediakan dalam bentuk bijirin maka para isteri lebih sukar mengambil manfaatnya dengan segera pada waktu itu, tetapi jika disediakan dalam bentuk nilai mata wang maka manfaat yang lebih besar akan diperoleh oleh para isteri tersebut.²⁵¹

Udum ataupun lauk-pauk juga perlu disertakan bersama-sama makanan asasi untuk isteri. Al-Nawawī menjelaskan bahawa pemberian lauk-pauk bersama makanan asasi termasuk pemberian nafkah secara *ma'rūf*.²⁵² Menentukan kadar lauk-pauk, Imam al-Syāfi'ī dikatakan pernah berijtihad untuk memberikan 1 *ratl*²⁵³ daging setiap kali jumaat atau seminggu sekali sebagai nafkah isteri ketika di Mesir.²⁵⁴ Menurut al-Nawawī, pemberian berdasarkan kadar tersebut disebabkan Negara Mesir pada waktu itu kekurangan bekalan daging, namun jika sebaliknya, harus suami memberikan lebih daripada 1 *ratl* untuk isteri yang susah dan dua kali ganda untuk isteri yang kaya.²⁵⁵

Hal ini menunjukkan bahawa al-Nawawī sendiri bersetuju penetapan 1 *ratl* daging bagi setiap minggu oleh Imam al-Syāfi'ī bukanlah satu penetapan berupa fatwa tetapi lebih kepada cadangan disebabkan keadaan di Mesir pada waktu itu. Hal ini juga turut dipersetujui oleh al-Juwainī bahawa penetapan tersebut merupakan ijтиhad Imam al-Syāfi'ī untuk penduduk Mesir pada ketika itu, sedangkan timbangan mahupun jenis lauk sebenarnya boleh berubah.²⁵⁶

Muhammad al-Zuhailī pula berpandangan bahawa pemberian makanan asasi beserta lauk-pauk dan makanan tambahan yang lain merupakan amalan daripada

²⁵¹ Al-Nawawī, 18:252.

²⁵² Ibid.

²⁵³ Lihat *Lisān al-'Arab*, 1 *Ratl* bersamaan dengan 12 'Auqiyah (Mata wang Arab) dan 1 'Auqiyah bersamaan dengan 40 Dirham. Justeru 1 *Ratl* bersamaan dengan 480 Dirham, entri "Ratl" (Laman sesawang *al-Bāhith*, dicapai 3 April 2013, <http://www.baheth.info/all.jsp?term=%D8%B1%D8%B7%D9%84>).

²⁵⁴ Al-Nawawī, 18:254.

²⁵⁵ Ibid.

²⁵⁶ 'Abd Mālik bin 'Abd Allāh bin Yūsuf al-Juwainī, *Nihāyah al-Maṭlab fī Dirāyah al-Madhab*, ed. 'Abd al-'Azīm Maḥmud al-Dīb, c.1 (Jidah: Dār al-Minhāj, 2008), 430.

pemahaman *ma'rūf* daripada firman Allah SWT (وعاشرو هن بالمعروف) dan ia ditentukan berdasarkan adat setempat dan kemampuan suami.²⁵⁷

Bagi penentuan nafkah pakaian berdasarkan amalan masyarakat ataupun '*urf* yang dibincangkan dalam kalangan fuqaha boleh dilihat apabila majoriti fuqaha menyarankan agar nafkah pakaian yang wajib diberikan kepada isteri ialah 2 helai setahun. Hal ini berdasarkan perkiraan 2 musim iaitu panas dan dingin yang kebiasaannya berlaku di tempat mereka.²⁵⁸

Terdapat juga pendapat lain yang mengatakan sekurang-kurangnya satu persalinan pakaian yang lengkap bagi setahun.²⁵⁹ Walau bagaimanapun, hujah ini tidaklah menolak pendapat-pendapat lain yang berpandangan bahawa jumlah pakaian itu boleh berbeza kuantiti disebabkan keperluannya kerana dipengaruhi oleh musim, tempat dan cuaca di sesuatu kawasan malah ia boleh berubah berdasarkan keperluan dan harga pasaran. Menurut Ibn 'Ābidīn walaupun kebanyakkan ulama mengatakan pakaian itu ialah 2 helai setahun, namun kuantitinya boleh berbeza bergantung kepada keperluan, musim, tempat dan harga pasaran.²⁶⁰ Justeru, penentuan nafkah dengan mengikuti kriteria *ma'rūf* perlulah bersandarkan kepada amalan masyarakat atau '*urf* di sesuatu tempat.

3.1.2: Kriteria *Kifāyah*

Dalam hadis Hindun, Rasulullah SAW mengiktiraf *kifāyah* isteri dan anaknya apabila membenarkan Hindun mengambil kadar nafkah dirinya dan anaknya sekadar mencukupi keperluannya sahaja. Walaupun boleh dikatakan kecukupan seorang isteri

²⁵⁷ Muḥammad al-Zuḥailī, *al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Syafi'iyy*, (Damsyiq: Dār 'Ulūm, 2007), 4:280.

²⁵⁸ Al-Āwardī, *al-Hāwi*, 11: 433, Muḥammad 'Arafah al-Dusūqī, *Hāsyiah al-Dusūqī 'alā al-Syarḥ al-Kabīr*, (t.tp: Dār 'Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, t.t), 2:513, Muḥammad bin Aḥmad bin 'Umar al-Syāṭirī, *Syarḥ al-Yāqūt al-Nafīs fī Madhhab Ibn Idrīs*, c.2 (Saudi: Dār al-Minhāj, 2007), 667.

²⁵⁹ Al-Namlah, 4:687.

²⁶⁰ Muḥammad Amīn al-Syahīr Ibn 'Ābidīn, *Hāsyiah Rad al-Mukhtār*, c.2 (Mesir: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Jalī, 1966), 1:580.

itu dipengaruhi oleh latar belakang sosioekonominya yang berbeza-beza antara satu kelas dengan kelas sosioekonomi yang lain ataupun antara seorang wanita dengan wanita yang lain, namun, sebagai seorang isteri yang hanyalah seorang manusia biasa maka tentulah memerlukan kepada keperluan asas yang sama dengan insan lain seperti makanan yang seimbang, pakaian yang menutup aurat, rumah yang tidak memudaratkan serta keperluan-keperluan lain seperti perubatan dan pengangkutan yang menjadi keperluan asas setiap manusia.

Tidak dapat dipastikan adakah ketidakcukupan yang menyebabkan Hindun mengambil sendiri nafkahnya dan nafkah anaknya secara rahsia merupakan ketidakcukupan yang dipengaruhi oleh status sosioekonomi keluarganya yang kaya ataupun ketidakcukupan keperluan asasnya. Walau bagaimanapun, kedua-dua kemungkinan di atas boleh berlaku.

Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī berpandangan, apa yang terjadi kepada Hindun berkemungkin kerana beliau tidak mendapat nafkah yang sepatutnya mengikut status suaminya sedangkan Abū Sufyān merupakan seorang yang kaya, tetapi Hindun hanya mendapat nafkah seperti seorang yang berstatus sosioekonomi sederhana sahaja.²⁶¹. Al-Khaṭṭābī juga mempunyai pandangan yang sama. Hal ini kerana status Abū Sufyān sebagai ketua kepada kaumnya maka tidak sewajarnya beliau gagal memberikan nafkah yang asas kepada Hindun dan anak-anaknya.

Penilaian terhadap ketidakcukupan dalam nafkah Hindun disebabkan suaminya gagal memberikan nafkah kepada hamba Hindun yang telah berkhidmat kepada mereka. Justeru, Hindun merasakan suaminya perlu memberikan nafkah kepada hambanya juga.²⁶² Oleh itu, Ibn Ḥajar dan juga al-Khaṭṭābī berpandangan bahawa nafkah yang

²⁶¹ Ibn Ḥajar, 15:226.

²⁶² Ibid.

gagal disempurnakan dalam kes Hindun merupakan nafkahnya dari sudut status sosial yang selayaknya Abū Sufyān sebagai seorang yang kaya memenuhi tanggungjawabnya.

Sementara al-Šan‘ānī berpandangan bahawa *kifāyah* Hindun yang dinafikan adalah *kifāyahnya* yang paling asas dengan menyifatkan bahawa hadis Hindun adalah dalil keharusan membalaas kezaliman seseorang yang berbuat zalim. Dalam hadis ini, Abū Sufyān telah berbuat zalim dengan tidak menunaikan hak asas nafkah Hindun dan anak-anaknya, justeru harus bagi Hindun untuk mengambil haknya walaupun tanpa pengetahuan Abū Sufyān. Al-Šan‘ānī menjelaskan lagi²⁶³ dengan firman Allah SWT:

وَجَزَّوْا سَيِّعَةً سَيِّعَةً مِّثْلًا فَمَنْ عَفَا وَأَصْلَحَ فَأَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ

Dan (jika kamu hendak membalaas maka) balasan sesuatu kejahatan ialah kejahatan yang bersamaan dengannya; dalam pada itu sesiapa yang memaafkan (kejahatan orang) dan berbuat baik (kepadanya), maka pahalanya tetap dijamin oleh Allah (dengan diberi balasan yang sebaik-baiknya). Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berlaku zalim.

Al-Syūrā 42: 40

Dan juga berdasarkan hadis Nabi SAW:

إِنْ تَرْكُوكُمْ بِقَوْمٍ فَأَمِرْ لَكُمْ إِمَّا يُنْبَغِي لِلضَّيْفِ فَأَقْبِلُوا فَإِنْ لَمْ يَفْعَلُوكُمْ فَخُذُوكُمْ
مِّنْهُمْ حَقُّ الضَّيْفِ.²⁶⁴

Sabda Rasulullah SAW: “Jika seorang kamu telah hadir sebagai tetamu kepada sesuatu kaum dan mereka menyediakan kepada kamu apa yang patut bagi kamu sebagai tetamu, maka terimalah, jika mereka tidak menyediakannya, maka ambillah daripada mereka apa yang patut sebagai hak seorang tetamu.”

²⁶³ Al-Šan‘ānī, 4:280-281.

²⁶⁴ Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Mazālim, Bab idha Khasamā Fajara, no. Hadis 2329, Lihat Muḥammad bin Ismā‘īl, Abū ‘Abd Allāh al-Bukhārī, “Šahīl al-Bukhārī,” dalam *al-Jāmi‘ al-Sahīl al-Mukhtaṣar*, ed. Muṣṭafā Dīb al-Bughā, c.3, (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1987), 2:868.

Justeru, mengikut pandangan al-Şan‘ānī, kadar nafkah Hindun yang dinafikan adalah kadar nafkahnya yang paling asas.

Perbincangan di atas menunjukkan terdapat dua kemungkinan yang boleh terjadi dalam hadis Hindun, iaitu sama ada Hindun dinafikan *kifāyah* nafkahnya mengikut sosioekonomi suaminya yang kaya, atau dinafikan *kifāyah* nafkahnya yang paling asas. Walau bagaimanapun, *kifāyah* seorang isteri yang paling asas merupakan satu tuntutan yang semestinya perlu disempurnakan oleh seorang suami walaupun hak sebenar seorang isteri mungkin akan lebih daripada keperluan asasnya apabila mengikut status sosioekonomi suaminya yang kaya.

Daripada pemahaman hadis Hindun di atas, *kifāyah* isteri boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat iaitu:

1. Keperluannya yang asas iaitu keperluannya yang sama seperti mana-mana wanita di dunia.
2. Keperluannya yang mengikut kelas kelompok masyarakatnya seperti Hindun yang memerlukan pembantu rumah mengikut kelas masyarakatnya yang kaya.
3. Keperluannya yang bersifat khusus.

Bagi keperluan khusus isteri, ia merupakan keperluan yang tidak sama dan tidak semestinya dikongsi oleh kelompok dalam kelas masyarakat isteri tersebut. Keperluan ini tidak pula semestinya bersifat *tahsiniyyāt*, malah boleh jadi bersifat *daruriyyāt*. Misalnya, seorang isteri yang menderita sakit buah pinggang, memerlukan rawatan dialisis buah pinggang pada setiap bulan, maka kos untuk merawat perubatannya merupakan keperluan nafkahnya yang khusus untuk dirinya dan mungkin tidak sama dengan wanita-wanita yang lain walaupun datang daripada kelas masyarakatnya yang sama.

Justeru meraikan keperluan asas isteri, keperluan kelas masyarakatnya dan keperluannya yang khusus merupakan pertimbangan-pertimbangan kecukupan yang perlu diraikan oleh seorang suami dalam memberikan nafkah yang secukupnya kepada isteri, ataupun hakim yang memutuskan kes-kes pentaksiran nafkah isteri.

3.2 KRITERIA-KRITERIA PENTAKSIRAN NAFKAH ANAK

Rajah 3.2 di bawah menunjukkan dua kriteria yang terlibat dalam pentaksiran nafkah anak seperti juga nafkah isteri, iaitu kriteria *ma'rūf* dan kriteria *kifāyah*.

Rajah 3.2 Kriteria Pentaksiran Nafkah Anak



3.2.1: Kriteria *Ma'rūf*

Pemahaman *ma'rūf* dalam nafkah anak boleh diistinbatkan pada jumlah *وَأَتْمِرُوا بِيَنْكُمْ* (وَأَتْمِرُوا بِيَنْكُمْ). *Al-Rāzī*²⁶⁵ telah merekodkan beberapa pandangan daripada tabiin terhadap jumlah tersebut seperti berikut:

- 1) 'Aṭā': Suami perlu memberikan pemberian yang baik.
- 2) Maqātil: Ayah dan ibu perlu saling meredai.
- 3) Al-Mabrad: Suami tidak mengurangi hak upah dan nafkah wanita yang menyusukan anaknya, dan wanita tersebut tidak mengurangi hak dan penyusuan untuk anak lelaki tersebut.

²⁶⁵ Muḥammad bin ‘Umar bin al-Ḥussain al-Rāzī, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī* (t.tp: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t), 30:33.

- 4) Pendapat yang lain: Bapa dan ibu perlu berbincang bersama sekiranya ibu susah untuk menyusukan anaknya.

Majoriti mufasirin bersetuju bahawa ayat ini adalah seruan kepada kedua-dua ibu bapa untuk berbincang secara baik dalam hal ehwal nafkah, penyusuan dan lain-lain yang berkaitan dengan anak mereka. Kesimpulan daripada perbincangan mufasirin terhadap pengertian *ma’rūf* dalam jumlah tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Keringanan daripada Allah SWT yang diberikan kepada ibu dan ayah untuk melaksanakan tanggungjawab berkaitan nafkah anak mengikut kemampuan mereka, seperti tafsiran al-Sharbīnī,²⁶⁶ al-Samarqandī²⁶⁷, al-Sa‘dī²⁶⁸ dan Ibn ‘Ādil²⁶⁹.
- 2) Perbincangan yang baik dan disepakati antara ibu dan bapa yang melibatkan keputusan nafkah anak, penyusuannya dengan hal ehwal yang berkaitan dengan anaknya, sebagai mana tafsiran yang diberikan oleh al-Zamakhsharī.²⁷⁰
- 3) Keputusan tersebut tidak sampai memudaratkan anak mereka ataupun pasangan masing-masing, daripada tafsiran Ibn Kathīr²⁷¹ dan Ibn al-‘Arabī.²⁷²
- 4) Perbincangan dan keputusan tersebut dapat diterima mengikut adat kebiasaan masyarakat dan ‘urf setempat, adalah daripada tafsiran al-Shanqītī²⁷³ dan Ibn al-‘Arabī.²⁷⁴

²⁶⁶ Muḥammad bin Aḥmad al-Sharbīnī, *Tafsīr al-Sirāj al-Munīr* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah,t.t), 4: 230.

²⁶⁷ Al-Samarqandī, 3:441.

²⁶⁸ ‘Abd al-Rahmān bin Nāṣir bin al-Sa‘dī, *Taisīr al-Qur’ān al-Rahmān fī Tafsīr Kalām al-Mannān*, ed. ‘Abd al-Rahmān bin Ma‘lā (t.tp: Mu’assasah al-Risālah, 2000), 1:871.

²⁶⁹ Ibn ‘Ādil, 19:171.

²⁷⁰ Abū al-Qāsim Maḥmūd bin ‘Umar al-Zamakhsharī, *al-Kassiyāf ‘an Haqā’iq wa ‘Uyūn al-‘Aqāwīl fī Wujūh al-Ta’wīl*, ed. ‘Abd Razzāq al-Mahdī (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.), 4:562-563.

²⁷¹ Ibn Kathīr, Surah al-Talāq, 6:246.

²⁷² Abū Bakr Muḥammad bin ‘Abd Allāh Ibn al-‘Arabī, *Ahkām al-Qur’ān*, ed. Muḥammad ‘Abd Qādir ‘Atā’, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), Surah al-Talāq, ayat 6-7, 4: 288.

²⁷³ Muḥammad al-Amīn bin Muḥammad al-Shanqītī, *Aḍwā’ al-Bayān fi Īdāh al-Qur’ān bi al-Qur’ān* (Lubnan: Dār al-Fikr li al-Ṭibā‘ah wa al-Nasyr wa al-Tauzī‘, 1995), 8:216.

²⁷⁴ Ibn al-‘Arabī, Surah al-Talaq, ayat 6, 4:295.

Aspek-aspek *ma'rūf* dalam nafkah anak

Berbanding aspek-aspek *ma'rūf* dalam nafkah isteri, terdapat satu aspek tambahan yang perlu dipertimbangkan dalam pentaksiran nafkah anak. Namun, tiga aspek yang tetap sama dan utama adalah pentaksiran nafkah anak perlulah mengikut sosioekonomi bapanya, kemampuan tertinggi bapa tersebut dalam mencari nafkah, dan perlu berdasarkan amalan masyarakat atau '*urf* di sesuatu tempat. Satu aspek tambahan dalam nafkah anak pula ialah nafkah anak perlu mengikut *al-hājjah* (keperluan) anak tersebut terhadap nafkah. Aspek-aspek ini dapat diterangkan lagi seperti berikut:

3.2.1.1: Mengikut sosioekonomi bapa dan kemampuan tertinggi beliau

Secara umumnya, penentuan kadar nafkah anak sama dengan penentuan kadar nafkah ibu. Ini disebabkan ulama mengistinbatkan penentuan nafkah anak juga daripada dalil-dalil yang mengistinbatkan penentuan nafkah ibu. Antaranya ayat 7, Surah al-*Talāq* (65), iaitu: (لَيُنْفِقُ دُوْسَعَةٍ مِّنْ سَعَتِهِ وَمَنْ قُبِرَ عَلَيْهِ رِزْقٌ فَلَيُنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ).

Ayat ini seperti yang dibahaskan dalam penentuan kadar nafkah ibu, juga telah dibahaskan oleh ulama bagi pentaksiran kadar nafkah anak. Ayat 233, Surah al-Baqarah (2) adalah juga nas yang menjadi tumpuan pengistinbatan ulama mengenai pentaksiran kadar nafkah anak seperti yang diutarakan oleh al-Qurṭubī²⁷⁵ dan ulama-ulama lain.

Justeru, seperti nafkah isteri yang perlu mengikut sosioekonomi suami, maka nafkah anak malah lebih perlu mengikut sosioekonomi bapanya mengikut kebanyakan pendapat ulama tanpa ada sebarang perbezaan pendapat.

3.2.1.2: Mengikut amalan masyarakat atau '*urf*

Penentuan nafkah anak dengan mengikuti kriteria *ma'rūf* juga tidak lari dari aspek berdasarkan amalan masyarakat atau '*urf* di sesuatu tempat. Ini berpandukan penafsiran

²⁷⁵ Al-Qurṭubī, 18:172.

ulama pada kalimah *ma'rūf* dalam ayat 6, Surah al-Talāq (65) seperti yang telah dibincangkan sebelum ini.²⁷⁶

Penilaian dan penentuan nafkah berdasarkan aspek ini adalah seperti yang dibincangkan dalam nafkah isteri sebagai mana menurut Ibn Hummām bahawa nafkah anak adalah tanggungjawab bapa termasuk makanan, pakaian dan tempat tinggal malah lebih utama sekiranya difahami daripada maksud ayat على المولود له رزقهن وكسوتهن (بالمعرفة).²⁷⁷ Al-Buhūtī menyatakan walaupun fuqaha lebih menekankan tiga item utama dalam nafkah anak, namun pertambahan dan pengurangan item-item keperluan nafkah anak boleh berubah berdasarkan 'urf.²⁷⁸

3.2.1.2: Mengikut *al-hājjah* (keperluan) anak terhadap nafkah:

Merujuk kepada ayat 233, Surah al-Baqarah (2); iaitu:

وَعَلَى الْمُولُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا
وُسْعَهَا لَا تُضَارَّ وَلِدَهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَهُ بِوَلَدِهِ وَعَلَى
الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ

...dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya; dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika si bapa tiada)...

Allah SWT memerintahkan agar bapa mahupun ibu tidak disusahkan dalam pengurusan anak-anak mereka. Galakkan untuk tidak menyusahkan mana-mana pihak dalam ayat di atas menyebabkan pentaksiran nafkah anak mempunyai sedikit perbezaan berbanding nafkah isteri. Untuk nafkah isteri, sekiranya isteri berharta, kekenyangan,

²⁷⁶ Lihat Muḥammad bin Muḥammad al-Shanqīṭī, *Adwā' al-Bayān fi 'Idāh al-Qur'ān bi al-Qur'ān* (Lubnan: Dār al-Fikr li al-Ṭibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tauzī', 1995), 8:216, dan Ibn al-'Arabiyy, Surah al-Talāq, ayat 6, 4:295.

²⁷⁷ Ibn Hummām, 411.

²⁷⁸ Al-Buhūtī, 2878.

atau terdapat nafkah kebelakangan yang tidak ditunaikan oleh suami, maka nafkah-nafkah tersebut adalah tetap dan tidak gugur.

Berbanding dengan nafkah anak, nafkahnya akan gugur sekiranya *al-hājjah* (keperluan) anak itu telah disempurnakan seperti anak telah kenyang dan mempunyai harta sendiri. ‘*Al-hājjah*’ ataupun ‘*sadd al-hājjah*’ yang bermaksud memenuhi keperluan merupakan aspek pentaksiran nafkah anak yang disyaratkan oleh majoriti ulama. ‘Abd al-‘Azīz ‘Āmir²⁷⁹ mengulas maksud *sadd al-hājjah* dalam nafkah anak seperti berikut:

- 1) Sekiranya nafkah anak tersebut rosak, hilang atau dicuri, maka nafkahnya perlu diganti semula kerana keperluannya belum dipenuhi.
- 2) Sekiranya nafkah yang telah berlalu, atau pada masa yang lampau, maka nafkah tersebut gugur kerana kehidupan anak itu pada waktu sekarang menunjukkan nafkahnya dipenuhi. Ini berbeza dengan nafkah isteri yang tidak gugur kerana asasnya bukan *sadd al-hājjah* tetapi kepada *ihtibas*. Oleh itu, nafkah isteri tidak gugur dengan berlalunya masa seperti gugur hal tersebut pada nafkah anak.
- 3) Nafkah anak gugur sekiranya anak itu seorang yang kaya atau berharta kerana *sadd al-hājjah* telah disempurnakan tetapi tidak bagi isteri yang kaya dan berharta. Nafkah isteri yang kaya tetap wajib bagi seorang suami.

Sadd al-hājjah sebenarnya ada dibincangkan oleh majoriti ulama secara tidak langsung terutamanya dalam syarat-syarat penerimaan nafkah anak. Antara syarat-syarat penerimaan nafkah anak ialah anak tersebut mestilah memerlukan atau berhajat kepada nafkah tersebut serta tidak mempunyai harta atau kemampuan sendiri untuk mendapatkan nafkahnya. Sekiranya anak itu berharta atau berkemampuan mencari harta sendiri dengan bekerja, maka kewajipan memberikan nafkah kepadanya gugur. Sementara syarat pembiaya nafkah anak pula mestilah mempunyai kekayaan atau

²⁷⁹ ‘Abd al-‘Azīz ‘Āmir, *Al-Aḥwāl Al-Syakhsiyah*, (Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabiyy, t.t), 439-442.

kemampuan untuk mencari nafkah untuk anaknya.²⁸⁰ Semua ini merupakan maksud *sadd al-hājjah* yang diistilahkan oleh sesetengah fuqaha²⁸¹ dan ia merupakan aspek pentaksiran nafkah yang berlainan dengan nafkah isteri.

Walaupun begitu, dalam membahaskan sama ada anak berhak bagi nafkah kebelakangannya yang dituntut di mahkamah, pengkaji berpandangan bahawa hal tersebut adalah harus dituntut dan tidak termasuk dalam kategori *al-hājjah* (keperluan) anak itu telah disempurnakan seperti yang dibincangkan oleh fuqaha di atas. Ini kerana kriteria penyempurnaan *al-hājjah* anak tersebut adalah seperti anak telah kenyang dan mempunyai harta sendiri.

Sebaliknya, nafkah kebelakangan anak yang dituntut oleh plaintif di mahkamah bukan berdasarkan anak tersebut telah kenyang atau mempunyai harta sendiri pada waktu yang lepas. Namun, di antaranya adalah disebabkan oleh kecuaian bapa atau pembiaya nafkah yang tidak memenuhi tanggungjawab terhadap anak tersebut. Justeru, tuntutan nafkah kebelakangan di mahkamah adalah berlainan dengan apa yang dibincangkan oleh pengkaji. Justeru, adalah jelas apabila tuntutan nafkah tunggakan anak boleh dituntut menerusi seksyen 77 apabila dilihat dalam Akta 303, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 sebagai misalnya.²⁸²

²⁸⁰ Al-Nawawī, 11: 298, Al-Baghwī, *al-Tahdhīb*, 6: 378-379, Al-Syātīrī, 673 dan Muḥammad al-Zuḥailī, *al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Syāfi'iyy*, (Damsyiq: Dār 'Ulūm, 2007), 4:289, Ibn al-'Ābidīn, 612, Ibn al-Hummām, 410-414, Nazzām, 1:584, Maṇṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Buhūtī, *Kasyf al-Qinā' 'an Matn al-Iqnā'*, ed. Ibrāhīm Ahmād 'Abd Hāmid (Riyad: Dār 'Alīm al-Kutub, 2003), 2833-2836, 'Abd al-Karīm bin 'Alī bin Muḥammad al-Namlah, *Taisīr Masā'il al-Fiqh Syarḥ al-Rauḍ al-Marba'*, c.1 (Kaherah: Maktabah al-Rushd, 2006), 695, Yūsuf Qāsim, *Huqūq al-Uṣrah*, (Kaherah: Dār al-Nahdah al-'Arabiyyah, 1984), 429, 'Abd al-'Azīz 'Āmir, 439-452, dan 528-548.

²⁸¹ 'Abd al-'Azīz 'Āmir, 439-442.

²⁸² Seksyen 77, Menuntut tunggakan Nafkah seseorang Anak, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, di capai pada 9 Mei 2012. http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal_Updated.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/633473c64eaa80a048256fd50001141a

3.2.2 Kriteria *Kifāyah*

Kriteria dalam penaksiran nafkah anak adalah *kifāyah* seperti yang dibincangkan dalam nafkah isteri. Ini adalah berdasarkan hadis Hindun yang sama iaitu pengiktibaran *kifāyah* bukan sahaja diperuntukkan untuk nafkah isteri (Hindun) malah juga kepada nafkah anak (anak Hindun) iaitu:

وعن عائشة رضي الله عنها ، قالت : قالت هند امرأة أبي سفيان للنبي صلى الله عليه وسلم - : إِنَّ أَبَا سُفْيَانَ رَجُلٌ شَحِيقٌ وَلَيْسَ يُعْطِينِي مَا يَكْفِيَنِي وَوَلَدِي إِلَّا مَا أَحَدْثُ مِنْهُ ، وَهُوَ لَا يَعْلَمُ ؟ قَالَ : « حُذِي مَا يَكْفِيَكَ وَوَلَدَكَ بِالْمَعْرُوفِ » . متفق عَلَيْهِ²⁸³.

Daripada ‘Āisyah Radīya Allāh ‘anhā, beliau telah berkata, telah berkata Hindun, isteri kepada Abū Sufyān kepada Nabi SAW, bahawa sesungguhnya Abū Sufyān itu seorang yang bakhil, dia tidak memberikan aku apa yang cukup bagiku dan untuk anakku, kecuali aku mengambil senyap-senyap daripadanya dengan dia tidak mengetahui. Berkata Rasulullah SAW, ambillah apa yang cukup bagimu dan anakmu secara yang patut.

(Hadis *muttafaq 'alaih*)

Pengiktibaran *kifāyah* dalam nafkah anak seperti yang dibincangkan dalam nafkah isteri mengikut pendapat yang paling kuat adalah melihat kepada *kifāyah adnā* anak tersebut. Ini merupakan maksud *kifāyah* nafkah yang telah memenuhi tuntutannya dalam hadis Hindun.

Ulama turut menghuraikan tuntutan *kifāyah* dalam nafkah anak antaranya memberikan kadar dan keperluan nafkah yang boleh menguatkan fizikal badan anak tersebut sehingga dapat menjauhkan kemudaratan daripada anak itu kini, mahupun akan datang seperti menurut pendapat al-Juwainī²⁸⁴

²⁸³ Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Nafaqāt, Bab Khidmah al-Rajul fi Ahlihī, no. hadis: 5049, dan Muslim, Kitab al-‘Aqdiyyah, Bab Qadiyyah Hindun, no. hadis 1714, Lihat Muḥammad bin Ismā‘īl, Abū ‘Abd Allāh al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” dalam *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, ed. Muṣṭafā Dīb al-Bughā, c.3, (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1987), 5:2052, dan Muslim bin Ḥajjāj Abū al-Ḥussain al-Qusyairī al-Naisābūrī, “Ṣaḥīḥ Muslim,” ed. Muḥammad Fu‘ad ‘Abd al-Bāqī, (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t), 3:1338

²⁸⁴ Al-Juwainī, 515.

Jika dicermati, huraian ini sebenarnya terangkum dalam aspek nafkah dalam bentuk makanan dan bukan makanan, seperti penempatan, pakaian, perubatan, pendidikan dan kemahiran-kemahiran. Hal ini kerana tuntutan ini diperlukan untuk mengelakkan kemudaratan pada waktu sekarang dan juga akan datang. Al-Syāṭirī pula menghuraikan *kifāyah* dalam aspek makanan iaitu memberikan anak makanan sehingga hampir kepada had kenyang. Menurut al-Syāṭirī lagi, ini adalah had yang wajib kerana kenyang itu sendiri adalah sesuatu yang tercela dan tidak baik.²⁸⁵

‘Abd al-‘Azīz ‘Āmir meluaskan lagi pengertian *kifāyah* dalam nafkah anak mencakupi segala keperluan nafkahnya; antaranya:²⁸⁶

1. Semua keperluan anak tersebut termasuk makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal, rawatan, ubatan dan juga penyusuan.
2. Makanan dan minuman hendaklah sesuai dengan umur anak.
3. Makanan asas perlu disertakan dengan makanan tambahan dan lauk-pauk yang lain.
4. Memberi makanan hingga anak tidak menderita kelaparan.
5. Sekiranya anak tersebut masih bayi atau masih kecil, maka bapa perlu menyediakan tempat tidur bayi, selimut, atau hamparan yang boleh menyelamatkannya daripada kesejukan.

Walaupun pengertian ini dilihat lebih terperinci dan menyeluruh, namun ia tidak berbeza daripada pengertian al-Juwainī sebelum ini iaitu *kifāyah* bermaksud apa sahaja yang boleh menguatkan fizikal tubuh dan dapat menjauhkan kemudaratan daripada anak itu pada masa sekarang mahupun akan datang.²⁸⁷

Jika melihat semula pengertian *kifāyah* makanan anak daripada al-Syāṭirī tuntutan menguatkan tubuh badan anak dengan syarat tidak berlebihan sehingga

²⁸⁵ Al-Syāṭirī, 647.

²⁸⁶ ‘Abd al-‘Azīz ‘Āmir, 452.

²⁸⁷ Al-Juwainī, 515.

kekenyangan, menunjukkan *kifāyah adnā* ini pada kadar yang diambil kira dalam nafkah anak. Had makanan yang tidak menyebabkan anak tersebut kelaparan dan tidak pula terlalu kenyang merupakan had kadar nafkah yang memenuhi keperluan asas manusia.

Kriteria *kifāyah* dalam pentaksiran nafkah anak boleh dibahagikan kepada beberapa aspek iaitu keperluan asas anak (umum), keperluannya mengikut kelas masyarakatnya dan keperluan khusus anak (individu) sama seperti aspek-aspek dalam kriteria *kifāyah* nafkah isteri.

Bagi keperluan asas nafkah anak, ia berbeza mengikut umurnya. Seorang bayi kecil hanya memerlukan susu ibu untuk memenuhi keperluan makanannya yang asas dan beberapa helai pakaian untuk membaluti tubuhnya. Bagi kanak-kanak, keperluan asasnya akan bertambah mengikut pertambahan umur dan keperluan kanak-kanak itu. Bagi anak-anak remaja pula, keperluannya mungkin sampai ke tahap perlu mendapatkan nafkah yang selayaknya mengikut kelompok masyarakatnya sama seperti yang dinikmati oleh rakan-rakannya antaranya mendapat kemahiran-kemahiran tambahan seperti tuisyen, kelas-kelas kemahiran dan sebagainya. Nafkah anak secara khusus pula diperlukan apabila anak tersebut memerlukan beberapa ubatan tambahan sekiranya menderita penyakit tertentu atau memerlukan rawatan insentif kerana kecederaan atau kemalangan.

3.3 KESIMPULAN KRITERIA *MA'RŪF* DAN *KIFĀYAH* DALAM NAFKAH ISTERI DAN ANAK

Untuk kriteria *ma'rūf* dalam pentaksiran nafkah isteri dan anak, terdapat tiga aspek yang perlu diberi perhatian iaitu sosioekonomi pembiaya, kemampuan tertinggi pembiaya dalam mengusahakan dan memberikan nafkah dan mengikut amalan

masyarakat atau ‘urf. Selain itu, terdapat satu aspek tambahan iaitu aspek *al-hājjah* yang perlu diteliti dalam pentaksiran nafkah anak. Aspek *al-hājjah* menekankan keperluan sebenar seorang anak dalam nafkah lebih diutamakan berbanding dengan melihat sosio ekonomi bapa (pembentukan) seperti dalam nafkah isteri.

Bagi kriteria *kifāyah* pula, pentaksiran nafkah haruslah melihat kepada keperluan asas pihak-pihak, keperluan mereka seperti mengikut keperluan kelompok masyarakat atau kelas sosial mereka dan juga keperluan mereka yang khusus.

Kedua-dua kriteria ini iaitu *kifāyah* dan *ma’rūf* merupakan kriteria-kriteria yang terpenting yang perlu diberi perhatian oleh bapa, pembentukan atau hakim yang ingin mentaksirkan kadar nafkah isteri dan anak.

Walau bagaimanapun dalam kajian ini, pengkaji tidak menafikan terdapat juga pertimbangan-pertimbangan lain yang perlu diperhatikan di samping kedua-dua kriteria tersebut seperti aspek *maqāsid al-syari‘ah*, *fiqh al-awlawiyāt*, dan juga kaedah-kaedah fiqh yang bersesuaian dalam tuntutan keperluan nafkah dan kadarnya.

Aspek *maqāsid al-syari‘ah* misalnya, meletakkan keperluan-keperluan serta kadar nafkah isteri dan anak perlulah dapat menjaga objektif penjagaan syariah iaitu agama, nyawa, keturunan, akal serta harta.

Keperluan-keperluan nafkah serta kadarnya dikatakan dapat menjaga agama apabila nafkah yang disediakan adalah halal dan mencukupi. Hal demikian ini selari dengan hadis yang telah disabda oleh Rasulullah SAW iaitu daging yang tumbuh daripada sumber yang haram hanya layak dibakar dengan api neraka²⁸⁸. Seorang suami atau bapa wajib memastikan nafkah yang diberikan adalah hasil daripada usahanya yang

²⁸⁸ Hadis riwayat al-Naisābūrī, Kitab al-At‘imah, Bab -, no. Hadis 7163 dan Ibn Hibban, Kitab al-Šalāh, Bab Faḍl Solawāt al-Khams, no. Hadis 1723. Lihat ‘Abd Allāh al-Ḥākim al-Naisābūrī dalam *al-Mustadrak ‘ala al-Šaḥīḥain*, ed. Muṣṭafā ‘Abd al-Qādīr ‘Aṭā’, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1990), 4:141, dan Muḥammad bin Ḥibbān bin Aḥmad Abū Ḥātim al-Tamīmī dalam *Saḥīḥ Ibn Ḥibbān*, ed. Syu‘āib al-Arnā’ūt, (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1993), 5:9.

halal. Nafkah yang tidak mencukupi juga memungkinkan seorang manusia mencari dan melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan syarak, seperti mencuri dan mengambil harta orang lain bagi memenuhi keperluan sendiri.

Nafkah yang diberikan juga perlu menjaga aspek maruah dan keturunan manusia. Apabila seorang suami atau bapa menyediakan nafkah pakaian kepada ahli keluarganya, maka pakaian tersebut perlulah mencukupi dan baik untuk memenuhi tuntutan menutup aurat. Begitu juga aspek tempat tinggal; antaranya rumah perlulah berkunci, selamat dan mempunyai bilik yang mencukupi untuk mengelak terjadinya kejadian sumbang mahram yang boleh mencemar keturunan dan maruah.

Nafkah yang disediakan juga perlu menjaga aspek nyawa dan akal manusia apabila keperluan tersebut serta kadarnya mencukupi dan datang daripada sumber-sumber yang baik dan tidak merosakkan akal. Seterusnya keperluan nafkah dan kadar yang diberikan perlulah meraikan aspek harta manusia apabila tidak berlaku sikap pemborosan, pembaziran ataupun terlalu kedekut dalam perbelanjaan harta dan rezeki yang telah dikurniakan oleh Allah SWT sama ada kepada pembiaya nafkah maupun penerima nafkah.

Fiqh al-awlawiyāt pula mengatur keutamaan bermula dengan keperluan asas (*daruriyyāt*), keperluan yang melengkapi (*hājiyyāt*) dan keperluan yang memperelokkan (*tahsiniyyāt*). Keutamaan ini perlulah diikuti dalam pemberian dan perbelanjaan nafkah.


Misalnya, apabila seorang suami atau bapa hanya mampu menyediakan duit untuk membeli keperluan-keperluan asas makanan keluarga, seperti beras, ikan dan sayur untuk satu bulan, maka penerima nafkah perlulah berbelanja dalam lingkungan tersebut tanpa berlebih-lebihan berbelanja pada perkara-perkara yang lain.

Begitu juga seorang bapa yang telah menyediakan pendidikan dan kemahiran yang memenuhi keperluan dunia dan ukhrawi yang semampunya untuk anak-anak

beliau tidak boleh dibebankan untuk menanggung perbelanjaan-perbelanjaan tambahan pengajian yang lain yang tidak bersifat keperluan seperti kelas belajar piano, kelas renang dan sebagainya sekiranya bapa tidak mampu.

Walau bagaimanapun, seorang bapa yang mampu untuk menyediakan pendidikan yang baik untuk anak-anaknya tetapi mengabaikan pendidikan yang baik kerana kedekut, maka ia telah menyalahi *fiqh al-awlawiyāt* yang meletakkan keutamaannya untuk membiayai pendidikan anak-anaknya dengan sempurna. Heirarki tuntutan nafkah daripada seorang suami atau bapa boleh digambarkan dalam gambar rajah dibawah. Ia bermula dengan memenuhi keperluan asas pihak-pihak, diikuti dengan keperluan melengkapi seterusnya keperluan memperelokkan:

Rajah 3.5: Heirarki Tuntutan Nafkah



Kaedah-kaedah fiqh yang berkaitan seperti *dar'i al-mafāsid awlā min jalb al-maṣāliḥ, mā lā yatimmu al-wājib illa bihī fahuwa wājib, akhaffu ḏararain, lā ḏarar wa lā ḏirār, al-masyaqqah tajlibu al-taisīr* dan sebagainya²⁸⁹ perlu juga dicermati apabila memberikan nafkah dan membelanjakannya oleh ahli sesebuah keluarga.

Walau bagaimanapun, bagi memfokuskan kepada objektif kajian ini iaitu mencadangkan panduan bagi penentuan kadar nafkah isteri dan anak secara jelas, maka tumpuan lebih diberikan kepada bagaimanakan penentuan kriteria *kifāyah* dan *ma'rūf*

²⁸⁹ Lihat ‘Alā‘ al-Dīn Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Sulaimān al-Mardāwī, *al-Taḥbīr Syarḥ al-Taḥrīr fī Uṣūl al-Fiqh*, ed. ‘Abd Rahmān al-Jibrīn dll., (Riyad: Maktabah al-Rusyd, 2000).

dapat ditentukan berbanding penentuan kriteria-kriteria dan aspek-aspek lain yang lebih bersifat subjektif.

3.4 PENENTUAN KADEAH PENTAKSIRAN KADAR NAFKAH ISTERI DAN ANAK MENURUT PERBINCANGAN ULAMA

Secara asasnya, meletakkan kadar tertentu pada nafkah isteri bukanlah amalan para ulama salaf dan khalaf sewaktu mereka memberikan nafkah kepada isteri-isteri mereka, namun penentuan kadar tersebut diperlukan apabila terjadinya perbalahan dan tuntutan antara suami isteri.²⁹⁰ Perbalahan dan tuntutan tersebut terjadi apabila pihak penerima nafkah merasakan nafkah yang diterimanya adalah tidak memadai dan pihak pemberi pula enggan untuk memenuhi tuntutan terhadapnya. Justeru, menentukan atau mentaksirkan kadar nafkah yang sepatutnya merupakan suatu kemaslahatan pada saat-saat yang ia memerlukan hal tersebut, malah, ia boleh menjadi wajib apabila syarak tidak menentukan perkara tersebut.²⁹¹

Antara fuqaha yang paling jelas meletakkan cadangan kadar nafkah isteri ialah Imam al-Syāfi‘ī. Hal ini kerana Imam al-Syāfi‘ī sendiri iaitu dalam *qaul jadidnya*, menyatakan kadar nafkah isteri bagi suami yang miskin adalah 1 mud (qias kepada kadar kafarah bersetubuh pada siang Ramadan)²⁹², 2 mud bagi suami yang kaya (qias kepada kafarah mencukur kepala sebelum menyempurnakan haji)²⁹³ dan 1 ½ mud bagi suami yang sederhana kehidupannya, iaitu satu kadar yang diijtihadkan oleh Imam al-

²⁹⁰ Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Umar al-Syātiরī, *Syarḥ al-Yāqūt al-Nafīs fī Madḥhab Ibn Idrīs*, c.2 (Saudi: Dār al-Minhāj, 2007), 668-667.

²⁹¹ ‘Abd al-Karīm bin ‘Alī bin Muḥammad al-Namlah, *Taisīr Masā’il al-Fiqh Syarḥ al-Raud al-Marba‘*, c.1 (Kaherah: Maktabah al-Rushd, 2006), 4:675.

²⁹² Kafarah bagi bersetubuh dengan isteri di siang Ramadan, iaitu memberi makan dengan 15 Sa’/gantang kurma kepada 60 orang miskin, 1 Sa’ = 4 mud, oleh itu setiap orang miskin mendapat 1 mud). Maksud Hadis, Riwayat al-Baihaqī, Kitab al-Nafaqāt, Bab Ḥabs al-rajul li’ahlihī qūt sanah. no. Hadis 15480. Lihat Aḥmad bin al-Ḥussain bin ‘Alī bin Mūsā Abū Bakr al-Baihaqī dalam *Sunan al-Baihaqī al-Kubrā*, ed. Muḥammad ‘Abd Qādir ‘Aṭā’ (Makkah: Maktabah Dār al-Bāz, 1994), 7:468.

²⁹³ Kafarah bagi mencukur kepala sebelum waktu tahlul ialah berpuasa 3 hari atau memberi makan 6 orang miskin setiap orang 2 mud atau menyembelih seekor kambing). Maksud Hadis, Riwayat al-Baihaqī, Kitab al-Ḥajj, Bab al-Takhyīr fī fidyah al-’adhā, no. Hadis 9575, 5:169.

Syāfi‘ī di antara dua kadar tadi.²⁹⁴ Walau bagaimanapun penentuan kadar nafkah isteri berdasarkan ijтиhad mazhab ini hanya diaplikasikan dalam makanan asasi yang berasaskan bijirin sahaja dan tidak termasuk lauk-pauk kerana lauk-pauk ditentukan dengan kecukupan dan kebiasaan isteri tersebut.²⁹⁵

Kadar nafkah yang bersifat tetap yang dicadangkan oleh Imam al-Syāfi‘ī ini telah mendapat bantahan yang ramai dalam kalangan mazhab fiqh yang empat termasuk Ibn Hummām,²⁹⁶ Syeikh Nazzām²⁹⁷ dan juga ulama al-Syāfi‘iyah sendiri seperti al-Nawawī.²⁹⁸ Antara faktor yang menyebabkan ijтиhad Imam al-Syāfi‘ī ditolak kerana wujudnya perbezaan antara hukum kafarah dengan hukum nafkah.

Kadar kafarah ditetapkan sebagai satu hak Allah sementara penetapan kadar nafkah adalah hak manusia. Kafarah hanya dibayar dengan makanan asasi seperti beras, gandum atau kurma sedangkan makanan nafkah yang perlu diberikan termasuk lauk dan seumpamanya.²⁹⁹ Walau bagaimanapun, majoriti ulama al-Syāfi‘iyah bersetuju dengan ijтиhad qias tersebut.³⁰⁰

Perbincangan dalam mazhab Mālikī pula mendapati Imam Mālik sebenarnya ada meletakkan kadar minimum nafkah isteri iaitu 1 mud *marwān* setiap hari, walaupun

²⁹⁴ Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi‘ī Abū ‘Abd Allāh , *al-Umm*, ed. Maḥmud Maṣraṭī (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002), 5:128-129.

²⁹⁵ Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-‘Abbas al-Ramlī, *Nihāyah al-Muhtāj ilā Syarḥ al-Minhāj*, (t.t.p: Maktabah Muṣṭafā al-Bāb al-Ḥalabī, 1967), 7:191-193.

²⁹⁶ Kamāl al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd Wāhid Ibn Hummām, *Syarḥ Fatḥ al-Qadīr ‘alā Hidāyah: Syarḥ Bidāyah al-Mubtadī* (Mesir: Syarikah al-Muṣṭafā al-Bāb al-Ḥalabī, t.t) 4:382.

²⁹⁷ Nazzām al-Dīn, *al-Fatāwā al-Hindiyah fī Madhhab Imām Abī Ḥanīfah* (t.t.p: Dār al-Fikr, 1991), 1:570-571.

²⁹⁸ Menurut al-Nawawī, di dalam ayat 7 Surah al-Talāq Allah SWT membezakan antara orang yang kaya dan orang yang miskin dan mereka berkewajipan memberikan nafkah mengikut kadar hal mereka dan kadar tersebut tidak dinyatakan secara jelas, maka kadar nafkah adalah tertakluk kepada ijтиhad hakim. Lihat: Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Syarf al-Nawawī, *al-Majmū‘ Syarḥ al-Muhaddhab* (Madīnah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiyyah, t.t), 18:249.

²⁹⁹ Muḥammad al-Namlah mengatakan bahawa qias tersebut adalah qias ma‘a al-fāriq, iaitu dua perkara yang berlainan ‘illah yang telah diqiaskan bersama kerana kafarah dikeluarkan atas hak Allah sementara nafkah berkaitan dengan hak manusia. Lihat Muḥammad al-Namlah, 4:686.

³⁰⁰ Lihat ‘Abd Mālik bin ‘Abd Allāh bin Yūsuf al-Juwainī, *Nihāyah al-Matlāb fī Dirāyah al-Madhhab*, ed. ‘Abd al-‘Azīz Maḥmud al-Dīb, c.1 (Jidah: Dār al-Minhāj, 2008), 15:419; Al-Māwardī, *al-Ḥāwī*, 11:423; Al-Ramlī 7:188; Abī Muḥammad Ḥussain bin Mas‘ūd bin Muḥammad al-Farā‘ al-Baghwī, *al-Tahdhīb fī Fiqh Imām al-Syāfi‘ī*, ed. ‘Ādil Aḥmad (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997), 6:324-332 dan ‘Umar al-Syātīrī, 668-667.

mazhab ini secara dasarnya menegaskan bahawa nafkah isteri adalah berdasarkan *kifāyah*nya tanpa kadar tertentu yang boleh ditetapkan.³⁰¹ Ini juga berlaku kepada beberapa ulama al-Mālikiyah yang lain seperti Ibn Qāsim³⁰² dan Ibn Ḥabīb.³⁰³ Kesemua kadar-kadar nafkah tersebut merupakan ijtihad daripada ulama mazhab ini adalah boleh berubah mengikut kekayaan, kesenangan dan turun naik harga pasaran seperti pendapat Ibn Mawaz al-Mālikī.³⁰⁴

Begitu juga dalam mazhab al-Ḥanbalī, al-Buhūtī³⁰⁵ menyatakan walaupun mereka berpegang kepada tiada ukuran tertentu bagi nafkah isteri, namun ada ijtihad pada kadar makanan tertentu yang dicadangkan dalam nafkah isteri antaranya dua *ratl* (رطلان) roti setiap hari untuk golongan kaya dan miskin, cuma yang membezakan pada sifat dan kualiti roti tersebut.³⁰⁶ Orang yang kaya, layak mendapat roti yang lebih baik (ناعم), lauk-pauk, daging dan susu menurut kebiasaanannya, sementara orang miskin pula layak mendapat roti yang agak kasar (خسکار) dan makan daging pada kadar sebulan sekali.³⁰⁷

Kadar-kadar tertentu yang dicadangkan dalam item-item makanan nafkah isteri oleh ulama-ulama mazhab di atas dilihat bertujuan memberi panduan kepada masyarakat atau bagi menyelesaikan perselisihan penentuan kadar nafkah isteri pada zaman itu. Mereka tidaklah bermaksud menjadikan kadar nafkah yang dicadangkan itu sebagai satu panduan tetap dan tidak berubah, walaupun berbeza pada zaman dan tempat, kecuali ijtihad Imam al-Syāfi‘ī yang dinyatakan sebelum ini.

³⁰¹ 1 mud marwan bersamaan 1, 1/3 mud Nabi SAW Dikatakan bahawa mud marwan adalah kadar pertengahan kenyang bagi orang-orang Mesir. (مد مروان وسط الشبع في الأمصار) Lihat Shihāb al-Dīn Ahmad bin Idrīs al-Qarrāfī, *al-Ddhākhīrah*, ed. Muḥammad Bukhaizah, c.1 (t.tp: Dār al-Gharbī al-Islāmī, 1994), 4:466.

³⁰² 1 waibah bersamaan 22 mud Nabi SAW, jadi 1 bulan isteri mendapat antara 55 mud-66 mud Nabi SAW Lihat : Abī Muḥammad ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Rahmān al-Qairawānī, *Al-Nawādir wa al-Ziyādāt*, ed. Muḥammad Ḥajjī (Beirut: Dār al-Gharbī al-Islāmī, 1999), 4:597.

³⁰³ Ibid

³⁰⁴ Ibid.

³⁰⁵ Manṣūr bin Yūnus bin Idrīs al-Buhūtī, *Kasyf al-Qinā‘ ‘an Matn al-Iqnā‘*, ed. Ibrāhim Aḥmad ‘Abd Hāmid (Riyad: Dār ‘Ālim al-Kutub, 2003), 7:2813.

³⁰⁶ Ibid.

³⁰⁷ Ibid., 7: 2814-2815.

Walau bagaimanapun, tidak semua ulama al-Syāfi‘iyyah bersetuju dengan penetapan kadar nafkah yang tetap tersebut seperti al-Nawawī. Dalam ijtihad Imam al-Syāfi‘ī sendiri mengenai kadar nafkah yang diqiaskan kepada kafarah adalah merupakan *qaul jadīdnya*, sementara dalam *qaul qadīmnya*, kadar nafkah isteri boleh berubah-ubah mengikut keperluan isteri.³⁰⁸ Boleh jadi apabila Imam al-Syāfi‘ī melihat kepada perbezaan situasi, kepelbagaian muamalah, transaksi dan keperluan manusia yang berlaku pada zaman sekarang, maka ijtihadnya mungkin berubah kepada *qaul* ketiga, keempat dan seterusnya.

Justeru, kajian ini mentarjihkan bahawa majoriti ulama bersetuju bahawa kadar *kifāyah* ataupun kecukupan nafkah isteri dan anak boleh ditentukan terutamanya apabila berlakunya perselisihan kadar nafkah antara pihak-pihak ataupun terdapatnya keperluan-keperluan bagi penentuan kadar tersebut.

3.5 KADEAH PENETAPAN KADAR *KIFĀYAH NAFKAH ISTERI*

Syeikh Nazzām melalui pendapat Abū Ḥanīfah dan Muḥammad telah meletakkan kadar bagi mentaksirkan serendah-rendah *kifāyah* dalam nafkah isteri mengikut kadar nafkah yang memenuhi keperluan isteri yang miskin. Ini kerana kadar nafkah isteri yang miskin telah memenuhi keperluan asas isteri, iaitu *kifāyahnya* yang paling minima. Ini dikuatkan lagi dengan pandangan ulama-ulama al-Hanafiyyah yang lain. Antara mereka ada yang berpendapat seorang suami yang kaya wajib membayai nafkah khadam isterinya mengikut kadar yang wajib diberikan oleh suami yang miskin kepada isterinya kerana kadar tersebut merupakan serendah-rendah kadar *kifāyah* atau kecukupan dalam nafkah isteri.³⁰⁹

³⁰⁸ Muḥammad al-Zuhailī, *al-Mu’tamad fī al-Fiqh al-Syāfi‘iyy*, (Damsyiq: Dār ‘Ulūm, 2007), 4:280.

³⁰⁹ Lihat Nazzām, 1:570. (إِنَّ الْزَوْجَ الْمُؤْسِرَ يَلْزَمُهُ مِنْ نَفْقَةِ الْخَادِمِ مَا يَلْزَمُ الْمَعْسَرَ مِنْ نَفْقَةِ امْرَأَتِهِ وَهُوَ أَدْنَى الْكَفَايَةِ)

Bukan sahaja ulama al-Ḥanafiyah, ulama al-Ḥanābilah seperti al-Buhūtī juga berpandangan bahawa apabila suami telah mampu menyediakan nafkah isterinya, walaupun hanya makanan asasi untuk setiap hari, maka suami tersebut boleh dianggap telah menyempurnakan nafkah isterinya yang wajib, tidak memudaratkannya dan telah memenuhi *kifāyah* nafkah isterinya.³¹⁰

Kadar *kifāyah* yang paling minima dalam nafkah isteri, tidak mustahil untuk ditentukan kerana semua manusia mempunyai keperluan asas yang sama. Oleh itu, penetapan kadar nafkah isteri, sekurang-kurangnya pada tahap *kifāyah*nya yang paling minima yang diistilahkan oleh Imam Abū Ḥanīfah dan Muḥammad sebagai ‘*adnā al-kifāyah*³¹¹ sebagai ‘*adnā al- kifāyah*³¹² atau *kifāyah adnā* yang diistilahkan dalam kajian ini sangat penting untuk dipastikan dan ditetapkan bertujuan menjamin keperluan asas isteri. Disebabkan hal itu, maka tidak menghairankan apabila syarak membenarkan isteri untuk memohon fasakh sekiranya kecukupan nafkah asas ini tidak mampu dipenuhi oleh suami, kerana kesannya mampu memudaratkan isteri tersebut.³¹³

3.6 KESIMPULAN

Dalam perbahasan kriteria-kriteria pentaksiran nafkah, terdapat dua kriteria yang telah dibincangkan oleh fuqaha dan dikenal pasti dalam kajian ini ketika mentaksirkan nafkah isteri dan anak iaitu kriteria *kifāyah* dan kriteria *ma’rūf*.

Kriteria *ma’rūf* menetapkan tiga elemen yang perlu dilihat dalam mentaksirkan nafkah isteri dan anak iaitu pertama dengan melihat sosioekonomi suami, kedua memeriksa kemampuan tertinggi suami dan ketiga menyemak pentaksiran nafkah

³¹⁰ Al-Buhūtī, 7:2829.

³¹¹ Nazzām, 1:570.

³¹² Nazzām, 1:570.

³¹³ Al-Buhūtī, 7:2828-2829.

dengan ‘urf’ semasa yang berlaku dalam masyarakat sewaktu pentaksiran nafkah tersebut dilakukan.

Bagi nafkah anak, terdapat satu elemen tambahan, iaitu eleman yang keempat dalam pentaksiran nafkah anak iaitu dengan melihat *al-hājjah* atau keperluan sebenar anak tersebut. Hal ini berbeza dengan nafkah isteri yang lebih ditentukan dengan melihat sosioekonomi suami. Manakala nafkah anak kurang tertakluk kepada sosioekonomi bapanya. Hal ini kerana keperluan sebenar anak tersebut perlu dilihat apabila mentaksirkan nafkah anak, walaupun anak tersebut berbapakan daripada seseorang yang berstatus sosioekonomi tinggi.

Kriteria *kifāyah* pula menetapkan kadar nafkah isteri dan anak perlulah memenuhi kecukupan dan keperluan mereka dengan melihat kebiasaan kecukupan dan keperluan mengikut status sosioekonomi dari mana keluarga tersebut tergolong. Ini dilakukan dengan melihat status bapa tersebut sama ada kaya, sederhana atau miskin. Kriteria *kifāyah* yang ditarjihkan oleh kajian ini bagi memastikan nafkah isteri dan anak tersebut mencukupi dan nafkah tersebut mestilah sekurang-kurangnya tidak mengurangi *kifāyah adnā* atau keperluan asas isteri dan anak. Ini merupakan pendapat yang telah disarankan oleh Imam Abū Ḥanīfah, Abū Yūsuf dan Muḥammad daripada mazhab Ḥanafī.

BAB EMPAT

PANDANGAN HAKIM-HAKIM DI MALAYSIA DALAM PENTAKSIRAN NAFKAH ISTERI DAN ANAK

4.1 PENDAHULUAN

4.1.1 Pengenalan

Bab ini bertujuan menilai sama ada pandangan dan amalan semasa oleh hakim-hakim di Malaysia dalam pentaksiran nafkah isteri dan anak menepati kriteria *kifāyah* dan *ma'rūf*. Untuk mencapai objektif ini, kajian lapangan berbentuk temu bual mendalam telah dijalankan ke atas para responden yang terdiri daripada hakim-hakim yang terpilih.

Turut juga diteliti adalah kes-kes pentaksiran nafkah yang dilaporkan dalam jurnal-jurnal perundangan. Hal ini bertujuan membuat perbandingan di antara pandangan yang telah dikemukakan oleh para responden (hakim) dan realiti penghakiman yang dilaporkan.

Dengan perbandingan tersebut, pengkaji cuba menganalisis sama ada pandangan hakim dalam pentaksiran nafkah isteri dan anak di mahkamah syariah menepati kriteria *kifāyah* dan *ma'rūf* seperti mana yang digariskan syarak dan dibincangkan oleh fuqaha.

Hakim-hakim terdiri daripada hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Mahkamah Tinggi Shah Alam dan Mahkamah Rendah Syariah di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Temu bual yang dijalankan pada bulan September sehingga bulan Mei 2013 ini memakan masa sekitar satu ke dua jam bagi seorang responden hakim.

4.1.2: Kaedah Kajian

4.1.2.1 Kaedah Temu bual Mendalam

Kaedah temu bual mendalam digunakan untuk mendapatkan pandangan para hakim mengenai pentaksiran nafkah isteri dan anak yang berlaku di mahkamah syariah. Justeru, persampelan bertujuan telah digunakan bagi mensasarkan responden hakim yang ingin ditemu bual. Pengkaji telah mensasarkan hakim-hakim tersebut terdiri daripada hakim mahkamah tinggi dan mahkamah rendah syariah di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Mode kajian adalah secara kualitatif. Justeru, kecukupan data dan ketepuannya lebih diutamakan berbanding bilangan responden yang perlu dicapai sebagai mana dalam kajian kuantitatif.

4.1.2.2 Soalan Temu Bual Separa Berstuktur

Hakim-hakim telah ditanya mengenai pandangan mereka berkaitan konsep *kifāyah* dan *ma'ruf* pada pentaksiran nafkah, kaedah pentaksiran nafkah, masalah yang berkaitan dengan pentaksiran nafkah dan hal-hal lain yang berbangkit. Hakim-hakim juga turut ditanya mengenai item-item nafkah yang diberi pengiktibaran dalam pentaksiran nafkah dalam penghakiman di mahkamah. Soalan temu bual adalah separa berstuktur bagi memberikan garis panduan pertanyaan kepada pengkaji dan juga bagi membolehkan pengkaji menyoal balas soalan-soalan yang relevan dan munasabah mengikut objektif kajian yang diingini.

4.1.2.3 Persampelan Bertujuan

Hakim-hakim telah dipilih melalui persampelan bertujuan bagi memperoleh data-data yang dikehendaki. Antara eleman pemilihan responden yang digariskan iaitu responden mestilah terdiri daripada hakim-hakim mahkamah tinggi syariah dan juga daripada mahkamah rendah syariah. Ini adalah bagi melihat kepelbagaiannya dalam pengalaman

penghakiman mengikut kesenioran. Hakim-hakim yang telah ditemu bual adalah seperti dalam Jadual 4.1 yang berikut:

Jadual 4. 1. Senarai Hakim yang Ditemu bual:

Bil	Nama Hakim	Mahkamah Syariah	Tarikh Temu bual
1.	Yang Arif Tuan Hj Walid Abu Hassan	(Tinggi) Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur	3 Mei 2013.
2.	Yang Arif Tuan Amran Mat Zin	(Tinggi) Wilayah Persekutuan, (Kuala Lumpur),	29 Mac 2013.
3.	Yang Arif Tuan Fauzi Mokhtar	(Tinggi) Shah Alam, Selangor	14 Disember 2012.
4.	Yang Arif Tuan Zainor Rasyid	(Tinggi) Shah Alam, Selangor	14 Disember 2012.
5.	Tuan Kamarulzaman bin Ali	(Rendah) Gombak Barat, Selangor	14 Febuari 2013.
6.	Tuan Drs Atras bin Mohamad Zin	(Rendah) Hulu Langat, Selangor.	18 Febuari 2013.
7.	Tuan Mohamad Fauzi bin Ismail	(Rendah) Kuala Langat, Selangor	14 Disember 2012.
8.	Tuan Wan Mahyuddin Wan Muhammad	(Rendah) Petaling Jaya, Selangor	18 Oktober 2012.
9.	Tuan Shaiful Azli bin Jamaludin	(Rendah) Gombak Timur, Selangor	27 September 2012.

4.1.2.4 Saiz Sampel:

Ukuran bagi saiz sampel responden dalam temu bual kualitatif adalah sehingga mencapai ketepuan data yang diingini. Ketepuan data adalah apabila data yang dikehendaki telah mengalami pengulangan yang berkali-kali. Ia adalah satu bentuk kepuasan dalam memperoleh data dan ia adalah satu konsep penting dalam kajian kualitatif.³¹⁴

Dalam kajian lapangan ini, ketepuan data dicapai apabila pengkaji menemu bual responden hakim yang ke tujuh. Walau bagaimanapun, pengkaji telah menambah bilangan responden ke-8 dan ke-9 untuk menguji sekiranya terdapat tema-tema atau idea-idea baru yang dibangkitkan. Apabila data temu bual responden yang ke-9 masih menunjukkan hasil yang sama, ini bermaksud tiada lagi keperluan untuk pengkaji menemu bual responden hakim yang seterusnya. Justeru, sembilan orang hakim yang ditemu bual telah mencapai tahap ketepuan data yang dikehendaki dalam kajian ini. Ia juga bermaksud kesahihan dan kebolehpercayaan dicapai dalam kerangka kajian kualitatif.

4.1.2.5 Prosedur Temu bual:

- 1) Mendapatkan keizinan untuk menemu bual hakim-hakim melalui surat permohonan yang dikemukakan kepada pihak Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM).
- 2) Menerusi perantara pegawai JKSM, pengkaji kemudiannya diberikan kebenaran untuk berhubung secara langsung dengan para pembantu hakim mahkamah tersebut untuk mengadakan janji temu dan mengemukakan soalan temu bual melalui surat rasmi khas kepada hakim tersebut.

³¹⁴ Brett Drake & Melissa Jonson-Reid, *Social Work Research Methods: From Conceptualization to Dissemination* (New York: Pearson Education Inc., 2007), 139-138

- 3) Setelah persetujuan disepakati, pengkaji hadir sendiri ke mahkamah untuk menemu bual hakim.
- 4) Temu bual yang dijalankan dicatat dan rakaman direkodkan dengan menggunakan alat perakam suara.
- 5) Setelah selesai sesi temu bual, pengkaji berterima kasih kepada para hakim yang terlibat sebagai tanda penghargaan di atas kesudian ditemu bual.

4.1.2.6 Penganalisaan Data:

Kaedah analisis kandungan (*content analysis*) diaplikasikan bagi menganalisis data temu bual hakim. Bagi tujuan tersebut, rakaman temu bual telah diulang dengar untuk membolehkan pengkaji menyediakan transkrip temu bual yang lengkap yang ditaip dalam bentuk dokumen.

Dokumen-dokumen ini kemudiannya dianalisis secara manual dan juga secara bantuan komputer dengan menggunakan perisian penganalisaan data kualitatif Atlas ti.

4.1.3. Nafkah Semasa, Nafkah Idah, Nafkah Tertunggak Dan Nafkah Sementara

Sebelum perbincangan mengenai pentaksiran nafkah oleh para hakim dibahaskan, pengkaji ingin membentangkan perbezaan antara nafkah semasa, nafkah idah, nafkah tertunggak dengan nafkah sementara dalam nafkah isteri dan anak.

Nafkah semasa bolehlah difahami sebagai nafkah yang wajib diberikan oleh suami kepada isteri dan anak-anaknya semasa dalam perkahwinan. Nafkah idah pula ialah nafkah yang dikhaskan kepada isteri yang telah ditalakkan yang wajib diberikan oleh suami dalam tempoh idah isteri tersebut.

Sementara nafkah tertunggak ialah mana-mana nafkah yang tidak dibayar atau tidak ditunaikan oleh seorang suami atau bapa terhadap tanggungannya seperti isteri dan anak-anak. Nafkah yang tidak dibayar ini dianggap sebagai hutang. Oleh yang

demikian, isteri atau ibu bagi pihak anaknya boleh mengemukakan tuntutan untuk mendapatkan nafkah yang tertunggak selama mana tempoh yang tidak dibayar itu.³¹⁵ Bagi nafkah sementara pula, ia merupakan nafkah sementara yang boleh dipohon oleh isteri kepada mahkamah semasa kes tuntutan nafkah berjalan.³¹⁶

4.1.3.1 Kadar Nafkah Semasa dan Kadar Nafkah Idah

Terdapat dua pandangan hakim mengenai penentuan kadar nafkah semasa dan kadar nafkah idah. Pandangan pertama, kadar bagi kedua-dua nafkah tersebut adalah sama kerana isteri yang berada dalam idah, wajib dibiayai nafkahnya sama seperti dalam perkahwinan. Hujah ini bersandarkan kepada kedudukan isteri yang berada dalam idah, masih sama statusnya sebagai isteri yang tetap wajib dinafkahi.³¹⁷

Ini berbeza dengan satu lagi pandangan³¹⁸ iaitu kadar nafkah idah isteri sepatutnya lebih rendah daripada kadar nafkah semasa isteri. Hal ini kerana terdapat item-item nafkah yang tidak dikira dalam nafkah idah berbanding nafkah semasa. Item dandanannya misalnya tidak termasuk dalam nafkah idah isteri, kerana isteri dalam idah tidak berkewajipan untuk berhias kepada suami.³¹⁹

Pengkaji berpandangan bahawa kadar nafkah isteri dalam masa idah sepatutnya sama dengan kadar nafkah isteri semasa dalam perkahwinan. Ini berdasarkan pandangan majoriti fuqaha iaitu isteri dalam idah raji diharuskan berhias untuk suami bagi

³¹⁵ Zaleha Kamaruddin, Raihanah Abdullah, *Kamus Istilah Undang-Undang Keluarga Islam*, (Kuala Lumpur: Zebra Edition Sdn. Bhd., 2002), 108.

³¹⁶ Lihat Seksyen 70, Akta 303; Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, mengandungi pindaan terkini - P.U.(A)247/2002, Laman sesawang *esyariah*, dicapai pada 7 Mac 2012, http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal_Updated.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/633473c64eaa80a048256fd50001141a dan Seksyen 71 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, Laman sesawang *esyariah*, dicapai pada 7 Mac 2012, http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Updated.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/ca9cc9e2f91e354748257115000d69dd?OpenDocument

³¹⁷ Majoriti hakim yang ditemu bual.

³¹⁸ Yang Arif Tuan Fauzi Mokhtar (Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor) dalam temu bual dengan pengkaji, 14 Disember 2012.

³¹⁹ Ibid.

memungkinkan kedua-duanya kembali bersatu dalam ikatan perkahwinan. Imam Abū Ḥanifah dan Abū Yūsuf mengatakan tidak mengapa sekiranya perempuan yang ditalak raji berhias untuk suaminya dengan mengenakan bau-bauan dan berhias di muka seperti memakai celak. Pendapat ini juga adalah daripada pandangan tabiin seperti al-Thaurī dan al-Auzā‘ī.³²⁰

Keharusan berhias juga merupakan pandangan majoriti ulama Mazhab Ḥanafī, Malikī, dan Ḥanbalī. Sementara Mazhab Shāfi‘ī, diriwayatkan daripada Abū Thaurī, bahawa Imam al-Shāfi‘ī mengatakan *mustahab* kepada perempuan (walaupun dalam talak raji) *berihdād*, yang menunjukkan tidak harus berhias. Pandangan lain daripada ulama Shāfi‘īyyah pula mengatakan berhias itu lebih baik, sekiranya dapat menyatukan kembali atau memungkinkan berlakunya *ruj’* di antara kedua suami isteri tersebut.³²¹

Oleh itu, untuk terus menafikan item dandanan sebagai salah satu item nafkah idah yang boleh mengurangkan kadar nafkah idah tersebut berbanding kadar nafkah semasa adalah sesuatu yang perlu diberi penilaian semula.

Tambahan pula, terdapat keputusan penghakiman yang lain seperti dalam kes *Rooseliwati Hussein lwn Syed Farouk Azlan bin Syed Abdul Aziz*,³²² yang memutuskan kadar nafkah idah adalah sama dengan kadar nafkah semasa. Ini berdasarkan kaedah *qiyās* atas alasan kedua-dua jenis nafkah tersebut mempunyai *illah* yang sama iaitu memberi nafkah. Hal demikian juga kerana isteri yang diceraikan dengan talak raji masih dianggap isteri kepada suami selama tempoh idah isteri tersebut.³²³

Bagi tuntutan nafkah kebelakangan atau nafkah tertunggak, ia merupakan nafkah semasa dalam perkahwinan namun tidak ditunaikan oleh suami. Tuntutan yang

³²⁰ Abū al-Walīd Muḥammad bin Aḥmad bin Aḥmad Ibn Rusd, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid*, (Mesir: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1975), 2: 85.

³²¹ Lihat *Al-Mausū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, (Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu‘ūn al-Islamiyyah, 2007), 11: 272.

³²² *Jurnal Hukum*; 36; BHG (I), (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013), 140.

³²³ Ibid.

lazimnya berlaku di mahkamah ialah isteri menuntut nafkah tertunggak apabila berlakunya perceraian. Selalunya perkiraan tersebut akan mengambil kira tunggakan yang lama sehingga ke tahap puluhan tahun. Dalam hal ini, hakim atau mahkamah akan menasihati pihak isteri agar tidak menuntut tunggakan nafkah yang terlalu lama tempohnya agar tidak membebankan pihak suami. Hal yang sedemikian kerana boleh mengakibatkan suami terpaksa membayar tunggakan dalam jumlah yang besar.

Dalam membandingkan adakah kadar nafkah semasa isteri sama seperti nafkah tertunggak isteri, pengkaji mendapati ia adalah sama tanpa mengambil kira keadaan suami pada waktu dahulu mahupun sekarang. Hal tersebut kerana, sekiranya suami tidak berkemampuan pada waktu yang lalu, maka ia menjadi hutang yang ditangguhkan ke atas suami sehingga suami berkemampuan.

Dalam kes *Hazizah binti Haron lwn Lokman bin Abu Hasan*,³²⁴ YA Hakim Mahkamah Rayuan telah melihat semula kes ini dan meluluskan permohonan tunggakan nafkah tempat tinggal perayu bagi tempoh Februari 1982 hingga Januari 2001. Ia bersamaan 336 bulan atau 28 tahun yang bernilai tunggakan nafkah sebanyak RM242,961.60. Ini berdasarkan nilai ansuran rumah perayu yang dibayar sendiri oleh beliau dalam tempoh tersebut, iaitu sebanyak RM723.10 sebulan.³²⁵ Kes ini menunjukkan tiada pengurangan dalam kadar nafkah tunggakan, walaupun nafkah tersebut telah berlalu dalam tempoh yang lama.

Seperti juga dalam kes *Sri Utama Dewi Kasman lwn Abu Bakar bin Abdullah*. Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada 21 Mac 2008, telah memerintahkan responden untuk membayar tunggakan nafkah isteri dan anaknya mulai April 2005 sehingga Jun 2008, iaitu selama 39 bulan berjumlah (RM700 + RM300 X 39 bulan) RM39,000.00. Juga tunggakan perbelanjaan hari raya isteri dan

³²⁴ *Jurnal Hukum*; Jilid 37; BHG (II). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, November 2013, 195.

³²⁵ Ibid.

anak bagi tahun 2005, 2006 dan 2007 selama 3 tahun (RM300 + RM200 X 3 tahun) berjumlah RM1500.³²⁶

Kedua-dua kes yang dibentangkan membuktikan bahawa hakim menimbangkan kadar nafkah yang sama antara nafkah yang telah lampau (tertunggak) ataupun nafkah pada waktu sekarang (semasa). Dengan ini dapatlah disimpulkan bahawa tiada perbezaan antara kadar nafkah tertunggak dengan kadar nafkah semasa.

4.1.3.2 Kadar Nafkah Sementara

Seksyen 71, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 menyatakan:

(1) Jika mahkamah berpuas hati terdapat alasan untuk membayar nafkah, mahkamah boleh membuat suatu perintah terhadap suami bagi membayar nafkah sementara yang akan berkuat kuasa dengan serta merta dan terus berkuat kuasa sehingga perintah mahkamah dibuat atas permohonan untuk nafkah.³²⁷

Menurut Tuan Mohd Isa Abd Ralip, Mantan Presiden Persatuan Guaman Syarie Malaysia (PGSM),³²⁸ nafkah sementara boleh dipohon dalam tempoh perbicaraan kes nafkah sehingga perintah nafkah dikeluarkan. Walau bagaimanapun, permohonan perintah nafkah sementara tersebut perlulah dimulakan dengan memfaikkan kes induk iaitu permohonan nafkah di mahkamah.³²⁹

Menurut Tuan Mohd Isa lagi, kadar bagi nafkah sementara mungkin hanya akan melibatkan tanggungan keperluan asas dan berkemungkinan ia tidak bertepatan dengan kadar nafkah sebenar isteri dan anak. Hal ini kerana, nafkah ini adalah bersifat

³²⁶ Sri Utama Dewi Kasman *lwn* Abu Bakar bin Abdullah., *Jurnal Hukum*; 30; BHG (I), (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2010), 111.

³²⁷ Lihat Seksyen 71, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

³²⁸ Presiden PGSM bagi sesi 2012-2015 dan 2015-2017 iaitu sehingga sekarang adalah Tuan Musa bin Awang yang telah menggantikan Tuan Mohd Isa Abd Ralip.

³²⁹ Tuan Mohd Isa Abd Ralip, Mantan Presiden PGSM, “Nafkah sementara dalam proses cerai ikut kemampuan”, 11 April 2012, dicapai pada 10 September 2014, <http://www2.bharian.com.my/articles/Nafkahsementaradalamprosesceraiikutkemampuan/Article/>.

sementara sahaja sebelum keputusan nafkah yang sebenar dikeluarkan.³³⁰ Hal ini juga dikuatkan lagi oleh kenyataan temu bual Tuan Drs. Atras bersama pengkaji, iaitu, kadar nafkah sementara hanya diberikan mengikut pertimbangan keperluan asas sahaja.³³¹

Justeru, dapat disimpulkan bahawa kadar nafkah sementara berkemungkinan tidak sama dengan kadar nafkah sebenar, kerana kadar nafkah ini hanya diberikan mengikut keperluan asas isteri dan anak.

4.1.3.3 Perbezaan antara kadar nafkah ibu dan kadar nafkah anak selepas perceraian.

Nafkah yang layak bagi seorang isteri yang diceraikan hanyalah nafkah idahnya yang berlangsung selama tiga kali suci (menurut perkiraan Mazhab al-Syāfi‘ī). Justeru, selama yang dibahaskan di atas, kadar nafkah idah tersebut sepatutnya sama dengan kadar nafkah semasa dalam perkahwinan.

Berlainan halnya dengan nafkah anak, ia berlangsung sehingga anak tersebut mencapai umur 18 tahun atau sehingga dapat berdikari sendiri.³³² Dalam hal ini, nafkah anak tetap menjadi tanggungan bapa walaupun dalam tempoh yang lama.

Justeru terdapat beberapa faktor yang boleh mengubah kadar nafkah anak tersebut. Antaranya ialah kadar nafkah anak boleh berbeza mengikut tahap keperluan anak mengikut tahap umur. Kedua, keadaan bapa yang perlu menanggung ahli keluarga yang baharu.

Menurut YA Tuan Haji Walid Abu Hassan, apabila tuntutan nafkah anak selepas perceraian difaikkan, plaintiff (bekas isteri) perlu menimbangkan untuk menjalani kehidupan secara sederhana, dan tidak sepatutnya berbelanja besar. Hal ini seperti

³³⁰ Ibid.

³³¹ Tuan Drs Atras bin Mohamad Zin (Hakim Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat, Selangor), dalam temu bual dengan pengkaji, 18 Februari 2013.

³³² Seksyen 79; “Tempoh perintah bagi Nafkah Anak,” Akta 303; Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

menghantar anak-anak ke sekolah swasta elit, atau membiasakan anak-anak makan di restoran mewah kerana plaintiff perlu menyedari terdapat perbezaan antara nafkah anak semasa perkahwinan dengan nafkah anak selepas perceraian. Ini disebabkan defendant selalunya mempunyai tanggungan baharu yang perlu juga ditunaikan hak nafkah mereka.³³³

Justeru, dapat disimpulkan bahawa pertimbangan faktor dalam pentaksiran nafkah anak berbeza dengan pertimbangn faktor dalam pentaksiran nafkah isteri. Hal ini bertepatan dengan faktor pentaksiran yang dibincangkan di bawah kriteria *kifāyah* dalam bab 3, iaitu antara faktor pentaksiran tambahan dalam nafkah anak, hendaklah mengikut *al-hājjah*, atau keperluan sebenar anak walaupun faktor pentaksiran berdasarkan sosioekonomi dan kemampuan tertinggi bapa dipertimbangkan.

4.2 KONSEP MA 'RŪF DAN KIFĀYAH PADA PANDANGAN HAKIM

4.2.1 Konsep *Ma 'rūf*

Ma 'rūf dalam penetapan kadar nafkah menurut pandangan para hakim bermaksud menimbangkan pendapatan, liabiliti (tanggungan) dan kemampuan tertinggi defendant (pembiaya nafkah) apabila tuntutan dibuat. Hal ini bagi memastikan defendant mampu untuk membayar tuntutan yang telah diarahkan dan tidak menganiayai mana-mana pihak terutamanya pihak pembiaya nafkah.

Menurut Tuan Shaiful Azli bin Jamaludin, *ma 'rūf* mestilah tidak menganiayai mana-mana pihak.³³⁴ Ini dikuatkan lagi oleh YA Tuan Haji Walid Abu Hassan, apabila membawakan contoh kes pihak plaintiff yang meletakkan amaun yang kurang munasabah dalam tuntutan nafkah. Misalnya, terdapat plaintiff yang meletakkan

³³³ Yang Arif Tuan Haji Walid Abu Hassan (Hakim Mahkamah Tinggi Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur), dalam temu bual dengan pengkaji, 3 Mei 2013.

³³⁴ Tuan Shaiful Azli bin Jamaludin (Hakim Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur, Selangor), dalam temu bual dengan pengkaji, 27 September 2012.

RM1500 sebulan sebagai kadar total nafkah anak yang dikehendaki, namun apabila diminta untuk memperincikan keperluan RM1500 tersebut, didapati jumlah sebenar keperluan anak plaintiff tidaklah mencapai amaun yang dituntut.

Menurut YA Tuan Haji Walid lagi, sekiranya mahkamah hanya mengikut tuntutan plaintiff tanpa memperhalusi keperluan sebenar, maka ini boleh menganiayai pihak defendant kerana tuntutan yang dibuat tidak bertepatan dengan keperluan sebenar yang perlu ditanggung oleh defendant.³³⁵ Konsep *ma'rūf* menurut YA Tuan Haji Walid ini dilihat lebih cenderung meletakkan pertimbangan kepada pihak suami, kerana suami selalunya adalah pihak yang dituntut di mahkamah (defenden).

Bagi konsep *ma'rūf* dengan melihat pertimbangan kepada pihak plaintiff (isteri) pula, YA Tuan Zainor Rasyid memberikan contoh, bagi kes isteri yang menfaillkan tuntutan nafkah kepada suami yang sakit atau hilang keupayaan bekerja, maka hakim perlu menyiasat dengan teliti dan cermat, tanpa menolak terus permohonan tuntutan tersebut. Hal sedemikian ini kerana defendant boleh menipu dari sudut status kesihatan, ataupun sekiranya defendant benar-benar sakit atau hilang keupayaan, defendant belum boleh terus bebas daripada tanggungjawab membayai nafkah apabila masih terdapat aset defendant yang boleh digunakan bagi membayai nafkah plaintiff dan anak-anak.³³⁶

Kesimpulan konsep *ma'rūf* yang telah diutarakan oleh hakim-hakim dapat disimpulkan sebagai penelitian terhadap kemampuan sebenar defendant (suami) dalam menanggung nafkah dengan melihat beberapa kriteria *ma'rūf* yang diraikan seperti pendapatan, tanggungan dan kemampuan tertinggi defendant. Ia juga membawa maksud tidak menganiayai mana-mana pihak sama ada dari pihak plaintiff atau pihak defendant. Pihak plaintiff juga perlulah menuntut keperluan sebenar yang munasabah serta

³³⁵ Yang Arif Tuan Haji Walid Abu Hassan.

³³⁶ Tuan Mohamad Fauzi bin Ismail (Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kuala Langat, Selangor), dalam temu bual dengan pengkaji, 13 September 2012.

meraikan tanggungan defendan yang mungkin telah bertambah dengan keluarga baharu. Pihak defendan pula perlulah berusaha sedaya upaya menunaikan tanggungjawab nafkah dengan rasa penuh tanggungjawab tanpa cuba mengelakkan diri dengan memberi alasan yang tidak benar atau cuba menyembunyikan kemampuan material dan fizikal sebenar beliau.

4.2.2 Menilai Kriteria *Ma'rūf*

Ulama telah membahaskan bahawa antara yang menjadi pertimbangan *ma'rūf* adalah dengan melihat sosioekonomi suami, kemampuan tertinggi suami dan 'urf masyarakat.³³⁷ Kriteria-kriteria ini seterusnya dinilai dan dibandingkan dengan pandangan hakim.

4.2.2.1: Melihat Sosioekonomi Suami

Terdapat dua perkara utama yang diberi perhatian oleh hakim dalam melihat sosioekonomi suami iaitu pertama ialah pendapatan dan kedua ialah tanggungan atau liabiliti.³³⁸

Dalam menilai pendapatan suami, hakim akan melihat jenis pekerjaan yang dilakukan suami, status pekerjaan sama ada tetap, kontrak, sampingan dan sebagainya.³³⁹ Pendapatan tersebut bukan hanya dinilai berdasarkan slip gaji, namun apa juga sumber pendapatan atau harta yang dapat menghasilkan wang seperti rumah sewa, tanah dan sebagainya turut dilihat.³⁴⁰

Perkara kedua yang dinilai oleh hakim ialah tanggungan suami. Hakim akan meneliti tanggungan suami atau defendan, terutamanya apabila defendan mempunyai keluarga baharu yang perlu dibiayai di samping anak-anak plaintif yang masih di bawah

³³⁷ Seperti yang telah dibincangkan oleh pengkaji dalam Bab 3.

³³⁸ Tuan Kamarulzaman bin Ali (Hakim Mahkamah Rendah Syariah Gombak Barat, Selangor), dalam temu bual dengan pengkaji, 14 Februari 2013 dan Tuan Drs Atras bin Mohamad Zin.

³³⁹ Yang Arif Tuan Haji Walid Abu Hassan.

³⁴⁰ Yang Arif Tuan Zainor Rasyid.

tanggungannya.³⁴¹ Menurut YA Tuan Haji Walid Abu Hassan, dalam kebanyakkan kes, bapa atau defendan selalunya akan membuktikan bebanan tanggungan-tanggungannya supaya dia tidak dikenakan kadar yang tinggi untuk menanggung tuntutan plaintiff dan anak-anaknya bersama plaintiff.³⁴² Walau bagaimanapun, kesemua hal ini adalah bergantung kepada kejayaan pihak plaintiff dan juga defendan dalam membuktikan pendapatan dan tanggungan defendan.³⁴³

Kes-kes yang dibicarakan dan penilaian hakim terhadap status sosioekonomi suami menunjukkan bahawa ia menjadi asas kepada kadar nafkah tersebut diluluskan di samping keperluan isteri yang telah berjaya dibuktikan. Misalnya, menurut YA Tuan Zainor Rasyid dan Tuan Shaiful Azli Jamaludin, isteri yang kaya yang memilih untuk berkahwin dengan suami yang miskin, maka kadar nafkah beliau perlulah mengikut taraf kehidupan suaminya yang miskin. Hal ini kerana beliau telah reda berkahwin dengan suaminya pada status tersebut.³⁴⁴

Bagi golongan miskin seperti golongan gelandangan yang tidak memiliki rumah, ataupun asnaf zakat yang menerima bantuan bulanan daripada pihak-pihak tertentu, kewajipan mereka dalam membiayai nafkah isteri dan anak-anak mereka tetap tidak gugur kerana kewajipan tersebut masih berjalan mengikut tahap kemampuan mereka. Ini adalah seperti yang diterangkan oleh Tuan Shaiful Azli bin Jamaludin.³⁴⁵

Bagi seorang suami yang kaya pula, antara yang menjadi kriteria *ma'rūf* dalam pemberian nafkah ialah keutamaan suami memberikan nafkah yang setaraf dengan

³⁴¹ Yang Arif Tuan Haji Walid Abu Hassan, Tuan Drs Atras bin Mohamad Zin dan Tuan Mohamad Fauzi bin Ismail.

³⁴² Yang Arif Tuan Haji Walid Abu Hassan.

³⁴³ Yang Arif Tuan Haji Walid Abu Hassan, Tuan Drs Atras bin Mohamad Zin dan Tuan Mohamad Fauzi bin Ismail.

³⁴⁴ Yang Arif Tuan Zainor Rasyid dan Tuan Shaiful Azli bin Jamaludin.

³⁴⁵ Tuan Shaiful Azli bin Jamaludin.

kualiti kehidupannya kepada isteri mahupun anak-anaknya.³⁴⁶ Walau bagaimanapun, pada pandangan Tuan Kamarulzaman bin Ali, beliau melihat bahawa anak tidak semestinya perlu hidup semewah bapa kerana bapa mempunyai liabilitinya yang tersendiri.³⁴⁷

Dalam kes *Rooseliwati Hussein lwn Syed Farouk Azlan bin Syed Abdul Aziz*, hakim telah berpandukan sosioekonomi suami apabila membuat pentaksiran dalam kadar nafkah idah isteri. Plaintiff telah menuntut RM3000 sebulan atau RM9000 sebagai total nafkah idah beliau tetapi tidak memperincikan tuntutan tersebut. Beliau hanya dibantu oleh pernyataan saksi pertama iaitu abang kandung plaintiff yang menyatakan bahawa plaintiff membeli baju baharu pada setiap bulan tetapi tidak mengetahui perbelanjaan keseluruhan plaintiff.³⁴⁸

Mahkamah kemudiannya memutuskan kadar nafkah idah plaintiff mengikut keperluan bagi seorang isteri kepada seorang individu yang berjawatan dan berpendapatan tinggi semasa perpisahan berlaku. Plaintiff telah mendapat RM6000 sebagai nafkah idah beliau.³⁴⁹ Dalam kes ini, hakim tidak meminta plaintiff untuk menyenaraikan keperluannya sebanyak RM3000 sebulan tersebut. Namun, hakim lebih bersandarkan kepada sosioekonomi (pendapatan bulanan) bekas suami plaintiff dan gaya hidup plaintiff yang mewah sebelum ini dalam memutuskan kadar nafkah. Pengkaji melihat dalam temu bual hakim dan juga kes mahkamah yang dirujuk, para hakim menghalusi sosioekonomi defenden (suami) apabila mentaksirkan sesuatu kadar nafkah, dan ini menepati kriteria *ma'rūf* yang dibincangkan.

³⁴⁶ Yang Arif Tuan Amran Mat Zin (Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur), dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2013.

³⁴⁷ Tuan Kamarulzaman bin Ali.

³⁴⁸ *Jurnal Hukum*; 36; BHG (I), (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013), 140.

³⁴⁹ Ibid.

4.2.2.2: Melihat Kemampuan Tertinggi Suami

Salah satu kriteria *ma'rūf* yang dibincangkan ulama ialah kemampuan tertinggi suami. Ia bermaksud usaha suami dalam mencari, menghasilkan dan menyediakan nafkah kepada isteri dan anak-anak. Hakim dilihat turut mempertimbangkan kriteria ini dalam pentaksiran nafkah mereka.

Menurut Tuan Wan Mahyuddin Wan Muhammad, kemampuan tertinggi suami dilihat dalam dua aspek iaitu fizikal dan material. Dari sudut fizikal, seorang suami dikatakan mampu menyediakan nafkah selagi keadaan tubuh badan dan kesihatannya tidak terhalang dalam menyedia dan mencari nafkah. Seseorang yang tidak mempunyai pekerjaan seperti penganggur ataupun pekerja yang diberhentikan kerja pula, kedua-duanya masih dikategorikan sebagai mampu selagi tubuh badannya berkemampuan untuk bekerja. Dalam kes ini, hakim akan mengarahkan mereka berkerja untuk mencukupkan keperluan isteri dan anak-anak.³⁵⁰

Turut menjelaskan maksud kemampuan yang diberi pertimbangan oleh mahkamah ialah YA Tuan Amran Mat Zin. Menurut beliau, kemampuan bukan atas pernyataan defendan, tetapi bergantung kepada penilaian mahkamah yang akan memeriksa status kesihatan defendan, halangan pergerakan dan halangan pemilikan aset. Jika didapati defendan sihat dan tidak mempunyai halangan-halangan yang disebutkan, mahkamah mengira defendan berkemampuan menjana pendapatan bagi menafkahi isteri dan anak-anaknya.³⁵¹

Tuan Kamarulzaman bin Ali turut menegaskan bahawa mahkamah tidak akan sewenang-wenangnya menerima alasan bapa atau defendan yang tidak mampu

³⁵⁰ Tuan Wan Mahyuddin Wan Muhammad.

³⁵¹ Yang Arif Tuan Amran Mat Zin.

menyediakan nafkah untuk isteri dan anak-anaknya selagi mahkamah mendapati bapa tersebut seorang yang sihat.³⁵²

Namun, bagi bapa yang tidak sihat atau tidak mempunyai kemampuan dari segi fizikal seperti cacat akibat kemalangan dan sebagainya, menurut sebahagian hakim, pada waktu kehilangan upaya itu, selain ahli waris, isteri boleh mengambil alih dalam tanggungjawab nafkah dan ia akan kekal sebagai hutang ke atas suami sekiranya suami kembali sembah. Jika suami meninggal pula, isteri boleh memohon tuntutan tunggakan (hutang) nafkah daripada harta pusaka suami sebelum difaraidkan.³⁵³

Menjelaskan lebih lanjut mengenai kemampuan tertinggi suami, Tuan Kamarulzaman bin Ali menyatakan bahawa hakim akan mencermati semua tanggungan defendan, walaupun tanggungan-tanggungan tersebut dapat dibuktikan. Contohnya, apabila suami (defendant) memakai kereta mewah seperti *Honda*, hakim akan mengarahkannya menjual kereta tersebut dan mengambil kereta seperti *Kancil* sahaja sebagai kegunaan, sekiranya defendant masih belum mampu menyempurnakan tanggungan nafkah kepada pihak-pihak yang berhak.

Contoh yang lain ialah apabila defendant mempunyai dua tanggungan (keluarga baharu dan anak-anak bekas isteri terdahulu). Sedangkan defendant menginap di rumah mewah bersama keluarga baharu. Hakim akan mengarahkan defendant untuk menjual rumah tersebut atau berpindah ke rumah yang lebih murah, supaya beliau mampu untuk menyempurnakan pembiayaan nafkah yang wajib kepada kedua-dua tanggungan beliau.³⁵⁴

Amalan penghakiman mahkamah yang berlaku memperlihatkan bahawa kriteria *ma'rūf* dengan melihat kemampuan sebenar pembiaya, sebagiannya tidak terlaksana.

³⁵² Tuan Kamarulzaman bin Ali.

³⁵³ Tuan Shaiful Azli bin Jamaludin dan Tuan Mohamad Fauzi bin Ismail.

³⁵⁴ Tuan Kamarulzaman bin Ali.

Ini terjadi dalam kes *Rohana binti Zakaria lwn Moktar bin Abdul Talib*.³⁵⁵ Antara isu yang dibincangkan ialah tentang kemampuan bapa (defendant) untuk memenuhi nafkah yang dituntut. Mahkamah mendapati bahawa defendant masih lagi berkemampuan dari segi tenaga dan usaha untuk mendapatkan rezeki, justeru tidak timbul isu untuk meminta ahli waris lain (asabah lelaki) sebelah defendant untuk menanggung kos tersebut.

Walaupun mahkamah mendapati bahawa bapa (defendant) seorang yang sihat dan berkemampuan, namun kriteria *ma'rūf* demi memastikan bahawa bapa menggunakan kemampuan tertingginya untuk berkerja dilihat tidak berlaku, sebaliknya hanya bergantung kepada bukti dan keterangan yang ada.

Dalam kes ini, defendant telah membuktikan ketidakmampuannya berasaskan slip gaji setelah ditolak keperluan beliau dan keperluan ahli keluarga baharu yang beliau tanggung. Menurut hakim, disebabkan plaintif dilihat kurang berjaya membuktikan kemampuan defendant yang menjadi beban pembuktian ke atas plaintif, justeru keputusan penghakiman hanya bergantung kepada dokumen slip gaji yang dikemukakan oleh defendant.³⁵⁶

Dalam hal ini, pengkaji melihat bahawa hakim bukan hanya sekadar boleh menerima pembuktian dokumen, malah boleh juga memeriksa tahap kesihatan defendant iaitu dengan membuat soal balas dengan defendant dan saksi-saksi yang terlibat sama ada defendant mampu melaksanakan kerja-kerja tambahan bagi menampung keperluan yang diminta. Hal tersebut dilihat tidak berlaku dalam kes ini seperti yang ditekankan dalam aspek penilaian kriteria *ma'rūf* oleh kajian pengkaji.

³⁵⁵ *Jurnal Hukum*; 27; BHG (II), (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2009), 279-301

³⁵⁶ Ibid.

4.2.2.3: Amalan Masyarakat dan Harga Pasaran Semasa

Mempertimbangkan amalan masyarakat dan harga pasaran semasa merupakan antara kriteria *ma'rūf* yang dibincangkan oleh fuqaha. Menurut YA Tuan Haji Walid Abu Hassan dan Tuan Wan Mahyuddin Wan Muhammad, pengetahuan mengenai amalan masyarakat dan harga pasaran semasa ini termasuk ilmu penghakiman (*al-qadā*) yang perlu ada pada seorang hakim.³⁵⁷

Yang Arif Tuan Haji Walid Abu Hassan menekankan bahawa ilmu falak adalah ilmu yang perlu dikuasai oleh seseorang hakim bagi mengetahui amalan masyarakat dan keadaan pasaran semasa kerana ia berkaitan dengan keadaan cuaca dan musim. Hal tersebut mempengaruhi pekerjaan rakyat dan pengeluaran sesebuah negara.³⁵⁸

Menurut beliau lagi, hakim perlu mengetahui harga pasaran semasa seperti harga susu anak yang pelbagai jenis seperti jenama *Dugrow* dan *Anmum*. Bukan itu sahaja, malah hal yang berkaitan dengan pendidikan anak seperti harga pakaian sekolah dan yuran persekolahan juga penting bagi mengelakkan hakim ditipu.

Dalam soal balas temu bual bersama hakim, pengkaji mendapati, hakim di mahkamah rendah syariah selalunya akan membuat siasatan sendiri dan hanya hakim di mahkamah tinggi yang akan dibantu oleh pembantu penyelidik untuk mendapatkan data-data yang berkaitan dengan amalan masyarakat dan harga pasaran semasa. Menurut sebahagian hakim, mereka juga akan menggunakan pengalaman peribadi mereka seperti membandingkan kebiasaan masyarakat di sekeliling atau ahli keluarga mereka sendiri bagi menilai kadar tuntutan yang dikemukakan.³⁵⁹

Pengkaji turut mendapati walaupun para hakim mempunyai kekuatan untuk membuat penyiasatan sendiri, namun ketiadaan penyelarasan maklumat yang berlaku

³⁵⁷ Yang Arif Tuan Haji Walid Abu Hassan dan Tuan Wan Mahyuddin Wan Muhammad.

³⁵⁸ Yang Arif Tuan Haji Walid Abu Hassan.

³⁵⁹ Yang Arif Tuan Haji Walid Abu Hassan dan Tuan Wan Mahyuddin Wan Muhammad.

dalam kalangan hakim menyebabkan keputusan yang dikeluarkan berbeza-beza, walaupun di negeri yang sama. Ini boleh menimbulkan isu seperti yang telah dibincangkan dalam permasalahan kajian ini. Menilai harga pasaran semasa, perlulah diselaraskan oleh satu badan berwajib atau melalui kajian empirikal yang berkala. Ia perlu, agar para hakim mendapat rujukan dan panduan yang lebih bersistematik dan tepat.

4.2.3 Konsep *Kifāyah*

Kifāyah bagi nafkah isteri dan anak ialah kecukupan seperti yang telah dibahaskan dalam bab 3 sebelum ini. Menurut Tuan Kamarulzaman bin Ali, ia bermaksud satu penetapan atau jumlah yang terbaik kepada pihak-pihak yang berhak ke atas nafkah yang memenuhi keperluan asas. Amaun atau nilai keperluan yang disediakan perlulah mampu menjaga kelima-lima *maqāṣid al-syārī‘ah*, iaitu nyawa, agama, akal, maruah dan harta.³⁶⁰

Ia juga bermaksud pertimbangan kepada nafkah asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan perubatan sebagai mana yang dijelaskan oleh Tuan Wan Mahyuddin Wan Muhammad:

“Nafkah yang baik dan cukup bergantung pada maslahah, iaitu dilihat pada *daruriyyāt* atau keperluan asasi isteri. Ada setengahnya, bil Astro pun nak *claim*, maka tidak boleh dituntut. Nafkah yang dilihat dan dipertimbangkan ini adalah seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan perubatan.” (sic.)³⁶¹

Menurut Yang Arif Tuan Haji Walid Abu Hassan pula, *kifāyah* dalam pentaksiran kadar nafkah hendaklah menetapkan satu amaun yang munasabah. Hal ini boleh berlaku dengan melihat kepada status sosioekonomi pihak-pihak yang terlibat. Menurut beliau, bagi orang berpendapatan rendah, kadar nafkah yang dipertimbangkan adalah dengan melihat keperluan peringkat asas sahaja (*daruri*). Bagi golongan

³⁶⁰ Tuan Kamarulzaman bin Ali.

³⁶¹ Tuan Wan Mahyuddin Wan Muhammad.

berpendapatan sederhana pula, keperluan yang dipertimbangkan boleh melibatkan keperluan pada peringkat kehendak (*hājiyāt*), sementara bagi golongan yang berpendapatan tinggi, maka keperluan sampingan (*tahsiniyyāt*) boleh dipertimbangkan oleh hakim:

“Jika orang miskin ambil *daruriyyāt*. Jika orang sederhana ambil *hājiyāt*. Jika kaya ambil *tahsiniyyāt*, mungkin boleh dipertimbangkan.” (sic.)³⁶²

Justeru, konsep *kifāyah* pada pandangan hakim antaranya mengikut keperluan asas yang mampu menjaga lima *maqāsid al-syari‘ah*. Ia juga bermaksud keperluan yang berdasarkan sosioekonomi suami atau pihak yang dituntut. Konsep *kifāyah* yang telah diberikan oleh hakim ini menepati perbincangan konsep *kifāyah* yang telah pengkaji bincangkan dalam Bab 3.

4.2.4 Menilai Kriteria *Kifāyah*

Fuqaha telah membahaskan bahawa pengiktibaran kriteria *kifāyah* dalam nafkah isteri dan anak mestilah memenuhi kepada item-item keperluan asas mahupun item-item keperluan semasa berdasarkan sosioekonomi suami. Para hakim telah ditanya mengenai pengiktibaran penghakiman mereka dalam item-item nafkah isteri dan anak meliputi item-item asas dan semasa ini.

4.2.4.1 Item-item Asas (Wajib)

Hakim menjelaskan terdapat tiga item utama yang memang diberi pertimbangan oleh hakim tanpa perlu mana-mana pihak menyatakan justifikasi mengapa item-item tersebut diperlukan iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal kerana ia adalah jelas menurut nas syarak dan menjadi keperluan asasi manusia. Hal ini diberi pengiktibaran dalam nafkah isteri dan anak.

³⁶² Yang Arif Tuan Haji Walid Abu Hassan.

4.2.4.2 Item-item Semasa Nafkah Isteri (Wajib)

Bagi item-item semasa nafkah isteri yang wajib disediakan atau dibayar oleh suami ialah item perubatan dan bil-bil asas rumah seperti bil air dan elektrik. Ini merupakan pandangan majoriti hakim. Kedua-dua perkara ini merupakan perkara *ijtihādī* pada masa sekarang dan keperluannya telah mencapai peringkat *daruīriyy*.

4.2.4.3 Item-item Semasa Nafkah Isteri (Tambahan)

Bagi item-item semasa nafkah isteri yang lain seperti kos pengasuh anak, kos pembantu rumah, kos perhubungan seperti bil telefon dan kos pengangkutan isteri seperti ansuran bulanan kenderaan, minyak kenderaan, atau kos pengangkutan awam. Hakim-hakim menilai bahawa kesemua item-item ini merupakan item yang tidak wajib ditanggung oleh suami. Item-item ini dipertimbangkan sebagai item nafkah hanya sekiranya isteri berjaya membuktikan dengan justifikasi mengenai kebiasaan kepada keperluan item-item tersebut.

Menurut Tuan Drs Atras bin Mohamad Zin, bagi item kos penjagaan atau pengasuhan anak, masih terdapat kekeliruan dalam kalangan hakim, sama ada ia perlu dimasukkan sebagai item nafkah yang perlu ditanggung oleh bapa ataupun tidak:

“Misalnya ibu yang tuntut kos untuk orang jaga anak, adakah hak isteri? Sebab dalam hukum syarak cakap, memang ada upah jika bagi susu, tetapi upah untuk penjagaan tidak ada. Sedangkan pada masa yang sama, mak dah setuju jaga anak. Sebab itu mak kadang-kadang tidak tuntut kos nafkah tempat tinggal untuk anak. Belum dapat keputusan sekarang sama ada kos penjagaan anak adalah di bawah tanggungjawab suami, ...” (sic.)
³⁶³

Namun begitu menurut beliau, kes seperti isteri yang uzur disebabkan sakit hingga memerlukan khidmat pembantu rumah dan pengasuh, supaya anak-anak yang tinggal bersama-sama plaintif dapat diuruskan dengan sempurna mungkin boleh dipertimbangkan.

³⁶³ Tuan Drs Atras bin Mohamad Zin.

Dalam kes *Rooseliwati Hussein lwn Syed Farouk Azlan bin Syed Abdul Aziz*, hakim telah membenarkan tuntutan upah penjagaan anak-anak oleh plaintif. Plaintiff dalam tuntutannya menuntut nafkah bagi upah penjagaan anak-anak beliau sebanyak RM200 setiap orang yang dimasukkan di bawah gaji pembantu rumah.

Menurut mahkamah, kewajipan seorang bapa memberikan upah penyusuan kepada ibu yang menyusukan anaknya iaitu menerusi Surah al-*Talāq* ayat 6, boleh diluaskan menerusi kaedah *qiyyas*. Keharusan upah tersebut mencakupi lain-lain bentuk kerja yang dilakukan oleh ibu bagi menjaga anak suaminya. Justeru, mahkamah telah memerintahkan defendan membayar kos upah penjagaan kedua-dua anak tersebut kepada bekas isterinya.³⁶⁴

Pengkaji berpandangan bahawa item-item semasa nafkah isteri sentiasa dibuka kepada ijтиhad dan boleh diambil kira sekiranya perkara-perkara tersebut adalah penting bagi keperluan kehidupan isteri. Pengkaji juga mendapati tiadanya keselarasan mengenai pengiktibaran item-item semasa dalam kalangan hakim. Misalnya dalam kos penjagaan anak, atau kos pengasuh anak-anak defendan yang dijaga oleh plaintiff. Sebahagian hakim mengatakan bahawa ia bukan hak nafkah isteri dan sebahagian yang lain mengambil kira ia sebagai hak nafkah isteri.

Penyelarasan antara item-item nafkah semasa amat penting dalam kalangan hakim untuk menghasilkan keputusan mahkamah yang konsisten. Justeru, penetapan sesuatu perkara sebagai item nafkah semasa yang wajib diberi pengiktibaran perlulah melalui kajian yang lebih teratur seperti yang dikehendaki dalam kajian ini.

³⁶⁴ *Jurnal Hukum*; 36; BHG (I). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013, 139.

4.2.4.4 Item-item Semasa Nafkah Anak (Wajib)

Bagi item-item keperluan semasa nafkah anak yang wajib ditanggung oleh suami dan dinyatakan seperti dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 ialah kos pendidikan dan kos perubatan.

Menurut Tuan Drs Atras bin Mohamad Zin, berbanding kos perubatan, kos pendidikan diutamakan dalam pengiktibaran item nafkah anak. Hal ini kerana bagi kos perubatan, plaintif masih mempunyai pilihan untuk mendapatkannya di hospital atau klinik kerajaan dengan kos yang minima. Sementara bagi yang bekerja dengan kerajaan atau syarikat-syarikat berkaitan, terdapat pula surat jaminan (*guarantee letter* atau GL) yang dapat menampung kos perubatan anak-anak.³⁶⁵

Dalam kes *Rohana binti Zakaria lwn Moktar bin Abdul Talib*,³⁶⁶ plaintif telah menuntut pembiayaan kos perubatan anaknya sebanyak RM50 setiap bulan namun beliau tidak membuktikan keperluan kepada kos perubatan tersebut. Justeru, mahkamah telah memutuskan bahawa tuntutan tersebut dilihat kurang relevan dalam kes ini. Hal ini kerana plaintif tidak dapat membuktikan adakah anaknya memerlukan rawatan penyakit serius yang berterusan. Tambahan pula, defendant yang merupakan bapa kepada anak tersebut merupakan kakitangan hospital yang boleh mendapatkan rawatan untuk anaknya bagi kos yang rendah dan percuma.

Menurut sebahagian hakim, walaupun kos pendidikan merupakan item keperluan semasa yang utama bagi anak-anak, namun tidak semua yang berkaitan dengan pendidikan perlu ditanggung oleh suami kerana ia masih bergantung kepada kemampuannya. Pemilihan institusi pendidikan sama ada kerajaan atau swasta, kelas kemahiran ko-kurikulum (aktiviti bukan akademik) di sekolah, serta tuisyen untuk anak-anak sangat berkaitan dengan kemampuan pembiaya untuk menanggung hal-hal

³⁶⁵ Ibid.

³⁶⁶ *Jurnal Hukum*; 27; BHG (II), (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2009), 279-301

tersebut. Namun begitu, keperluan asas untuk anak-anak tersebut mestilah tidak tercincir dalam pelajaran walaupun hanya mendapat pendidikan wajib dan bersekolah di sekolah kerajaan. Bahkan ia satu kemestian yang perlu dibiayai oleh defendant.³⁶⁷

Turut diberi pengiktiran sebagai item nafkah anak, ialah pengajian peringkat ketiga di peringkat kolej atau Institut Pengajian Tinggi (IPT). Menurut sebahagian hakim yang ditemu bual, bapa ataupun defendant bertanggungjawab membiayainya sekiranya bapa tersebut mampu. Namun, kewajipannya tidaklah sama seperti kewajipan menanggung keperluan pendidikan asas, kerana menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi merupakan pendidikan tambahan untuk anak-anak.³⁶⁸

Tuan Drs. Atras bin Mohamad Zin menceritakan terdapat satu kes iaitu anak masih lagi menuntut bantuan daripada seorang bapa yang susah dan sudah pencen sedangkan anak tersebut mendapat bantuan PTPTN. Tindakan ini dilihat kurang wajar kerana anak tersebut telah dikategorikan sebagai mampu berdikari untuk membuat kerja-kerja tambahan seperti kerja separuh masa dan kerja-kerja sampingan disebabkan faktor kesihatan dan kemampuan anak tersebut.³⁶⁹ Ini turut diakui oleh Tuan Shaiful Azli bin Jamaludin, bahawa tuntutan anak yang mendapat pembiayaan pada peringkat kolej atau IPT masih perlu dipertimbangkan mengikut keperluan sebenar anak tersebut:

“Nafkah anak, jika undang-undang hingga 18 tahun, tapi ikut arahan amalan, boleh dipanjangkan di peringkat yang lebih tinggi kali pertama (Ijazah Sarjana Muda atau Diploma). Tu pun lihat jika anak ada pinjaman, biasiswa, mungkin boleh lihat lagi keperluan tuntutan tersebut.” (sic.)³⁷⁰

Pada pandangan pengkaji, hak seorang anak untuk mendapat pembiayaan pelajaran sehingga ke peringkat ketiga (*tertiary education*) selepas sekolah menengah adalah kekal walaupun bapa kepada anak tersebut tidak mampu. Pelbagai bantuan,

³⁶⁷ Yang Arif Tuan Zainor Rasyid, Yang Arif Tuan Fauzi Mokhtar dan Tuan Wan Mahyuddin Wan Muhammad.

³⁶⁸ Tuan Shaiful Azli bin Jamaludin dan Tuan Wan Mahyuddin Wan Muhammad.

³⁶⁹ Tuan Drs Atras bin Mohamad Zin.

³⁷⁰ Tuan Shaiful Azli bin Jamaludin.

biasiswa dan pinjaman telah disediakan oleh kerajaan mahupun badan-badan swasta bagi memastikan kemiskinan bukan alasan untuk tidak mampu belajar ke peringkat yang lebih tinggi. Tanggungjawab seorang bapa untuk memastikan anaknya mendapat hak pengajian sekurang-kurangnya pada peringkat Ijazah Pertama adalah kekal walaupun beliau tidak mampu. Bapa tersebut masih boleh mencari badan-badan kewangan yang lain untuk membantu anaknya meneruskan pengajiann di peringkat ini. Ini adalah selaras dengan dasar Rancangan Malaysia ke-10, dalam Bab Kelima iaitu Membangun dan Mengelakkan Modal Insan Bertaraf Dunia.³⁷¹

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015), kerajaan telah mengguna pakai rangka kerja pembangunan modal insan yang bersepadu, seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.2 yang berikut. Rangka kerja ini disusun agar dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran rakyat Malaysia, bermula daripada pendidikan awal kanak-kanak, pendidikan asas, pendidikan tertiar sehingga ke alam pekerjaan.

³⁷¹ Bab kelima iaitu Membangun dan Mengelakkan Modal Insan Bertaraf Dunia, Kementerian Pendidikan Malaysia, http://www.moe.gov.my/userfiles/file/RMK10bab5%202014_6_10.pdf

Jadual 4.2. Rangka kerja pembangunan modal insan yang bersepadu bagi Malaysia

	Pendidikan Awal Kanak-Kanak	Prasekolah	Pendidikan Asas	Pendidikan Tertiari Universiti / Kolej Politeknik Kolej Komuniti Institusi Pendidikan Teknikal dan Lanjut Vokasional (TEVT)	Alam Pekerjaan	Pesara/Kerjaya Kedua
Umur	0+	4+	5+/6+	17+	20+	
Tema	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan setiap kanak-kanak boleh berjaya Menjadikan sekolah bertanggungjawab terhadap prestasi pelajar Membuat pelaburan ke atas pemimpin unggul di setiap sekolah Meningkatkan daya tarik profesiion keguruan dan menghasilkan guru terbaik 			<ul style="list-style-type: none"> Mengarusperdanakan dan memperluas TEVT Meningkatkan kompetensi siswazah 		
	<p>Merombak sistem pendidikan untuk meningkatkan prestasi pelajar dengan signifikan</p>			<p>Meningkatkan kemahiran untuk meningkatkan kebolehpasaran</p>		

Sumber: Carta 5.2, RMK-10,
http://www.moe.gov.my/userfiles/file/RMK10bab5%202014_6_10.pdf

Pendidikan di peringkat yang lebih tinggi penting bagi menyokong pembangunan pengetahuan, tahap kemahiran yang tinggi dalam bidang teknikal dan profesional, serta paras produktiviti yang yang merupakan ciri utama modal insan dan tenaga kerja yang difokuskan oleh negara ini untuk mencapai tahap negara berpendapatan tinggi.

Menurut laporan RMK-10, Malaysia pada masa sekarang secara relatifnya mempunyai tenaga kerja yang tidak mahir, iaitu sebanyak 77% daripada tenaga kerja hanya mempunyai pendidikan asas selama 11 tahun, iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf dengannya dan hanya 28% daripada kumpulan pekerjaan berkemahiran tinggi (pendidikan tertiar).³⁷² Justeru mempertimbangkan keperluan pendidikan anak ke peringkat yang lebih tinggi sehingga ke pendidikan tertiar meningkatkan kebolehpasaran anak tersebut untuk berdikari pada masa depan. Hal ini

³⁷² Bab kelima iaitu Membangun dan Mengekalkan Modal Insan Bertaraf Dunia, Kementerian Pendidikan Malaysia, http://www.moe.gov.my/userfiles/file/RMK10bab5%202014_6_10.pdf

sewajarnya menjadi pertimbangan bapa dan juga para hakim dalam memutuskan hak-hak anak dalam nafkahnya.

Kesimpulannya, antara item-item keperluan semasa nafkah anak yang mendapat pertimbangan oleh hakim ialah keperluan pendidikan mereka dan hal yang berkaitan dengannya. Item keperluan semasa yang lain seperti item perubatan juga diambil kira sekiranya terdapat justifikasi yang kuat terhadap keperluan anak tersebut terhadap item tersebut.

4.2.4.5 Pengiktibaran kriteria *kifāyah* dalam nafkah isteri dan anak dalam amalan penghakiman.

Pengiktibaran kriteria *kifāyah* dalam nafkah isteri dan anak mengikut konsep yang telah diutarakan oleh para hakim bertepatan dengan perbincangan fuqaha yang telah dibahaskan dalam bab 3. Namun begitu, dari segi praktis, pengiktibaran kriteria *kifāyah* ini dilihat masih belum mampu dapat dijadikan garis panduan dengan terang dalam praktikal penghakiman syariah di negara ini. Hal ini terutama dalam memastikan keperluan asas nafkah isteri dan anak terjamin.

Dalam kes *Mohd Hassan bin M. Ghazali lwn Siti Sharidza binti Mohd.Sidque*,³⁷³ perayu dalam kes ini ialah Mohd Hassan selaku bapa. Apa yang berlaku, anak-anak beliau telah berjaya menuntut nafkah terhadapnya, namun beliau telah mengemukakan rayuan kerana tidak berpuas hati terhadap keputusan hakim mahkamah tinggi syariah pada 8 Julai 2003 kerana menolak rayuannya terhadap keputusan hakim Mahkamah Rendah Syariah (MRS) Pasir Mas yang telah menjatuhkan perintah membayar nafkah kepada 3 orang anaknya sebanyak RM1100 sebulan.

³⁷³ Mahkamah Rayuan Syariah Kota Bharu, di hadapan hakim Dato' Haji Daud bin Muhammad, KHS, Dato' Haji Idris bin Yusof, HMRS dan Tuan Haji. Wan Hassan bin Wan Mohamed, HMRS, 2 Ogos 2004. Lihat *Jurnal Hukum*; XVIII (18); BHG (II), (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2004), 269.

Perayu telah mengemukakan rayuan kepada Mahkamah Rayuan Syariah Kota Bharu agar mengurangkan perintah nafkah tiga orang anak beliau yang dikenakan iaitu RM1100 sebulan. Ketiga-tiga anak-anaknya pada ketika itu (yang pertama berumur 9 tahun, kedua berumur 7 tahun dan ketiga berumur 4 tahun) berada di bawah jagaan ibu mereka. Mereka memerlukan nafkah daripada bapa mereka yang berkemampuan dan mempunyai pendapatan tetap daripada syarikat Malaysia Nasional Insurance.³⁷⁴

Pengkaji mendapati, mahkamah rayuan dalam alasan penghakimannya telah berhujah dengan nas-nas syarak, namun tidak memperhalusi keperluan anak-anak perayu satu persatu dalam mengemukakan alasan penghakiman untuk melihat keperluan sebenar anak-anak tersebut. Sebaliknya, mahkamah dilihat mengambil jalan mudah dengan mengurangkan sahaja amaun nafkah yang telah dikenakan terhadap bapanya sebelum ini. Alasan mahkamah adalah seperti berikut:

“Mahkamah putuskan nafkah bagi anak pertama sebanyak RM300 sebulan, anak kedua dan ketiga masing-masing RM200 sebulan, itu memandangkan mereka masih kecil dan difikirkan berpatutan serta cukup buat masa sekarang kerana nafkah anak boleh dipohon untuk ditambahkan apabila meningkat umur dan keperluan bertambah. Begitu juga sebaliknya, jika orang yang diperintah membayar nafkah itu berlaku ke atasnya apa-apa perubahan tentang hal keadaan seperti kesempitan hidup dan sebagainya.” (sic.)³⁷⁵

Mahkamah telah memutuskan untuk mengurangkan nafkah anak-anak perayu iaitu bagi anak pertama (berumur 9 tahun) dari RM400 sebulan ke RM300 sebulan, anak kedua (berumur 7 tahun) dari RM400 ke RM200, dan anak ketiga (berumur 4 tahun) dari RM300 ke RM200. Hal ini dilakukan tanpa mengambil kira keperluan sebenar dan keperluan terkini anak-anak perayu kerana tiada pendetailan semula bagi keperluan tersebut dibuat setelah pendetailan keperluan anak-anak ini dibuat oleh hakim MRS Pasir Mas pada tahun sebelumnya.

³⁷⁴ Ibid, 273.

³⁷⁵ Ibid, 275

Pengkaji berpandangan bahawa keperluan anak-anak ini pastinya berubah terutama bagi anak kedua yang berumur 6 tahun sebelum ini yang telah memasuki persekolahan sekolah rendah. Keperluan anak ini secara logiknya meningkat kerana beliau semakin membesar dan memerlukan belanja yang lebih setelah memasuki persekolahan sekolah rendah. Namun, merujuk kepada keputusan mahkamah rayuan, kadar nafkah anak ini bukan sahaja tidak meningkat malah menurun, dari RM400 sebelum ini ke RM200.

Pertimbangan mahkamah yang dilihat mengambil jalan mudah mengurangkan sahaja kadar nafkah yang diputuskan sebelum ini untuk memuaskan hati pihak perayu dilihat kurang cermat. Pelbagai perkara masih boleh dilakukan iaitu pertamanya dengan mencermati keperluan terkini anak-anak perayu. Kedua, menilai semula sosioekonomi perayu dari segi pendapatan dan menilai semula kemampuan tertinggi perayu dari segi keupayaan dan kesihatan fizikal serta pemilikan aset. Perayu masih boleh diarahkan untuk berkerja tambahan sekiranya didapati beliau berkemampuan berbuat demikian.

Jika perayu terbukti tidak mampu dari segi sosioekonomi dan tiada kemampuan tertinggi untuk mencukupkan nafkah keperluan asas anak-anaknya, namun pada masa yang sama didapati keperluan asas terkini anak-anak perayu adalah tidak berkurangan seperti yang diminta oleh bekas isteri perayu sebelum ini, maka waris perayu perlulah dipanggil dan diperintahkan untuk memenuhi keperluan asas anak-anak perayu sekiranya mereka layak berbuat demikian. Langkah yang terakhir ialah melalui institusi kerajaan yang bertanggungjawab seperti baitulmal mengambil peranan untuk mencukupkan keperluan asas anak-anak ini sekiranya waris kepada bapa tidak berkemampuan dan hilang kelayakan.

Kes kedua yang boleh dilihat ialah *Sri Utama Dewi Kasman lwn Abu Bakar bin Abdullah*.³⁷⁶ Perayu telah menfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi Syariah setelah hakim MRS Wilayah Persekutuan telah menolak tuntutan plaintiff disebabkan responden tidak hadir pada hari perbicaraan. Hal ini kerana hakim MRS Wilayah Persekutuan berpendapat bahawa responden hendaklah hadir walaupun dengan cara tangkapan sekalipun dengan merujuk seksyen 51, bagi membolehkan perbicaraan dijalankan. Mahkamah Tinggi Syariah telah membenarkan rayuan Perayu.

Antara alasan rayuan untuk mendakwa hakim MRS Wilayah Persekutuan telah terkhilaf apabila tidak mengambil kira beban dan tanggungan yang ditanggung oleh perayu sebelum mengeluarkan perintah tersebut.

Isu yang diutarakan untuk melihat sama ada hakim MRS Wilayah Persekutuan telah mengambil kira tentang kecuaian dan kegagalan responden untuk menyediakan nafkah isteri dan anak. Hal ini kerana permohonan perayu di peringkat MRS sebelum ini telah ditolak dengan alasan responden tidak hadir. Sedangkan, seksyen 121 (b) ATMMS memperuntukkan bahawa jika apabila mana-mana tindakan dipanggil untuk pendengaran dan responden tidak hadir, mahkamah boleh tertakluk kepada bukti penyampaian yang wajar, mendengar dan memutuskan tindakan itu tanpa kehadiran responden.

Isu seterusnya pula untuk melihat sama ada hakim MRS Wilayah Persekutuan telah mengambil kira tentang keperluan nafkah isteri dan anak. Dalam alasan penghakiman, hakim MRS Wilayah Persekutuan telah menyatakan bahawa perayu tidak menyatakan berapakah jumlah tuntutan termasuk perincian-perinciannya bagi nafkah diri beliau dan anaknya. Perayu hanya menerangkan kesan yang terpaksa ditanggung oleh perayu apabila suaminya (responden) keluar daripada rumah pada 20 April 2004.

³⁷⁶ *Jurnal Hukum*; 30; BHG (I), (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2010), 111-129

Walaupun Mahkamah Tinggi Syariah bersetuju dengan alasan hakim MRS Wilayah Persekutuan berkenaan bahawa sebahagian daripada tanggungan yang dinyatakan dalam kes ini bukanlah merupakan keperluan utama bagi nafkah isteri dan anak, namun kegagalan perayu untuk memperincikan perbelanjaan sebenar nafkah dengan mengemukakan bukti-buktii berhubung dengan perbelanjaan perayu dan anak-anak beliau sewajarnya tidak menjadi halangan oleh mahkamah untuk menetapkan bayaran nafkah yang bersesuaian.

Tambahan pula, responden langsung mengabaikan tanggungjawab beliau. Justeru, hakim Mahkamah Tinggi Syariah berpendapat, seorang hakim boleh menggunakan ijтиhadnya bagi menentukan kadar nafkah yang selayaknya berdasarkan keperluan perayu serta anaknya dan kemampuan responden. Walaubagaimana pun, hal tersebut tidak dilakukan oleh hakim MRS Wilayah Persekutuan.³⁷⁷

Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dalam alasan penghakiman telah berijтиhad bahawa gaji responden yang berbaki sebanyak RM3471 setelah ditolak dengan potongan EPF dan SOCSO setiap bulan, dikategorikan sebagai berpendapatan sederhana. Hakim juga telah menggunakan kaedah mengambil 20% daripada gaji bersih responden untuk nafkah isteri dan 10% daripada gaji bersih responden adalah untuk nafkah anak. Setelah digenapkan, mahkamah telah memutuskan nafkah diri perayu (isteri responden) sebanyak RM700 sebulan dan nafkah untuk anaknya sebanyak RM300 sebulan.³⁷⁸

Pengkaji bersetuju dengan kesemua alasan penghakiman daripada hakim Mahkamah Tinggi Syariah seperti yang dinyatakan sebelum ini. Pentaksiran kadar nafkah perlu sekurang-kurangnya mempunyai satu garis panduan agar permohonan tuntutan nafkah yang tidak lengkap seperti kes kedua itu tidak ditolak dengan mudah.

³⁷⁷ Ibid., 118-126

³⁷⁸ Ibid., 127.

Hal ini kerana pemberian nafkah hendaklah sekurang-kurangnya pada peringkat asas kepada pihak-pihak yang layak. Hal demikian ini lebih penting daripada memenuhi prosedur pentaksiran nafkah di mahkamah. Tuntutan nafkah yang tidak diperincikan dan tidak dibuktikan tidak sepatutnya ditolak begitu sahaja oleh para hakim walaupun masalah pembuktian merupakan masalah utama plaintif dalam tuntutan nafkah.³⁷⁹

Pengkaji juga berpendapat perlunya kepada satu kaedah khusus dalam penentuan nafkah sekurang-kurangnya pada kadar keperluan asas untuk dimaklumi oleh para hakim. Kaedah yang telah digunakan oleh hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan dalam penentuan kadar nafkah melalui kaedah ‘urf dan kaedah ijтиhad iaitu dengan menolak 20% daripada pendapatan bulanan suami adalah kadar nafkah untuk isteri dan 10% pula adalah untuk bahagian anak.

Kaedah yang baik ini, walau bagaimanapun tidak mempunyai garis panduan asas terutama bagaimana nisbah peratusan tersebut ditentukan. Dalam kes suami yang berpendapatan RM1000 sebulan misalnya. Adakah boleh diandaikan bahawa RM200 untuk isteri dan RM100 untuk anak. Sedangkan banyak perkara yang perlu dihalusi lagi terutama dalam hal nafkah anak. Misalnya bagi anak-anak pada peringkat usia remaja, wajarkah kadar makanannya sama seperti ibunya atau mungkin lebih lagi. Malah bagaimana pula dengan kadar bagi anak lelaki. Bukan nafkah makan minum sahaja, malah nafkah anak juga meliputi kos pengajian, kos pengangkutan ke sekolah serta duit poket ke sekolah yang tidak ada pada nafkah ibu.

³⁷⁹ Masalah pembuktian merupakan masalah utama yang dikemukakan oleh majoriti hakim yang ditemui bual. Dalam masalah ini, terdapat hakim yang masih menggunakan budi bicaranya menimbangkan pemberian nafkah pada item-item asas walaupun tuntutan plaintif sepatutnya digugurkan kerana masalah pembuktian. Bagi sesetengah kes yang lain, apa yang berlaku ialah permohonan mereka ditolak seperti yang berlaku dalam penghakiman hakim MRS WP dalam kes *Sri Utama Dewi Kasman lwn Abu Bakar bin Abdullah*.(Lihat *Jurnal Hukum*; 30; BHG (I). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2010), 111.

Jika pendapatan bapa berjumlah RM1000 sebulan, dan 10% iaitu RM100 merupakan kadar nafkah anak yang layak, bagaimana pula sekiranya jumlah tersebut sebenarnya tidak mencukupi bagi menampung keperluan asas anak ini. Adalah sesuatu yang merugikan sekiranya jumlah yang berasaskan kepada perkiraan kepada kaedah 10% tersebut tidak dapat mencukupkan keperluan asas anak atau isteri. Justeru satu kaedah yang dapat menentukan kadar nafkah isteri dan anak dengan cara yang tidak menjelaskan keperluan asas kehidupan mereka perlu dipastikan agar pentaksiran nafkah isteri dan anak benar-benar menepati kriteria *kifāyah* dan *ma'rūf* yang ditetapkan syarak.

4.3 KESIMPULAN

Dalam menilai sama ada amalan pentaksiran nafkah isteri dan anak dalam sistem kehakiman syariah negara ini menepati kriteria *kifāyah* dan *ma'rūf*, pengkaji mendapatkan dari segi konsep dan pemahamannya adalah jelas dalam kalangan para hakim. Namun, dari segi praktikalnya, untuk para hakim mentaksirkan sesuatu kadar nafkah memenuhi dan menepati kedua-dua kriteria ini, pengkaji mendapati ia masih kabur.

Dalam sesetengah kes, prosedur penghakiman mahkamah lebih diutamakan daripada menjaga keperluan asas pihak-pihak yang menuntut nafkah. Ini menunjukkan bahawa kriteria *kifāyah* telah diabaikan, walaupun terdapat kelemahan dari pihak-pihak berkenaan untuk membawa pembuktian ke mahkamah.

Bagi sesetengah kes pula, walaupun hakim mengambil kira keperluan asas isteri dan anak, namun hal tersebut masih tertakluk kepada kemampuan suami yang lebih diambil kira oleh hakim. Sekiranya seorang suami menyatakan dirinya miskin atau tidak mampu dengan mengemukakan pembuktian maka, hakim dilihat boleh mengurangkan kadar nafkah yang diminta oleh plaintif. Boleh jadi kadar yang diminta oleh plaintif

merupakan kadar nafkahnya yang asas. Usaha untuk menjaga agar kadar keperluan asas ini ditunaikan dengan mengambil kira pertimbangan-pertimbangan lain, dilihat masih belum rancak berlaku.

Penentuan agar kadar nafkah yang diputuskan tidak mengurangi kadar *kifāyah adnā* dan bagaimana kadar tersebut ditentukan, masih belum dapat diaturkan secara sistematis. Item-item asas dan semasa dalam nafkah isteri dan anak pula masih belum diselaraskan dalam kalangan para hakim bagi menentukan manakah item yang mesti diambil pengiktibaran dalam pentaksiran nafkah dan manakah item yang merupakan item tambahan yang hanya diberikan apabila pihak responden berkemampuan.

Bagi penilaian kriteria *ma'rūf*, belum ada satu penilaian yang bersistematis dalam mendapatkan data amalan masyarakat dan harga barang-an semasa. Hanya hakim dari mahkamah tinggi syariah sahaja yang dibantu oleh pembantu penyelidik masing-masing dalam membuat kajian dan hasil kajian yang dikeluarkan pula hanya tertakluk kepada hakim yang berkenaan. Bagi hakim-hakim lain secara umumnya, mereka membuat kajian secara sendiri dengan membandingkan data masyarakat yang diperoleh daripada media masa seperti surat khabar, internet dan televisyen dan pengalaman hidup mereka sendiri.

Justeru proses yang lebih berkesan dan teratur dilihat perlu dalam mendapatkan data masyarakat dan harga barang-an semasa. Proses tersebut juga perlulah diselaraskan dan dimaklumi oleh para hakim bagi menghasilkan amalan penghakiman yang bersepada. Oleh itu, kajian mendapati pengiktibaran kriteria *ma'rūf* dari segi praktikalnya juga kurang memuaskan.

Kelonggaran-kelonggaran pengiktibaran kriteria *kifāyah* dan *ma'rūf* yang berlaku dalam proses pentaksiran nafkah dalam sistem amalan kehakiman syariah negara ini membuka ruang bagi kajian ini untuk mengemasukan lagi proses pentaksiran

tersebut. Hal demikian ini supaya kedua-dua kriteria pentaksiran nafkah sebagai mana yang telah digariskan syarak dan dibincangkan fuqaha, serta menepati tuntutan amalan masyarakat semasa dapat diambil kira dalam proses pentaksiran tersebut.

BAB LIMA

MENGANALISIS AMALAN MASYARAKAT DALAM PERBELANJAAN DAN PENENTUAN ITEM NAFKAH ISTERI DAN ANAK

5.1: PENDAHULUAN

5.1.1: Pengenalan

Objektif yang ingin dicapai dalam bab ini adalah untuk mengenal pasti amalan masyarakat dalam perbelanjaan dan penentuan item nafkah isteri dan anak. Amalan masyarakat dilihat dari aspek perbelanjaan mereka dalam beberapa item keperluan asas dan juga item keperluan semasa.

5.1.2: Kaedah Kajian

5.1.2.1: Kaedah Temu bual Mendalam

Kaedah temu bual mendalam telah dipilih untuk mendapatkan data responden daripada kumpulan ibu. Kajian lapangan sebenar ini telah dilakukan pada bulan Mei hingga Disember 2013. Sementara kajian rintis telah dilakukan pada bulan April 2013.

5.1.2.2: Instrumen kajian

Kajian ini menggunakan borang yang mengandungi soalan temu bual separa berstruktur. Pengkaji telah menemu bual sendiri setiap responden dengan kadar masa selama dua hingga tiga jam bagi setiap responden bergantung kepada data dan

maklumat yang dikongsi oleh responden dan juga jumlah anak yang dimiliki oleh mereka.

Sebagai contoh, bagi responden yang mempunyai lima orang anak, masa yang diperuntukkan bagi menemu bual ialah lebih berbanding responden yang hanya mempunyai seorang anak. Ini kerana maklumat perbelanjaan yang ingin diperoleh bukan sahaja daripada responden, bahkan meliputi maklumat mengenai perbelanjaan anak-anak beliau.

5.1.2.3: Rekabentuk soalan

Soalan temu bual dibahagikan kepada lima bahagian, iaitu A, B, C, D dan E. Bahagian A berkaitan dengan latar belakang demografik responden. Bahagian B berkaitan amalan perbelanjaan responden. Bahagian C berkaitan dengan amalan perbelanjaan anak-anak responden. Bahagian D berkaitan tahap kepentingan item-item keperluan kepada responden dan keluarganya. Sementara bahagian terakhir iaitu Bahagian E berkaitan pandangan responden mengenai amalan nafkah yang diterima daripada suami sekarang (sekiranya masih bersuami), tahap kehidupan dan juga pandangan beliau mengenai keperluan asas yang mencukupi bagi kehidupan beliau.

5.1.2.4: Persampelan Bertujuan:

Responden yang dikenal pasti serta layak ditemu bual dalam kajian ini berdasarkan persampelan bertujuan. Bagi sampel ini, ciri-ciri responden seperti ibu yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak ditentukan terlebih dahulu sebelum responden dipilih untuk ditemu bual.

Tujuan pemilihan responden yang tertumpu kepada para ibu sahaja adalah untuk mendapatkan data bagi keperluan dan perbelanjaan seorang isteri terutamanya dalam item-item nafkah yang asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, perubatan dan lain-lain yang berkaitan. Ibu juga dipilih dengan sekurang-kurangnya mempunyai

seorang anak, bertujuan untuk mendapatkan data nafkah anak daripada ibu. Ini termasuk keperluan dan perbelanjaan anak dari segi makanan, pakaian, perubatan, pendidikan dan hal-hal yang berkaitan dengannya.

Ibu-ibu (responden) juga ditanya mengenai persepsi dan pandangan mereka sendiri mengenai tahap kehidupan mereka, nafkah yang diterima mereka, adakah *ma'rūf* (baik) dan *kifāyah* (mencukupi). Pengkaji berpandangan, walaupun persepsi atau pandangan yang diperoleh daripada sebelah pihak isteri (iaitu penerima nafkah), namun tidak timbul soal wujudnya *bias* dalam hal ini, biarpun pandangan dan persepsi pemberi nafkah (suami kepada responden) tidak ditemui bual.

Ini berdasarkan bahawa dalam hal-ehwal wanita terutamanya mengenai nafkah dirinya dan anaknya, sudah memadai sekiranya data tersebut hanya diperoleh daripada wanita itu sendiri. Hal ini, bersandarkan kepada panduan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.

Apabila Hindun binti Utbah mengadu bahawa nafkah dirinya dan anaknya tidak mencukupi, Rasulullah SAW hanya bersandarkan kepada keterangan Hindun apabila memutuskan Hindun boleh mengambil nafkah dirinya dan anaknya sekadar yang dirasakan mencukupi dengan cara yang baik. Keputusan ini dibuat tanpa memanggil dan mendapatkan pengesahan semula daripada Abu Sufian, iaitu suami Hindun yang membayai nafkah Hindun dan anaknya pada waktu tersebut.

Pemilihan responden yang terdiri daripada ibu yang masih dalam perkahwinan dan juga ibu yang telah berpisah (bercerai) atau kematian suami dilakukan bagi melihat perbezaan yang mungkin wujud dalam kedua-dua status ini dari segi gaya hidup perbelanjaan dan juga keperluan nafkah responden dan anak-anak responden.

Strategi persampelan yang digunakan bersama-sama persampelan bertujuan ini ialah persampelan variasi maksimum.³⁸⁰ Strategi persampelan variasi maksimum membolehkan kajian ini mendapatkan kepelbagaian data daripada beberapa kes yang dicari. Kes-kes yang dimaksudkan apabila responden yang ditemui bual dicari berdasarkan kepelbagaian tahap pendapatan isi rumah yang mewakili golongan berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi. Juga berdasarkan kepelbagaian status sama ada berkahwin, telah berpisah ataupun kematian suami. Bagi responden yang masih mempunyai suami pula, pengkaji memilih untuk mendapatkan data dari kepelbagaian keadaan suami, sama ada daripada isteri yang dinafkahi oleh suami yang bertanggungjawab, suami yang mengabaikan tanggungjawab dan suami yang sakit yang tidak dapat bekerja untuk menyediakan nafkah yang sepatutnya

5.1.2.5: Saiz Sampel:

Saiz sampel dalam kajian kualitatif ialah sehingga mencapai ketepuan data yang diingini. Berdasarkan kepada saiz sampel dalam kajian ini, ia tidak ditentukan seperti saiz sampel yang telah distandardkan bilangannya dalam kajian kuantitatif yang bukan menjadi motif dalam kajian kualitatif.

Menurut Neuman, proses persampelan dalam kajian kualitatif berbeza dengan proses persampelan dalam kajian kuantitatif kerana masing-masing mempunyai tujuan yang berbeza.³⁸¹ Strategi kajian persampelan kajian ini misalnya, bukanlah untuk membuat generalisasi, tetapi untuk memilih responden yang boleh mewakili kepelbagaian pengalaman dan situasi yang menjadi fokus kajian ini.

³⁸⁰ Persampelan variasi maksimum ialah kaedah yang utama dan berguna dalam kajian kualitatif di mana pengkaji cuba untuk memahami sesuatu fenomena dengan mencari individu-individu atau latar yang dapat mewakili perbezaan-perbezaan atau kepelbagaian yang besar dalam fenomena tersebut. Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metod*, (Perak: Universiti Perguruan Sultan Idris, 2012), 67.

³⁸¹ W. L. Neuman, *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. cet. ke-7, (Boston: Pearson, 2011), 241

Bagi kajian ini, ia mencapai titik ketepuan pada pemilihan responden ke-26. Titik ketepuan ialah apabila tidak lagi ditemui maklumat yang baharu atau maklumat yang diperoleh sudah bertindan dengan maklumat yang diperoleh sebelumnya. Drake dan Jonson-Reid menyatakan titik ketepuan ini merupakan ukuran asas yang penting dan baik dalam kajian kualitatif dalam menentukan kecukupan data. Bagi kaedah temu bual mendalam, ketepuan boleh dicapai pada responden ke-12 atau ke puluhan responden yang berikutnya.³⁸²

Menurut Othman Lebar, konsep ketepuan maklumat perlu diseimbangkan dengan batasan masa, kewangan dan lain-lain faktor seperti keterlebihan bahan sumber, kemunculan keseragaman dan melebihi sempadan kajian.³⁸³ Justeru, apabila kajian ini telah mencapai titik ketepuan pada pemilihan responden ke-26, maka dikira sudah memadai dari sudut kecukupan data menurut kaedah kajian kualitatif.

5.1.2.6: Ujian Rintis

Sebelum kajian sebenar dilakukan, pengkaji telah melakukan ujian rintis kepada sembilan orang responden. Pemilihan responden dibuat berdasarkan kepelbagaiannya latar belakang demografi yang memenuhi ciri-ciri responden dalam kajian sebenar. Antara ciri-ciri tersebut ialah kepelbagaiannya peringkat umur, status perkerjaan, tahap pendapatan isi rumah, dan status perkahwinan.

Ujian rintis ini telah dilakukan pada bulan April 2013. Temu bual yang dilakukan dalam ujian rintis ini berlaku sekitar satu hingga dua jam bergantung kepada maklumat yang dimiliki oleh responden. Masa yang diperuntukkan lebih panjang bagi responden yang mempunyai bilangan anak yang lebih ramai. Soalan temu bual separa berstruktur yang dibentuk digunakan untuk menyoal para responden. Menurut Babbie,

³⁸² Brett Drake & Melissa Jonson-Reid, *Social Work Research Methods: From Conceptualization to Dissemination* (New York: Pearson Education Inc., 2007), 139.

³⁸³ Othman Lebar, 70-71.

walaupun para pengkaji membentuk soalan kajian dengan begitu cermat, namun apabila tiada ujian rintis dijalankan dengan menguji set soalan yang dibentuk menyebabkan berlakunya kesilapan yang berulang. Ujian rintis merupakan satu jalan selamat bagi memastikan tiada kesalahan berlaku dalam soalan.³⁸⁴

Hasil ujian rintis menunjukkan majoriti responden dapat memberikan jawapan yang dikehendaki dan memahami kehendak soalan. Responden juga tidak menghadapi sebarang masalah untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dan sebarang ketidakjelasan dapat diterangkan secara lisan oleh pengkaji. Semua responden mampu menjawab dengan baik semua soalan temu bual, walaupun dalam kalangan responden berpendidikan rendah. Justeru, tiada perubahan dalam soalan yang dikemukakan dalam kajian sebenar.

5.1.2.7: Prosedur Kajian

1. Persiapan soalan temu bual, ujian rintis, menstukturkan semula soalan temu bual sekiranya bersesuaian.
2. Memilih kawasan temu bual dan responden yang mempunyai kepelbagai ciri yang dikehendaki.
3. Memasuki kajian lapangan, menjalinkan hubungan baik dengan responden, memastikan responden terlibat dengan kajian dengan kerelaan (sukarela) dan bukan paksaan. Kerelaan responden untuk terlibat dalam kajian merupakan salah satu kriteria yang perlu dipatuhi dalam menjalankan temu bual terhadap responden.³⁸⁵ Bagi kajian ini, kerelaan ini disahkan melalui borang kerelaan untuk ditemu bual dan ditandatangani oleh responden sebelum ditemu bual.
4. Menjalankan temu bual.

³⁸⁴ E. Babbie, *Introduction to Social Research*. cet. ke-5, (Belmont, CA: Wadsworth, 2011), 255.

³⁸⁵ Babbie, 247.

5. Mendengar, melihat, mencatat dan merekod data melalui penulisan dan video.

Data yang direkodkan ialah data sebenar mengenai keseluruhan perihal situasi kehidupan rumah tangga responden. Responden ditanya mengenai kecukupan mereka terhadap perbelanjaan kehidupan harian dan nafkah yang diterima daripada suami mereka. Terdapat responden yang diabaikan nafkah oleh suami, responden yang terpaksa menanggung suami kerana suami sakit dan responden yang terpaksa berjuang mencari rezeki dengan membesar anak-anak, kesemuanya diambil kira dalam penganalisisan data. Ini bertepatan dengan konsistensi kajian yang menekankan gambaran sebenar keseluruhan kehidupan responden yang dapat mengesahkan kesahihan kajian.³⁸⁶

6. Merekodkan data melalui catatan dan rakaman video.

7. Mentranskrip data.

8. Membuat pengesahan semula data dengan para responden pada pertemuan kali kedua. Pengesahan semula dilakukan untuk memastikan data yang direkodkan sama seperti yang telah diceritakan oleh para responden. Hal ini bagi memastikan konsistensi data berlaku dan meningkatkan lagi kesahihan kajian.

³⁸⁷

9. Menganalisis data, membuat laporan dan penulisan.

5.1.2.8: Penganalisaan Data

Analisis kandungan dijalankan terhadap skrip temu bual yang telah ditranskripkan bagi setiap responden. Analisis ini dilakukan secara manual dan juga dengan penggunaan bantuan program komputer seperti Excel bagi pengiraan matematik dan statistik mudah

³⁸⁶ Neuman, 455.

³⁸⁷ Ibid.

seperti purata (*average/mean*), peratusan (*percentage*), penengah (*median*) dan kekerapan (*mod*), bagi data-data yang memerlukan pengiraan.

Menurut Drake dan Jonson-Reid, walaupun analisis kandungan sebenarnya lebih merujuk kepada mengenal pasti perkataan, idea tertentu dalam bentuk penceritaan atau lebih kepada analisis konseptual, analisis kandungan juga boleh melibatkan perhubungan antara konsep-konsep dan memahami bagaimana dua atau lebih daripada konsep-konsep tersebut berhubung antara satu sama lain. Pada keadaan tertentu pula, analisis kandungan yang merupakan salah satu kaedah analisis dalam kajian kualitatif, boleh melibatkan nombor secara keseluruhannya dan tidak banyak berbeza dengan kaedah dalam kajian kuantitatif seperti melibatkan kaedah pengiraan dan sebagainya.³⁸⁸ Walaupun begitu, menurut kedua-dua penulis ini, untuk membezakan antara kajian kualitatif dengan kuantitatif, interpretasi yang bersifat kemanusiaan perlulah ada dalam kajian kualitatif untuk membezakan antara kedua-dua kaedah kajian ini.³⁸⁹

Justeru, kajian ini menekankan sebuah analisis untuk memahami bagaimana konsep-konsep yang diketengahkan dapat berhubung antara satu sama lain. Antara konsep yang dikaji ialah bagaimakah pendapatan isi rumah responden mempengaruhi tahap perbelanjaan keperluan asas kehidupan responden dan anak-anak. Dalam melihat hubungan ini, pengkaji menganalisis berdasarkan nombor iaitu kadar perbelanjaan responden dan keluarga beliau dalam ringgit Malaysia (RM), bagi melihat hubung kait antara tahap pendapatan dengan perbelanjaan yang berlaku.

³⁸⁸ Drake dan Jonson-Reid, 134-135.

³⁸⁹ Ibid., 135.

5.1.2.9: Pengkelasan responden berdasarkan pendapatan isi rumah rendah, sederhana dan tinggi.

Bagi mengkelaskan responden kepada golongan berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi, kajian ini menggunakan metodologi yang diaplikasikan oleh Jabatan Perangkaan Negara. Untuk mengenal pasti tahap pendapatan isi rumah rakyat Malaysia, jabatan ini telah membahagikan pendapatan isi rumah rakyat kepada tiga kelas yang mewakili 40% pendapatan isi rumah terendah, 40% pendapatan isi rumah sederhana dan 20% pendapatan isi rumah tertinggi.

Kaedah yang digunakan ialah dengan menyenaraikan kesemua bilangan isi rumah yang dipilih berdasarkan tahap pendapatan dari tinggi ke rendah atau dari rendah ke tinggi dan dibahagikan mengikut peratusan yang diperuntukkan.³⁹⁰ Justeru, dalam Laporan Pendapatan Isi Rumah 2012, jabatan ini telah mengenal pasti pendapatan purata dan penegah rakyat Malaysia berdasarkan pembahagian tiga kelas yang tersebut.

Bagi pendapatan isi rumah bandar, 40% pendapatan isi rumah terendah ialah RM2115, sementara 40% pendapatan isi rumah sederhana ialah RM4961, dan 20% pendapatan isi rumah tertinggi ialah RM12, 353.

Kaedah yang sama telah diaplikasikan untuk pembahagian pendapatan isi rumah 40% rendah, 40% sederhana dan 20% tinggi ke atas responden kajian ini. Berikut ialah hasil yang diperoleh:

³⁹⁰ Kaedah ini telah disahkan dalam temu bual telefon bersama Puan Norisan Binti Mohd Aspar, Ketua Penolong Pengarah, dan Encik Azizul Abllah, Penolong Pengarah, Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan, Jabatan Perangkaan Negara, pada 19 September, jam 3.05 petang.

Jadual 5. 1. Pembahagian pendapatan isi rumah 40% rendah, 40% sederhana dan 20% tinggi terhadap responden kajian.

Metod pembahagian mengikut Jabatan Perangkaan Negara	Bil isi rumah	Pendapatan bulanan isi rumah (RM)	Purata pendapatan kajian (RM)	Purata pendapatan daripada Jabatan Perangkaan Negara (RM) Malaysia, Bandar, 2012.
40% terendah	1	1050	2385	2115
	2	1760		
	3	1900		
	4	2350		
	5	2450		
	6	2500		
	7	2687		
	8	2800		
	9	2950		
	10	3400		
40% sederhana	11	3700	6180	4961
	12	4000		
	13	5000		
	14	5500		
	15	5600		
	16	6000		
	17	6000		
	18	7000		
	19	9000		
	20	10000		
20% tertinggi	21	10000	17783	12353
	22	15000		
	23	15700		
	24	18000		
	25	18000		
	26	30000		

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Jadual 5.1 di atas menunjukkan pembahagian kelas pendapatan responden mengikut kaedah pembahagian kelas pendapatan Jabatan Perangkaan Negara (JPN). Walaupun purata pendapatan kajian ini lebih tinggi daripada purata pendapatan yang dikeluarkan oleh JPN, namun, ia relevan memandangkan kajian yang dijalankan oleh

pengkaji ialah di bandar Kuala Lumpur dan Selangor berbanding hasil kajian yang lebih rendah bagi keseluruhan negeri di Malaysia (Bandar) yang dikeluarkan oleh JPN.

Ini sama seperti data yang telah dimaklumkan oleh pegawai JPN kepada pengkaji, iaitu, atas permintaan khas kajian ini, data pendapatan berdasarkan pembahagian kelas pendapatan bagi Kuala Lumpur dan Selangor telah diberikan seperti berikut:

Jadual 5. 2. Purata Pendapatan Isi Rumah Mengikut Kumpulan Pendapatan, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2012.

Kumpulan Pendapatan Isi Rumah	SELANGOR	W.P. KUALA LUMPUR
	Pendapatan Isi Rumah Bulanan Purata (RM)	
Tertinggi 20 peratus	16,096	21,896
Pertengahan 40 peratus	6,610	7,192
Terendah 40 peratus	2,902	3,329

Sumber: Jabatan Perangkaan Negara (Data diberikan berdasarkan permintaan kajian).

Merujuk kepada data yang telah dikeluarkan, terutamanya bagi data pendapatan untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, purata pendapatan jauh lebih tinggi daripada yang telah dikeluarkan oleh kajian ini.

Walaupun begitu, ia bukanlah suatu yang menghairankan memandangkan data tersebut merangkumi pendapatan kesemua kaum yang meliputi kaum Cina dan India yang berpendapatan isi rumah jauh lebih tinggi daripada pendapatan isi rumah Bumiputera:

Jadual 5. 3. Pendapatan isi rumah bulanan purata bagi kumpulan pendapatan tertinggi 20%, pertengahan 40% dan terendah 40% mengikut kumpulan etnik, Malaysia, 2012.

Kumpulan Pendapatan Isi Rumah	Pendapatan Isi Rumah Bulanan Purata (RM)		
	Bumiputera	Cina	India
Tertinggi 20 peratus	10,666	15,254	13,127
Pertengahan 40 peratus	4,123	5,836	4,589
Terendah 40 peratus	1,686	2,455	1,937

Sumber: Diringkaskan daripada Jadual 2, Laporan *Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah/ Report on Household Expenditure Survey; 2009-2012*.³⁹¹

Walau di atas permintaan kajian, pihak JPN tidak dapat memberikan data pendapatan Bumiputera bagi Kuala Lumpur dan Selangor di atas sebab-sebab tertentu. Metodologi dan hasil data pengkelasan pendapatan isi rumah kajian ini kemudiannya telah dibentangkan kepada pihak JPN dan telah mendapat pengesahan benar daripada pihak mereka sendiri.³⁹²

Justeru, berpandukan metodologi yang digunakan oleh Jabatan Perangkaan Negara, kajian ini telah mengkelaskan pendapatan isi rumah bulanan responden kepada 3 kelas pendapatan isi rumah mengikut tiga tahap pendapatan iaitu rendah, sederhana dan tinggi yang dilabelkan sebagai kelas A, B dan C. Sementara responden (R) yang mewakili kelas-kelas tersebut akan dilabel sebagai RA, RB dan RC. Jumlah responden bagi setiap kelas masing-masing bagi kelas A, B dan C ialah seramai 10, 10 dan 6 orang yang menjadikan jumlah keseluruhan responden berjumlah 26 orang. Jadual 5.4 yang berikut merupakan jadual pengkelasan responden berdasarkan pendapatan isi rumah:

³⁹¹ Sila lihat *Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah/ Report on Household Expenditure Survey; 2009-2012*, (Putrajaya, Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM), 2012), 4.

³⁹² Metodologi yang digunakan oleh pengkaji dan hasil data kajian ini disahkan bertepatan dengan metodologi yang diaplikasikan oleh JPM melalui beberapa siri komunikasi email dan perbualan telefon sepanjang kajian lapangan ini dijalankan bersama Penolong Pengarah, Encik Azizul Abillah, Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan, Jabatan Perangkaan Negara.

Jadual 5. 4. Pengkelasan responden berdasarkan pendapatan isi rumah:

Bil. Kelas	Kelas	Julat Pendapatan (RM)	Label Responden	Bil. Responden
1	A	40% terendah	(RA 1-10)	10
2	B	40% sederhana	(RB 11-20)	10
3	C	20% tertinggi	(RC 21-26)	6
JUMLAH				26

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

5.2: DAPATAN KAJIAN

5.2.1: Maklumat Demografi Responden

Jadual 5. 5. Maklumat Demografi Responden:

	Label Responden	Daerah dan Negeri	Umur	Bangsa	Status Perkahwinan	Status Pekerjaan	Jumlah isi Rumah yang Ditanggung	Pendapatan Responden	Pendapatan Suami Responden	Pendapatan lain (ahli rumah yang menanggung)	Total Pendapatan Isi Rumah
*RA 1	Pantai Dalam, KL	41-50	*M	*IT	*TB	5	0	n/a	Bantuan (1050)	1050	
RA 2	Pantai Dalam, KL	41-50	M	*K	*B	8	1260	(Suami abai nafkah)	Bantuan (500)	1760	
RA 3	Pantai Dalam, KL	41-50	M	IT	B	3	1900	n/a	0	1900	
RA 4	Pantai Dalam, KL	41-50	M	K (sua mi sakit)	B	6	1520	830 (bantuan illat)	0	2350	
RA 5	Pantai Dalam, KL	51-60	M	IT	B	4	1900	n/a	Bantuan *IRL (550)	2450	
RA 6	Petaling, Kuala Lumpur	51-60	M	K	TB	6	0	2500	0	2500	

Jadual 5.5. Sambungan

Label Responden	Daerah dan Negeri	Umur	Bangsa	Status Perkahwinan	Status Pekerjaan	Jumlah isi Rumah yang Ditanggung	Pendapatan Responden	Pendapatan Suami Responden	Pendapatan lain (ahli rumah yang menanggung)	Total Pendapatan Isi Rumah
RA 7	Sg. Besi, KL	31-40	M	IT	B	4	2687	n/a	0	2687
RA 8	Seri Kembangan, Selangor	31-40	M	IT	B	2	2500	Bantuan illat (300)	0	2800
RA 9	Cheras, KL	31-40	M	IT	B	5	2400	n/a	Bantuan IRL (550)	2950
RA 10	Pantai Dalam, KL	41-50	M	K	B	3	1500	1500	400	3400
*RB 11	Pantai Dalam, KL	31-40	M	K	B	6	700	3000	0	3700
RB 12	Pantai Dalam, KL	41-50	M	K	B	5	1500	2500	0	4000
RB 13	Petaling Jaya, Selangor	30 ke bawah	M	K	B	3	2800	2200	0	5000
RB 14	Pantai Dalam, KL	41-50	M	K	B	8	500	5000	0	5500
RB 15	Pantai Dalam, KL	31-40	M	K	B	8	2600	3000	0	5600
RB 18	Pantai Dalam, KL	31-40	M	K	TB	3	0	7000	0	7000
RB 19	Rumah Felo, UM, KL	41-50	M	K	B	5	4000	5000	0	9000
RB 20	Lembah Keramat, Selangor	31-40	M	K	B	7	4000	6000	0	10000
*RC 21	Shah Alam, Selangor	31-40	M	K	B	3	4000	6000	0	10000
RC 22	Gombak, Kuala Lumpur	31-40	M	K	B	6	6000	9000	0	15000

Jadual 5.5. Sambungan

Label Responden	Daerah dan Negeri	Umur	Bangsa	Status Perkahwinan	Status Pekerjaan	Jumlah isi Rumah yang Ditanggung	Pendapatan Responden	Pendapatan Suami Responden	Pendapatan lain (ahli rumah yang menanggung)	Total Pendapatan Isi Rumah
RC 23	Subang Jaya, Selangor	31-40	M	K	B	4	3700	12000	0	15700
RC 24	Shah Alam, Selangor	51-60	M	K	B	4	13000	5000	0	18000
RC 25	Jln Klang Lama, KL	31-40	M	K	B	3	10000	8000	0	18000
RC 26	Klang, Selangor	30thn kebawah	M	K	TB	6	0	30000	0	30000

Sumber: Borang temu bual, Mei - Disember 2013.

*Catatan:

- M: Melayu
- K: Berkahwin
- IT: Ibu Tunggal
- B: Bekerja
- TB: Tidak Bekerja
- IRL: Isi Rumah Lain
- RA: Responden berpendapatan isi rumah 40% terendah
- RB: Responden berpendapatan isi rumah 40% sederhana
- RC: Responden berpendapatan isi rumah 20% tertinggi

5.2.2: Analisis Demografi Responden

Jadual 5. 6. Taburan kekerapan (*frekuensi distribution*), peratusan umur, tempat tinggal, status perkahwinan, status pekerjaan dan tahap pendidikan responden.

Bil	Perkara	Julat Umur	Kekerapan	Peratusan (%)
1.	Umur Responden	30 ke bawah	2	8
		31-40	11	42
		41-50	9	35
		51-60	4	15
		Total	26	100

Jadual 5.6. Sambungan.

Bil	Perkara	Julat Umur	Kekerapan	Peratusan (%)
2.	Tempat Tinggal	Kuala Lumpur	19	73
		Selangor	7	27
		Total	26	100
3.	Status Perkahwinan	Berkahwin	19	73
		Ibu Tunggal	7	27
		Total	26	100
4.	Status Pekerjaan	Tidak Bekerja	4	15
		Bekerja	22	85
		Total	26	100
5.	Tahap Pendidikan	Sekolah Rendah	1	4
		Sekolah Menengah	10	38
		Sijil/Menegah Atas	3	12
		Diploma	2	8
		Ijazah Sarjana Muda	5	19
		Ijazah Sarjana	4	15
		Ijazah Sarjana Kedoktoran	1	4
		Total	26	100

Jadual. 5.6. Sambungan.

Bil	Perkara	Julat Umur	Kekerapan	Peratusan (%)
6.	Pendapatan isi rumah responden (RM)	1000-3000	8	31
		3001-5000	5	19
		5001-7000	5	19
		7001-9000	1	4
		9001-11000	2	8
		11001-13000	0	0
		13001-15000	1	4
		15001-17000	1	4
		17001-19000	2	8
		< 20000	1	4
		total	26	100

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei-Disember 2013.

5.2.3: Menganalisis Amalan Masyarakat Dalam Perbelanjaan Keperluan Asas Kehidupan Isteri Dan Anak

5.2.3.1: Perbelanjaan Keperluan Asas Isteri

Berikut merupakan beberapa keperluan asas isteri yang dikenal pasti dalam amalan perbelanjaan responden:

- 1) Makanan dan Minuman
- 2) Pembersihan
- 3) Tempat Tinggal serta Bil Air dan Elektrik
- 4) Pakaian
- 5) Perubatan
- 6) Telekomunikasi (kos telefon)

- 7) Pengangkutan (kos kenderaan)
- 8) Dandan
- 9) Pembantu Kerja Rumah

Makanan, Minuman Dan Pembersihan (Toiletries)

Untuk mengenal pasti perbelanjaan keperluan makanan dan minuman isteri (responden), kajian ini telah mengambil kira kos kebiasaan bagi perbelanjaan tersebut meliputi jenis, kuantiti, serta kos yang diambil oleh responden meliputi kos harian dan bulanan. Ini termasuk makanan dan minuman harian responden di luar serta keperluan barang dapur isi rumah responden.

Bagi keperluan pembersihan pula, responden ditanya mengenai barang pembersihan bagi kegunaan diri dan ahli keluarga seperti sabun, syampu, ubat gigi, dan juga barang kebersihan untuk kegunaan rumah seperti pencuci lantai dan sebagainya.

Terdapat dua kategori responden dalam perbelanjaan keperluan makanan dan pembersihan ini. Kategori pertama ialah responden yang boleh mengasingkan antara kos keperluan makanan dengan kos keperluan pembersihan mereka setiap bulan. Sementara kategori kedua ialah responden yang tidak dapat mengasingkan kos keperluan makanan dengan pembersihan mereka. Ini kerana, selalunya responden kategori kedua membeli barang makanan dan pembersihan dalam satu pembelian yang lazimnya diistilahkan sebagai keperluan barang dapur.

Bagi mendapatkan kos keperluan makanan dan pembersihan responden kategori kedua ini secara berasingan, kajian telah membuat penolakan daripada sebahagian peratusan jumlah pembelian barang dapur sebagai kos barang pembersihan responden kategori ini. Ini dilakukan dengan mendapatkan purata peratusan kos

pembersihan daripada responden kategori pertama yang mempunyai data berasingan bagi kos makanan dan kos pembersihan mereka.

Jadual 5. 7. Responden yang mempunyai data berasingan bagi kos makanan dan pembersihan.

Kelas responden	Responden yang mempunyai data secara berasingan	Kos kebersihan (RM)	Kos makanan dan minuman (RM)	Kos keseluruhan (RM)	Peratusan sisihan kos pembersihan drpd kos keseluruhan (%)
RC	RC 24	55	775	830	6.6
RC	RC 23	38	275	313	12.0
RB	RB 19	12	450	462	2.6
RA	RA 6	5	102	107	4.7
Purata peratusan sisihan bagi kos pembersihan					6.475

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Jadual di atas menunjukkan hanya terdapat empat orang responden daripada kelas A, B dan C yang mempunyai data kos makanan dan pembersihan bulanan secara berasingan. Merujuk kepada jadual 5.7 di atas, purata bagi peratusan sisihan kos pembersihan daripada kos keseluruhan makanan dan pembersihan ialah 6% (setelah dibundarkan).

Apabila diamati pada kolumn paling kanan pula, didapati peruntukan tersebut tidak berkaitan antara satu sama lain dari aspek pendapatan isi rumah. Justeru, kajian ini menyimpulkan bahawa purata kos sisihan tersebut boleh diambil daripada purata kos kebersihan responden-responden kategori pertama ini. Ia dijadikan ukuran kepada sisihan peratusan kos pembersihan bagi responden-responden kategori kedua.

Analisis Keperluan Kos Makanan Dan Pembersihan Responden.

Responden Kelas C (RC 26-21):

RC 26 berpendapatan isi rumah RM30 ribu sebulan yang juga merupakan responden berpendapatan isi rumah tertinggi bagi kajian ini. Beliau seorang suri rumah sepenuh masa, mempunyai dua orang anak yang masih kecil dan belum bersekolah. Beliau juga mempunyai dua orang madu yang masing-masing mempunyai seorang anak.

Suami beliau menanggung (isi rumah) seramai lapan orang itu dengan wang pendapatan RM30 ribu sebulan. Beliau dan madunya mempunyai rumah dan kereta masing-masing yang disediakan suami mereka.

Berikut merupakan amalan perbelanjaan makan dan minum RC 26. Bagi sarapan pagi, beliau biasanya hanya bersarapan di rumah dengan tiga keping roti beserta jem, dan secawan air milo panas. Menurut beliau, jika dianggarkan perbelanjaan di luar, kos setiap kali bersarapan ialah RM5.

Bagi sepinggan hidangan makan tengah hari, beliau mengambil nasi, sayur dan lauk. Jika dianggarkan kos makan di luar ialah sebanyak RM10. Bagi makan petang beliau akan mengambil kuih ataupun biskut beserta air sejuk dengan anggaran RM5. Sementara bagi sepinggan hidangan makan malam beliau sekali lagi akan mengambil nasi, lauk dan sayur dengan anggaran RM10 sekiranya makan di luar.

Kebiasaannya RC 26 menyediakan sendiri makanannya di rumah. Menurut RC 26, kos makan di luar beliau sebanyak RM100 sebulan.

Bagi kos belian barang dapur dan keperluan pembersihan beliau membelanjakan sebanyak RM700 sebulan, iaitu kos bagi RC 26 bersama anak dan suaminya. Jika dianggarkan, kos makanan dan keperluan pembersihan bagi setiap isi rumah RC 26 untuk tiga orang itu ialah sebanyak RM233 seorang. Ini menjadikan kos keperluan

makanan (termasuk kos makan di luar) dan keperluan pembersihan RC 26 ialah RM333 sebulan.

RC 25 pula yang berpendapatan isi rumah sebanyak 18 ribu sebulan, merupakan seorang wanita berkerjaya di tengah Bandaraya Kuala Lumpur. Beliau mempunyai pendapatan sebanyak RM10 ribu sementara suaminya berjumlah RM8 ribu. Beliau mempunyai seorang anak yang masih bersekolah.

Dari segi amalan perbelanjaan makanan, RC 25 memilih untuk menyediakan sendiri sarapan beliau di pejabat. Beliau selalunya mengambil lima keping biskut oat dan minuman panas yang dianggarkan sekitar RM2 bagi setiap sajian. Penyediaan sendiri sarapan berbanding pembelian di luar membantu menjimatkan kos RC 25. Menurut beliau, faktor menyediakan sarapan sendiri berbanding membeli di luar bukanlah kerana faktor penjimatan kewangan, tetapi lebih kepada faktor menjaga kesihatan dan juga penjimatan masa³⁹³.

RC 25 mengambil makan tengah hari di tempat kerja dengan anggaran RM5 dengan kuantiti sepinggan nasi, lauk dan sayur. Juga mengambil makan petang seperti biskut dan buah dengan anggaran RM2. Bagi makan malam RC 25 akan menyediakannya sendiri di rumah ataupun makan di luar dengan anggaran RM5 untuk dirinya seorang.

Ini menjadikan kos untuk makanan harian RC 25 sebanyak RM14 sehari ataupun RM280 sebulan bagi 20 hari bekerja. Kos barang keperluan dapur serta keperluan pembersihan keluarga RC 25 sebulan pula sebanyak RM400. Ini menjadikan kos makanan dan keperluan pembersihan RC 25 seorang ialah RM133. Jika dicampur dengan makan luar RC 25 iaitu RM280, ia menjadikan kos keperluan makanan dan keperluan pembersihan RC 25 ialah sebanyak RM413 sebulan.

³⁹³ Dimaklumkan sendiri oleh RC 25 tentang alasan beliau menyediakan sarapannya sendiri.

RC 24 juga merupakan ibu yang berkerjaya dan berpendapatan isi rumah sebanyak RM18 ribu sebulan. Pendapatan bulanan beliau sahaja mencecah RM13 ribu, sementara pendapatan bulanan suaminya ialah RM5 ribu. Beliau hanya tinggal bersama suami memandangkan kedua-dua anak beliau menginap di asrama sekolah mereka.

Memandangkan kehidupan RC 24 yang berkerjaya, beliau memilih untuk bersarapan di luar pada setiap hari. Menu sarapan pilihan beliau ialah roti ataupun nasi, dengan kadar sebungkus (bagi sukatan untuk nasi lemak) atau dua keping roti beserta air panas. Disebabkan kedudukan pejabat RC 24 yang berada di tengah-tengah bandar raya, makan paginya sahaja mencecah RM7 bagi setiap pembelian.

Untuk makan tengah hari, RC 24 mengambil nasi, mi ataupun makanan segera seperti McD atau KFC yang juga mencecah RM7. Bagi makan malam pula, selalunya RC 24 makan di luar bersama suami, dan kos bagi seorang ialah RM10. RC 24 sangat jarang untuk menyediakan masakan di rumah memandangkan beliau dan suaminya sama-sama berkerjaya di luar dan tiada anak-anak di rumah.

Bagi kos makanan dan minuman sahaja, RC 24 memperuntukkan RM24 sehari ataupun RM720 sebulan untuk keperluan makanan beliau. Untuk keperluan pembersihan, beliau memperuntukkan RM110 sebulan bagi seisi rumahnya seramai dua orang itu. Justeru, perbelanjaan pembersihan RC 24 sahaja ialah RM55 sebulan.

RC 23 pula berpendapatan isi rumah sebulan RM15,700. Beliau berkerjaya sebagai seorang tutor di IPTA tempatan dengan pendapatan sebanyak RM3,700 sebulan. Suaminya seorang pegawai bank berpendapatan RM12,000 sebulan. Beliau mempunyai empat orang isi rumah termasuk dua orang anak yang masih kecil.

Dari segi amalan perbelanjaan keperluan makanan, RC 23 agak kerap bersarapan di luar, memandangkan beliau seorang ibu bekerja dan tidak mempunyai pembantu rumah. Makan pagi yang selalu dibeli mencecah RM4 bagi setiap kali

pembelian. Sarapan yang diambil seperti nasi goreng dalam kuantiti sepinggan ataupun roti sebanyak dua keping dengan secawan horlicks atau milo panas. Untuk makan tengah hari, RC 23 mengambil sepinggan nasi, sayuran dan juga lauk yang mencecah RM6 setiap kali pembelian. Untuk makan malam pula kebiasannya RC 23 mengambilbihun, mi ataupun spaghetti yang dianggarkan berjumlah RM5 jika beliau membeli di luar, walaupun kebiasaanya beliau menyediakan makan malam sendiri di rumah. Menurut RC 23, kos makan di luar beliau sahaja ialah RM200 sebulan, iaitu bagi hari-hari bekerja beliau.

Bagi kos barang dapur (barangan makanan dan pembersihan) keluarga RC 23 pula berjumlah RM450 sebulan. Ini menjadikan perbelanjaan setiap orang bagi keluarga RC 23 ialah RM113. Jika dicampur dengan kos makan luar responden, menjadikan kos makanan dan keperluan pembersihan RC 23 ialah RM313 sebulan.

Menurut RC 23 lagi, kos pembelian lampin pakai buang anaknya, serta sabun dan alatan pembersihan yang lain bagi keluarga beliau ialah RM150 sebulan. Disebabkan RC 23 mempunyai empat orang isi rumah, justeru barang pembersihan RC 23 sahaja ialah sebanyak RM38 sebulan.

RC 22 pula berpendapatan isi rumah RM15,000 sebulan. Beliau juga merupakan seorang ibu yang berkerjaya sebagai pensyarah berpendapatan RM6,000 sebulan dan suaminya seorang pegawai bank yang berpendapatan RM9,000 sebulan. Beliau mempunyai tujuh orang isi rumah termasuk anak-anak yang masih kecil, lima daripadanya masih bersekolah. Ini menjadikan peruntukan pendapatan setiap isi rumah RC 22 ialah RM2,143.

Dari segi amalan pemakanan, RC 22 lebih memilih untuk bersarapan di rumah yang disediakan oleh bibik (pembantu rumah) beliau. Sarapan yang selalu disediakan dan diambil oleh RC 22 ialah seperti nasi, mi ataupun kuetiau goreng. Beliau

mengambil makanan tersebut dalam kadar satu pinggan, ataupun roti sebanyak dua keping bersama secawan air panas.

Begitu juga kebiasaannya untuk makan tengah hari, RC 22 sekali lagi hanya makan makanan yang dibekalkan oleh bibik beliau, termasuk juga makan malam. Makanan yang biasanya diambil RC 22 ialah sepinggan nasi beserta lauk dan sayuran. Walau bagaimanapun, RC 22 menganggarkan beliau ada memperuntukkan dan membelanjakan kebiasanya RM200 sebulan untuk makan di luar.

Bagi kos pembelian barang dapur (makanan dan pembersihan) keluarga RC 22 ialah RM 2,000 sebulan. Ini menjadikan peruntukan setiap isi rumah RC 22 ialah RM286. Jika dicampur dengan kos makan luar RC 22, dan keperluan makanan dan pembersihan beliau, RC 22 membelanjakan sebanyak RM486 sebulan bagi kos makanan dan pembersihan dirinya sahaja.

Disebabkan tiada data yang berasingan mengenai keperluan pembersihan RC 22, justeru purata peratusan sisihan sebanyak 6% akan ditolak daripada kos keseluruhan makanan dan pembersihan RC 22 sebulan. Ini menjadikan kos pembersihan RC 22 sahaja sebulan ialah RM29 sebulan.

RC 21 pula mempunyai pendapatan isi rumah RM10,000 sebulan. Beliau berkerjaya sebagai pegawai pustakawan dengan pendapatan RM4,000 sebulan. Suami beliau merupakan seorang ahli perniagaan yang berpendapatan RM6,000 sebulan. RC 21 mempunyai seorang anak yang masih kecil dan menjadikan bilangan isi rumah beliau seramai tiga orang. Justeru, peruntukan pendapatan setiap isi rumah RC 21 ialah RM3,333 sebulan.

Amalan perbelanjaan makanan dan pembersihan RC 21 dan keluarga beliau ialah seperti berikut. RC 21 kebiasaannya bersarapan di kafeteria tempat beliau bekerja dengan anggaran RM7.50 termasuk minuman. Kebiasaannya beliau memilih roti canai

sekeping atau sebungkus nasi lemak berlauk dan secawan teh tarik. Untuk makan tengah hari pula, beliau mengambil sepinggan nasi, beserta lauk, sayuran dan air minuman yang dianggarkan sebanyak RM7.

Untuk makan malam pula, kebiasannya RC 21 akan masak sendiri ataupun membeli lauk di luar untuk makan malam bersama keluarga beliau. Beliau menganggarkan kos makan luar beliau sahaja ialah RM300 sebulan.

Bagi kos barang dapur (makanan dan pembersihan) RC 21 dan keluarga beliau ialah RM400 sebulan. Ini menjadikan peruntukan setiap isi rumah RC 21 bagi kos makanan dan pembersihan ialah RM133. Sementara kos bagi makanan dan pembersihan RC 21 sahaja ialah sebanyak RM433 sebulan.

Peruntukan bagi keperluan makanan dan pembersihan kesemua RC boleh diringkaskan dalam jadual seperti berikut:

Jadual 5. 8. Peruntukan keperluan makanan dan pembersihan RC sebulan:

Responden/ Purata/ KOS	Kos makanan dan pembersihan responden sebulan (RM).	Purata peratusan sisihan untuk kos pembersihan	Kos Pembersihan (RM)	Kos Makanan (RM)
Responden	RC 26	333	6%	20
	RC 25	413	6%	25
	RC 24	830	*6.60%	55
	RC 23	313	*12.10%	38
	RC 22	486	6%	29
	RC 21	433	6%	26
Purata	x	468	0	32
				436

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Jadual 5.8 di atas menunjukkan purata kos makanan dan kos pembersihan para responden bagi kelas C iaitu RM436 untuk kos makanan dan RM32 untuk kos pembersihan bagi tempoh sebulan.

Peratusan yang bertanda (*) diambil daripada peratusan sebenar kos pembersihan responden-responden tersebut. Peratusan kos pembersihan RC 24 dan RC 23 tersebut dikekalkan kerana mereka mempunyai data kos pembersihan secara berasingan dengan kos makanan. Manakala bagi responden-responden lain, nilai 6% diambil daripada purata sisihan kos pembersihan daripada kos makanan responden kategori pertama³⁹⁴ untuk digunakan bagi memperoleh kos pembersihan mereka.

Responden Kelas B (RB 11-20)

Seramai 10 orang responden yang berada dalam kelas B ini. Penganalisisan bermula dengan RB 20. RB 20 seorang konsultan Syarikat IT miliknya dan berpendapatan RM4,000 sebulan. Suaminya juga merupakan pengurus di syarikat yang sama berpendapatan RM6,000 sebulan dan menjadikan pendapatan isi rumah mereka RM10,000 sebulan. RB 20 mempunyai anak seramai lima orang dan menjadikan bilangan isi rumah RB 20 ialah seramai tujuh orang.

RB 20 kebiasannya bersarapan di luar dengan anggaran setiap kali pembelian ialah sebanyak RM5. Kebiasaan jenis makanan yang diambil ialah roti sebanyak dua keping, nasi goreng, nasi lemak, mi ataupun bihun goreng sebanyak setengah pinggan dengan anggaran kos RM5. Untuk makan tengah hari RB 20 mengambil nasi sebanyak setengah pinggan, lauk, dan sayuran beserta air minuman dengan anggaran RM9. RB 20 tidak mengambil makan petang dan untuk makan malam, selalunya beliau menyediakan sendiri di rumah. Ini menjadikan anggaran bagi kos makan luar RB 20 untuk hari bekerja ialah RM14 sehari ataupun RM280 sebulan.

³⁹⁴ Responden dalam kategori ini mempunyai data kos keperluan pembersihan dan kos keperluan makanan yang berasingan.

Kos keperluan barang dapur keluarga RB 20 pula ialah RM700 sebulan. Ini menjadikan peruntukan kos tersebut bagi setiap isi rumah ialah RM100. Justeru, kos makanan dan pembersihan RB 20 sahaja sebanyak RM380 sebulan.

RB 19 pula merupakan seorang pegawai pustakawan dan berpendapatan RM4,000 sebulan. Suaminya merupakan seorang ahli perniagaan dengan anggaran pendapatan RM5,000 sebulan. Ini menjadikan pendapatan isi rumah RB 19 berjumlah RM9,000 sebulan. Isi rumah beliau ialah seramai 5 orang termasuk 3 orang anak yang masih bersekolah. RB 19 kebiasannya tidak bersarapan pagi kerana kesibukan dan keterbiasaan beliau:

“ye la *I* memang tak amik sarapan pagi la, sebab pagi-pagi antar anak ke sekolah, pastu dah nak masuk *office*, terus kerja berlambak nih. Kadang-kadang minum air sejuk je, tu pun, kadang-kadang air pun *I* lupe nak minum, ”(sic.)

RB 19 selalunya akan makan tengah hari di kafetaria tempat beliau bekerja dengan sepinggan nasi, sayur dan lauk berserta minuman dengan kos RM7. Beliau tidak mengambil makan petang. Beliau selalunya akan makan malam di luar dengan kos RM7 untuk diri beliau sahaja. Menurut beliau, beliau jarang memasak dan selalunya membelanjakan RM450 untuk makanan beliau setiap bulan. RB 19 juga membeli keperluan pembersihan sebanyak RM60 untuk diri dan keluarga beliau yang menjadikan peruntukan setiap isi rumah beliau terhadap keperluan ini ialah RM12 seorang sebulan. Justeru kos makanan dan pembersihan RB 19 ialah RM462 sebulan.

RB 18 pula seorang suri rumah sepenuh masa dan tidak bekerja. Sementara suaminya ialah seorang pensyarah berpendapatan RM7,000 sebulan. Ini menjadikan pendapatan isi rumah beliau ialah RM7,000 sebulan. RB 18 mempunyai seramai empat orang isi rumah termasuk dua orang anak. Ini menjadikan peruntukkan pendapatan setiap isi rumah RB 18 ialah RM 1,750.

Bagi amalan perbelanjaan makanan RB 18, sarapan disediakan sendiri ataupun dibeli di luar untuk seisi keluarga. Kebiasaannya beliau membeli nasi lemak dan kuih-muih dengan anggaran RM6 setiap kali pembelian. Air minuman seperti nescafe panas atau milo panas selalunya dibancuh sendiri di rumahnya.

Kos anggaran bagi pembelian makan pagi untuk seisi keluarga RB 18 sebulan ialah RM90. Bagi makan tengah hari dan malam, RB18 menyediakannya sendiri untuk seisi keluarga. Pembelian barang dapur seisi keluarga beliau pula ialah RM1,000 sebulan. Ini menjadikan kos keseluruhan makanan dan pembersihan isi rumah RB 18 ialah RM1,090 sebulan.

Responden seterusnya ialah RB 17 yang merupakan seorang pengusaha Tadika ABIM dengan pendapatan RM6,000 sebulan. Beliau seorang ibu tunggal yang telah kematian suami. Beliau masih menanggung dua orang anak. Ini menjadikan bilangan isi rumah yang ditanggung ialah seramai tiga orang termasuk dirinya sendiri. Justeru peruntukan pendapatan setiap isi rumah RB 17 ialah sebanyak RM 2,000 sebulan.

RB 17 selalunya bersarapan dengan secawan minuman panas (*green tea colostrum*) dan sebiji kapsul minyak kelapa dara yang beranggaran kos RM150 sebulan. Beliau menganggarkan kos pembelian barang dapur untuk diri beliau sahaja ialah RM300 sebulan.

RB 16 pula merupakan seorang peniaga kasut pasar malam yang berpendapatan sebanyak RM2,400 sebulan. Suaminya ialah seorang juruteknik kanan dengan pendapatan RM3,600. Ini menjadikan pendapatan keseluruhan isi rumah RB 16 ialah RM6,000 sebulan. RB 16 mempunyai tujuh orang isi rumah iaitu termasuk lima orang anaknya yang masih belajar. Ini menjadikan peruntukan pendapatan setiap isi rumah RB 16 ialah RM858 seorang.

Bagi amalan perbelanjaan makanan RB 16, kebiasaannya beliau akan bersarapan di rumah dengan dua keping roti dan secawan milo panas. Untuk makan tengah hari dan malam, RB 16 akan menyediakannya di rumah buat seisi keluarga. Kebiasaannya, beliau mengambil sepinggan nasi, lauk dan sayuran untuk makan tengah hari dan juga malam. Beiau jarang mengambil makanan petang.

Kos bagi perbelanjaan barang dapur RB 16 ialah RM900 sebulan untuk tiga orang isi rumah beliau yang tinggal bersama. Sementara empat orang lagi anak-anak RB 16 tinggal di asrama tempat pengajian masing-masing. Ini menjadikan keperluan bagi kos makanan dan pembersihan bagi setiap isi rumah RB 16 ialah RM300 sebulan.

RB 15 pula merupakan seorang perunding kewangan Islam berpendapatan RM2,600 sebulan. Suami beliau juga berada di sektor pekerjaan yang sama dan berpendapatan sebanyak RM3,000 sebulan. Ini menjadikan pendapatan isi rumah RB 15 ialah RM5,600 sebulan. RB 15 mempunyai bilangan isi rumah seramai tujuh orang iaitu termasuk lima orang anak mereka yang masih bersekolah. Ini menjadikan peruntukan pendapatan setiap isi rumah RB 15 ialah RM800 sebulan.

Dari segi amalan perbelanjaan makanan RB 15, beliau kebiasaannya bersarapan di kafeteria tempat kerja beliau dengan peruntukan RM5 bagi setiap kali sarapan. Selalunya menu pilihan beliau ialah nasi lemak dan milo panas. Untuk makan tengah hari, RB 15 kebiasaannya mengambil bihun, laksa dan air suam dengan anggaran RM5. Untuk makan malam RB 15 hanya mengambil beberapa potong kuih dah air panas. Barang dapur RB 15 bersama empat orang isi rumah yang tinggal bersama ialah RM620 sebulan. Ini menjadikan kos perbelanjaan keperluan tersebut bagi setiap isi rumah beliau ialah RM124. Kos makan luar RB 15 sahaja ialah sebanyak RM200. Ini menjadikan kos barang keperluan makanan dan pembersihan RB 15 ialah RM324 sebulan.

RB 14 pula ialah seorang suri rumah berpendapatan isi rumah sebanyak RM5,000 sebulan. Bilangan isi rumah RB 14 ialah seramai lapan orang termasuk enam orang yang masih di bawah tanggungan. Ini menjadikan peruntukan pendapatan setiap isi rumah RB 14 ialah RM625. Selalunya RB 14 akan menyediakan sendiri sarapan di rumah untuk seisi keluarga. Kadar dan jenis sarapan yang selalu diambil oleh beliau ialah seperti setengah pinggan mi atau bihun goreng atau tiga biji kuih beserta secawan air teh panas. Untuk makan tengah hari beliau mengambil nasi beserta lauk-pauk dan sayuran. Untuk makan malam, beliau hanya mengambil air teh dan biskut. RB 14 juga jarang makan di luar.

Keluarga RB 14 membelanjakan sebulan sebanyak RM1,250 untuk barang keperluan makanan dan pembersihan sebulan. Disebabkan dua orang anaknya yang bersekolah asrama hanya balik pada hujung bulan, justeru, perbelanjaan keluarga RB 14 secara kasarnya ialah bagi enam orang isi rumah sahaja. Ini menjadikan kos makanan dan pembersihan setiap isi rumah RB 14 ialah RM208.

RB 13 ialah seorang ibu berkerjaya dengan pendapatan isi rumah RM5,000 sebulan. Berkerjaya sebagai seorang tutor di universiti tempatan, membolehkan beliau berpendapatan RM2,800 sebulan. Sementara suaminya pula bekerja sendiri berpendapatan RM2,200 sebulan. Beliau hanya mempunyai seorang anak yang sedang mengikuti pengajian di prasekolah.

Kebiasaannya, RB 13 akan bersarapan di luar dengan jenis makanan seperti nasi lemak, mi atau bihun goreng dan jarang membeli air minuman dengan kos RM3 setiap kali bersarapan. Untuk makan tengah hari beliau mengambil sepinggan nasi, sayuran berserta lauk (ikan) dan jarang mengambil ayam dalam anggaran kos RM5. Untuk makan malam, selalunya RB 13 akan menyediakannya di rumah untuk seisi keluarga. Ini menjadikan kos makan luar RB 13 sahaja ialah RM 160.

Barangan dapur keluarga RB 13 ialah RM700 sebulan. Jika diukur keperluan ini dalam kos setiap isi rumah beliau ialah RM233. Justeru kos bagi keperluan makanan dan pembersihan RB 13 sahaja termasuk kos makan di luar beliau ialah RM393.

RB 12 pula ialah seorang suri rumah yang bekerja sendiri (perniagaan separuh masa) dan berpendapatan RM1,500 sebulan. Suaminya bekerja di syarikat swasta berpendapatan RM2,500 dan menjadikan pendapatan isi rumah mereka ialah sebanyak RM4,000 sebulan. RB 12 mempunyai tiga orang anak yang masih di bawah tanggungan. Ini menjadikan isi rumah mereka ialah seramai lima orang. Justeru, peruntukan pendapatan setiap isi rumah RB 12 ialah RM800.

Dari segi amalan perbelanjaan makanan, kebiasannya RB 12 membeli atau menyediakan sendiri sarapan bagi satu keluarga seperti nasi lemak dan menyediakan minuman untuk seisi keluarga seperti nescafe panas. Untuk makan tengah hari, petang dan malam, beliau akan menyediakannya sendiri di rumah. Kebiasaan RB 12 mengambil sepinggan nasi, sayur beserta lauk (ikan), untuk makan tengah hari dan malam, dan mengambil beberapa biji kuih dan air kopi atau teh panas pada waktu petang. RB 12 juga akan makan di luar bersama keluarga (lima orang ahli rumah) sekali seminggu dengan anggaran RM150 untuk sekali perbelanjaan:

“Seminggu sekali tu ada la makan kat luar, memang tetaplah, kalau anak-anak balik dari jauh-jauh, keluar lagi makan kat luar, tapi ada *target* la kalau nak makan kat luar ni, anak akak cakap, mama kalau makan nasi je kat luar, kat umah pun mama boleh masak, RM100 lebih jugaklah, bukan sikit-sikit,” (sic.)

Justeru, kos makan di luar isi rumah RB 12 sebulan sahaja ialah RM600. RB 12 juga membelanjakan RM730 bagi keperluan barang dapur keluarganya sebulan. Ini menjadikan kos keperluan barang makanan dan pembersihan keluarga RB 12 ialah RM1,330 atau RM266 sebulan bagi setiap isi rumah beliau.

RB 11 pula merupakan seorang suri rumah yang bekerja separuh masa berpendapatan RM700. Suaminya seorang pekerja buruh subkontrak berpendapatan RM3,000 sebulan dan ini menjadikan pendapatan isi rumah beliau ialah RM3,700 sebulan. RB 11 mempunyai empat orang anak yang masih di bawah tanggungan. Ini menjadikan bilangan isi rumah beliau ialah seramai enam orang termasuk dirinya dan suaminya.

RB 11 selalunya membeli sarapan di luar dan menyediakan minuman panas seperti kopi, horlicks ataupun teh di rumah. Beliau menganggarkan kos sarapan beliau seperti dua keping roti canai atau sebungkus nasi lemak ialah RM2 dan makan petang beliau ialah beberapa jenis kuih bernilai RM2. Untuk makan tengah hari dan malam, beliau menyediakannya di rumah. Kos pembelian makanan di luar bagi RB 11 sahaja ialah RM80 sebulan. Bagi kos barang dapur keluarga beliau pula ialah RM1,100 sebulan. Ini menjadikan keperluan kos barang dapur bagi setiap ahli rumah beliau ialah RM183. Justeru kos makanan dan pembersihan RB 11 sahaja ialah RM263 sebulan.

Peruntukan bagi keperluan makanan dan pembersihan kesemua RB boleh diringkaskan dalam jadual seperti berikut:

Jadual 5. 9. Peruntukan kos makanan dan pembersihan setiap RB sebulan:

Responden/ Purata/ Kos	Kos makanan dan pembersihan responden sebulan (RM)	Purata peratusan sisihan pembersihan daripada kos keseluruhan	Kos Pembersihan (RM)	Kos Makanan (RM)
Responden	RB 20	380	6%	23
	RB 19	462	2.6	12
	RB 18	273	6%	16
	RB 17	300	6%	18
	RB 16	300	6%	18

Jadual 5.9. Sambungan.

Responden/ Purata/ Kos	Kos makanan dan pembersihan responden sebulan (RM)	Purata peratusan sisihan pembersihan daripada kos keseluruhan	Kos Pembersihan (RM)	Kos Makanan (RM)
Responden	RB 15	324	6%	19
	RB 14	208	6%	12
	RB 13	393	6%	24
	RB 12	266	6%	16
	RB 11	263	6%	16
Purata	x	317	x	17
				300

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Responden A (RA 10-1):

Responden dalam kelas A berjumlah seramai 10 orang. Bermula dengan RA 10, beliau bekerja sebagai tukang cuci dan berpendapatan RM1,500 sebulan. Suaminya yang membawa lori, juga berpendapatan RM1,500 sebulan. Ini menjadikan pendapatan isi rumah mereka ialah RM3,400 dengan tambahan pendapatan oleh anak-anak yang bekerja sebanyak RM400 sebulan. Isi rumah beliau berjumlah seramai lima orang.

RA 10 selalunya bersarapan di luar dengan secawan teh o panas, sepiring mi goreng atau sekeping roti canai. Untuk makan tengah hari, RA 10 akan membeli dengan kadar sepinggan nasi, sayur serta lauk. Kos makan luar RA 10 sahaja dalam tempoh sebulan ialah RM160. Untuk makan malam dan hari cuti, selalunya RA 10 akan menyediakannya di rumah untuk lima ahli rumah yang masih tinggal bersama beliau. Kos barang dapur keluarga RA 10 ialah RM950 sebulan atau RM190 bagi setiap isi rumah beliau. Ini bermakna, kos keperluan makanan dan pembersihan RA 10 termasuk kos makan di luar beliau ialah sebanyak RM350 bagi tempoh sebulan.

RA 9 pula ialah seorang ibu tunggal yang bekerja sebagai pembantu am pejabat. Beliau berpendapatan isi rumah sebanyak RM2,950 sebulan iaitu daripada pendapatannya RM2,400 sebulan dan pendapatan isi rumah yang lain sebanyak RM550. Bilangan isi rumah beliau ialah seramai enam orang.

Dari segi amalan perbelanjaan makanan, RA 9 selalunya membawa bekal dari rumah untuk makan pagi, dan membeli sekitar RM5 hingga RM10 untuk makan tengah hari dengan nilai sepinggan nasi, sayur dan lauk.

Beliau tidak mengambil makan petang, dan menyediakan makan malam di rumah. Kos makan luar RA 9 sahaja sebulan ialah sekitar RM150. Perbelanjaan barang dapur keluarga RA 9 ialah RM1,000 atau RM167 bagi setiap isi rumah beliau sebulan. Ini menjadikan keperluan bagi RA 9 sahaja untuk keperluan makanan dan pembersihan ialah RM317 sebulan.

RA 8 merupakan seorang ibu tunggal yang kematian suami. Dengan pendapatan sebanyak RM2,500 sebulan, dan illat kematian suaminya sebanyak RM300 sebulan, menjadikan pendapatan isi rumah RA 8 ialah sebanyak RM2,800. Hanya beliau yang menanggung anak tunggalnya yang sedang bersekolah rendah.

RA 8 selalunya membeli sarapan, makan tengah hari dan makan malam di luar. Kebiasaannya beliau akan berbelanja RM5 bagi sarapan, RM5 bagi makan tengah hari dan RM7.50 bagi makan malam untuk diri dan anaknya. Kos makanan RA 8 sahaja pada hari bekerja ialah $RM\ 17.50 \times 20\ \text{hari} = RM350$. Disebabkan beliau tidak banyak memasak di rumah, RA 8 hanya memperuntukkan RM150 sebulan untuk barang dapur keluarganya. Ini menjadikan kos keseluruhan makanan dan pembersihan RA 8 ialah RM425 sebulan.

RA 7 merupakan seorang ibu tunggal. Beliau bekerja sebagai pembantu am pejabat dan membiayai tiga orang anak yang masih bersekolah. Beliau mempunyai

pendapatan sebanyak RM2,687 sebulan yang juga merupakan keseluruhan pendapatan isi rumah beliau. Isi rumah beliau seramai empat orang.

Bagi amalan perbelanjaan pemakanan RA 7, beliau memilih untuk memasak sendiri. Beliau sendiri menyediakan bekal bagi makan pagi dan tengah hari untuk anak-anaknya. Tiada kos yang dikeluarkan oleh RA 7 bagi pembelian makanan di tempat kerja atas faktor penjimatan. Beliau juga tidak memperuntukkan gaji bulanan untuk makan di luar bersama anak-anak. Beliau dan anak-anaknya akan makan di luar sekiranya mendapat pendapatan tambahan seperti bonus dan hadiah. Setiap bulan beliau membelanjakan sebanyak RM800 untuk pembelian barang dapur meliputi barang makanan dan juga barang kebersihan. Ini menjadikan kos barang keperluan tersebut bagi setiap isi rumah RA 7 ialah RM200 sebulan.

RA 6 pula merupakan seorang suri rumah sepenuh masa dan tidak bekerja. Pendapatan isi rumah beliau ialah RM2,500 sebulan iaitu daripada pendapatan suaminya yang bekerja sebagai pemandu van sekolah. Beliau mempunyai empat orang anak yang masih di bawah tanggungan dan ini menjadikan bilangan isi rumah beliau ialah seramai enam orang.

Sebagai suri rumah sepenuh masa, RA 6 kebiasaannya memasak di rumah untuk semua waktu makan. Suami beliau membelanjakan sebanyak RM320 sebulan bagi pembelian barang dapur untuk keluarga beliau. Memandangkan 3 orang anak beliau bersekolah di asrama, maka kos barang dapur tersebut hanya untuk 3 orang ahli rumah yang masih tinggal. Ini menjadikan peruntukan bagi setiap isi rumah beliau ialah RM107.

RA 6 hanya memilih bersarapan di rumah dengan segelas susu, sebungkus nasi lemak ataupun 2 keping roti. Untuk makan tengah hari, beliau akan mengambil sepinggan nasi, sayuran serta lauk. Amalan makan petang beliau digabungkan dengan

makan malam. Beliau selalunya mengambil minuman kesihatan seperti kopi radix dan juga beberapa potong kuih atau beberapa keping biskut.

Bagi keperluan pembersihan, RA 6 memperuntukkan sebanyak RM16 sebulan atau RM5 bagi setiap ahli rumah iaitu 4.7% daripada kos keseluruhan keperluan makanan dan pembersihan. RA 6 merupakan satu-satunya responden dalam kelas ini yang dapat mengasingkan kos makanan dan juga pembersihan, justeru data beliau turut dijadikan panduan dalam perolehan purata peratusan sisihan kos pembersihan iaitu 6%.

RA 5 pula merupakan seorang ibu tunggal dengan tanggungan tiga orang anak dan berpendapatan isi rumah RM2,450 sebulan. Pendapatan ini ialah hasil daripada gajinya sebagai pembantu am pejabat sebanyak RM1,900 sebulan, pencen arwah suaminya sebanyak RM400 dan pemberian anak yang telah bekerja sebanyak RM150.

RA 5 kebiasanya membawa sendiri bekal sarapan dan makan tengah hari ke tempat kerja.

“Akak tak beli sangat, pagi-pagi dah bawak bekal, mahal lagi pun, sekali makan sini dah berapa kan, lima ringgit ke atas kot,” (sic.)

Menurut RA 5, pembelian barang dapur untuk keluarga beliau (barang makanan dan pembersihan) ialah RM500 sebulan. Walau bagaimanapun kos ini ialah untuk beliau dan anaknya yang bongsu. Ini kerana dua orang anaknya yang lain tinggal di asrama Institut Pengajian Tinggi (IPT) masing-masing. Justeru, perbelanjaan kos makanan dan pembersihan setiap isi rumah RA 5 ialah RM250 sebulan.

RA 4 pula ialah seorang ibu yang bekerja. Beliau menanggung suaminya yang sakit serta lima orang anak yang masih bersekolah. Beliau mempunyai berpendapatan isi rumah RM2,350 iaitu hasil daripada pendapatannya di sebuah kilang elektronik sebanyak RM1,020, bantuan illat untuk suaminya yang sakit sebanyak RM830 dan juga hasil jualan kuih-muih beliau sebanyak RM500 sebulan.

Oleh sebab RA 4 mempunyai tanggungan anak yang ramai berserta suami yang sakit, kebanyakannya amalan perbelanjaan makanan ialah dengan cara membeli bahan mentah untuk dimasak di rumah. Beliau dan anak-anaknya akan membawa bekal ke tempat kerja dan juga ke sekolah masing-masing. Perbelanjaan dapur RA 4 sebulan ialah RM1,200. Disebabkan seorang daripada anak RA 4 tinggal di sekolah berasrama, maka kos makanan dan barang kebersihan mengikut bilangan isi rumah yang masih tinggal (enam orang) ialah RM200 seorang.

RA 3 juga merupakan seorang ibu tunggal yang bekerja dan menanggung dua orang anaknya yang masih bersekolah. Pendapatan isi rumah beliau ialah RM1,900 sebulan iaitu hasil daripada gajinya sendiri sebagai pembantu am pejabat.

Untuk menjimatkan kos, RA 3 akan membeli barang dapur (makanan dan pembersihan) untuk keperluan sebulan dan memasaknya di rumah serta menyediakan bekal makanan untuk anak-anaknya ke sekolah dan juga untuk dirinya sendiri ke tempat kerja. Kos bagi barang dapur isi rumah RA 3 ialah RM700 sebulan atau RM 233 sebulan bagi setiap ahli rumah.

RA 2 pula ialah seorang guru tadika. Beliau berpendapatan isi rumah sebanyak RM 1,760 hasil kerjayanya sebagai guru tadika, mengasuh budak, berniaga kuih serta pemberian baitulmal sebanyak RM500 sebulan. Walaupun beliau masih mempunyai suami, tetapi menurut beliau suaminya mengabaikan tanggungjawab pemberian nafkah kepada dirinya dan anak-anaknya. Beliau terpaksa bekerja untuk menanggung diri sendiri berserta enam orang anak-anaknya yang masih bersekolah. Ini menjadikan bilangan isi rumah beliau yang masih di bawah tanggungan ialah seramai tujuh orang.

Hampir dalam semua waktu, beliau memilih untuk menyediakan keperluan makanan seisi keluarga dengan cara memasak sendiri di rumah. Kos perbelanjaan

barangan dapur isi rumah RA 2 ialah RM1,000 sebulan atau RM143 sebulan bagi setiap ahli rumah.

RA 1 merupakan responden terakhir daripada kelas A dalam kajian ini. Beliau merupakan seorang ibu tunggal yang sakit dan hanya bergantung kepada bantuan sebanyak RM1,050 sebulan daripada pelbagai agensi kerajaan dan NGO (*Non Government Organization*).

Beliau menanggung 4 orang anak-anaknya yang masih belajar termasuk seorang anak OKU (Orang Kelainan Upaya). Kebiasaananya, RA 1 dan anak-anaknya tidak mengambil sarapan. Makan berat pula selalunya dalam kadar sekali sahaja. Beliau dan keluarganya akan makan sebanyak dua kali sehari sekiranya baki daripada makanan tengah hari masih berbaki:

“akak pagi tak makan, anak-anak pun semua tak makan, macam hari ini makan nasi tengah hari saja,” (sic.)

Beliau akan masak makanan di rumah dengan belanja barang dapur tidak lebih daripada RM400 sebulan termasuk susu tambahan untuk anaknya yang OKU. Ini menjadikan kos keperluan tersebut bagi setiap isi rumah RA 1 ialah RM80 sebulan untuk keperluan lima orang isi rumah beliau.

“Sekarang ni dapat bantuan Nur-Kasih dari Parti Keadilan yang bagi rasenye , kak ni sapu je semuanya, beras,barang-barang kering (semua) RM80, .dah save kat situ , [Parti] Keadilan bagi , yang lebih kak beli sendiri , ikan jarang beli , ikan mahal , ayam sekor simpan seminggu, . sayur, cili ajinamoto, garam ke, *estimated* 40 ringgit mesti ade seminggu,” (sic.)

Menurut RA 1, walaupun anak istimewanya ada menerima susu dan lampin pakai buang daripada pihak baitulmal, tetapi peruntukan tersebut masih tidak mencukupi terutamanya bagi keperluan susu. Ini kerana anak OKUnya hanya bergantung kepada susu sebagai keperluan makanan utama beliau. Justeru RA 1 perlu

membekalkan susu tambahan kepada anaknya sebanyak lima kilo sebulan yang berjumlah RM150:

“ *[nama anak beliau] minum susu Fernleaf. Satu kilo 30 ringgit, beli 5 peket yang sekilo sepeket tu dah 150 ringgit sebulan, anak-anak normal 2 tin je, ni * lagi besar minum lagi banyak susu , sebab dia makan satu senduk nasi je, baitulmal bagi lampin dan susu, [jenama] Pediasure, bila susu tu dah habis tu yang kena tambah tu,(sic.)

Kos makanan dan pembersihan RA 1 dan isi rumah beliau beranggaran RM80 setiap sorang. Ini merupakan peruntukan yang terendah berbanding peruntukan isi rumah responden-responden lain dalam kajian ini.

Berikut merupakan peruntukan kos makanan dan pembersihan sebulan bagi responden kelas A:

Jadual 5. 10. Peruntukan kos makanan dan pembersihan RA sebulan.

Responden/ Purata/ Kos	Kos makanan dan pembersihan responden sebulan (RM).	Peratusan sisaan bagi kos pembersihan	Kos Pembersihan (RM)	Kos Makanan (RM)
Responden	RA 10	350	6%	21
	RA 9	317	6%	19
	RA 8	425	6%	26
	RA 7	200	6%	12
	RA 6	107	4.7%	5 (4.7%)
	RA 5	250	6%	15
	RA 4	200	6%	12
	RA 3	233	6%	14
	RA 2	143	6%	9
Purata	x	231	x	14
				217

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Analisis keseluruhan kos perbelanjaan barang makanan dan pembersihan mengikut responden dan kelas

Kos perbelanjaan barang makanan dan pembersihan responden kemudiannya dibandingkan di antara kelas-kelas.

Kos perbelanjaan keperluan makanan bulanan responden mengikut kelas:

Jadual 5.11 berikut merupakan kos perbelanjaan keperluan makanan bulanan responden mengikut kelas:

Jadual 5. 11. Kos perbelanjaan keperluan makanan setiap responden dan purata perbelanjaan mengikut kelas

RA	RB	RC	KELAS RESPONDEN	Kos Perbelanjaan Keperluan Makanan setiap responden mengikut kelas. Jumlah dalam (RM).		PURATA
329 (RA 10)	357 (RB 20)	407 (RC 21)				
298 (RA 9)	450 (RB 19)	457 (RC 22)				
400 (RA 8)	257 (RB 18)	275 (RC 23)				
188 (RA 7)	282 (RB 17)	775 (RC 24)				
102 (RA 6)	282 (RB 16)	388 (RC 25)				
235 (RA 5)	305 (RB 15)	313 (RC 26)				
188 (RA 4)	196 (RB 14)	x				
219 (RA 3)	369 (RB 13)	x				
134 (RA 2)	250 (RB 12)	x				
75 (RA 1)	247 (RB 11)	x				
		300				
		217				

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Jadual 5.11 di atas menunjukkan kos perbelanjaan keperluan makanan setiap responden mengikut kelas. Apabila melihat kos-kos keperluan tersebut secara

keseluruhannya meliputi semua responden, didapati bahawa tiada perbezaan yang ketara antara kos-kos tersebut.


Misalnya, semua responden hanya makan sepinggan nasi, lauk dan sayuran bagi makan tengah hari dan makan malam, dan selalunya tidak akan lebih daripada sepinggan nasi. Untuk makan pagi pula, ia dipengaruhi oleh keperluan tenaga, gaya hidup dan penjagaan kesihatan setiap responden.

Sebagai contoh, RC 25 hanya makan pagi dalam kadar RM2 iaitu air panas yang dibancuh sendiri dan beberapa keping biskut oat dengan alasan untuk menjaga kesihatan. RC 25 hanya berbelanja bagi kos makanan sebanyak RM388 sebulan, walaupun pendapatan isi rumah beliau ialah RM18000 sebulan.

Berbeza dengan RA 8 yang berpendapatan isi rumah RM2800 sebulan, namun beliau berbelanja sebanyak RM400 sebulan bagi keperluan kos makanan untuk dirinya. Begitu juga halnya dengan RC 26 yang berada dalam kelas berpendapatan tinggi. Beliau hanya membelanjakan RM313 sebulan untuk kos keperluan makanan, malahan lebih rendah berbanding dengan beberapa responden dalam kelas B seperti RB 19 yang berbelanja RM450 dan RB 13 yang berbelanja RM369 untuk keperluan kos tersebut sebulan.

Walau bagaimanapun, apabila perbelanjaan kos makanan tersebut dilihat mengikut purata kelas, ia meningkat sebagaimana graf dalam Rajah 5.1 seperti yang berikut:

Rajah 5. 1. Kos perbelanjaan keperluan makanan responden sebulan mengikut kelas.



Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Dalam Rajah 5.1 di atas, didapati majoriti responden berbelanja dalam julat antara RM100 hingga RM500, dan kebanyakan responden berbelanja dalam julat RM200 ke RM400 bagi perbelanjaan kos makanan responden sebulan.

Walaupun begitu, kajian ini tidak menafikan terdapatnya beberapa kes yang mempunyai perbelanjaan yang berlainan yang terkeluar daripada julat-julat yang dinyatakan dalam rajah. Hal ini berlaku seperti dalam kes RC 24 yang berbelanja sebanyak RM775 sebulan bagi kos makanan ataupun RA 8 yang berbelanja RM400 sebulan walaupun berada dalam kelas sosioekonomi yang lebih rendah.

Kes-kes bagi Perbelanjaan yang Berlainan

Kajian ini melihat bukan sahaja terdapat tahap perbelanjaan yang berbeza antara kelas-kelas tetapi juga terdapatnya perbezaan tahap perbelanjaan antara responden bagi kelas yang sama yang agak ketara. Perbezaan-perbezaan ini disebabkan beberapa faktor antaranya:

1. Penyediaan makanan sendiri (masak sendiri) di rumah atau pembelian makanan siap di luar.

Ini merupakan faktor yang menyebabkan perbezaan peruntukan kos makanan responden walaupun berada dalam kelas yang sama. Sebagai contoh, RA 8 berbelanja sebanyak RM400 sebulan untuk kos makanan berbanding dengan responden RA yang lain yang hanya berbelanja dalam julat RM50 hingga RM250.

Perbezaan tersebut disebabkan RA 8 memilih untuk membeli makanan siap di luar dan hanya memasak pada hari hujung minggu. RA 8 juga biasanya berbelanja RM12.50 sehari terutamanya pada hari bekerja beliau untuk pembelian makanan siap iaitu RM5 untuk makan dan minum pagi, RM5 untuk makan tengah hari, dan RM7.50 untuk makan malam.

“Pagi RM5, tengah hari makan RM5, Petang makan ngan anak makan kat kedai tu, RM15, jarang masak, hari minggu je masak,” (sic.)

Sementara, majoriti responden kelas A yang lain, lebih memilih untuk menyediakan sendiri makanan di rumah, membawa bekal ke tempat kerja dan menyediakan bekal makanan untuk keperluan anak-anak mereka di sekolah. Ini boleh dilihat, daripada kenyataan mereka seperti amalan memasak di rumah oleh RA 2 untuk menjimatkan kos:

“Tak pernah tak masak, tak da beli kat kedai, rasa membazir beli nasi lemak kat kedai, baik goreng cokodok kenyang semua, masak pagi petang malam,” (sic.)

RA 3 juga lebih memilih untuk menyediakan sendiri makanan ke tempat kerja bagi menjimatkan kos:

“Selalu kalau nak beli sayur, RM2 je kat tempat kerja, bawa nasik, telor, buat sambal ke, hehehe, hari-hari makan telor, nak muntah, tapi kalau kita masak lagi jimat, ada kuah-kuah tu kita boleh tambah-tambah, tapi kalau kita beli memang tak jimat, duit pun tak cukup,” (sic.)

Begitu juga dengan RA 7, yang menyediakan bekal di rumah untuk dirinya ke tempat kerja dan anaknya ke sekolah.

“hmm, saya masak [waktu]pagi tiap-tiap hari, bawak bekal, sebab memang kena bawak bekal tu, kalau tak [tidak mencukupi], sebab minyak kete lagi, yang anak tu, [waktu petang bila] dia sekolah cina, akak tak bagi belanja, akak bagi dia bawak bekal je la, kira biskut ke, roti ke, apa ke, la kan, ” (sic.)

2. Tempat pembelian, jenis makanan yang diambil dan juga kekerapan atau kuantiti makanan turut mempengaruhi perbezaan kos perbelanjaan makanan dan pembersihan oleh setiap responden.

Misalnya, RC 24 merupakan responden yang tertinggi memperuntukkan kos perbelanjaan makanan beliau iaitu sebanyak RM775 sebulan. Ini terjadi kerana tempat bekerja RC 24 di tengah-tengah bandar raya di bangunan Sentral Kuala Lumpur, yang kebanyakannya tempat makan beliau ialah restoran mewah dan mahal. Beliau juga pada masa tertentu memilih untuk makan makanan segera berbanding makanan biasa. Ini juga menyebabkan kos peningkatan berlaku. Gaya hidup beliau yang lebih memilih untuk makan di luar berbanding memasak di rumah, walaupun pada hari hujung minggu turut menyumbangkan kepada peningkatan kos tersebut.

“Selalu *I* beli kat sini, (bangunan sentral) pagi ambil nasi, roti ke , *it cost me about RM7*, .tengah hari *I* ambik *rice, noodles or fast food about RM7* jugak, *dinner always I have with my husband* kat luar dalam RM10, either *I* amik nasi, noodles or fast food jugak la, .selalunya *I* tak beli sangat [barang basah] sebab dengan suami saja, *he also busy then, we have food outside* lah, selalu kalau beli pun, tak de sape yang masak, hehe,” (sic.)

Ini berbeza dengan RA 1 dan RA 9 yang terpaksa untuk memilih jenis makanan, kekerapan dan tempat pembelian makanan yang menawarkan kos seminimum mungkin.

Misalnya RA 1 yang hanya memperuntukkan RM75 bagi keperluan makanan beliau sebulan. Beliau memilih untuk mengikat perut bagi makan pagi dan makan malam. Beliau tidak dapat berbelanja di kedai-kedai, pasar raya ataupun pasar-pasar tani yang boleh menyebabkan bajet perbelanjaannya lari daripada kebiasaan. Beliau juga memilih untuk makan ayam, sardin atau telur berbanding ikan yang hanya dibeli

beberapa kali setahun atas faktor ketidakmampuan untuk menangung kos pembelian ikan yang mahal:

“Pagi tak makan ,anak-anak pun semua tak makan [pagi]. Macam hari ini makan nasi tengah hari saja, kak * makan sekali saja, apa yang ada nanti makan tu jugak lah, selalu kak * beli beras 10 kilo untuk 2 bulan, makan 4 orang, sardin, telur dua papan untuk bila dah kering, lauk-lauk, . ikan jarang , ikan mahal , dalam setahun 2,3 kali saja kak * beli, .ayam seekor simpan seminggu,” (sic.)

RA 9 yang bekerja membawa bekal ke tempat kerja sekiranya berkesempatan dan mengamalkan perkongsian makanan dengan sahabat atau adik beliau yang juga kebetulan bekerja di situ.

“Ada masa tu saya akan *spend* dalam, *depend* pada makanan la, kalau saya nak murah saya kena pergi kat luar * la baru murah. Saya selalu beli kat *, nasi goreng RM4 je, kalau kat sini mau la RM10 satu hari termasuk air, . sekali makan. Ni tambah pulak kantin baru ni. Tadi kawan sy makan pun RM7 lebih. Air paling murah pn RM1.90. Tu la kadang, kitaorang makan *share* dengan *member*. Macam tula, Kadang *share* dengan adik. Adik kat sini juga,” (sic.)

Kesimpulannya, pemilihan jenis, kekerapan, tempat pembelian, makanan siap atau perlu dimasak (bagi keperluan makanan) mempengaruhi banyak atau sedikit kos yang perlu dikeluarkan oleh responden-responden. Satu perkara lain yang tidak dapat dinafikan juga ialah responden dalam kelas berpendapatan isi rumah yang lebih tinggi mempunyai lebih kuasa beli berbanding responden dalam kelas berpendapatan isi rumah yang lebih rendah. Ini dapat dilihat dengan purata perbelanjaan bagi kos tersebut meningkat sejajar peningkatan kelas sosioekonomi responden.

Kos perbelanjaan keperluan pembersihan bulanan responden mengikut kelas:

Berikut dibentangkan pula kos perbelanjaan keperluan pembersihan setiap responden


dan purata perbelanjaan mengikut kelas:

Jadual 5. 12. Kos perbelanjaan keperluan pembersihan setiap responden dan purata perbelanjaan mengikut kelas.

RA	RB	RC	KELAS RESPONDEN			
			21 (RA 10)	23 (RB 20)	26 (RC 21)	19 (RA 9)
26 (RA 8)	16 (RB 18)	38 (RC 23)	12 (RA 7)	18 (RB 17)	55 (RC 24)	5 (RA 6)
5 (RA 5)	19 (RB 15)	25 (RC 25)	15 (RA 4)	12 (RB 14)	x	12 (RA 4)
14 (RA 3)	24 (RB 13)	x	9 (RA 2)	16 (RB 12)	x	5 (RA 1)
		32				17
		14				

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Rajah 5. 2. Kos perbelanjaan keperluan kebersihan responden sebulan mengikut kelas.



Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Berasaskan Jadual 5.12 dan Rajah 5.2 di atas didapati bahawa perbelanjaan responden dalam kelas yang lebih tinggi memperuntukkan kos perbelanjaan pembersihan yang lebih besar berbanding responden yang berada di kelas yang lebih rendah dari segi pendapatan isi rumah. Ini boleh dilihat daripada purata perbelanjaan setiap kelas iaitu RC, RB dan RA masing-masing memperuntukkan RM32, RM17 dan RM14 bagi kos pembersihan mereka.

Tempat Tinggal

Terdapat beberapa aspek yang diambil kira oleh pengkaji dalam menganalisis keperluan tempat tinggal responden dan kos-kos yang berkaitan dengannya, antaranya ialah:

1. Bagi kes responden yang tidak perlu membayar kos rumah mereka ataupun telah tamat membayar sewa rumah, data mereka diabaikan dan tidak dibandingkan kerana akan mempengaruhi nilai purata kemampuan responden dalam kelas tersebut. Sebaliknya data yang mewakili purata diambil daripada responden yang masih membayar rumah secara bulanan walaupun dalam status sewa ataupun bayaran ansuran rumah. Hal ini ialah untuk melihat tahap kemampuan sebenar responden dalam kelas tersebut.
2. Bil air dan elektrik merupakan keperluan asas yang mesti disediakan bagi keperluan tempat tinggal. Kebiasaan kadar bil air dan elektrik responden secara bulanan dikenal pasti untuk memperoleh jumlah kebiasaan yang dikeluarkan bagi kedua-dua bil ini. Kemudiannya, untuk tujuan perbandingan secara mudah, bil air dan elektrik ini dijumlahkan bagi mendapatkan satu jumlah yang mudah untuk dibandingkan sesama responden.
3. Bagi bil air dan bil elektrik ini, terdapat responden yang tidak perlu membayar bil-bil tersebut disebabkan pengecualian isipadu tertentu yang dikecualikan oleh kerajaan negeri masing-masing. Dalam kes sebegini, data-data mereka turut

diabaikan dalam pengiraan purata perbelanjaan bil air dan elektrik responden kerana akan menjaskan perbelanjaan sebenar kos tersebut.

Analisis terhadap tempat tinggal responden akan dilakukan melibatkan perkara-perkara berikut:

1. Adakah pendapatan isi rumah mempengaruhi bayaran perumahan dan bayaran bil air dan elektrik.
2. Adakah bilangan isi rumah memberi kesan kepada kadar pembayaran rumah dan penggunaan bil air dan elektrik.
3. Adakah kelas pendapatan isi rumah memberi kesan kepada jenis rumah yang didiami.

Analisis dimulakan dengan melihat adakah pendapatan isi rumah responden mempengaruhi bayaran perumahan dan bayaran bil air dan elektrik. Berikut dibentangkan Jadual 5.13 dan Rajah 5.3 bagi perbandingan pendapatan isi rumah responden dengan bayaran bulanan rumah dan bayaran bil air serta elektrik:

Jadual 5. 13. Perbandingan pendapatan isi rumah responden dengan bayaran bulanan rumah dan bayaran bil air serta elektrik.


Responden	Pendapatan Isi Rumah	Bayaran Bulanan Rumah	Total Bil Air & Elektrik
RC 26	30000	2800	200
RC 24	18000	3000	500
RC 23	15700	1100	200
RC 22	15000	1500	125
RC 21	10000	1200	120

Jadual 5.13. Sambungan.

Responden	Pendapatan Isi Rumah	Bayaran Bulanan Rumah	Total Bil Air & Elektrik
RB 19	9000	650	135
RB 18	7000	300	150
RB 17	6000	800	132
RB 16	6000	300	111
RB 14	5500	600	205
RB 13	5000	500	50
RB 12	4000	350	200
RB 11	3700	850	150
RA 9	2950	750	170

Sumber: Borang temu bual, Mei - Disember 2013

Rajah 5. 3 Graf perbandingan antara pendapatan isi rumah, pembayaran bulanan rumah dengan pembayaran bil air serta elektrik.



Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013

Berasaskan Jadual 5.13 dan graf dalam Rajah 5.3 di atas, didapati bahawa pendapatan isi rumah responden mempengaruhi kadar pembayaran rumah. Ini bermaksud, semakin tinggi pendapatan isi rumah, kuasa pembayaran ansuran atau sewa rumah juga semakin tinggi. Namun, berbanding dengan bil air dan elektrik, perkara ini

dilihat kurang ketara. Untuk melihat kesan sosioekonomi terhadap pembiayaan tempat tinggal ini dengan lebih terperinci, pembayaran rumah serta pembayaran bil air dan elektrik responden seterusnya dilihat dalam kelas masing-masing.

1) Perbandingan antara kelas responden dengan pembayaran rumah.

Jadual 5. 14. Perbandingan antara kelas responden, pembayaran rumah dengan purata pembayaran rumah mengikut kelas.


RA	RB	RC	KELAS RESPONDEN	Kos pembayaran rumah setiap responden mengikut kelas. Jumlah dalam (RM).	PURATA
x (RA 10)	x (RB 20)	1200 (RC 21)			
750 (RA 9)	650 (RB 19)	1500 (RC 22)			
200 (RA 8)	300 (RB 18)	1100 (RC 23)			
300 (RA 7)	800 (RB 17)	3000 (RC 24)			
350 (RA 6)	300 (RB 16)	x (RC 25)			
x (RA 5)	x (RB 15)	2800 (RC 26)			
x (RA 4)	600 (RB 14)	x			
124 (RA 3)	500 (RB 13)	x			
500 (RA 2)	350 (RB 12)	x			
x (RA 1)	850 (RB 11)	x		1920	
		371		544	

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Dalam Jadual 5.14 di atas, didapati purata kadar pembayaran rumah mengikut kelas semakin rendah apabila dilihat daripada kelas C ke A. Bagi RC purata pembayaran rumah ialah RM1,920, diikuti RB, RM544 dan RA, RM371.

Ini menunjukkan bahawa semakin besar pendapatan isi rumah, kuasa pembayaran ansuran atau sewa rumah semakin tinggi. Ini juga bermaksud, responden yang mempunyai kuasa pembayaran rumah yang tinggi lebih berkemampuan untuk hidup dalam rumah yang lebih selesa, besar dan lebih berkualiti. Kuasa pembayaran rumah yang berbeza mengikut kelas ini dapat dijelaskan lagi dalam Rajah 5.4 yang berikut.

Rajah 5.4. Graf kadar pembayaran rumah mengikut kelas responden.



Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013

Perbandingan antara kelas responden dengan kadar bil api dan elektrik.

Dalam Jadual 5.15 yang berikut dijelaskan pula mengenai perbandingan antara kelas responden dengan pembayaran bil air dan elektrik.

Jadual 5. 15. Perbandingan antara kelas responden dengan pembayaran bil air dan elektrik.

RA	RB	RC	KELAS RESPONDEN	Kadar bil air dan elektrik setiap responden mengikut kelas. Jumlah dalam (RM).	PURATA
128 (RA 10)	350 (RB 20)	120 (RC 21)			
170 (RA 9)	135 (RB 19)	125 (RC 22)			
23 (RA 8)	150 (RB 18)	200 (RC 23)			
60 (RA 7)	132 (RB 17)	500 (RC 24)			
60 (RA 6)	111 (RB 16)	130 (RC 25)			
170 (RA 5)	75 (RB 15)	200 (RC 26)			
160 (RA 4)	205 (RB 14)	x			
65 (RA 3)	50 (RB 13)	x			
160 (RA 2)	200 (RB 12)	x			
65 (RA 1)	150 (RB 11)	x			
				213	
				156	
				106	

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.


Jadual 5.15 di atas menunjukkan bahawa kedudukan kelas ada memberi pengaruh kepada kadar pembayaran bil air dan elektrik responden walaupun sedikit. Ini bermaksud, semakin tinggi kelas bermakna kadar pembayaran bil api dan elektrik responden juga semakin meningkat. Ini mungkin disebabkan oleh penggunaan barang elektrik yang pelbagai dari pihak kelas yang lebih tinggi, berbanding penggunaan barang elektrik yang minimum daripada kelas bawahan. Ini dapat difahami daripada kenyataan sebahagian responden, misalnya kenyataan RA 4 dan RB 20:

“Air tak banyak RM10 je, api RM100 lebih banyak jugak la, mugkin 24 jam kot kipas, selagi budak-budak (merujuk anak-anak beliau) ada kat rumah, kipas 24 jam la, yang lain tak de, kalau ada aircond lagi banyak la, ” (sic.) (RA 4)

“I ada 4 *aircond*, yang selalu pasang 3, malam sahaja, yang lagi satu tu ada kat bawah, jarang pasang, ada kipas kat bawah, tapi kipas tu sentiasa pasang untuk pengudaraan, I ada *fridge*, *freezer* 1 unit, mesin basuh, and *ironing* la, mesin basuh kan banyak guna *electric*, ” (sic.) (RB 20)

Pembayaran kos air dan elektrik setiap responden mengikut kelas masing-masing boleh digambarkan dalam graf seperti Rajah 5.5 di bawah.

Rajah 5. 5. Graf perbandingan kadar pembayaran bil air dan elektrik mengikut kelas responden.



Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Analisis kedua pula untuk mengetahui adakah bilangan isi rumah memberi kesan kepada kadar bayaran perumahan dan bayaran bil. Untuk tujuan tersebut, Jadual 5.16 dilampirkan berserta carta bar perbandingan dalam Rajah 5.6.

Jadual 5. 16. Perbandingan antara bilangan isi rumah responden, pembayaran rumah dengan pembayaran bil air dan elektrik.


Responden	Bil. isi rumah yang tinggal bersama	Bayaran Bulanan Rumah (RM)	Total Bil. Air & Elektrik (RM)
RC 26	4	2800	200
RC 24	4	3000	500
RC 23	4	1100	200
RC 22	6	1500	125
RC 21	3	1200	120
RB 19	5	650	135

Jadual. 5.16. Sambungan.

Responden	Bil. isi rumah yang tinggal bersama	Bayaran Bulanan Rumah (RM)	Total Bil. Air & Elektrik (RM)
RB 18	3	300	150
RB 17	3	800	132
RB 16	7	300	111
RB 14	8	600	205
RB 13	3	500	50
RB 12	5	350	200
RB 11	6	850	150
RA 9	7	750	170
RA 8	2	200	23
RA 7	4	300	60
RA 6	6	350	60
RA 3	4	124	65
RA 2	8	500	160

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Rajah 5. 6. Carta bar perbandingan antara isi rumah responden, kadar pembayaran rumah dengan kadar pembayaran bil air dan elektrik.



Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Merujuk kepada Jadual 5.16 dan Rajah 5.6 di atas, bilangan isi rumah tidak semestinya mempengaruhi bayaran bulanan rumah serta bil air dan elektrik. Misalnya

RC 26 dan RC 24, yang masing-masing mempunyai empat orang anak, membayar ansuran perumahan masing-masing RM2800 dan RM3000 berbanding RB 14 dan RB 16 yang masing-masing mempunyai lapan dan tujuh orang anak tetapi hanya membayar duit rumah RM600 dan RM300 sebulan.

Bagi pembayaran bil air dan elektrik pula, RC 26 dan RC 23, yang masing-masing mempunyai seramai empat orang isi rumah, membayar RM200 sebulan untuk kos tersebut, berbanding RB 14 dan RA 2 yang hanya membayar masing-masing RM205 dan RM160 walaupun mempunyai isi rumah masing-masing seramai lapan orang.

Pakaian

Perbincangan ini akan melihat amalan perbelanjaan pakaian responden meliputi bilangan dan kadar pakaian yang dibeli pada setiap tahun. Keperluan pakaian ini juga termasuklah kasut dan beg responden.

Seperti yang dimaklumi, pakaian merupakan salah satu item keperluan nafkah isteri. Walau bagaimanapun, majoriti responden yang ditemui bual melihat bahawa keperluan ini bukanlah bersifat bulanan tetapi lebih bersifat tahunan.

Namun, untuk melihat kadar keperluan tersebut bagi tempoh sebulan, kajian ini cuba mendapatkan purata kos bagi sebulan keperluan tersebut daripada setiap responden. Perbincangan akan dimulakan dengan responden daripada kelas C, diikuti kelas B dan A.

RC (26-21)

RC 26 selalunya akan membeli empat pasang pakaian luar rumah setahun yang berharga lebih kurang RM600. RC 25, pula membeli dalam tiga pasang pakaian luar rumah

dengan anggaran RM300 setahun. Sementara RC 24 akan membeli pakaian sebanyak 15 pasang setahun yang beliau anggarkan berkos RM1,200.

RC 24 memerlukan sehingga 15 pasang pakaian setahun kerana perlu menyesuaikan pakaian dengan tuntutan kerja. Walau bagaimanapun, RC 25 hanya memerlukan tiga pasang baju setahun untuk keperluan pakaian luar beliau walaupun berpendapatan isi rumah serupa dengan RC 24 iaitu RM18,000 sebulan. RC 25 lebih memilih untuk membuat pelaburan kewangan berbanding membeli pakaian baharu yang kerap walaupun mampu berbuat demikian:

“Macam saya, saya *simple* la, saya keje, saya pakai baju biasa je, baju kurung je, camtu kan, yang boleh *long lasting*, tak de la kejap-kejap nak beli baju kan, saya tak membazir ke arah tu la..saya apa-apa, *investment* dulu, itu yang penting, saya siap tolak gaji saya semua dulu, yang *balance* saya belanja, (sic.)”

Sementara RC 26 mempunyai pendapatan isi rumah tertinggi dalam kajian ini iaitu RM30,000 sebulan. Beliau merupakan seorang suri rumah sepenuh masa, namun memadai memilih untuk membeli beberapa pasang pakaian setahun:

“Pakaian, saya memang jarang beli, rasanya macam tak perlu beli selalu, dalam 4 pasang setahun la cukup la tu, baju saya tak kisah sangat, kadang-kadang kakak saya bagi baju dia kat saya yang dia dah tak nak pakai, saya amik je, sebab saya jenis tak kisah sangat bab pakaian, (sic.)”

RC 23 pula ialah seorang ibu yang berkerjaya dan berpendapatan isi rumah sebanyak RM 15,700 sebulan, kebiasannya membeli 10 pasang pakaian setahun dengan kos sekitar RM1,000. Beliau juga membeli pakaian untuk kegunaan dalam rumah, pakaian dalam wanita, kasut dan beg. Jika dihitung, kos keseluruhan pakaian RC 23 ialah beranggaran RM2,000 setahun atau RM167 sebulan.

RC 22 yang juga seorang ibu yang berkerjaya dan mempunyai pendapatan isi rumah sebanyak RM15000, hanya memerlukan pakaian luar rumah sebanyak dua pasang setahun yang berharga sekitar RM200.

Beliau bagaimanapun lebih memperuntukkan belian pakaian kegunaan dalam rumah, pakaian dalam wanita, serta kasut. Beliau juga jarang membeli beg. Kos tahunan bagi keseluruhan pakaian RC 22 ialah RM1,600 atau RM133 sebulan.

RC 21 pula kebiasaananya membeli 10 pasang pakaian luar rumah setahun yang dianggarkan berharga RM700. Beliau hanya membelanjakan RM30 setahun bagi pembelian pakaian kegunaan dalam rumah kerana menurut beliau, memadai memakai pakaian lama yang masih elok. Walau bagaimanapun, beliau memperuntukkan RM400 untuk pakaian dalam wanita, RM300 untuk kasut dan RM100 untuk beg. Ini menjadikan kos pakaian RC 21 ialah RM820 setahun atau RM68 sebulan. Menurut beliau lagi, beliau gemar membeli pakaian luar rumah yang baharu kerana tuntutan kerja:

“, dari segi pakaian, memang pakaian saya banyak, sampai suami saya kata habis almari awak *concur*, saya 1/3 awak 2/3, . almari sini awak, almari sana awak, (hehehe, .[ketawa]), ye le dah org keje camtu la kan, (sic.)”

Keperluan pakaian RC dapat diringkaskan seperti dalam Jadual 5.17 di bawah.

Jadual 5. 17. Ringkasan Keperluan Pakaian RC.

RESPONDEN	JENIS PAKAIAN								KOS KESELU RUHAN	
	pakaian luar rumah		pakaian dalam rumah		pakaian dalam wanita		kasut	beg	setahun (RM)	sebulan (RM)
	kuantiti setahun	RM	kuantiti setahun	RM	kuantiti setahun	RM	RM	RM		
RC 26	4 psg.	600	4 psg.	200	n/a	200	300	300	1600	133
RC 25	3 psg.	300	n/a	300	n/a	n/a	300	300	1200	100
RC 24	15 psg.	1200	n/a	n/a	n/a	n/a	400	1000	2600	217
RC 23	10 psg.	1000	6 psg.	240	4 psg.	160	300	300	2000	167
RC 22	2 psg.	200	5 psg.	500	n/a	750	150	n/a	1600	133
RC 21	10 psg.	700	1 psg.	30	n/a	300	100	150	1280	107

Nota: Psg. = Pasang; n/a= non-applicable (tidak berkaitan).

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Secara keseluruhannya, keperluan pakaian RC sebulan antara anggaran RM100 ke RM200. Setiap RC didapati memerlukan jumlah pakaian yang tidak sama disebabkan tuntutan kerja, gaya hidup dan pilihan. Justeru, tidak dapat dikatakan bahawa semakin tinggi pendapatan isi rumah, maka tahap keperluan responden terhadap pakaian semakin bertambah.

RB (20-11)

RB 20 memerlukan lapan pasang pakaian luar setahun yang beranggaran RM500, dan pakaian dalam rumah sebanyak dua pasang yang beranggaran RM80. Beliau juga memperuntukkan RM400 untuk pakaian dalaman wanita, RM300 untuk kasut dan RM100 untuk beg.

RB 19 kebiasanya membeli lima pasang pakaian luar dan tiga pasang pakaian dalam rumah setahun. Beliau juga memperuntukkan RM100 untuk pakaian dalaman wanita, beg dan kasut yang keseluruhannya berjumlah sebanyak RM820 setahun atau RM68 sebulan.

RB 18 pula hanya memerlukan dua pasang pakaian baharu setahun di luar rumah, satu pasang pakaian baharu kegunaan dalam rumah, sedikit kos untuk pakaian dalam wanita dan kasut yang keseluruhannya berjumlah RM350 setahun atau RM29 sebulan. Menurut beliau, ini disebabkan status beliau sebagai suri rumah sepenuh masa serta gaya hidup beliau yang tidak banyak melibatkan aktiviti di luar:

“Pakaian setahun sekali, untuk raya, pakaian sekali beli dua pasang seorang dengan anak sekali, akak bukan *style* berjalan, kadang-kadang beli dekat kampung, ” (sic.)

Keperluan pakaian RB dapat diringkaskan dalam Jadual 5.18 seperti di bawah:

Jadual 5. 18. Ringkasan Keperluan Pakaian Responden-Responden Kelas B.

RESPONDEN	JENIS PAKAIAN								KOS KESELURUHAN	
	pakaian luar rumah		pakaian dalam rumah		pakaian dalam wanita		kasut	beg	setahun (RM)	sebulan (RM)
	kuantiti setahun	R M	kuantiti setahun	RM	kuantiti setahun	RM	RM	RM		
RB 20	8 psg.	500	2 psg.	80	n/a	400	300	100	1380	115
RB 19	5 psg.	500	3 psg.	150	n/a	100	35	35	820	68
RB 18	2 psg.	200	1 psg.	50	n/a	50	50	0	350	29
RB 17	4 psg.	400	4 psg.	200	n/a; Jenama triumph	500	200	0	1300	108
RB 16	2 psg.	300	4 psg.	200	5 psg.	200	150	100	950	79
RB 15	4 psg.	400	4 psg.	200	n/a	100	n/a	n/a	700	58
RB 14	2 psg.	100	org bagi	0	n/a	50	50	0	200	17
RB 13	2 psg.	200	1 psg.	25	n/a	25	100	0	350	29
RB 12	2 psg.	250	2 psg	100	n/a	100	25	100	575	48
RB 11	3 psg.	500	6 psg.	360	n/a	320	60	150	1390	116

Nota: Psg. = Pasang; n/a= non-applicable (tidak berkaitan).

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

RA (10-1)

Secara keseluruhannya, terdapat dua orang responden dalam kelas A yang langsung tidak memperuntukkan perbelanjaan untuk pakaian. Mereka ialah RA 1 dan RA 2. RA 1 merupakan ibu tunggal yang mempunyai pendapatan isi rumah paling rendah dalam kajian ini iaitu RM1,050 sebulan. Beliau hanya mengharapkan sumbangan daripada orang ramai bagi keperluan pakaian.

Turut membantu ialah pihak Jabatan Kemajuan Masyarakat (JKM) dan Baitulmal Wilayah Persekutuan. Ini termasuklah pakaian dan keperluan sekolah anak-anak beliau:

“Takde [beli], pakai mane yang ade je, kalau tak pun, dekat Masjid Ikhlasiah tu kan, selalu dia buat derma pakaian, akak ambik kat situ la yang mana bole muat, elok lagi, tu je lah,” (sic.)

RA 2 juga antara responden yang kurang berkemampuan menyediakan perbelanjaan bagi kos pakaian beliau. Beliau masih mempunyai suami, tetapi suaminya mengabaikan nafkah beliau dan anak-anak. Pakaian beliau selalunya dihadiahkan oleh saudara-mara, jiran dan kenalan. Bagi anak-anak RA 2 pula, selalunya baju sekolah disumbangkan oleh pihak Baitulmal Wilayah Persekutuan:

“Kalau raya ka, sekolah ka, memang sakit kepala, yang tu kebetulan sekolah dua orang dapat baitulmal, untuk raya, tak ada la, tapi kebetulan , bila nak raya pun dapat sumbangan raya, boleh la beli baju raya, pakaian kita tak beli sangat, macam akak, dah dua kali raya, orang belikan tudung dengan baju sekali, ”(sic.)

Responden kelas A kebanyakannya membeli satu atau dua pasang pakaian setahun untuk perayaan, ini dapat dilihat daripada amalan kehidupan RA 3, 4, 5, 6, 7 dan 8. Hanyasanya, sekiranya responden terpaksa bekerja dengan baju rasmi (uniform) mengikut tuntutan syarikat dan majikan masing-masing, mereka akan memperuntukkan sekitar RM200 untuk dua pasang *uniform* lengkap mereka setahun.

Antara pekerjaan responden kelas A yang memerlukan mereka memakai pakaian *uniform* ini kerana tuntutan mereka sebagai pembantu am pejabat di IPTA tempatan seperti RA 3 dan RA 5 ataupun RA 10 sebagai *team leader cleaner*:

“Akak kalau pakaian tu, tiap-tiap tahun kene le beli baju keja *uniform* ha, macam *uniform* ni, akak beli 2 tahun sekali 4 pasang, sebab tiap-tiap hari memang kena pakai baju ni,” (sic.) (RA 10).

Walau bagaimanapun, keperluan pakaian tidaklah menjadi keutamaan dalam perbelanjaan responden-responden kelas A. Seboleh mungkin mereka akan mencari tempat-tempat dan waktu-waktu yang menawarkan harga pakaian yang paling rendah untuk keperluan pakaian mereka:

“Sejak bercerai ni, dah kurang la *shopping*, Cuma hari raya hari tu, dan bukak sekolah ni la untuk anak-anak, dah jarang gi *shopping*, memang kene jaga la, kene ikut kos betul la, ” (sic.) (RA 7)

“Takde, raya je beli pakaian untuk budak-budak ni, untuk akak beli la satu, ada tahun yang tak beli, tahun lepas beli, utamakan anak-anak

dulu la, ” (sic.) (RA 4)

“Dari segi pakaian, baju raya saja la, pakai baju yang ada saja la, tapi kadang-kadang kita rasa nak tukar sebab lama sangat tak tukar, beli la jugak, kadang-kadang kakak akak ada baju-baju yang tak pakai, boleh la kita amik, selalu beli dekat *cow kit*, . macam RM100 [untuk] 3 pasang, *spend* selalu [RM] seratus la, kalau rajin cari, boleh la, sebab kalau nak tempah, sekarang mahal, baju kurung pun [kos tempahan] sampai RM50, ” (sic.) (RA 3)

“Aah, *time* raya je kita orang beli. Sekarang ada kedai yang murah. Paling mahal pun baju RM50 yang dah siap. Kita orang beli yang tu je. Dekat jalan Klang lama. Tapi *time* raya je la kita orang beli, ”(sic.) (RA 8)

Walau bagaimanapun, terdapat juga responden daripada kelas ini yang suka dan perlu membeli pakaian kerana tuntutan kerja seperti RA 9:

“Setiap bulan jugak la, mesti beli baju, kebetulan la dapat beli kat kedai murah, *skrit*, *blouse*, dekat Dato` Harun, kedai RM12. Muaz Masjid Jamek pun pegi, memang selalu jugak la pegi situ, sebab kadang-kadang kita nak pergi kursus ke ape kan, selalu ambik *blouse* 2, baju 2, tak sampai RM100 pun, sekarang ni baju tu penuh almari, malu pulak rasanye, beg setahun 2 kali, kasut RM20 setahun 3 kali beli, ”(sic.)
(RA 9)

Amalan membeli pakaian setiap bulan oleh RA 9 mungkin disebabkan oleh kemampuan kuasa beli beliau yang agak tinggi. Walaupun beliau dikelaskan dalam isi rumah berpendapatan rendah, namun peruntukan pendapatan setiap isi rumah beliau adalah tinggi iaitu RM1400. Tambahan pula, beliau hanya tinggal bersama-sama anaknya.

Begitu juga dengan RA 10, oleh sebab pendapatan isi rumah beliau yang tertinggi dalam kalangan responden dalam kelas A, iaitu RM3,400 sebulan, justeru beliau mampu untuk memperuntukkan RM2,015 setahun atau RM168 sebulan bagi pembelian pakaian luar rumah, pakaian dalam rumah, pakaian dalaman wanita, beg dan kasut. Beliau juga akan menyediakan telekong solat yang baharu pada setiap kali perayaan:

“tapi kak, time raye memang *favorite* kak nak kena beli telekong baru, biar la susah macam mana pun, rasa nak pakai telekong baru jugak la *time* sembangraya tu, ”(sic.)

Data-data di atas menunjukkan bahawa keperluan pakaian dalam kalangan responden-responden kelas A dipengaruhi oleh pendapatan isi rumah. Boleh dikatakan juga bagi sebahagian responden yang mempunyai pendapatan yang lebih tinggi dalam kelas ini, pembelian pakaian turut dipengaruhi oleh gaya hidup mungkin kerana kuasa beli mereka yang lebih tinggi.

Jadual 5.19 berikut merupakan ringkasan perincian keperluan pakaian responden-responden kelas A:

Jadual 5. 19. Ringkasan Keperluan Pakaian Responden-Responden Kelas A.

RESPONDEN	JENIS PAKAIAN								KOS KESELU RUHAN	
	pakaian luar rumah		pakaian dalam rumah		pakaian dalam wanita		kasut	beg	setahun (RM)	sebulan (RM)
	kuantiti setahun	RM	kuantiti setahun	RM	kuantiti setahun	RM	RM	RM		
RA 1	sumba -ngan	n/a	n/a	n/a	n/a	n/a	n/a	n/a	n/a	n/a
RA 2	sumba -ngan	n/a	n/a	n/a	n/a	n/a	n/a	n/a	n/a	n/a
RA 3	4 psg.	300	n/a	n/a	n/a	n/a	n/a	n/a	200	25
RA 4	1 psg.	100	n/a	n/a	n/a	n/a	n/a	n/a	100	8
RA 5	4 psg.	300	n/a	n/a	n/a	n/a	n/a	n/a	300	25
RA 6	1 psg.	90	n/a	n/a	n/a	20	30	50	190	16
RA 7	2 psg.	100	4 psg.	100	n/a	n/a	n/a	n/a	200	17
RA 8	5 psg.	200	n/a	25	n/a	25	50	n/a	300	25
RA 9	6 psg.	300	6 psg.	150	n/a	150	3X=90	2X=150	840	70
RA 10	11 psg.	1460	1 psg.	15	Jenama Avon	100	70	300	2015	168

Nota: Psg. = Pasang; n/a= non-applicable (tidak berkaitan).

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Perbelanjaan bagi keperluan pakaian responden-responden kemudiannya dibandingkan mengikut kelas sebagaimana dalam Jadual 5.20 yang berikut:

Jadual 5. 20. Kos pakaian sebulan responden-responden mengikut kelas.

RA	RB	RC	KELAS RESPONDEN	Kos Perbelanjaan Sebulan Keperluan Pakaian setiap responden mengikut kelas. Jumlah dalam (RM).	PURATA
168 (RA 10)	115 (RB 20)	107 (RC 21)			
70 (RA 9)	68 (RB 19)	133 (RC 22)			
25 (RA 8)	29 (RB 18)	167 (RC 23)			
17 (RA 7)	108 (RB 17)	217 (RC 24)			
16 (RA 6)	79 (RB 16)	100 (RC 25)			
25 (RA 5)	58 (RB 15)	133 (RC 26)			
8 (RA 4)	205 (RB 14)	x			
25 (RA 3)	50 (RB 13)	x			
0 (RA 2)	200 (RB 12)	x			
0 (RA 1)	116 (RB 11)	x			
				143	
				67	
				35	


Sumber: Borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Merujuk kepada Jadual 5.20 di atas, didapati bahawa purata kos pakaian responden sebulan mengikut kelas meningkat mengikut peningkatan kelas pendapatan isi rumah responden. Justeru, boleh disimpulkan bahawa amalan perbelanjaan responden bagi kos pakaian dalam kajian ini dipengaruhi oleh kuasa beli yang berkaitan dengan beberapa faktor seperti kelas pendapatan isi rumah, pendapatan bagi setiap isi rumah, gaya hidup dan tuntutan kerja.

Walau bagaimanapun, faktor kelas pendapatan isi rumah dan peruntukan pendapatan setiap isi rumah merupakan faktor yang paling mempengaruhi kuasa

membeli dan berbelanja bagi keperluan pakaian dalam kalangan responden. Ini dapat dijelaskan lagi seperti dalam Rajah 5.7 di bawah.

Rajah 5. 7. Graf kos pakaian sebulan responden-responden mengikut kelas.



suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Perubatan

Berikut dibentangkan pula maklumat mengenai keperluan perubatan responden secara tahunan dan bulanan.

Jadual 5. 21. Maklumat mengenai perubatan responden.

BAHAGIAN/ RESPONDEN	BAHAGIAN SATU: (UBATAN/RAWATAN KONVENSIONAL)		BAHAGIAN DUA: (UBATAN/RAWATAN ALTERNATIF)		KOS KESE LURUH AN/ BULAN (RM)
	Jenis Ubat/ Rawatan Kesihatan konvensional	Kos/ Tahun (RM)	Makanan kesihatan tambahan/ Perubatan alternatif	Kos/ tahun (RM)	
RC 26	n/a	n/a	Makanan kesihatan tambahan	n/a	150
RC 25	n/a	n/a	Madu, Habatus Sauda, Minyak Zaitun	n/a	300

Jadual 5.21. Sambungan.

BAHAGIAN/ RESPONDEN	BAHAGIAN SATU: (UBATAN/RAWATAN KONVENTSIONAL)		BAHAGIAN DUA: (UBATAN/RAWATAN ALTERNATIF)		KOS KESE LURUH AN/ BULAN (RM)
	Jenis Ubat/ Rawatan Kesihatan konvensional	Kos/ Tahun (RM)	Makanan kesihatan tambahan/ Perubatan alternatif	Kos/ tahun (RM)	
RC 26	n/a	n/a	Makanan kesihatan tambahan	n/a	150
RC 25	n/a	n/a	Madu, Habatus Sauda, Minyak Zaitun	n/a	300
RC 24	Irritable Bowel Syndrome (IBS)	Percuma (panel)	Makanan kesihatan tambahan	n/a	400
RC 23	n/a	n/a	Rawatan Kesihatan Alternatif	100	8
RC 22	n/a	Percuma (panel suami)	Vitamin Shaklee, madu, habatus sauda', jus buah- buahan dan susu	n/a	108
RC 21	n/a	Percuma (panel)	Madu, fiber	n/a	125
RB 20	n/a	n/a	Makanan kesihatan tambahan	n/a	52
RB 19	Ubat darah tinggi, kencing manis dan kolesterol	Percuma (panel)	n/a	n/a	0
RB 18	n/a	n/a	n/a	n/a	0
RB 17	n/a	n/a	n/a	n/a	0
RB 16	ubat perancang	180	n/a	n/a	15
RB 15	n/a	n/a	n/a	n/a	0
RB 14	Ubat tiroksin	Percuma (panel suami)	n/a	n/a	0

Jadual 5.21. Sambungan.

BAHAGIAN/ RESPONDEN	BAHAGIAN SATU: (UBATAN/RAWATAN KONVENTSIONAL)		BAHAGIAN DUA: (UBATAN/RAWATAN ALTERNATIF)		KOS KESE LURUH AN/ BULAN (RM)
	Jenis Ubat/ Rawatan Kesihatan konvensional	Kos/ Tahun (RM)	Makanan kesihatan tambahan/ Perubatan alternatif	Kos/ tahun (RM)	
RB 13	n/a	n/a	Makanan kesihatan tambahan (Shaklee)	n/a	150
RB 12	n/a	n/a	n/a	n/a	0
RB 11	ubat perancang	n/a	Madu, jus perawan D'herbs.	n/a	55
RA 10	n/a	Rawatan Kesihatan alternatif	Minyak, Krim & Air Anugerah	1292	108
RA 9	n/a	n/a	n/a	n/a	0
RA 8	n/a	n/a	Makanan Kesihatan Tambahan (Shaklee & Sendayu Tinggi)	n/a	80
RA 7	n/a	n/a	n/a	n/a	0
RA 6	n/a	n/a	Madu, habatus sauda', minyak zaitun, cuka epal, susu gasrolex & beberapa jenis ubat homopati	n/a	30
RA 5	n/a	n/a	n/a	n/a	0
RA 4	n/a	n/a	n/a	n/a	0
RA 3	n/a	n/a	n/a	n/a	0
RA 2	n/a	n/a	n/a	n/a	0
RA 1	Ubat DVT (Penyakit Darah Beku)	percuma (HKL)	n/a	0	0

Sumber: Borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Maklumat mengenai perubatan responden seperti yang diterangkan dalam Jadual 5.21 di atas dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian satu dan bahagian dua. Bahagian

satu memaparkan mengenai jenis perubatan konvensional yang diambil oleh responden dalam tempoh setahun.

Sementara bahagian dua pula menerangkan mengenai jenis perubatan alternatif yang diambil oleh responden yang juga merangkumi makanan kesihatan tambahan seperti vitamin, makanan *sunnah* (seperti madu, habatus sauda' dan lain-lain) dan sebagainya, juga dalam tempoh setahun atau sebulan mengikut kebiasaan pengamalan responden.

Vitamin, makanan *sunnah* dan sebagainya diletakkan dalam bahagian dua perubatan responden kerana kajian ini mengklasifikasikannya sebagai salah satu keperluan yang diambil oleh responden bagi menjaga kesihatan mereka dan usaha mereka untuk mencegah penyakit. Walaupun ia tidak berbentuk perubatan konvensional yang memerlukan responden perlu mendapatkannya daripada klinik atau hospital yang berdaftar, namun, perubatan alternatif ini juga merupakan salah satu cara pemeliharaan kesihatan yang dimaklumi.

Justeru pengambil kiraan perubatan alternatif ini dalam kos perubatan responden-responden merupakan sesuatu yang relevan. Berikut merupakan penerangan mengenai perubatan yang diambil oleh setiap responden beserta kos perubatan tersebut bagi tempoh yang tertentu:

Merujuk kepada Jadual 5.21 di atas, hanya 4 daripada 26 orang responden yang sedang mengambil atau menjalani perubatan konvensional yang diwakili oleh RC 24, RB 19, RB 14 dan RA 1.

RC 24 mengambil ubat *Irritable Bowel Syndrome* (IBS) secara percuma kerana ditanggung oleh majikan beliau, sementara RB 19 pula mengambil ubat darah tinggi, kencing manis dan kolesterol yang turut ditanggung oleh majikan beliau. RB 14

walaupun tidak bekerja turut mendapat rawatan ubat tiroksin secara percuma kerana ditanggung oleh majikan suami beliau.

Adapun RA 1, mengambil ubat DVT (Penyakit Darah Beku) juga secara percuma daripada hospital kerajaan. Walaupun keempat-empat responden mengambil ubat jenis konvensional secara berkala, namun, mereka memperolehnya secara percuma dan tidak termasuk dalam kos perbelanjaan bulanan mereka.

Mustahil jika mengandaikan responden lain tidak mengambil sebarang perubatan secara konvensional. Sebaliknya mereka masih memperuntukkan perbelanjaan bagi kos perubatan sekiranya perlu, walaupun bukan sebagai kos perbelanjaan tetap setiap bulan. Ini kerana kos perubatan konvensional bagi sebahagian mereka ditanggung oleh majikan masing-masing. Sebahagian yang lain pula hanya memilih untuk mendapatkan ubat-ubatan yang dijual di kedai-kedai runcit dengan harga yang paling minimum seperti *Panadol* dan ubat batuk.

Ada juga responden yang menghidap batuk, demam atau selesema mengamalkan sikap ‘membiar’ atau ‘tunggu sehingga baik sendiri’ daripada mendapatkan rawatan di klinik-klinik. Sekiranya mereka ingin mendapatkan khidmat di klinik, kebanyakan mereka akan memilih Klinik Kerajaan dan Klinik 1 Malaysia yang mengenakan kos minimum sekitar RM1 sehingga RM2 bagi caj perubatan yang diberikan:

“Tak ade amik ubat apa, kalau demam ke batuk yang biasa-biasa tu tengok la ambik *Panadol* ke, tak pun Klinik 1 Malaysia kat sini kan dekat je, akak mana-mana dan je la, Cuma anak akak yang SPM ni, memang dari kecik ade *problem* sikit, sebelum ni pi HUKM, tak dapat *detect* sakit ape, sekarang ni dah bawa kat PPUM, dekat sikit,” (sic.) (RB12)

“Kak jenis tak de amik *suppliment*, , jarang ambik ubat, kak jenis makan ubat camtu je, ada kinik panel pun tak pegi, buat stok *Panadol* saje, tah lah malas rasanya nak *check up- check up* ni, kalau nak mati pun mati jugak, , tak jaga sangat, macam org tua, ha ha,” (sic.) (RA 9).

Bagi perubatan alternatif pula, boleh dikatakan hampir separuh daripada responden mengambil atau mengamalkan perubatan alternatif tertentu sebagai amalan untuk mengekalkan dan memelihara kesihatan mereka. Ini termasuklah mengamalkan pengambilan vitamin atau makanan tertentu yang memerlukan peruntukan kos setiap bulan. Berikut ialah kenyataan sebahagian responden mengenai tujuan pengambilan perubatan alternatif mereka:

“Cuma lepas demam teruk ari tu, akak ambik jugak la Shaklee (vitamin), dan tua-tua ni kan, akak makan Shaklee, pastu akak ambik sendayu tinggi pun ada jugak, untuk bagi panas badan kan, bagi tenaga,” (sic.) (RA 9)

“Saya minum susu soya protein, mesti makan habatussauda, madu, lepas bersalin memang kena ambik supaya kuat, sebab nak uruskan anak lagi, kena ok la,” (sic.) (RB 13).

“Actually I’m not believe in supplement pil-pil vitamin ni, I lebih prefer ambik madu, habbatus sauda’ so called makanan sunnah, I think that’s better for me, because when you amik pil vitamin ke ape ke, because I pernah ambik dulu, i fell nothing change, I belief more in makan benda tu terus (makanan sunnah) without process jadi pil ke ape ke, lagi bagus untuk I la,” (sic.) (RC 25).

Untuk melihat sama ada amalan pengambilan ini dipengaruhi oleh faktor pendapatan isi rumah responden, maka kos pengambilan perubatan alternatif ini akan dibandingkan dengan kelas pendapatan isi rumah setiap responden berbanding kos dalam perubatan konvensional.

Kos perubatan alternatif ini dipilih kerana kepentingan terhadap kesihatan dapat dilihat melalui peruntukan yang dikeluarkan oleh responden bagi pembiayaan kos ini. Tidak seperti perubatan konvensional, kosnya tidak dapat diukur memandangkan sebahagian responden ditanggung oleh majikan masing-masing. Berlainan dengan kos perubatan alternatif, ia dapat dinilai dan dilihat apabila responden memperuntukkan kos tertentu dalam perbelanjaan bulanan mereka. Ini secara langsung boleh menunjukkan tahap keperluan responden terhadap kos perubatan mereka. Kos perubatan alternatif


responden-responden mengikut kelas ini seterusnya dapat dilihat dalam bentuk Jadual 5.22 dan Rajah 5.8 seperti di bawah:

Jadual 5. 22. Kos perubatan (alternatif) sebulan responden-responden mengikut kelas.

KELAS RESPONDEN	RC	Kos Perbelanjaan Sebulan Keperluan Perubatan setiap responden mengikut kelas. Jumlah dalam (RM).			PURATA
		RB	RA		
52 (RB 20)	125 (RC 21)				
0 (RA 9)	108 (RC 22)				
0 (RA 8)	8 (RC 23)				
0 (RA 7)	400 (RC 24)				
30 (RA 6)	15 (RB 16)	300 (RC 25)			
0 (RA 5)	0 (RB 15)	150 (RC 26)			
0 (RA 4)	0 (RB 14)	x			
0 (RA 3)	150 (RB 13)	x			
0 (RA 2)	0 (RB 12)	x			
0 (RA 1)	55 (RB 11)	x			
	24	182			

Sumber: Borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Rajah 5. 8 Graf kos perubatan (alternatif) responden sebulan mengikut kelas.



bah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Rajah 5.8 di atas menunjukkan bahawa kelas pendapatan isi rumah responden merupakan salah satu faktor yang paling jelas mempengaruhi tahap pembiayaan perubatan alernatif responden. Ini menunjukkan bahawa faktor kemampuan kewangan merupakan faktor yang mempengaruhi responden untuk mendapatkan perubatan tambahan ini. Ini dapat difahami daripada kenyataan sebahagian responden kelas pendapatan rendah (RA) yang tidak memperuntukkan sebarang perubatan alternatif disebabkan ketidakmampuan kewangan:

“Akak takde ambik apa-apa *supplement* , .nak makan pun kena *budget* camne nak beli madu vitamin pulak,” (sic.) (RA 2)

Seperti yang diterangkan dalam keperluan makanan responden, ada antara responden kelas A ini yang terpaksa mengikat perut dan hanya makan sekali atau dua kali sehari berbanding makan tiga atau empat kali sehari sebagaimana kebanyakan responden lain. Sebahagiannya pula terpaksa memilih untuk tidak makan di luar dan hanya memilih makanan dan kedai tertentu untuk berbelanja bagi mengawal perbelanjaan makanan.

Kajian menunjukkan bahawa responden-responen menyedari mengenai kepentingan perubatan konvensional ataupun alternatif, namun, sebahagiannya tidak dapat memperuntukkan kos yang khas untuk mendapatkan perubatan tersebut disebabkan olehkekangan kewangan.

Ketiadaan peruntukan bagi kos kesihatan (konvensional atau alternatif) dalam kalangan responden tidak membuktika bahawa mereka tidak memerlukan kos tersebut sebagai keperluan nafkah mereka. Hal demikian ini disebabkan oleh kos rawatan di negara kita yang masih boleh diperoleh dengan harga yang minimum dan mampu ditanggung, walaupun dalam kalangan masyarakat berpendapatan rendah, justeru, peruntukan untuk kos tersebut selalunya ditiadakan dalam perbelanjaan bulanan responden.

Berikut pula merupakan senarai kadar caj kesihatan bagi klinik dan hospital kerajaan dan juga caj yang dikenakan oleh pihak swasta sehingga pindaan Perintah Fi (Perubatan) P.U (A) 359/82 yang diwartakan pada akhir tahun 2013 seperti yang boleh dilihat dalam Jadual 5.23 di bawah.

Jadual 5. 23. Caj Kemudahan Kesihatan (Kerajaan) di Malaysia:

A. HOSPITAL / KLINIK KERAJAAN		
JENIS RAWATAN & KELAS	KOS (RM)	
Caj Pesakit Luar		1
Caj Pesakit Dalam	Kelas 1	10
	Kelas 2	5
	Kelas 3	Percuma
Bersalin Normal	Kelas 1	300
	Kelas 2	150
	Kelas 3	10
Fisioterapi	Kelas 1	5-20
	Kelas 2	3-10
	Kelas 3	1-5
Caj Kemasukan Wad Hospital Kerajaan (caj untuk warganegara) bagi pesara kakitangan kerajaan adalah percuma)	Kelas 1 (seorang berhawa dingin)	80
	Kelas 1 (bilik berdua berhawa dingin)	60
	Kelas 1 (bilik bertiga berhawa dingin)	40
	Kelas 2 (bilik berhawa dingin)	30
	Kelas 3	3
Wad psikiatri	Kelas 1	10
	Kelas 2	5
	Kelas 3	percuma
Caj Kemudahan Pakar Perubatan		
Pakar Kerajaan		
Lawatan Pertama	Rujukan Kerajaan	Percuma
	Rujukan Swasta	30

Jadual 5. 23. Sambungan.

A. HOSPITAL / KLINIK KERAJAAN		
JENIS RAWATAN & KELAS	KOS (RM)	
Pakar Kerajaan		
Lawatan Susulan	Rujukan Kerajaan	5
	Rujukan Swasta	5
Pakar Swasta		
	Waktu pejabat	Luar waktu pejabat
Lawatan Pertama	70-200	140-300
Lawatan Susulan	40-140	80-500
Caj Rawatan Pergigian Kerajaan		1
Cabut sebatang gigi		
	Kelas 1	15
	Kelas 2	6
	Kelas 3	percuma
	Pesakit luar	1
Filing sebatang gigi		
	Kelas 1	20
	Kelas 2	8
	Kelas 3	percuma
	Pesakit luar	2
Tampal gigi		
	Kelas 1	40
	Kelas 2	16
	Kelas 3	percuma
	Pesakit luar	3
Kikis gigi		
	Kelas 1	40
	Kelas 2	16
	Kelas 3	percuma
	Pesakit luar	2
Gigi palsu penuh (1 rahang)		
	Kelas 1	100
	Kelas 2	50
	Kelas 3	25
	Pesakit luar	50

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia & 13th schedule, Malaysian Medical Association.³⁹⁵

³⁹⁵ Laporan penyiasatan perbelanjaan isi rumah = Report on household expenditure survey, Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan, 2009-2010, 43-44.

Jadual 5. 24. Caj Kemudahan Kesihatan (Swasta) di Malaysia:

A. HOSPITAL / KLINIK SWASTA		
JENIS RAWATAN & KELAS	KOS (RM)	
Caj Waktu Pejabat (Caj rawatan selepas waktu klinik ialah 50% lebih tinggi daripada kadar biasa).		
Lawatan Pertama		
	Kes kecil	35
	Kes pertengahan	70
	Kes kompleks	125
Rawatan Susulan		
	Kes kecil	25
	Kes pertengahan	45
	Kes kompleks	80

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia & 13th schedule,
Malaysian Medical Association.³⁹⁶

Antara yang menjadi keperluan perubatan seorang isteri ialah kos yang berkaitan dengan kelahiran anaknya. Keperluan ini mesti ditanggung oleh suami dan menjadi salah satu nafkah wajib untuk isteri seperti yang dibincangkan dalam nafkah perubatan isteri dalam bab 2.

Kadar caj kesihatan hospital kerajaan di Malaysia yang menawarkan kos bersalin yang rendah iaitu bagi kelas 3: RM10, kelas 2: RM150 dan kelas 3: RM300 seperti dalam Jadual 5.23 di atas bukanlah suatu yang sulit untuk ditanggung oleh suami-suami daripada semua kelas pendapatan di negara ini.

Kajian mendapati bahawa perubatan sama ada secara konvensional ataupun alternatif merupakan keperluan yang penting bagi setiap responden. Ketiadaan peruntukan kos tersebut secara bulanan atau tahunan dalam perbelanjaan responden bukan bermaksud responden tidak memerlukan kos tersebut, namun, disebabkan oleh beberapa faktor.

Antaranya kos tersebut ditanggung oleh panel perubatan majikan responden. Kedua, responden mendapatkan rawatan perubatan daripada hospital atau klinik

³⁹⁶ Laporan penyiasatan perbelanjaan isi rumah = Report on household expenditure survey, Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan, 2009-2010, 44.

kerajaan dengan kos minimum. Ketiga, responden membeli sendiri ubatan di kedai atau farmasi dengan kos yang mampu ditanggung dan responden. Keempat, responden tidak memerlukan rawatan perubatan secara bulanan menyebabkan kos keperluan tersebut seolah-oleh tidak wujud dalam keperluan nafkah responden walaupun sebenarnya kos tersebut sangat penting.

Dandanan

Keperluan dandanan yang dimaksudkan ialah sebarang bentuk bahan, alatan ataupun rawatan kecantikan responden yang merupakan kebiasaan gaya hidup mereka. Perbincangan dimulakan dengan responden kelas A. Daripada sepuluh orang yang ditemuramah, hanya RA 9 dan RA 10 yang memperuntukkan kos setiap bulan bagi keperluan dandanan mereka.

RA 9 membeli barang seperti bedak kompak dan lipstik dalam anggaran RM33 sebulan. RA 10 pula biasanya membeli bedak kompak *Miami*, dan lipstik *Nutrimetik* sebagai keperluan beliau yang beliau anggarkan kos tersebut ialah RM19 sebulan.

Bagi responden-responden kelas A yang lain, majoriti tidak memperuntukkan kos tertentu setiap bulan bagi keperluan dandanan mereka. Kebiasaannya, mereka memasukkan kos tersebut dalam barang dapur rumah dan berkongsi dengan ahli rumah yang lain. Ini kerana barang dandanan yang dibeli ialah seperti bedak, sikat, dan minyak wangi yang boleh didapati di kedai-kedai runcit dan pasar raya. Sebahagian responden pula mendapat barang tersebut melalui rakan atau saudara mara sebagai hadiah.

Bagi responden-responden kelas B, seramai lima orang daripada sepuluh orang responden kelas ini yang memperuntukkan kos tertentu bagi keperluan dandanan mereka. Julat anggaran peruntukan mereka ialah di antara RM5 hingga RM120 sebulan.

Misalnya RB 11 biasanya membeli minyak wangi, lipstik, bedak kompak, krim siang dan malam, serta sabun khas bagi keperluan beliau yang beliau anggarkan RM118 sebulan. RB 14 memerlukan bedak kompak dan minyak wangi yang beranggaran RM8 sebulan. RB 16 pula memerlukan bedak kompak *Silky White* dan lipstik *Avon* juga dalam kos RM8 sebulan.

Sementara RB 17 memerlukan keperluan dandanan seperti bedak kompak, *deodorant*, penyegar, pelembab muka dan rawatan urutan badan yang dianggarkan mencecah kos RM51 sebulan. RB 19 pula memerlukan bedak dan pelembab yang dianggarkan berkos sebanyak RM50 sebulan. Diikuti oleh RB 20 yang memerlukan sikat, pengikat rambut, klip rambut, bedak kompak, dan krim muka vitamin C yang dianggarkan sebanyak RM43 sebulan.

Bagi responden-responden daripada kelas C, 5 daripada 6 orang responden ada memperuntukkan jumlah tertentu iaitu antara RM30 ke RM700 bagi kos dandanan mereka setiap bulan. Misalnya RC 21 memerlukan bedak, lipstik serta bahan rawatan dan kecantikan lain yang dianggarkan mencecah RM200 sebulan.

RC 22 pula selalunya membeli klip rambut, pelembab, krim pelindung matahari dan lipstik yang mencecah kos RM110 sebulan. Sementara RC 23 biasanya membeli bahan rawatan kulit jenama *Simple* yang dianggarkan RM30 sebulan.

Bagi RC 24 pula, kebiasaannya memperuntukkan RM58 sebulan bagi keperluan dandanan beliau. Manakala bagi RC 25 pula, beliau akan memperuntukkan RM700 setiap bulan bagi keperluan dandanan beliau, iaitu satu keperluan dandanan tertinggi dalam kalangan responden kajian ini.

Berbeza RC 26, walaupun berpendapatan isi rumah tertinggi dalam kajian ini, namun beliau tidak memperuntukkan sebarang kos bagi pembelian keperluan dandaan beliau. Ini kerana menurut beliau, beliau tidak memerlukan peruntukan kos khas bagi


keperluan dandanan kerana cukup sekadar berkongsi bedak dengan anak beliau yang masih bayi. Apabila kos-kos ini dibandingkan mengikut kelas responden, Jadual 5.25 dan Rajah 5.9 seperti di bawah diperoleh:

Jadual 5. 25. Kos dandanan responden-responden sebulan mengikut kelas

		KELAS RESPONDEN			Kos Perbelanjaan Sebulan Keperluan Dandanan setiap responden mengikut kelas. Jumlah dalam (RM).			PURATA	
		RA	RB	RC					
19 (RA 10)	43 (RB 20)			200 (RC 21)					
33 (RA 9)	50 (RB 19)			110 (RC 22)					
0 (RA 8)	0 (RB 18)			30 (RC 23)					
0 (RA 7)	51 (RB 17)			58 (RC 24)					
0 (RA 6)	8 (RB 16)			700 (RC 25)					
0 (RA 5)	0 (RB 15)			0 (RC 26)					
0 (RA 4)	8 (RB 14)			x					
0 (RA 3)	0 (RB 13)			x					
0 (RA 2)	0 (RB 12)			x					
0 (RA 1)	118 (RB 11)			x					
				28					
				5					

Sumber: Borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Rajah 5. 9. Graf perbandingan kos dandanan responden sebulan mengikut kelas:



Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Jadual 5.25 dan Rajah 5.9 yang dibentangkan di atas menunjukkan kos dandanan mempunyai kaitan dengan kelas responden, iaitu semakin tinggi kelas pendapatan isi

rumah responden, maka semakin ramai responden dalam kelas tersebut yang memperuntukkan kos khas bagi keperluan dandanannya mereka. Begitu juga secara puratanya kos tersebut semakin meningkat dengan peningkatan pendapatan isi rumah responden.

Pembantu Kerja Rumah

Pembantu kerja rumah merupakan salah satu item keperluan nafkah isteri yang dibincangkan oleh para fuqaha terdahulu. Secara kesimpulannya, fuqaha menetapkan bahawa item pembantu kerja rumah isteri merupakan sesuatu yang diiktiraf sekiranya isteri tersebut datang daripada keluarga yang biasa menggunakan khidmat pembantu, berstatus sosial tinggi dalam kedudukan atau pekerjaan,³⁹⁷ menguruskan anak yang ramai,³⁹⁸ kerja-kerja berat,³⁹⁹ isteri sakit,⁴⁰⁰ atau isteri tidak biasa bekerja menguruskan rumah sendiri.⁴⁰¹

Pembantu kerja rumah zaman ke zaman menyaksikan perubahan, iaitu tidak semestinya isteri yang datang daripada keluarga yang tidak mempunyai pembantu rumah, dinafikan haknya untuk mempunyai pembantu kerja rumah. Istilah pembantu kerja rumah lebih sesuai digunakan dalam kajian ini kerana pembantu tersebut tidak semestinya khadam atau orang gaji yang perlu tinggal bersama dengan ahli rumah. Sebaliknya pembantu kerja rumah boleh jadi orang yang ditugaskan untuk menguruskan sebahagian tugas isteri seperti menjaga anak ataupun hanya datang ke rumah pada masa-masa tertentu seperti hujung minggu untuk menguruskan kerja-kerja rumah seperti membasuh dan mencuci.

³⁹⁷ Al-Qarrāfī, 468

³⁹⁸ Muḥammad Ṣāliḥ ‘Uthaimīn, 389-390.

³⁹⁹ Al-Ramlī, 197.

⁴⁰⁰ Lihat Al-Nawawī, 11:256, Al-Ramlī, 197

⁴⁰¹ Lihat Al-Nawawī, 11:256, Al-Ramlī, 197, Muḥammad al-Zuḥailī, 282, Al-Buhūtī, 2817

‘Urf yang berubah ini dapat dilihat daripada amalan kebanyakan responden yang bekerja. Mereka terpaksa menghantar anak mereka yang masih bayi atau yang masih kecil ke pusat-pusat asuhan atau ke rumah pengasuh. Selepas habis waktu bekerja, maka anak ini barulah dibawa pulang oleh responden, suami mereka ataupun kedua-duanya sekali yang datang menjemput. Khidmat ini dilihat tidak tertakluk kepada keluarga yang berada, tetapi merupakan keperluan walaupun responden daripada kelas A.

Pembantu kerja rumah pada zaman sekarang juga tidak tertakluk kepada manusia, tetapi merangkumi segala jenis kemudahan peralatan yang boleh membantu isteri ataupun ibu menguruskan keluarganya termasuklah mesin basuh, peti sejuk, pembuat roti, pemasak nasi elektrik, ketuhar, pengisar dan sebagainya seperti pandangan Al-Buhūtī al-Hanbalī yang dikemukakan dalam kajian ini dan juga bertepatan dengan dalil umum yang menjadi asas ijihad para fuqaha dalam keharusan keperluan ini iaitu ayat 19, Surah al-Nisā’.⁴⁰²

Responden-responden yang ditemu bual yang memperuntukkan kos untuk pembantu kerja rumah boleh diperincikan seperti Jadual 5.26 yang berikut:

Jadual 5. 26. Kos pembantu kerja rumah responden sebulan mengikut kelas:

KELAS RESPONDEN	Kos Perbelanjaan Sebulan Keperluan Pembantu Rumah setiap responden mengikut kelas. Jumlah dalam (RM).										PURATA
RC	250 (RC 21)	900 (RC 22)	600 (RC 23)	200 (RC 24)	400 (RC 25)	0 (RC 26)	x	x	x	x	470

⁴⁰² Al-Buhuti, 5816, Al-Mawardi, *al-Ḥāwī*, 11: 420.

Jadual 5. 26. Sambungan.

		KELAS RESPONDEN	Kos Perbelanjaan Sebulan Keperluan Pembantu Rumah setiap responden mengikut kelas. Jumlah dalam (RM).											
		RB	300 (RB 20)	0 (RB 19)	0 (RB 18)	200 (RB 17)	150 (RB 17)	0 (RB 16)	0 (RB 15)	0 (RB 14)	0 (RB 13)	0 (RB 12)	0 (RB 11)	300
RA		0 (RA 10)	0 (RA 9)	200 (RA 8)	150 (RA 7)	0 (RA 6)	0 (RA 5)	0 (RA 4)	0 (RA 3)	0 (RA 2)	0 (RA 1)			175

Sumber: Borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Merujuk kepada Jadual 5.26 di atas, kos yang dibentangkan bukan hanya merujuk kepada kos pembayaran kepada orang gaji, tetapi merangkumi kos yang dikeluarkan oleh sebahagian responden yang lain meliputi kos pengasuh anak, pembantu kerja rumah hujung minggu dan pembantu yang menjaga anak-anak antara waktu sekolah atau selepas sekolah (transit).

Responden yang memerlukan khidmat pembantu kerja rumah kesemuanya bekerja dan kebanyakannya mempunyai anak yang masih kecil. Kelas responden yang paling banyak mengambil pembantu rumah dan pengasuh ialah Kelas C, iaitu empat daripada enam responden (67%). Sementara dua responden daripada kelas ini tidak mengambil pembantu kerja rumah atau pengasuh disebabkan seorang merupakan suri rumah sepenuh masa yang mampu menguruskan anaknya sendiri yang masih kecil. Sementara seorang lagi pula tidak memerlukan penjaga transit antara waktu persekolahan anaknya. Ketidakperluan responden ini kepada pembantu kerja

rumah (pengasuh ataupun penjaga transit), tidak menunjukkan bahawa mereka tidak mampu untuk menyediakan kos yang tersebut, tetapi disebabkan pilihan mereka sendiri.

Misalnya RC 26 yang tidak bekerja memilih untuk menguruskan sendiri anak beliau yang masih kecil dan mengelolakan kerja-kerja rumah seperti memasak dan mencuci tanpa memerlukan pembantu kerja rumah. Ini dilakukan atas dasar kerelaan beliau sendiri walaupun suaminya yang bekerja sebagai seorang juruterbang Malaysian Airline System (MAS) sangat mampu menyediakan hal yang tersebut.

Beliau berpandangan dengan adanya pembantu rumah akan lebih mengganggu waktu persendirian beliau dan suaminya. Beliau juga lebih memilih saudara-mara atau jiran untuk tolong menguruskan anak beliau sekiranya beliau memerlukan⁴⁰³:

“Untuk pembantu rumah. tak perlu sangat, sebab kalau ada anak ramai pun mintak tolong adik beradik. Macam sekarang pun kalau saya nak pergi program saya mintak tolong orang jagakan, tak pun dia jaga anak saya, lepas tu nanti saya jaga anak dia pulak, . sebab susah nak jaga aurat (jika ada pembantu rumah), sebab kalau suami saya ada rumah saya keluar pergi program, jadi akan tinggal suami dengan pembantu, ada setengah orang biasa buat begitu tapi suami saya tak suka.” (sic.)

Responden kelas ini yang memerlukan khidmat pembantu kerja rumah antaranya ialah RC 25. Beliau memperuntukkan RM400 sebulan sebagai upah penjaga transit anaknya selepas habis waktu persekolahan sebelum beliau boleh menjemput anaknya pulang dari sekolah. RC 24 pula, memperuntukkan RM200 setiap bulan untuk kos pembantu kerja setiap hujung minggu bagi menguruskan kerja-kerja membasuh, mencuci dan memasak.

Bagi RC 23, beliau memperuntukkan RM600 kepada pengasuh yang menjaga dua orang anaknya yang masih kecil. RC 22 pula memperuntukkan RM900 sebulan kerana beliau menggaji pembantu rumah sepenuh masa yang menguruskan rumah beliau serta menjaga anaknya yang masih kecil. Pembantu tersebut juga tinggal

⁴⁰³ RC 26 tinggal bersama adiknya yang perempuan bagi membantunya menguruskan anak beliau yang berumur 2 tahun.

bersama-sama dengan keluarga RC 22, dan beliau ialah satu-satunya responden yang mempunyai pembantu rumah yang tinggal bersama-sama beliau.

RC 21 mengupah pengasuh sebanyak RM250 untuk menjaga seorang anaknya yang masih kecil ketika beliau berada di tempat kerja beliau. RB 20 seperti RC 24, menggaji orang untuk membersihkan dan menguruskan rumahnya hanya pada setiap hujung minggu dengan kos RM300 sebulan.

Berbanding dengan responden kelas C, responden dalam kelas B dan A kebanyakannya memerlukan perkhidmatan pengasuh atau penjaga transit bagi anak-anak mereka. Keperluan ini dilihat lebih mendesak berbanding menggaji pembantu rumah untuk menguruskan kerja-kerja rumah seperti memasak, membasuh, mencuci dan sebagainya seperti bagi responden kelas C.

Bagi responden kelas B, khidmat pengasuh lebih diperlukan berbanding pembantu kerja rumah apabila tiada seorang pun daripada responden kelas ini yang mendapatkan perkhidmatan pembantu kerja rumah. Daripada sepuluh orang responden kelas B, hanya empat orang yang mempunyai anak kecil dan tiga daripada jumlah ini (75 %) menghantar anak kecil kepada pengasuh kerana mereka ialah ibu yang bekerja:

“Pengasuh perlu untuk Naim (anak beliau yang berumur 4 tahun), masa akak nak keluar bekerja.” (sic.) (RB 16)

Hanya seorang daripada empat orang responden kelas B, iaitu RB 18 yang walaupun mempunyai anak kecil, namun tidak menghantar anak tersebut kepada pengasuh kerana beliau tidak bekerja dan mampu menjaga sendiri anaknya.

Bagi responden kelas A yang berjumlah seramai sepuluh juga, kesemuanya tidak memerlukan khidmat pengasuh disebabkan kesemua anak-anak responden telah besar dan telah pun bersekolah rendah dan menengah. Namun, terdapat beberapa orang responden yang masih memerlukan khidmat penjaga transit bagi anak-anak mereka antara waktu persekolahan terutamanya yang masih bersekolah rendah. Mereka ialah

RA 7 dan RA 8, yang masing-masing merupakan ibu tunggal yang bekerja dan memperuntukkan RM150 dan RM200 bagi khidmat penjaga transit yang diambil.

Bagi responden lain dalam kelas ini (A), iaitu seramai lapan orang lagi, mereka dilihat cuba untuk mengelakkan mengambil khidmat pengasuh atau penjaga transit berkemungkinan untuk mengawal bajet perbelanjaan keluarga masing-masing. Sekiranya memerlukan, mereka berusaha untuk meminimumkan kos atau meminta ahli keluarga atau adik-beradik untuk menguruskan anak-anak mereka.

RA 1 dan RA 6 misalnya, tidak memerlukan pengasuh atau penjaga transit kerana masing-masing merupakan suri rumah sepenuh masa dan tidak bekerja. RA 2 pula tidak memerlukan pengasuh dan penjaga transit kerana beliau tidak mempunyai anak yang kecil dan hanya bekerja separuh hari dan beliau akan pulang awal bagi menyediakan makanan dan menguruskan keperluan anak-anaknya untuk sesi persekolahan petang.

RA 3 dan RA 9 dan RA 10 pula hanya mempunyai anak yang bersekolah menengah dan tidak memerlukan penjaga transit. Sementara RA 4, walaupun mempunyai anak yang masih bersekolah rendah dan mengambil 2 sesi persekolahan, tidak memerlukan transit kerana dijaga dan dibantu oleh adik-beradik yang lain yang bersekolah menengah.

Anak yang lebih besar akan menjaga adik-adik yang kecil seperti menghidangkan makanan dan menghantar ke persekolahan sesi petang. Tambahan pula, selalunya RA 4 awal-awal lagi (sebelah malam sebelum tidur) akan menyediakan makanan tengah hari untuk keesokannya supaya memudahkan anak-anaknya untuk makan apabila pulang dari sekolah, sementara beliau masih di tempat kerja:

“Yang ni dok umah (merujuk kepada anaknya yang bersekolah dengan berulang alik dari rumah), balik dari sekolah pagi, nak gi sekolah pulak petang tu, kiranya makan tengah hari tu, pagi-pagi akak masak untuk petang siap-siap, masak untuk makan pagi, nasi goreng

ke bihun ke, pastu masak lauk pulak, eh, tapi lauk tu mlm la, sebab pagi memang tak sempat, ” (sic.)

Bagi RA 5 pula, beliau menggunakan kesempatan kakaknya yang tinggal berdekatan rumah beliau sebagai penjaga transit anaknya untuk makan dan berehat sebelum memulakan sesi persekolahan sebelah petang. Semua ini menjimatkan lagi perbelanjaan keperluan isi rumah RA 5.


Secara keseluruhannya, responden-responden daripada kelas A tidak memerlukan khidmat pengasuh kerana kesemua mereka sudah tidak mempunyai anak kecil. Sementara hanya dua orang responden kelas ini yang dilihat mampu membayai penjaga transit bagi anak-anak yang bersekolah rendah daripada lima orang responden yang sebenarnya memerlukan penjaga transit tersebut untuk anak-anak mereka.

Keperluan kepada penjaga transit ini terutamanya kepada responden yang bekerja dalam semua kelas menunjukkan keperluan ini penting bagi anak-anak yang belum dapat menguruskan diri sendiri terutamanya yang masih bersekolah rendah.

Keperluan kepada pengasuh pula lebih kritikal sekiranya responden bekerja dan tidak mempunyai seseorang bagi menguruskan anak-anak mereka yang masih kecil dan belum bersekolah. Keperluan ini dilihat lebih penting bagi responden yang telah berpisah dengan suami mereka sama ada cerai atau mati, dan merupakan satu-satunya pencari nafkah bagi keluarga beliau.

Graf dalam Rajah 5.10 di bawah menunjukkan kos sebulan bagi pembantu kerja rumah (termasuk kos pengasuh dan penjaga transit) responden mengikut kelas.

Rajah 5. 10. Graf perbandingan kos pembantu kerja rumah responden sebulan berbanding kelas.



Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Merujuk kepada graf dalam Rajah 5.10 di atas, didapati bahawa terdapat kaitan antara kelas dengan kos pembantu kerja rumah yang diperuntukkan oleh para responden. Iaitu, semakin tinggi kelas pendapatan isi rumah responden, kemampuan untuk membiayai kos pembantu kerja rumah yang semakin tinggi.

Keperluan Pengasuh Anak dan Penjaga Transit Anak bagi Responden yang Bekerja:

Walaupun secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati, semakin tinggi kelas pendapatan isi rumah responden, kemampuan untuk membiayai kos pembantu kerja rumah juga semakin tinggi, namun bagi keperluan terhadap pengasuh anak dan penjaga transit anak bagi responden yang bekerja adalah berbeza.

Hal ini kerana apabila responden bekerja, keperluan untuk mendapatkan khidmat pengasuh dan penjaga transit anak sangat tinggi tanpa mengira responden daripada kelas sosioekonomi bawahan (RA) atau pertengahan (RB).

Seperti yang dikemukakan di atas, responden daripada kelas B dan A kebanyakannya memerlukan perkhidmatan pengasuh atau penjaga transit bagi anak-anak mereka. Tiga orang responden daripada kelas B yang bekerja dan mempunyai anak

kecil, kesemuanya memerlukan perkhidmatan pengasuh untuk anak-anak mereka sewaktu mereka bekerja.

Sementara dua orang ibu tunggal daripada kelas A memerlukan perkhidmatan penjaga transit untuk anak-anak mereka. Ini kerana mereka tidak mempunyai pilihan seperti responden-responden kelas A yang lain yang boleh mendapatkan bantuan ahli keluarga atau saudara mara untuk menjaga anak-anak mereka sewaktu bekerja.

Kajian mendapati bahawa kos perkhidmatan pengasuh anak dan penjaga transit lebih kurang sama antara kelas, justeru purata sebanyak RM250 diambil sebagai kadar yang diperlukan. Kajian ini mengutarakan bahawa keperluan kepada kos tersebut sebagai satu hak nafkah ibu-ibu (terutamanya bagi ibu yang diceraikan) untuk mendapatkan khidmat pengasuh dan penjaga transit anak-anak mereka.

Item keperluan ini perlu dimasukkan sebagai item nafkah anak yang perlu ditanggung oleh bapa (defenden) bagi menjaga kemaslahatan anak tersebut terutamanya semasa ibu atau penjaga keluar bekerja.

Telekomunikasi

Telekomunikasi yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah perkhidmatan telefon yang diguna pakai oleh responden untuk berhubung sama ada secara talian berbayar (*postpaid*), atau talian pra bayar (*prepaid*).


Untuk melihat adakah keperluan ini penting, responden ditanya mengenai keperluan kepada kemudahan ini dan kos yang selalunya dibelanjakan oleh responden dalam tempoh sebulan. Hasil temu bual yang dilakukan, kesemua responden meletakkan keperluan ini sebagai keperluan yang sangat penting bagi kehidupan masa kini. Jadual 5.27 dan Rajah 5.11 berikut merupakan anggaran kos telekomunikasi responden yang dibelanjakan dalam tempoh sebulan mengikut kelas masing-masing.

Jadual 5. 27. Kos telekomunikasi responden sebulan mengikut kelas:

		KELAS RESPONDEN	Kos Perbelanjaan Sebulan Keperluan Telekomunikasi setiap responden mengikut kelas. Jumlah dalam (RM).			PURATA
	RC	RB	RA	RB	RC	RA
70 (RA 10)	80 (RB 20)	150 (RC 21)				
30 (RA 9)	80 (RB 19)	100 (RC 22)				
30 (RA 8)	60 (RB 18)	150 (RC 23)				
100 (RA 7)	50 (RB 17)	0 (RC 24)				
	40 (RA 6)	40 (RB 16)	0 (RC 25)			
	30 (RA 5)	40 (RB 15)	120 (RC 26)			
	40 (RA 4)	50 (RB 14)	x			
	30 (RA 3)	90 (RB 13)	x			
	20 (RA 2)	65 (RB 12)	x			
	20 (RA 1)	30 (RB 11)	x			
			41	59	130	

Sumber: Borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Rajah 5. 11. Graf perbandingan kos telekomunikasi responden sebulan mengikut kelas.



Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Jadual 5.27 dan Rajah 5.11 di atas menunjukkan kadar kos telekomunikasi responden meningkat apabila kelas pendapatan isi rumah responden semakin meningkat. Iaitu kos telekomunikasi RC>RB>RA.

Walau bagaimanapun, merujuk kepada jadual dan rajah tersebut, responden keenam dan ketujuh dalam kelas RC iaitu RC 24 dan RC 25, tidak memperuntukkan sebarang kos bagi keperluan telekomunikasi mereka. Hal ini kerana kos keperluan telekomunikasi bagi kedua-dua responden telah dibiayai oleh pihak majikan tempat mereka bekerja dan ia tidaklah menunjukkan bahawa kedua-dua responden tidak memerlukan keperluan tersebut.

Justeru, pengecualiaan ini tidak sepatutnya mempengaruhi kesimpulan peningkatan kos telekomunikasi responden mengikut kelas. Kesimpulannya, kesemua responden sebenarnya memerlukan, menggunakan dan memperuntukkan kos tertentu bagi keperluan telekomunikasi mereka setiap bulan.

Pengangkutan

Pengangkutan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah sebarang jenis kenderaan yang digunakan oleh responden sama ada untuk pergi bekerja atau bagi tujuan lain. Kos perkhidmatan dan penggunaan kenderaan ini pula melibatkan kos kewangan yang perlu diperuntukkan oleh responden.

Bagi responden yang mempunyai kenderaan, kos yang dikira ialah bayaran ansuran bulanan yang dibayar oleh responden tersebut serta anggaran kos minyak kenderaan beliau sebulan. Responden yang tidak mempunyai kenderaan sendiri dan menggunakan pengangkutan awam, maka kos yang dikira ialah kos kebiasaan yang dibayar oleh responden apabila menggunakan pengangkutan awam juga bagi tempoh sebulan. Jadual 5.28 yang berikut dibentangkan pula kos pengangkutan responden sebulan mengikut kelas:

Jadual 5. 28. Kos pengangkutan responden sebulan mengikut kelas:

		KELAS RESPONDEN		Kos Perbelanjaan Sebulan Keperluan Pengangkutan setiap responden mengikut kelas. Jumlah dalam (RM).
RA	RB	RC	RD	
30 (RA 10)	1250 (RB 20)	1000 (RC 21)		
800 (RA 9)	600 (RB 19)	950 (RC 22)		
800 (RA 8)	50 (RB 18)	638 (RC 23)		
800 (RA 7)	850 (RB 17)	1500 (RC 24)		
0 (RA 6)	1000 (RB 16)	1800 (RC 25)		
30 (RA 5)	120 (RB 15)	3000 (RC 26)		
682 (RA 4)	0 (RB 14)	x		
60 (RA 3)	1100 (RB 13)	x		
50 (RA 2)	780 (RB 12)	x		
250 (RA 1)	1100 (RB 11)	x		
				PURATA
				1,481
				685
				389

Sumber: Borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Dalam Jadual 5.28 di atas, didapati kesemua responden daripada kelas C mempunyai kos pengangkutan setiap bulan, sama ada responden tersebut bekerja atau tidak. Misalnya, RC 26, membiayai RM3000 setiap bulan untuk kos minyak dan ansuran kereta walaupun beliau tidak bekerja.

Kos kenderaan beliau dibiayai oleh suaminya dan beliau menggunakan kenderaan tersebut untuk sebarang kegiatan. Kesemua responden dalam kelas ini menggunakan kereta sebagai kenderaan mereka.

Bagi responden kelas B, lapan daripada sepuluh responden menggunakan kereta sebagai kenderaan mereka, kecuali RB 15 yang menggunakan motosikal untuk ke tempat kerja bersama-sama dengan suami beliau. Justeru, mereka hanya

memperuntukkan duit minyak motosikal berdasarkan dekat atau jauhnya perjalanan pergi dan balik dari tempat kerja dan rumah mereka.

RB 14 pula tidak memerlukan sebarang kos untuk pengangkutan kerana beliau merupakan suri rumah sepenuh masa dan tidak memandu kenderaan. Sementara RB 18 walaupun merupakan suri rumah sepenuh masa, tetapi memperuntukkan RM50 sebulan untuk duit minyak kereta beliau yang digunakan untuk menghantar dan mengambil anaknya dari sekolah dan beliau juga sudah tidak perlu membayar duit ansuran kereta:

“(Keta) yang akak guna minyak, dalam RM50 sebulan, akak tak pegi mana pun sini-sini saja, ansuran dah tak payah (bayar), ” (sic.)

Bagi responden kelas A pula, empat daripada sepuluh orang responden menggunakan kereta iaitu RA 4, 7, 8 dan 9. Walaupun RA 4 mempunyai pendapatan isi rumah yang sangat rendah iaitu RM2,350 sebulan, namun beliau masih mampu membiayai kos pengangkutan demi membawa suami beliau yang sakit berulang-alik ke hospital. Untuk membiayai kos pengangkutan yang besar ini, RA 4 telah membuat kerja tambahan seperti menjual kuih-muih bagi menampung kos kenderaan beliau:

“Akak balik keje pukul 5.30 (petang), kadang-kadang buat *overtime* sampai pukul 7.45, 2 jam, sampai rumah dah pukul 8 lebih, 8.30, balik 8.30 tu kita siap sembahyang apa semua, lepas tu nak wat (buat) kuih pulak, bangun pukul 4.30 (pagi) la, tido kadang-kadang pukul 1 (pagi), dah lama dah gitu, sejak abang sakit dulu, yela, kalo tak wat kuih tak cukup la, ” (sic.)


RA 7, RA 8 dan RA 9 walaupun menggunakan kereta dan mempunyai pendapatan isi rumah yang lebih sedikit berbanding dengan RA lain, namun mereka masih berjimat dan mengawal perbelanjaan agar dapat menampung kos kenderaan mereka. Ini dapat difahami daripada kenyataan RA 7 dan RA 9 sebagai contoh:

“jarang gi kantin, kecuali kalau akak demam ke, tak larat nak masak ke, baru akak gi kantin, tapi memang tak penah nampak kat kantin pun, akak dah biasa macam tu, jadi akak boleh *spend* duit tu dekat duit tol dan duit minyak la, ” (sic.) (RA 7)

“Kete ni adik saya la tolong, kete memang dia bayar, sebab saya pun dah tolak *loan* apa semua. Gaji saya tinggal RM1000 la nak bayar untuk beli makanan, bayar hutang rumah dan bil-bil, , itu harap adik la, sebab kalau saya sorang memang tak larat. Tu pun kadang saya buat *part time*. Kadang saya buat *part time* kat pasar raya,” (sic.) (RA 9).

RA 1 pula membelanjakan RM250 sebulan untuk kos minyak motosikal anaknya yang juga merupakan satu-satunya kenderaan bagi kegunaan beliau sekeluarga. Sementara RA 2, 3 dan 5 menggunakan kenderaan awam seperti van dan bas untuk ke tempat kerja. RA 6 pula tidak memerlukan sebarang kos pengangkutan kerana beliau tidak bekerja di luar dan tidak memandu kenderaan. Kos pengangkutan para responden dapat dibandingkan mengikut kelas seperti dalam Rajah 5.12 di bawah:

Rajah 5. 12. Graf perbandingan kos pengangkutan responden sebulan mengikut kelas.



Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Merujuk kepada graf dalam Rajah 5.12 di atas, kos pengangkutan responden meningkat berbanding kelas. Responden kelas C memperuntukkan kos pengangkutan yang lebih besar berbanding responden kelas B dan responden kelas B memperuntukkan kos yang lebih besar berbanding responden kelas A. Ini menunjukkan responden

dari pada kelas yang berpendapatan isi rumah lebih tinggi, berbelanja lebih besar bagi keperluan kos pengangkutan mereka. Kemampuan untuk membiayai kos kenderaan juga menunjukkan kualiti kehidupan responden yang berada dalam kelas berpendapatan isi rumah yang lebih tinggi adalah lebih baik dan lebih selesa.

5.2.3.2: Keperluan Anak

Makanan dan pembersihan:

Kos Makanan Dan Pembersihan Bagi Anak-Anak yang Bersekolah Rendah,

Menengah dan ke atas.

Bagi keperluan pemakanan anak-anak responden di sekolah rendah, menengah dan ke atas, sebahagian⁴⁰⁴ responden mengatakan bahawa keperluan makanan anak mereka pada usia tersebut sama atau lebih kurang sama dengan pemakanan ibu mereka (responden). Jika diamati, responden-responden yang mengeluarkan kenyataan seperti ini mempunyai anak-anak lelaki dan perempuan yang kebanyakannya bersekolah di sekolah rendah dan menengah sebagaimana yang dapat dilihat dalam Jadual 5.29 di bawah:

Jadual 5. 29. Responden yang mengatakan secara puratanya anak-anak mereka makan lebih kurang sama seperti mereka

Bil	Responden	Anak Lelaki	Anak Perempuan
1	RC 22	Dua orang (6 & 10 thn)	Seorang (8 thn)
2	RB 11	Empat orang (4, 9, 13 & 14 thn)	Tiada
3	RA 10	Tiada	Seorang (17 thn)
4	RB 12	Dua orang (12 & 17 thn)	Seorang (8 thn)
5	RB 18	Seorang (6 thn)	Tiada
6	RA 8	Seorang (7 thn)	Tiada
8	RA 4	Dua orang (14 & 15 thn)	Tiga orang (8, 10 & 12 thn)

⁴⁰⁴ RC 22, RB 18, RB 12, RB 11, RA 10, RA 8, RA 4, RA 3 dan RA 2

Jadual 5.29. Sambungan.

Bil	Responden	Anak Lelaki	Anak Perempuan
9	RA 3	Seorang (20 thn)	Tiada
10	RA 2	Dua orang (15 & 14 thn)	Lima orang (6, 8, 9, 10 & 11)

Sumber: Borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Merujuk kepada Jadual *Recommended Nutrient Intakes for Malaysian*⁴⁰⁵, kadar tenaga yang diperlukan jika diukur dalam kilokalori bagi pemakanan ibu dewasa (30-59 tahun) sehari ialah 2180 kilokalori. Jumlahnya sama dengan jumlah kalori yang diperlukan oleh anak lelaki yang berumur 10-12 tahun, dan anak perempuan yang berumur 13-15 tahun.

Anak perempuan yang berumur 15 tahun ke atas semakin menurun keperluan kalorinya sehingga beliau kembali berumur 30-an ke atas. Ini berlainan dengan anak-anak lelaki yang kadar kalori yang diperlukan semakin meningkat sehingga berumur 18 tahun, dan menurun sedikit apabila berumur 19 tahun ke atas. Berikut merupakan Jadual *Recommended Nutrient Intakes for Malaysian* tersebut:

Jadual 5. 30. Cadangan pengambilan keperluan tenaga untuk rakyat Malaysia (Terjemahan ke Bahasa Melayu daripada jadual asal: *Recommended Nutrient Intakes for Malaysian*).

Umur	Lelaki		Perempuan	
	Panduan berat badan (kg)	Anggaran tenaga yang diperlukan kcal/hari (MJ/hari)	Panduan berat badan (kg)	Anggaran tenaga yang diperlukan kcal/hari (MJ/hari)
Bayi 0-5 bulan	6	560 (2.34)	6	550 (2.30)
6-11 bulan	8	640 (2.68)	8	630 (2.64)
Kanak-kanak 1 - 3 tahun	12	980 (4.10)	11	910 (3.81)
4 - 6 tahun	18	1340 (5.61)	18	1290 (5.40)
7 - 9 tahun	26	1780 (7.45)	25	1590 (6.65)

⁴⁰⁵ Jadual ini dibentangkan dalam Jadual 5.30. Lihat *Research Priority Area 2: Monitoring of National Nutritional Status - Recommended Nutrient Intakes for Malaysian, A Report of the Technical Working Group on Nutritional Guidelines*, National Coordinating Committee on Food and Nutrition, Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya,2005.

Jadual 5. 30. Sambungan.

Umur	Lelaki		Perempuan	
Remaja				
10 - 12 tahun	36	2180 (9.12)	37	1990 (8.33)
13 - 15 tahun	53	2690 (11.25)	49	2180 (9.12)
16 - 18 tahun	59	2840 (11.88)	52	2050 (8.58)
Dewasa				
19 - 29 tahun	61	2440 (10.21)	52	2000 (8.37)
30 -59 tahun	64	2460 (10.29)	57	2180 (9.12)
≥60 tahun	57	2010 (8.41)	49	1780 (7.45)
Kehamilan Trimester ke- 2 Trimester ke-3				+ 360 (+1.51) + 470 (+1.97)
Penyusuan 6 bulan pertama				+ 500 (+2.09)

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia⁴⁰⁶

Justeru tidak hairanlah sekiranya responden menyimpulkan bahawa secara puratanya anak-anak beliau makan dalam kuantiti sama seperti beliau berdasarkan kepada jumlah kalori yang diperlukan oleh seorang anak yang bersekolah rendah atau menengah sama ada lelaki atau perempuan lebih kurang sama dengan jumlah kalori yang diperlukan oleh seorang perempuan dewasa.

Bagi keperluan pembersihan pula, disebabkan anak-anak tersebut antara salah seorang ahli isi rumah responden, justeru dalam penggunaan alatan kebersihan seperti sabun mandi, sabun pakaian, berus gigi dan sebagainya, ia juga sama dengan keperluan responden (ibu kepada anak-anak ini).

Ini merujuk kepada kenyataan kesemua responden yang ditemui bual yang mempunyai anak-anak bersekolah menengah atau yang bersekolah rendah. Justeru, kajian ini merumuskan bahawa keperluan bagi kos makanan dan pembersihan anak-anak responden yang bersekolah rendah dan menengah sama seperti ibu mereka.

⁴⁰⁶ Research Priority Area 2: Monitoring of National Nutritional Status - Recommended Nutrient Intakes for Malaysian, A Report of the Technical Working Group on Nutritional Guidelines, National Coordinating Committee on Food and Nutrition, (Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia,2005), 23.

Kos Makanan dan pembersihan Bagi Anak-Anak Berumur 4-6 Tahun

Bagi responden yang mempunyai anak-anak sama ada anak lelaki atau perempuan yang berumur dari tiga tahun ke enam tahun, kebanyakannya menyatakan bahawa anak mereka makan dalam kadar setengah daripada makanan mereka. Ini juga merupakan sesuatu yang rasional apabila Jadual 5.30 di atas dirujuk.

Rata-ratanya, pengambilan tenaga yang dicadangkan bagi anak lelaki yang berumur 1-3 tahun ialah 980 kilokalori sehari dan meningkat sebanyak 1340 kilo kalori apabila berumur di antara 4-6 tahun. Bagi anak perempuan pula yang berumur antara 1-3 tahun, keperluan ialah sebanyak 910 kilokalori sehari dan meningkat sebanyak 1290 kilokalori apabila berumur 4-6 tahun.

Kadar 1340 kilokalori bagi anak lelaki dan 1290 kilokalori bagi anak perempuan merupakan kadar yang hampir separuh kadar kalori yang diperlukan dalam pemakanan ibu iaitu 1090 kilokalori sehari. Justeru, bukan suatu yang ganjil sekiranya para responden tersebut menyatakan bahawa anak mereka makan dalam kadar setengah daripada makanan mereka.

Bagi kos pembersihan pula, kanak-kanak yang berumur empat tahun dan ke atas, sudah boleh dilatih untuk tidak memakai lampin pakai buang. Justeru, responden yang mempunyai anak-anak dalam lingkungan umur ini sudah tidak memerlukan kos tambahan untuk membeli lampin pakai buang. Justeru, keperluan pembersihan anak-anak ini (empat tahun dan ke atas) boleh dikatakan sama penggunaan keperluan seperti ibunya (responden) dari segi penggunaan sabun mandi, sabun basuh, sabun mencuci pinggan mangkuk, syampu, ubat gigi serta berus gigi dan sebagainya.

Kaedah Pengiraan Kos Makanan dan Pembersihan Anak (berumur 4-6tahun):

Kos makanan dalam nilai matawang ringgit Malaysia (RM) bagi anak berumur 4-6 tahun boleh dikira berdasarkan separuh daripada kos makanan keperluan ibu. Ini berdasarkan keperluan kalori yang diperlukan bagi anak dalam lingkungan umur ini ialah separuh daripada kalori ibu.

Kos anak ini boleh dikira berdasarkan separuh daripada kos purata kelas responden memandangkan makanan yang diambil lebih kurang sama dengan makanan ibu mereka dari segi jenis dan kualitinya. Sekiranya anak tersebut dari sosioekonomi kelas B, maka separuh daripada kos makanan ibu daripada kelas B ialah RM150 sebulan. Begitulah seterusnya bagi pengiraan kos makanan bagi anak-anak responden dalam kategori ini berpandukan separuh nilai makanan bagi kelas ibu masing-masing.

Bagi keperluan pembersihan pula, anak yang berumur 4-6 tahun ini boleh dikategorikan sebagai salah seorang daripada ahli isi rumah yang menggunakan alatan dan bahan pembersihan dalam kadar yang lebih kurang sama dengan ahli isi rumah yang lain dalam keluarganya.

Kos Makanan dan pembersihan bagi Anak-Anak Berumur Sebelum 4 Tahun.

Kos makanan dan pembersihan (dalam nilai Ringgit Malaysia) bagi kanak-kanak yang masih menyusu dan memakai lampin, bergantung kepada kos yang dikeluarkan bagi pembelian susu (formula atau segar selain susu ibu) dan juga kos pembelian lampin pakai buang. Kedua-dua item ini sangat penting dan boleh dikategorikan sebagai kos makanan dan pembersihan anak-anak dalam kategori umur ini.

Pembelian susu tambahan seperti susu formula atau susu segar (selain susu ibu) penting bagi tuntutan kehidupan masa kini. Hal ini kerana majoriti ibu dalam kajian ini

ialah yang mempunyai pekerjaan dan mempunyai anak kecil. Bagi kos kebersihan pula, lampin pakai buang merupakan keperluan utama bagi menguruskan anak-anak yang masih bergantung kepada lampin buang sahaja kepada ibu yang bekerja bahkan juga yang menjadi suri rumah sepenuh masa. Ini dapat difahami oleh kenyataan-kenyataan responden seperti RB 18 yang tidak bekerja dan RB 13 yang bekerja:

“*Pampers* (merujuk kepada lampin pakai buang⁴⁰⁷) sahaja RM70, .. ada murah lagi, mungkin kasar, ruam, *Drypers*, ramai pakai, sederhana, *Huggies* mahal lagi, *pampers* pun 4 keping sehari, kalau kena pakai lampin kain, orang sekarang dah tak pakai, sabun pulak kena pakai banyak,” (sic.) (RB 18).

“Kalau lampin kain kena basuh sendiri tak rasional la, sebab sekarang ni semua orang pakai pampers (merujuk kepada lampin pakain buang) , tapi kalau isteri suri rumah sepenuh masa masih boleh la, tapi kena rajin la, tapi kalau suri rumah pun, mak dia tengah sambung belajar ke, banyak lagi masalah nak pikir, susah la,” (sic.) (RB 13⁴⁰⁸).

Jadual 5.31 yang berikut merupakan perbelanjaan responden-responden yang mempunyai anak-anak berumur sebelum empat tahun melibatkan perbelanjaan kos susu dan juga lampin pakai buang:

Jadual 5. 31. Perbelanjaan responden untuk kos makanan dan pembersihan anak berumur sebelum 4 tahun.

BIL	RESPONDEN	JANTINA & UMUR ANAK	KOS SUSU (SEBULAN)	KOS LAMPIN PAKAI BUANG (SEBULAN)	TOTAL KOS
1	RC 26 (suri rumah sepenuh masa)	L (3 thn)	Tiada Kos (Penyusuan susu badan sepenuhnya)	RM 140	RM140

⁴⁰⁷ Responden menggunakan jenama lampin pakai buang jenama *Drypers* untuk anaknya.

⁴⁰⁸ RB 13 ialah seorang ibu yang sedang melanjutkan pengajian pada peringkat PhD dan mempunyai anak yang berumur 3 tahun. Pengalamannya membesarakan anaknya sebelum ini (dalam kategori umur 0-3 tahun), membuktikan bahawa lampin pakai buang merupakan satu keperluan yang sangat penting bagi kehidupan pada masa kini sama ada bagi ibu yang bekerja ataupun yang tidak bekerja.

Jadual 5.31. Sambungan.

BIL	RESPONDEN	JANTINA & UMUR ANAK	KOS SUSU (SEBULAN)	KOS LAMPIN PAKAI BUANG (SEBULAN)	TOTAL KOS
2	RC 23	L (3 thn)	RM 158	RM 70 (Petpet, Huggies)	RM218
3	RC 22	L (1 thn 4 bln)	RM 250 (Nnum/ S26/ Biolec)	RM 200	RM450
4	RC 21	P (2 thn 6 bln)	RM 100 (Dumex)	RM 70	RM170
5	RB 20	P (3 thn)	RM 48 (Dutch Lady Fresh Milk)	RM40 (Drypers)	RM84
6	RB 18 (suri rumah sepenuh masa)	L (1 thn)	Tiada Kos (Penyusuan susu badan sepenuhnya)	RM70 (Drypers)	RM70
7	RB 13	P (3 thn)	RM124 (Susu Segar Dutch Lady & Susu formula jenama Ilham)	RM 40 (Petpet)	RM164
	PURATA		RM136		

Sumber: Borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Jadual 5.31 di atas menunjukkan kos perbelanjaan anak-anak responden yang melibatkan kos pembelian susu dan juga lampin pakai buang. Daripada kos-kos tersebut, didapati kos tertinggi ialah daripada RC 22 iaitu sebanyak RM450, diikuti oleh RC 23 iaitu RM218. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa responden berpendapatan isi rumah lebih tinggi, berbelanja lebih untuk kos anak-anak mereka. Misalnya RB 20 hanya berbelanja RM84 sebulan untuk kos pembelian susu dan lampin pakai buang anaknya. Perbelanjaannya separuh lebih rendah daripada perbelanjaan RB 16 dan RB 13 yang masing-masing membelanjakan RM168 dan RM164 untuk kos tersebut.

Perbelanjaan kos juga dipengaruhi sama ada responden tersebut bekerja atau menjadi suri rumah sepenuh masa. Misalnya RC 26 yang merupakan responden kelas tertinggi hanya berbelanja bagi kos lampin pakai buang anaknya dan tidak berbelanja untuk kos susu kerana beliau memberikan penyusuan badan sepenuhnya kepada anak beliau. Kos yang ditunjukkan di atas juga tidak termasuk makanan tambahan yang diambil oleh anak-anak responden yang berbentuk makanan pelengkap seperti nasi, lauk-pauk, sayuran dan buah-buahan, walaupun selalunya kuantiti yang diambil oleh anak-anak pada usia ini sangat sedikit.

Melihat kepada data-data yang dibentangkan di atas, dapat dirumuskan bahawa kos pemakanan anak-anak yang berumur kurang setahun sehingga usia empat tahun boleh dikatakan separuh daripada kos keperluan makanan seorang ibu apabila ia melibatkan pembelian susu dan makanan pelengkap bayi.

Mengenai anak-anak yang menyusu badan, sekiranya dalam kes ibu yang telah bercerai, tetapi masih menyusukan anak mereka sehingga berumur dua tahun, ibu tersebut berhak dari segi syarak untuk mendapat upah penyusuan yang diberikan kepada anak masing-masing daripada bekas suami mereka. Justeru, tidak timbul soal untuk tidak memperuntukkan kos makanan (dalam bentuk wang) bagi anak-anak yang masih menyusu, kerana kos tersebut sekiranya disusui oleh ibu, tetap menjadi hak ibu tersebut sebagai upah penyusuan. Bagi kos pembersihan pula, lampin pakai buang menjadi kemestian bagi kanak-kanak yang berumur sebelum empat tahun.

Kaedah Pengiraan Kos Makanan dan Pembersihan Anak (sebelum 4 tahun):

Kos makanan dalam nilai ringgit (RM) bagi anak berumur sebelum empat tahun boleh dikira berdasarkan separuh daripada kos makanan keperluan ibu. Ini berdasarkan kos susu tambahan ialah antara penyebab kos tersebut separuh daripada kos makanan ibu

seperti yang dijelaskan sebelum ini. Data kajian menunjukkan bahawa purata kos yang dikeluarkan oleh para responden yang mempunyai anak pada tahap ini ialah RM136 sebulan dan kos makanan yang dikeluarkan tidak dipengaruhi oleh kelas sosioekonomi responden. Jumlah ini juga lebih kurang separuh daripada kos makanan ibu kelas B, iaitu RM150 sebulan. Justeru, kajian ini menyimpulkan bahawa keperluan makanan anak pada tahap ini boleh dikira berdasarkan separuh daripada kos keperluan makanan ibu kelas B.

Untuk mengira kos pembersihan bagi anak-anak yang berumur sebelum empat tahun, pengkaji menghitung berasaskan kos pembelian yang selalunya dikeluarkan oleh responden bagi membeli lampin pakai buang anak-anak mereka. Dalam kajian ini, didapati bahawa RM70 merupakan kos terkerap yang selalunya dikeluarkan oleh responden bagi membeli lampin pakai buang anak-anak mereka sebulan. Kekerapan mod pembelian iaitu RM70 ini akan dijadikan kayu ukur bagi keperluan pembersihan anak-anak responden pada tahap ini.

Secara ringkasnya, kos keperluan makanan dan pembersihan anak-anak responden dalam semua kategori umur mengikut kelas responden bolehlah diringkaskan seperti dalam Jadual 5.32 di bawah:

Jadual 5. 32. Kos keperluan makanan dan pembersihan anak-anak responden mengikut kategori umur dan kelas:

Item/Anak Responden	Anak berumur sebelum 4 thn			Anak berumur 4-6 thn.			Anak berumur 7-12 thn (sek. ren.)			Anak berumur 13-17 thn (sek. men.)			Anak berumur 18 tahun dan ke atas			
	RA	RB	RC	RA	RB	RC	RA	RB	RC	RA	RB	RC	RA	RB	RC	
Makanan & Minuman /Penyusuan		Kadar dalam Ringgit Malaysia (RM)														
150	150	150	109	150	218	217	300	436	217	300	436	X	X	X	X	

Jadual 5.32. Sambungan.

Item/Anak Responden	Anak berumur sebelum 4 thn	Anak berumur 4-6 thn.	Anak berumur 7-12 thn (sek. ren.)	Anak berumur 13-17 thn (sek. men.)	Anak berumur 18 tahun dan ke atas
	RA	RB	RC	RA	RB
Makanan & Minuman /Penyusuan	Kadar dalam Ringgit Malaysia (RM)				
Pembersihan	70	150	RA	RB	RC
	70	150	RA	RB	RC
	70	150	RA	RB	RC
	14	109	RA	RB	RC
	17	150	RA	RB	RC
	32	218	RA	RB	RC
	14	217	RA	RB	RC
	17	300	RA	RB	RC
	32	436	RA	RB	RC
	14	217	RA	RB	RC
	17	300	RA	RB	RC
	32	436	RA	RB	RC
	X	X	RA	RB	RC
	X	X	X	RB	RC
	X	X	X	X	RC

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Pakaian Anak-Anak Responden:

Keperluan pakaian anak-anak biasanya melibatkan kos pakaian harian, kos pakaian persekolahan dan kos pakaian untuk perayaan. Pakaian merupakan satu item nafkah yang wajib untuk anak-anak. Pakaian ini termasuk pakaian yang dapat menjaga tubuh anak-anak itu daripada kemudaratan dan dapat menutup aurat mereka.

Pakaian sekolah wajib disediakan kerana ia merupakan prasyarat bagi anak-anak tersebut untuk bersekolah dan mendapat pendidikan. Disebabkan item pendidikan merupakan item nafkah yang wajib disediakan oleh bapa, maka pakaian sekolah juga wajib disediakan oleh bapa sebagaimana kaedah fiqh; “Apa yang menjadi prasyarat kepada perkara yang wajib, maka ia adalah wajib”. Walaupun kewajipan tersebut merupakan kewajipan dari sudut akal ataupun ‘urf, namun ia disepakati dari sudut ilmu usul fiqh. Hal ini disebabkan pakaian sekolah adalah ‘syarat’ untuk bersekolah dan bukannya ‘sebab’ untuk bersekolah. Apabila sesuatu yang melengkapkan sesuatu kewajipan merupakan ‘syarat’ kepada terlaksananya kewajipan tersebut, maka syarat tersebut adalah wajib tanpa ada khilaf.⁴⁰⁹

⁴⁰⁹ ‘Alā’ al-Dīn Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Sulaimān al-Mardāwī, *al-Tahbīr Syarḥ al-Taḥrīr fī Uṣūl al-Fiqh*, ed. ‘Abd Rahmān al-Jibrīn dll., (Riyad: Maktabah al-Rusyd, 2000), 2:924-925.

Bagi pakaian perayaan, ia merupakan suatu ‘urf atau amalan masyarakat yang diterima di negara ini, iaitu bapa akan menyediakan pakaian tersebut untuk anak-anaknya sebagai amalan yang *ma’rūf* dalam menyambut perayaan. Ini terbukti apabila 67% daripada kesemua responden yang ditemui bual menyatakan pakaian perayaan untuk anak-anak termasuk dalam keperluan yang sangat penting, berbanding pakaian perayaan untuk diri mereka sendiri (responden). Apabila sesuatu ‘urf diterima sebagai sesuatu yang baik pada pandangan sesebuah masyarakat dan tidak bertentangan dengan syarak, maka ‘urf tersebut menjadi hukum yang terpakai kepada masyarakat itu seperti kaedah fiqh menyatakan ‘*al-Ādah Muḥakkamah*’. Kaedah ini berdasarkan dalil al-Quran iaitu;

⁴¹⁰ (خُذِ الْعُفْوَ وَأْمُرْ بِالْمُعْرِفَةِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ) Al-A’raf 7: 199

Untuk melihat keperluan pakaian anak-anak responden, mereka dibahagikan antara keperluan pakaian anak-anak yang telah bersekolah (termasuk pendidikan di prasekolah (tadika)) ke atas dan keperluan pakaian anak-anak responden yang belum bersekolah. Kos pakaian bagi anak-anak responden ini kemudian diambil dalam jumlah purata bagi setiap responden mengikut dua kategori tersebut.

Anak-anak responden ini secara langsungnya juga dikelaskan mengikut kelas sosioekonomi ibu bapa mereka bagi melihat adakah faktor pendapatan isi rumah mempengaruhi kos keperluan pakaian. Bagi memudahkan perbincangan, hanya data yang diambil dalam jumlah purata dibentangkan dalam kajian ini. Perbincangan akan dimulakan dengan data anak-anak responden telah bersekolah bagi semua kelas dan kemudiannya diikuti oleh data anak-anak responden yang belum bersekolah.

⁴¹⁰ Ibid., 8:3851

Keperluan pakaian anak-anak responden kelas A yang telah bersekolah (termasuk pendidikan di prasekolah (tadika)) ke atas:

Analisis dimulakan dengan keperluan pakaian anak-anak responden kelas A.

Bagi anak-anak RA 1 sehingga RA 4, tiada kos perbelanjaan bulanan atau tahunan yang diperuntukkan bagi keperluan pembelian pakaian sekolah. Ini disebabkan oleh keadaan kewangan keluarga responden yang tidak mampu untuk menyediakan kos tersebut untuk anak-anak mereka.

Walau bagaimanapun, keluarga ini dibantu oleh agensi-agensi yang bertanggungjawab seperti pihak baitulmal bagi anak-anak RA 2, RA 3 dan RA 4, dan juga badan NGO yang lain seperti (*Harrinder Veriah Trust* (HVT) bagi RA 1.

Untuk keperluan pakaian perayaan, kebiasaannya anak-anak RA 1, RA 2 dan RA 3 akan mendapat sumbangan daripada orang ramai melalui edaran-edaran pakaian di masjid, jiran dan kenalan. RA 2, RA 3 dan RA 4 yang bekerja selalunya memperoleh bonus akhir tahun daripada majikan masing-masing. Bonus inilah yang digunakan oleh responden-responden untuk pembelian pakaian perayaan anak-anak mereka.

Tahap pendapatan mereka yang sangat minimum hanya mampu diperuntukkan untuk keperluan makanan terlebih dahulu. Ini dapat difahami kenyataan RA 2 dan RA 1:

“Kalau raya ka, sekolah ka, memang sakit kepala, yang tu kebetulan sekolah, dua orang (anak) dapat baitulmal, untuk raya, tak ada la, tapi kebetulan , bila nak raya pun dapat bonus, sumbangan raya, boleh la beli baju raya,” (sic.) (RA 2)

“Takde, pakai mane yang ade je, kalau tak pun, dekat Masjid Ikhlasiah tu kan, selalu dia buat derma pakaian, akak ambik kat situ la yang mana bole muat, elok lagi, tu je lah, untuk akak dan anak-anak, ha,” (sic.) (RA 1)

Bagi kos keperluan pakaian anak-anak RA 5 sehingga RA 10, terdapat peruntukan tahunan untuk anak-anak ini bagi pembelian pakaian persekolahan, harian dan perayaan. Merujuk kembali kepada Jadual 5.32 di atas, didapati bahawa tiada perbezaan yang ketara antara anak-anak responden yang berada di sekolah rendah dengan sekolah menengah dari segi peruntukan kos pakaian mereka.

Justeru, bagi memudahkan penganalisisan, purata kos keseluruhan pakaian sebulan anak-anak RA akan ditentukan sebelum penganalisisan dibuat. Untuk mendapatkan data yang tepat, purata akan hanya diambil daripada kos keperluan pakaian anak-anak responden yang mempunyai peruntukan kewangan.

Bagi anak-anak responden yang tiada peruntukan kewangan bagi keperluan pakaian mereka, data mereka diabaikan agar tidak mempengaruhi tahap keperluan pakaian sebenar anak-anak responden. Ini kerana anak-anak responden yang tidak mempunyai peruntukan kewangan bagi pakaian mereka sebenarnya mendapat pakaian daripada pihak-pihak tertentu. Purata perbelanjaan pakaian setiap anak-anak responden kelas ini dikira dan kemudiannya purata keseluruhan diperoleh antara kesemua anak-anak responden kelas A.

Jadual 5.33 berikut menunjukkan kos purata keseluruhan bagi keperluan pakaian anak-anak responden kelas A ialah RM28 sebulan bagi kos keperluan pakaian yang meliputi pakaian persekolahan, harian dan perayaan.

Jadual 5. 33. Kos purata pakaian anak-anak responden kelas A yang telah bersekolah (termasuk pendidikan di prasekolah (tadika)) ke atas sebulan:

RESPONDEN	KOS PURATA PAKAIAN ANAK-ANAK SEBULAN	KOS PURATA KESELURUHAN
RA 1	0	28
RA 2	0	
RA 3	0	
RA 4	0	
RA 5	25	
RA 6	19	
RA 7	17	
RA 8	33	
RA 9	13	
RA 10	58	

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Keperluan pakaian anak-anak responden kelas B yang telah bersekolah (termasuk pendidikan di prasekolah (tadika)) ke atas:

Seterusnya, dibentangkan pula keperluan pakaian anak-anak responden kelas B yang telah bersekolah (termasuk pendidikan di prasekolah (tadika)) ke atas seperti dalam Jadual 5.34 yang berikut:

Jadual 5. 34. Kos purata pakaian anak-anak responden kelas B yang telah bersekolah (termasuk pendidikan di prasekolah (tadika)) ke atas sebulan

RESPONDEN	KOS PURATA PAKAIAN ANAK-ANAK SEBULAN	KOS PURATA KESELURUHAN
RB 11	89	49
RB 12	67	
RB 13	0	
RB 14	36	
RB 15	33	
RB 16	70	
RB 17	58	
RB 18	17	
RB 19	25	
RB 20	50	

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Jadual 5.34 di atas menunjukkan kos purata keseluruhan bagi keperluan pakaian anak-anak responden kelas B ialah RM49 sebulan bagi kos keperluan pakaian yang meliputi pakaian persekolahan, harian dan perayaan.

Keperluan pakaian anak-anak responden kelas C yang telah bersekolah (termasuk pendidikan di prasekolah (tadika)) ke atas:

Jadual 5.35 berikut merupakan kos purata keperluan pakaian anak-anak responden kelas C yang telah bersekolah (termasuk pendidikan di prasekolah (tadika)) ke atas. Didapati bahawa kos purata peruntukan bagi anak-anak RC mengikut kelas ialah RM87 sebulan bagi kos pakaian yang meliputi pakaian persekolahan, harian dan perayaan.

Jadual 5. 35 Kos purata pakaian anak-anak RC yang telah bersekolah.

RESPONDEEN	KOS PURATA PAKAIAN ANAK-ANAK SEBULAN	KOS PURATA KESELURUHAN
RC 22	71	
RC 24	108	
RC 25	83	87

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Kos peruntukan pakaian anak-anak responden kategori ini mengikut perbandingan kelas:

Kos peruntukan pakaian anak-anak responden kategori ini kemudiannya dibentangkan pula dalam jadual perbandingan seperti yang tertera dalam Jadual 5.36 dan Rajah 5.13 di bawah:

Jadual 5. 36 Perbandingan kos purata pakaian anak-anak responden setiap kelas yang telah bersekolah (termasuk pendidikan di prasekolah (tadika)) ke atas sebulan:


KELAS RESPONDEN	Kos Purata Perbelanjaan Sebulan Keperluan Pakaian Anak-Anak Responden mengikut kelas. Jumlah dalam (RM).							PURATA		
RC	0 (RC 21)	71 (RC 22)	0 (RC 23)	108 (RC 24)	83 (RC 25)	0 (RC 26)	x	x	x	87

Jadual 5. 36 Sambungan:

KELAS RESPONDEN	RB	RA	Kos Purata Perbelanjaan Sebulan Keperluan Pakaian Anak-Anak Responden mengikut kelas. Jumlah dalam (RM).
58 (RB 20)	50 (RA 10)	58 (RA 10)	
25 (RB 19)	25 (RA 9)	13 (RA 9)	
17 (RB 18)	17 (RA 8)	33 (RA 8)	
58 (RB 17)	58 (RA 7)	17 (RA 7)	
70 (RB 16)	70 (RA 6)	19 (RA 6)	
33 (RB 15)	33 (RA 5)	25 (RA 5)	
36 (RB 14)	36 (RA 4)	0 (RA 4)	
0 (RB 13)	0 (RA 3)	0 (RA 3)	
67 (RB 12)	67 (RA 2)	0 (RA 2)	
89 (RB 11)	89 (RA 1)	0 (RA 1)	
49	28		PURATA

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Rajah 5.13. Graf kos purata pakaian anak-anak responden setiap kelas yang telah bersekolah (termasuk pendidikan di prasekolah (tadika)) ke atas sebulan:



Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Daripada Jadual 5.36 dan Rajah 5.13 di atas, didapati bahawa walaupun peruntukan kos bagi keperluan pakaian anak-anak responden mengikut kelas tidak mempunyai perbezaan yang jelas apabila dilihat pada setiap responden, namun, purata peruntukan kos tersebut mengikut kelas menunjukkan terdapatnya peningkatan kos bagi purata perbelanjaan apabila kelas meningkat iaitu, $RC > RB > RA$. Ini menjelaskan bahawa semakin tinggi kelas responden, maka peruntukan untuk keperluan pakaian anak-anak mereka dari segi *'urf* yang berlaku lebih besar.

Keperluan pakaian anak-anak responden yang belum bersekolah:

Bagi memudahkan penganalisisan data, purata kos anak-anak yang belum bersekolah bagi setiap responden dikira. Kemudian, purata kos bagi anak-anak responden yang belum bersekolah dikira untuk mewakili kelas.


Disebabkan tidak ramai daripada responden yang mempunyai data bagi anak-anak kecil yang belum bersekolah, data mereka telah direkodkan terus dalam jadual dan rajah perbandingan mengikut kelas seperti di bawah.

Jadual 5. 37. Perbandingan kos pakaian anak-anak responden yang belum bersekolah sebulan:

RA	RB	RC	KELAS RESPONDEN	Kos Purata Perbelanjaan Sebulan Keperluan Pakaian Anak-Anak Responden mengikut kelas. Jumlah dalam (RM).		PURATA
0 (RA 10)	25 (RB 20)	43 (RC 21)				
0 (RA 9)	0 (RB 19)	4 (RC 22)				
0 (RA 8)	17 (RB 18)	30 (RC 23)				
0 (RA 7)	0 (RB 17)	0 (RC 24)				
0 (RA 6)	58 (RB 16)	0 (RC 25)				
0 (RA 5)	25 (RB 15)	28 (RC 26)				
0 (RA 4)	0 (RB 14)	x				
0 (RA 3)	25 (RB 13)	x				
0 (RA 2)	0 (RB 12)	x				
0 (RA 1)	0 (RB 11)	x				
	X	30				

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Rajah 5.14. Graf perbandingan kos pakaian anak-anak responden yang belum bersekolah sebulan mengikut kelas:



Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Daripada Jadual 5.37 dan Rajah 5.14 di atas, didapati bahawa data keperluan pakaian anak-anak responden yang belum bersekolah hanya diperoleh daripada responden kelas B dan C. Sementara tiada data keperluan pakaian anak-anak responden kelas A yang belum bersekolah. Sekiranya merujuk jadual dan graf, peruntukan kos untuk anak-anak ini dilihat tidak banyak berbeza iaitu bagi RB ialah RM30 sebulan dan RC RM26 sebulan dengan julat perbezaan ialah sebanyak RM4 sahaja. Keperluan ini juga dilihat tidak meningkat berdasarkan kelas.

Justeru kajian menyimpulkan bahawa keperluan pakaian anak-anak responden yang belum bersekolah ialah sama iaitu purata bagi data responden kelas C (RM26) dan data bagi responden kelas B (RM30) ialah RM28 bagi setiap kelas.

Pendidikan:

Pendidikan merupakan satu keperluan kehidupan bagi anak-anak responden. Bagi melihat tahap pendidikan dan kos-kos yang terlibat, kesemua data pendidikan anak-anak responden telah diambil. Keperluan pendidikan ini merangkumi peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah.

Bagi pendidikan peringkat ketiga pula, ia mencakupi peringkat sijil, diploma, dan ijazah. Terdapat tiga aspek yang dilihat bagi menilai kemampuan sosioekonomi responden dalam pembiayaan pendidikan anak-anak mereka iaitu kos yuran dan alat tulis, kos pengangkutan ke sekolah dan kos duit poket yang dibekalkan ke sekolah atau institusi pendidikan yang terlibat.

Berikut dibentangkan keperluan pendidikan anak-anak responden secara umum dalam jadual mengikut kelas. Perbincangan dimulakan dengan responden kelas A, seterusnya responden daripada kelas B dan C.

Petunjuk dan singkatan yang digunakan dalam Jadual 5.38, 5.39 dan 5.40 ialah seperti berikut:

Kolumn	Catatan	Penerangan
Umum	x	Tiada data/ tiada anak responden yang mengikuti pengajian peringkat tersebut.
Pengangkutan	dihantar	Kos pengangkutan ke sekolah diabaikan kerana anak-anak responden dihantar oleh ibu bapa masing-masing dengan menggunakan kenderaan sendiri.
Status Institusi	swasta	Kos yuran persekolahan anak responden dari institusi swasta bagi data sekolah rendah dan menengah diabaikan kerana kos yuran yang diambil kira ialah kos persekolahan di institusi kerajaan sahaja.
Kos Pengangkutan Anak	asrama	Kos pengangkutan ke sekolah diabaikan memandangkan anak-anak responden yang tinggal di asrama sekolah hanya berjalan kaki ke sekolah kerana jarak asrama dengan tempat pengajian adalah dekat.
Duit poket/ kos pengangkutan	Ditanggung sendiri (DS)	Bagi anak-anak responden yang menanggung sendiri duit poket atau pengangkutan, mereka kebiasaannya telah melanjutkan pengajian ke peringkat ketiga dan mendapat biasiswa atau pinjaman bagi menampung perbelanjaan sendiri.
	Ditanggung kerajaan (DK)	Mereka ialah anak responden yang mendapat pendidikan khas. Justeru kos pengajian dan pengangkutan berulang alik ke sekolah khas ditanggung oleh kerajaan.
	Ditanggung bekas suami (DBS)	Mereka ialah anak responden yang ditanggung oleh bapanya (bekas suami kepada responden).

Jadual 5. 38 Keperluan Pendidikan Anak-Anak Responden Kelas A:

Responden	Bilangan Anak	Tahap Sekolah	Status Institusi	Yuran Sekolah Tahunan (RM)	Yuran Sekolah Bulanan (RM)	Tuisyen, Alat Tulis, dan Lain-lain (RM)	Kos/ Thn (RM)	TOTAL kos / bln (RM)	Kos Pengangkutan Anak (RM)	Duit Poket / bln (RM)
RA 1	1	sek pend khas	kerajaan	n/a	n/a	n/a	n/a	n/a	DK	DK
	2	sek ren	kerajaan	70	0	spon ser HVT	70	6	60 (bas)	40
	3	sek men	kerajaan	360	0	0	360	30	asrama	80
	4	kolej	swasta	pinjaman PTPTN	0	0	0	0	DS	120
RA 2	1	sek ren	kerajaan	30	n/a	90	120	10	36	20
	2	sek ren	kerajaan	30	n/a	90	120	10	36	20
	3	sek ren	kerajaan	30	n/a	90	120	10	36	20
	4	sek ren & agama	kerajaan & kerajaan negeri	100	n/a	100	200	17	36	40
	5	tadika	swasta	0	60	571	1291	108	36	bawa bekal
RA 3	1	Sek men	kerajaan	Baitumal	n/a	n/a	n/a	0	40	60
	2	Sek men	kerajaan	Baitulmal	n/a	n/a	n/a	0	40	60
RA 4	1	sek men	kerajaan	Baitulmal	n/a	n/a	n/a	0	40 (bas)	40
	2	sek men (asrama)	kerajaan	Baitulmal	n/a	n/a	n/a	0	tiada	100
	3	sek ren	kerajaan	Baitulmal	n/a	n/a	n/a	0	55	40
	4	sek ren	kerajaan	Baitulmal	n/a	n/a	n/a	0	55	40
	5	sek ren	kerajaan	Baitulmal	n/a	n/a	n/a	0	55	40
RA 5	1	Sek ren	kerajaan	130		150	280	23	35	100
	2	ipt	kerajaan	Pinjaman PTPTN	n/a	n/a	n/a	n/a	DS	300

Jadual 5. 38. Sambungan.

	Responden	Bilangan Anak	Tahap Sekolah	Status Institusi	Yuran Sekolah Tahunan (RM)	Yuran Sekolah Bulanan (RM)	Tuisyen, Alat Tulis, dan Lain-lain (RM)	Kos/ Thn (RM)	TOTAL kos / bln (RM)	Kos Pengangkutan Anak (RM)	Duit Poket / bln (RM)
RA 6	1	sek ren	kerajaan	100	n/a	100	200	17	70	60	
	2	sek men	kerajaan	450	n/a	45	495	41	asrama	50	
	3	sek men	swasta	0	150	n/a	1800	150	asrama	50	
	4	pond ok	swasta	0	30	n/a	DS	DS	DS	DS	
RA 7	1	sek men	kerajaan	DBS	n/a	n/a	n/a	DB S	DBS	DBS	
	2	sek men	kerajaan	100	n/a	300	400	33	40	80	
	3	sek ren	kerajaan	100	n/a	300	400	33	20 (van)	100 (2 sesi)	
RA 8	1	sek ren	kerajaan	60	25	0	360	30	dihantar	300 (2 sesi)	
RA 9	1	sek men	kerajaan	150	n/a	n/a	150	13	jalan kaki	300	
RA 10	1	sek men	kerajaan	130	150	100	2030	169	jalan kaki	100	

Sumber: Borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Berikut dibentangkan keperluan pendidikan anak-anak responden RB secara umum

dalam Jadual 5.39 seperti di bawah.

Jadual 5. 39. Keperluan Pendidikan Anak-Anak Responden Kelas B:

	Responden	Bilangan Anak	Tahap Sekolah	Status Institusi	Yuran Sekolah Tahunan (RM)	Yuran Sekolah Bulanan (RM)	Tuisyen, Alat Tulis, dan Lain-lain (RM)	Kos/ Thn (RM)	TOTAL kos / bln (RM)	Kos Pengangkutan Anak (RM)	Duit Poket / bln (RM)
RB 11	1	sek men	kerajaan	75	260	200	3395	283	dihantar	140	
	2	tadika	swasta	450	165	0	2430	203	dihantar	0	
	3	sek ren	kerajaan	40	150	150	1990	66	dihantar	140	
RB 12	1	sek ren	kerajaan	100	10 (sek agama; 40 (UPSR))	n/a	700	58	dihantar	84	

Jadual 5. 39. Sambungan.

Responden	Bilangan Anak	Tahap Sekolah	Status Institusi	Yuran Sekolah Tahunan (RM)	Yuran Sekolah Bulanan (RM)	Tuisyen, Alat Tulis, dan Lain-lain (RM)	Kos/ Thn (RM)	TOTAL kos / bln (RM)	Kos Pengangkutan Anak (RM)	Duit Poket / bln (RM)
RB 12	2	sek ren	kerajaan	100	10 (sek agama)	n/a	220	18	dihantar	60
	3	sek men	kerajaan	100	60 (SPM)	n/a	820	68	100	80
RB 14	1	sek ren	kerajaan	100 &120 (sek keb & sek agama)	n/a	20	240	20	60 (van)	40
	2	sek men	kerajaan	65	n/a	20	85	7	asrama	80
	3	sek men	kerajaan	65	n/a	20	85	7	jalan kaki	80
	4	sek men	kerajaan	200	n/a	20	220	18	jalan kaki	80
	5	kolej	kerajaan negeri	500	n/a	0	1000	DS	DS	DS
	6	sek men	kerajaan	65	n/a	20	85	7	jalan kaki	80
RB 15	1	sek ren	swasta	100	300	n/a	3700	308	asrama	20
	2	sek ren	swasta	100	300	n/a	3700	308	asrama	20
	3	sek men	swasta	100	300	n/a	3700	308	asrama	20
	4	tadika	swasta	350	100	100	1650	138	dihantar	0
RB 16	1	sek men	kerajaan	750	n/a	n/a	750	63	asrama	80
	2	tahfiz (sek men)	swasta	850	250	n/a	3850	321	asrama	40
	3	sek men	kerajaan	150	340 (tuisyen SPM)	n/a	4230	353	asrama	60
	4	politeknik	kerajaan	pinjaman PTPTN	n/a	n/a	n/a	n/a	asrama	200
RB 17	1	sek men	kerajaan	300	0	150	450	38	asrama	30
	2	sek men	kerajaan	basiswa	n/a	n/a	n/a	0	asrama	30
RB 18	1	tadika	swasta	600	60	n/a	1320	110	35	bawa bekal
RB 19	1	sek ren	kerajaan	50	0	100	150	13	dihantar	60
	2	sek ren	kerajaan	50	0	100	150	13	dihantar	60

Jadual 5. 39. Sambungan.

Responden	Bilangan Anak	Tahap Sekolah	Status Institusi	Yuran Sekolah Tahunan (RM)	Yuran Sekolah Bulanan (RM)	Tuisyen, Alat Tulis, dan Lain-lain (RM)	Kos/ Thn (RM)	TOTAL kos / bln (RM)	Kos Pengangkutan Anak (RM)	Duit Poket / bln (RM)
RB 19	3	sek ren	kerajaan	50	(tuisyen UPSR)	100	750	63	dihantar	60
	1	sek ren	kerajaan	100	n/a	2700	2800	233	dihantar	80
	2	sek ren	kerajaan	100	n/a	2700	2800	233	dihantar	80
	3	sek men (asrama)	kerajaan negeri	1000	300	660	5260	438	asrama	45
	4	sek men (asrama)	kerajaan negeri	1000	300	660	5260	438	asrama	45

Sumber: Borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Berikut dibentangkan keperluan pendidikan anak-anak responden RC secara umum dalam Jadual 5.40 seperti di bawah.

Jadual 5. 40. Keperluan Pendidikan Anak-Anak Responden Kelas C:

Responden	Bilangan Anak	Tahap Sekolah	Status Institusi	Yuran Sekolah Tahunan (RM)	Yuran Sekolah Bulanan (RM)	Tuisyen, Alat Tulis, dan Lain-lain (RM)	Kos/ Thn (RM)	TOTAL kos / bln (RM)	Kos Pengangkutan Anak (RM)	Duit Poket / bln (RM)
RC 22	1	tadika	swasta	7700	0	400 (buku dan mainan), 360 (tekwando)	8460	705	dihantar	n/a
	2	sek ren	swasta	6600	0	tahfiz (240), alat tulis, buku (400)	7240	603	dihantar	60
	3	sek ren	swasta	6600	0	tahfiz (240), alat tulis, buku (500), tekwando (360)	7700	642	dihantar	60
RC 24	1	sek men	swasta	n/a	1200	n/a	14400	1200	asrama	200

Jadual 5. 40. Sambungan.

Responden	Bilangan Anak	Tahap Sekolah	Status Institusi	Yuran Sekolah Tahunan (RM)	Yuran Sekolah Bulanan (RM)	Tuisyen, Alat Tulis, dan Lain-lain (RM)	Kos/ Thn (RM)	TOTAL kos / bln (RM)	Kos Pengangkutan Anak (RM)	Duit Poket / bln (RM)
RC 24	2	sek men	swasta	n/a	1200	n/a	14400	1200	asrama	200
RC 25	1	sek ren	kerajaan	100	n/a	500	600	50	50	100

Sumber: Borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Dalam menilai keperluan-keperluan pendidikan ini mengikut kos dalam Ringgit Malaysia (RM), terdapat beberapa aturan yang diguna pakai iaitu:

- 1) Untuk melihat kos keperluan pendidikan sekolah rendah dan menengah anak-anak responden, kajian ini hanya mengambil kira data anak-anak responden dari sekolah kerajaan. Sementara data anak-anak responden dari sekolah swasta diabaikan. Ini bertujuan untuk melihat purata keperluan asas sebenar yang paling minimum untuk dibiayai oleh ibu bapa dari semua kelas sosioekonomi. Namun, hal ini terkecuali bagi pendidikan prasekolah dan juga bagi pendidikan peringkat ketiga anak-anak responden.

Bagi kedua-dua peringkat pengajian ini, status institusi pendidikan sama ada swasta mahupun kerajaan kurang memberikan kesan kepada keupayaan sosioekonomi ibu bapa pelajar dari pelbagai kelas. Ini kerana pendidikan prasekolah swasta merupakan pilihan para responden dalam kajian ini daripada pelbagai kelas walaupun daripada kelas A. Ini mungkin kerana kos yang masih minimum dan mampu ditanggung oleh ibu bapa walaupun dari sosioekonomi kelas tersebut. Justeru kos yang terlibat bagi prasekolah swasta diambil kira dalam kajian ini.

Bagi juga dengan keperluan pendidikan peringkat ketiga, seperti diploma, ijazah sarjana muda atau ijazah sarjana. Hasil kajian mendapati bahawa pengajian di institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta tidak memberi kesan yang ketara terhadap perbelanjaan anak-anak responden. Hal ini kerana yuran pengajian selalunya ditanggung oleh perbadanan-perbadanan yang bertanggungjawab seperti JPA, MARA, PTPTN, YAYASAN Anak Negeri, baitulmal negeri dan sebagainya sama ada dalam bentuk biasiswa atau pinjaman bagi semua institusi pengajian tinggi kerajaan mahupun swasta di negara ini.

Anak-anak responden dapat meneruskan pengajian seperti biasa dan hanya perlu membayar semula pinjaman setelah tamat pengajian. Justeru, yuran pengajian dan perbelanjaan bagi pengajian peringkat ketiga kurang menunjukkan kemampuan sosioekonomi sebenar ibu bapa anak-anak responden.

- 2) Merujuk kepada surat siaran Kementerian Pelajaran Malaysia Bilangan empat tahun 2011, mulai sesi persekolahan 2012, yuran persekolahan sebanyak RM24.50 setahun bagi setiap murid sekolah rendah dan RM33.50 bagi setiap murid sekolah menengah telah dimansuhkan.

Yuran ini meliputi bayaran kokurikulum, sukan tahunan, kertas ujian, kegiatan pendidikan Islam/ moral, MSS, dan Insurans Skim Takaful Pelajar Malaysia.⁴¹¹ Pemansuhan yuran tersebut menunjukkan usaha kerajaan dalam memberikan pendidikan percuma di negara ini.⁴¹² Walau bagaimanapun, beberapa bayaran lain seperti yuran PIBG, majalah sekolah dan juga keperluan asas sekolah yang meliputi buku latihan peralatan teknikal dan pendidikan seni,

⁴¹¹ Surat Pekeling Ikhtisas Bil 11 Tahun 2011- Pemansuhan Bayaran Tambahan Persekolahan di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan bertarikh 3 November 2011, Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Sektor Operasi Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Putrajaya, 1. Hal ini ditegaskan dan dijelaskan lagi oleh Ketua Sektor O/P, KPM, En Yong Abdullah kepada pegkaji dalam temu bual di pejabat beliau, Tingkat 4, KPM, Putrajaya, pada 27 Mac 2014, 11am-12pm.

⁴¹² Ibid, 2.

alat tulis, lencana dan tag nama boleh dikenakan bayaran oleh pihak sekolah melalui koperasi masing-masing untuk memastikan keseragaman para pelajar.⁴¹³

Justeru, bayaran yang dikenakan mungkin sedikit berbeza antara sekolah mengikut mensyuarat dan ketetapan yang dikenakan oleh sekolah masing-masing. Disebabkan itulah, hasil kajian mendapati bahawa setiap anak-anak responden tetap dikenakan sedikit yuran oleh pihak sekolah masing-masing untuk pembayaran yuran PIBG dan bayaran keseragaman sekolah seperti yang disebutkan di atas.

- 3) Melihat keperluan kewangan anak-anak responden bagi tujuan pendidikan, majoriti yang bersekolah rendah dan menengah menyatakan kos yuran tahunan anak-anak mereka ialah RM100 setahun, tidak termasuk kos alat tulis mereka yang dibeli di koperasi atau di luar.

Kadar ini agak bertepatan sekiranya dibandingkan dengan data yang diperoleh pengkaji bagi Bayaran Tahunan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Pantai Kg. Kerinchi, Kuala Lumpur,⁴¹⁴ iaitu Yuran PIBG ialah sebanyak RM71, dan Majalah Sekolah (Akaun Suwa) ialah sebanyak RM15, yang kedua-duanya berjumlah RM86. Jumlah ini tidak termasuk kos buku latihan, peralatan teknikal dan alat seni, lencana dan tag nama yang diseragamkan dan perlu dibeli oleh para pelajar. Pengkaji juga telah mendapatkan data yuran tahunan pelajar sekolah rendah bagi Sekolah Kebangsaan Bangsar⁴¹⁵ sebagai contoh perbandingan.

⁴¹³ Ibid, 1-2.

⁴¹⁴ Data kadar kutipan ini telah diperoleh daripada En. Zainal bin Mat, Penolong Kanan Tadbir & Kurikulum Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Pantai Kg. Kerinchi, Kuala Lumpur.

⁴¹⁵ Data kadar yuran telah diperoleh daripada Encik Mohd Ali bin Kasmun, Penolong Kanan Tadbiran dan Kurikulum, Sekolah Kebangsaan Bangsar, Kuala Lumpur. 4 April 2014. 3.30pm. Sekolah Keb Bangsar.

Daripada rujukan yang diperoleh, yuran PIBG sekolah tersebut ialah RM10 setahun, dan bayaran seragam sekolah termasuk buku laporan kemajuan pelajar, fail peribadi, tali leher, tag nama, lencana, t-shirt sukan, seluar trek sekolah dan lain-lain ialah RM65.30, yang menjadikan jumlah keseluruhan ialah RM75.30. Justeru, boleh diterima akal, sekiranya majoriti daripada responden merentasi kelas, menyatakan bahawa yuran tahunan sekolah rendah dan menegah anak-anak mereka di sekolah kerajaan ialah lebih kurang RM100 setahun.

- 4) Bagi pelajar yang tinggal di asrama sekolah kerajaan, yuran yang dikenakan merupakan duit makan, iaitu sebanyak RM1 sehari bagi pelajar sekolah rendah dan RM3 sehari bagi pelajar sekolah menengah. Ini merujuk kepada surat pekeliling KPM Bilangan 11, tahun 2011 yang telah dikeluarkan. Bagi yuran-yuran lain seperti wang cagaran asrama dan yuran kebajikan murid asrama, kedua-dua yuran ini telah dimansuhkan oleh pihak KPM.⁴¹⁶
- 5) Walaupun pengkaji mengambil data daripada sekolah kerajaan, namun, kos alat tulis, duit poket dan pengangkutan anak-anak responden masih dipengaruhi oleh sosioekonomi ibu bapa mereka. Justeru, perbezaan dalam kelas sosioekonomi terhadap keperluan persekolahan anak-anak responden boleh dinilai berdasarkan perbezaan kos yang dibelanjakan.
- 6) Kajian ini juga mendapati bahawa semakin tinggi kelas responden, semakin besar kemampuan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah dengan kereta sendiri seperti yang boleh dilihat daripada data responden kelas B

⁴¹⁶ Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 11 Tahun 2011- Pemansuhan Bayaran Tambahan Persekolahan di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan bertarikh 3 November 2011, Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Sektor Operasi Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Putrajaya., 4. . Hal ini ditegaskan dan dijelaskan lagi oleh Ketua Sektor O/P, KPM, En Yong Abdullah kepada pegkaji dalam temu bual di pejabat beliau, Tingkat 4, KPM, Putrajaya, pada 27 Mac 2014, 11am-12pm.

dan C. Ini berbeza dengan responden kelas A yang memilih kenderaan awam sebagai pengangkutan untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Justeru, dalam menilai kos pengangkutan, beberapa kriteria telah diambil kira:

- I) Kos pengangkutan anak-anak responden yang dihantar dengan menggunakan kenderaan sendiri tidak dikira. Ini kerana kos yang terlibat melibatkan ansuran kenderaan dan minyak kenderaan yang merupakan jumlah yang besar. Tambahan lagi, kenderaan tersebut juga digunakan bagi keperluan lain seperti ke tempat kerja atau untuk menguruskan keperluan harian yang lain. Justeru, tiada nisbah yang wajar dapat diberikan untuk melihat kos khusus yang terlibat bagi menghantar anak-anak mereka ke sekolah dengan menggunakan kenderaan sendiri.
- II) Kos pengangkutan yang dikira ialah berdasarkan kos pengangkutan awam seperti van sekolah dan bas. Ini dilihat lebih tepat bagi menggambarkan kemampuan sosioekonomi yang paling minimum . Walaupun kebanyakan anak-anak responden kelas B dan responden kelas C dihantar ke sekolah dengan menggunakan kenderaan sendiri, terdapat juga anak-anak responden daripada kelas-kelas ini yang menaiki kenderaan awam ke sekolah yang boleh dijadikan kayu ukur kemampuan sosioekonomi kelas tersebut. Misalnya RC 25, ialah responden daripada kelas sosioekonomi tinggi (kelas C) dengan pendapatan isi rumah RM18 ribu sebulan dan hanya mempunyai seorang anak yang bersekolah rendah. Namun, beliau tetap memilih kenderaan awam (van sekolah) bagi tujuan menghantar dan

menjemput anaknya pulang dari sekolah dengan kos sebanyak RM50 sebulan. Justeru, kos penggunaan kenderaan awam sebagai pengangkutan ke sekolah merupakan kayu ukur yang relevan bagi melihat kos pengangkutan yang terlibat bagi semua kelas responden.

Sekolah Rendah:

Seterusnya dibentangkan Jadual 5.41 yang berikut iaitu kos keperluan pembentangan pendidikan anak-anak responden bagi sekolah rendah sebulan.

Jadual 5. 37. Kos keperluan pendidikan anak-anak responden bagi sekolah rendah sebulan

Bil.	Responden/ Kelas	Kos Sekolah Rendah Sebulan		
		Yuran dan Alat Tulis (RM)	Pengangkutan (RM)	Duit Poket (RM)
1.	RA 1	6	60	40
2.	RA 2	13.5	36	30
3.	RA 3	x	x	x
4.	RA 4	10	55	40
5.	RA 5	23	35	100
6.	RA 6	17	70	60
7.	RA 7	33	20	100
8.	RA 8	30	dihantar	300
9.	RA 9	x	x	x
10.	RA 10	x	x	x
Purata		19	46	96
	B			
11.	RB 11	166	dihantar	140
12.	RB 12	38	dihantar	70
13.	RB 13	x	x	x


Jadual 5. 41. Sambungan.

Bil.	Responden/ Kelas	Kos Sekolah Rendah Sebulan		
	B			
14.	RB 14	20	60	40
15.	RB 15	swasta	swasta	swasta
16.	RB 16	swasta	swasta	swasta
17.	RB 17	x	x	x
18.	RB 18	x	x	x
19.	RB 19	38	dihantar	60
20.	RB 20	233	dihantar	80
Purata		99	60	78
	C			
21.	RC 21	x	x	x
22.	RC 22	swasta	swasta	swasta
23.	RC 23	x	x	x
24.	RC 24	x	x	x
25.	RC 25	50	50	100
26.	RC 26	x	x	x
Purata		50	50	100

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Merujuk kepada Jadual 5.41 di atas, kos ini kemudiannya dikecilkan kepada kos keperluan purata setiap kelas seperti dalam jadual, dan kemudiannya dibandingkan dalam bentuk graf dalam Rajah 5.15 seperti yang berikut:

Rajah 5. 15. Kos purata pendidikan sekolah rendah anak-anak responden mengikut kelas:



Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Merujuk Rajah 5.15 di atas, didapati terdapat perbezaan dalam perbelanjaan pendidikan anak-anak responden kelas A, B dan C. Iaitu perbelanjaan responden anak kelas C >kelas B> kelas A. Perbincangan mengenai kadar keperluan-keperluan pendidikan dalam rajah di atas seperti yang berikut:

1) Kos yuran dan alat tulis:

Kos yuran dan alat tulis dilihat berbeza mengikut kelas namun tidak semua kelas mengikut tuntutan sosioekonomi. Bagi kelas A, purata kos yuran dan alat tulis ialah RM 19. Sementara purata kos tersebut bagi anak-anak responden kelas B dan C, didapati kos tersebut lebih tinggi bagi kelas B, iaitu RM99 sebulan berbanding kelas C iaitu RM50 sebulan.

Justeru, kajian menganggarkan keperluan terhadap kos tersebut boleh dipuratakan dalam dua kelas ini iaitu B dan C. Keperluan terhadap kos tersebut lebih tinggi dalam kelas B (sederhana) berbanding kelas C (tinggi) menunjukkan tahap keperluan kepada kos tersebut telah dipenuhi walaupun dalam kelas C. Justeru, kajian menganggarkan purata kos tersebut bagi kelas B dan C, iaitu RM75, telah pun memenuhi kecukupan terhadap kos tersebut.

2) Pengangkutan:

Bagi menilai kos pengangkutan, kajian mendapati, apabila anak-anak responden mengambil pengangkutan awam, maka kadar yang terlibat dilihat tidak dipengaruhi oleh sosioekonomi responden. Justeru, kos pengangkutan dikira dalam jumlah kos purata bagi ketiga-tiga kelas anak-anak responden. Kos purata bagi kos pengangkutan yang terlibat bagi ketiga-tiga kelas iaitu RM46, RM60 dan RM50 ialah RM52.

3) Duit Poket:

Duit poket juga dilihat tidak banyak berbeza dan tidak dipengaruhi oleh sosioekonomi mengikut kelas. Bermula dengan RA, diikuti RB dan kemudiannya RC ialah RM96, RM78 dan RM100. Justeru, dapat disimpulkan perbelanjaan duit poket setiap anak responden merentasi kelas beranggaran RM5 sehari⁴¹⁷ atau RM91 sebulan. Kajian mengangarkan, kos pendidikan yang terlibat bagi anak-anak responden merentas semua kelas ialah seperti dalam Jadual 5.42 yang berikut:

Jadual 5.42. Ringkasan kos pendidikan anak-anak responden peringkat sekolah rendah bagi semua kelas:

Kelas Responden	Yuran + Alat Tulis (RM)	Pengangkutan (RM)	Duit Poket (RM)
RA	19	52	91
RB	75	52	91
RC	75	52	91

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Sekolah Menengah:

Dalam Jadual 5.43 berikut dibentangkan pula kos keperluan pendidikan anak responden bagi sekolah menengah sebulan:

Jadual 5.43. Kos keperluan pendidikan anak responden bagi sekolah menengah sebulan:

Bil.	Responden/ Kelas	Kos Sekolah Menengah Sebulan		
		Yuran dan Alat Tulis (RM)	Pengangkutan (RM)	Duit Poket (RM)
A	RA 1	30	asrama	80
1.	RA 2	x	x	x
2.				

⁴¹⁷ (kos sehari dikira berdasarkan kos sebulan dibahagikan dengan 20 hari waktu persekolahan)


Jadual 5. 43. Sambungan.

Bil.	Responden/ Kelas	Kos Sekolah Menengah Sebulan		
		Yuran dan Alat Tulis (RM)	Pengangkutan (RM)	Duit Poket (RM)
3.	RA 3	10	40	60
4.	RA 4	10	40	70
5.	RA 5	x	x	x
6.	RA 6	41	asrama	50
7.	RA 7	33	40	80
8.	RA 8	x	x	x
9.	RA 9	13	jalan kaki	300
10.	RA 10	169	0	100
Purata		44	40	106
	B			
11.	RB 11	283	dihantar	140
12.	RB 12	68	100	80
13.	RB 13	x	x	x
14.	RB 14	12.5	jalan kaki	80
15.	RB 15	swasta	swasta	swasta
16.	RB 16	208	asrama	70
17.	RB 17	38	asrama	30
18.	RB 18	x	x	x
19.	RB 19	x	x	x
20.	RB 20	swasta	swasta	swasta
Purata		112	100	87
	C			
21.	RC 21	x	x	x
22.	RC 22	swasta	swasta	swasta
23.	RC 23	x	x	x
24.	RC 24	swasta	swasta	swasta
25.	RC 25	x	x	x
26.	RC 26	x	x	x
Purata		x	x	x

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Merujuk kepada Jadual 5.43 di atas, kos ini kemudiannya dikecilkkan kepada kos keperluan purata setiap kelas di dalam jadual dan kemudiannya dibandingkan dalam bentuk rajah seperti Rajah 5.16 yang berikut:

Rajah 5.16. Kos purata pendidikan sekolah menengah anak-anak responden mengikut kelas sebulan:



Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Merujuk kepada Rajah 5.16 di atas, terdapat beberapa perkara yang dapat dijelaskan dalam kajian ini, antaranya:

- 1) Tiada sebarang data daripada anak RC yang bersekolah pada peringkat menengah. Ini kerana hanya RC 24 yang mempunyai anak yang bersekolah pada peringkat menengah. Walau bagaimanapun, data anak-anak beliau diabaikan kerana bersekolah di institusi swasta. Justeru hanya kos perbelanjaan pendidikan anak RA dan RB sahaja yang dapat dibandingkan dalam pengajian peringkat menengah bagi anak-anak responden. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pengemaskinian data, data anak-anak RB diguna pakai bagi data anak-anak RC bagi kos yuran pendidikan dan alat tulis. Rasionalnya keperluan minimum anak-anak RC sekurang-kurangnya telah dipenuhi dan kelas RB merupakan kelas yang paling hampir dengan RC.

- 2) Kos yuran dan alat tulis: Perkara yang nyata berbeza ialah kos yuran dan alat tulis anak responden RB dan RA. Anak RB membelanjakan RM112 sebulan bagi kos tersebut sementara anak RA hanya membelanjakan RM44 sebulan bagi kos yang berkenaan. Sementara, kos bagi keperluan ini bagi anak-anak RC dikira serupa dengan kos anak-anak RB, iaitu RM112 sebulan.
- 3) Pengangkutan: Bagi kos pengangkutan, anak-anak RA memperuntukkan secara purata RM40 sebulan bagi kos pengangkutan, sementara anak-anak RB memperuntukkan RM100 sebulan bagi kos pengangkutan awam. Ini menunjukkan terdapatnya pengaruh sosioekonomi antara kelas dalam keperluan ini. Sementara, kos bagi keperluan ini bagi anak-anak RC dikira serupa dengan kos anak-anak RB seperti yang telah dijelaskan rasionalnya sebelum ini.
- 4) Duit poket: Perkara yang tidak membezakan antara kelas, malah menunjukkan sebaliknya ialah duit poket anak-anak RB dan RA. Didapati bahawa duit poket tersebut walaupun tidak banyak berbeza, namun, RA mendahului RB dengan memperuntukkan purata RM106 sebulan berbanding RM87 sebulan bagi anak-anak RB. Justeru, kajian menganggarkan bahawa kos duit poket walaupun daripada kelas RA, telah memenuhi tahap kecukupan. Oleh itu, sekiranya kos purata keperluan ini diambil bagi kelas A dan B, ia berpatutan dan telah memenuhi tahap keperluan. Hal ini juga menunjukkan bahawa kos tersebut bersadarkan keperluan anak pada peringkat pengajian ini, dan ia tidak dipengaruhi oleh sosioekonomi responden. Justeru, kos purata peruntukan duit poket bagi anak-anak responden merentasi kelas ialah RM97 sebulan, atau lebih kurang RM5 sehari.⁴¹⁸

⁴¹⁸ (kos sehari dikira berdasarkan kos sebulan dibahagikan dengan 20 hari waktu persekolahan)

Oleh itu, kajian mengangarkan, kos pendidikan yang terlibat bagi anak-anak responden merentasi semua kelas pada peringkat sekolah menengah seperti dalam Jadual 5.44 yang berikut:

Jadual 5. 44. Ringkasan kos pendidikan bagi anak-anak responden pada peringkat sekolah menengah bagi semua kelas:

Kelas Responden	Yuran + Alat Tulis (RM)	Pengangkutan (RM)	Duit Poket (RM)
RA	44	40	97
RB	112	100	97
RC	112	100	97

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Tadika/ Prasekolah:

Terdapat sedikit pengecualian dalam analisis data anak-anak responden pada peringkat pengajian prasekolah. Bagi peringkat ini, data anak-anak responden tidak difokuskan kepada data anak-anak responden yang belajar prasekolah institusi kerajaan semata-mata, namun, anak-anak responden yang belajar di institusi bukan kerajaan turut diambil kira dalam penilaian perbelanjaan pendidikan anak-anak responden.

Ini kerana kesemua responden yang ditemu bual merentasi kelas, menghantar anak masing-masing institusi prasekolah swasta berbanding kerajaan. Maka, kajian ini menilai bahawa ia tidak berkaitan dengan sosioekonomi kerana mampu dibiayai oleh kesemua kelas responden A, B dan C. Walau bagaimanapun, untuk membuat perbandingan, kos keperluan kewangan bagi prasekolah institusi kerajaan tetap akan dibandingkan bersama-sama.

Jadual 5.45 seperti yang dibentangkan berikut merupakan kos keperluan pendidikan prasekolah anak-anak responden yang terlibat bagi tempoh sebulan.


Jadual 5. 4538. Kos keperluan pendidikan prasekolah anak-anak responden sebulan:

Bil.	Responden/ Kelas	Kos Tadika/ Prasekolah Sebulan		
	A	Yuran dan Alat Tulis (RM)	Pengangkutan (RM)	Duit Poket (RM)
1.	RA 1	x	x	x
2.	RA 2	108	36	0
3.	RA 3	x	x	x
4.	RA 4	x	x	x
5.	RA 5	x	x	x
6.	RA 6	x	x	x
7.	RA 7	x	x	x
8.	RA 8	x	x	x
9.	RA 9	x	x	x
10.	RA 10	x	x	x
Purata		108	36	0
	B			
11.	RB 11	203	dihantar	0
12.	RB 12	x	X	x
13.	RB 13	x	x	x
14.	RB 14	x	x	x
15.	RB 15	138	dihantar	0
16.	RB 16	x	x	x
17.	RB 17	x	x	x
18.	RB 18	110	35	0
19.	RB 19	x	x	x
20.	RB 20	x	x	x
Purata		150	35	0
	C			
21.	RC 21	x	x	x
22.	RC 22	705	dihantar	0
23.	RC 23	x	x	x
24.	RC 24	x	x	x
25.	RC 25	x	x	x
26.	RC 26	x	x	x
Purata		705	x	0

Sumber: Borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Merujuk kepada Jadual 5.45 di atas, kos ini kemudiannya dikecilkkan kepada kos keperluan purata setiap kelas di dalam jadual, dan kemudiannya dibandingkan dalam graf seperti dalam Rajah 5.17 yang berikut.

Rajah 5. 17. Kos purata perbelanjaan tadika/prasekolah anak-anak responden mengikut kelas sebulan:



Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Merujuk kepada Rajah 5.17 di atas, beberapa perkara dapat dijelaskan seperti berikut:

- 1) Kos Yuran dan Alat Tulis: Terdapat perbezaan yang ketara pada kos yuran dan alat tulis antara anak-anak responden RA dengan RB berbanding RC. Daripada 26 orang responden yang ditemu bual, hanya 5 orang responen yang mempunyai anak pada peringkat pengajian prasekolah. Daripada jumlah ini, seorang daripada kelas RA dan kelas RC, manakala 3 orang lagi daripada kelas RB.

Anak RC 22, yang mewakili kelas RC didapati memperuntukkan perbelanjaan tertinggi bagi yuran dan alat tulis iaitu RM705 sebulan. Hal ini terjadi kerana RC 22 menyekolahkan anaknya di IIUM Montessori Pre School (sekolah prasekolah antarabangsa di bawah pengurusan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang berstatus swasta). Ini menelan belanja yuran tahunan sebanyak RM7700. Selain itu, tambahan kos buku dan alat tulis sebanyak RM400 dan yuran kelas tekwando sebanyak RM360 setahun. Ini

menjadikan keseluruhan yuran anak RC 22 ialah RM8,460 setahun atau RM705 sebulan menurut RC 22.

Pengkaji menganggarkan bahawa kosnya munasabah bagi RC22 memandangkan pendapatan isi rumah beliau sahaja sebanyak RM15,000 sebulan. Anak-anak beliau pula berjumlah empat orang. Dua daripadanya masih bersekolah rendah. Sekiranya setiap seorang diperuntukkan sebanyak RM1000 sebulan bagi kos pendidikan tiga orang anak-anak beliau yang bersekolah, beliau masih berbaki RM12,000 sebulan untuk keperluan lain.

Bagi anak-anak responden RA dan RB pula, didapati yuran persekolahan dan kos alat tulis hampir sama dengan purata bagi anak RA ialah RM108 dan purata bagi anak RB ialah RM150. Hal ini kerana anak-anak RA dan RB disekolahkan di Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI), walaupun berbeza tempat, namun yuran yang dikenakan hampir sama antara pusat-pusat tersebut. Pemilihan responden untuk menyekolahkan anak-anak mereka di prasekolah swasta walaupun dalam kalangan responden kelas A (kelas sosioekonomi rendah dalam kajian ini), menunjukkan bahawa pemilihan institusi prasekolah swasta merupakan suatu keperluan dan bukan untuk menunjukkan kemewahan.

Ini juga kerana, tidak semua tempat tinggal responden mempunyai institusi prasekolah kerajaan (KEMAS), dan pemilihan institusi selain kerajaan adalah untuk kemudahan responden menguruskan anak-anak mereka.

Justeru, pengkaji berpendapat bahawa purata kos perbelanjaan prasekolah untuk anak-anak RA dan RB boleh dijadikan kayu ukur dan boleh menunjukkan keperluan asas yang diperlukan bagi para responden untuk menyekolahkan anak mereka pada peringkat prasekolah. Justeru RM129 merupakan kos bagi yuran dan alat tulis anak-anak responden merentas kelas.

- 2) Pengangkutan: RC menggunakan pengangkutan sendiri (kereta) untuk mengantar anak-anak mereka ke sekolah, justeru data bagi kos pengangkutan anak-anak RC diabaikan. Bagi anak-anak responden yang menggunakan pengangkutan awam seperti van, kos perbelanjaan ialah sekitar RM35 dan RM36 sebulan seperti yang dilaporkan oleh RB18 dan RA2 mengenai kos perkhidmatan van yang digunakan oleh anak mereka. Justeru, purata kos pengangkutan anak-anak RA dan RB iaitu RM36 merupakan kos pengangkutan yang wajar bagi anak-anak responden merentasi kelas.
- 3) Duit poket: Apa yang menjadi persamaan antara responden merentasi kelas ialah mereka tidak memperuntukkan sebarang duit poket kepada anak-anak mereka di prasekolah. Hal ini berkemungkinan disebabkan faktor ketidakperluan, keselamatan, dan ketidakmampuan anak-anak mereka untuk menguruskan perbelanjaan makan dan minum mereka sendiri. Tambahan pula kebanyakan institusi prasekolah tersebut menyediakan makanan untuk para pelajar kerana telah termasuk dalam kos yurusan sekolah seperti PASTI dan IIUM Montessori. Sekiranya tidak disediakan, selalunya responden akan menyediakan bekal untuk anak-anak mereka seperti anak RA2 dan RB18. Kos makanan anak-anak responden di prasekolah juga tidak diberikan kerana selalunya masa persekolahan yang singkat seperti kebanyakan prasekolah yang tamat masa pembelajaran pada pukul 11.30 pagi.⁴¹⁹ Justeru, berdasarkan ‘urf yang berlaku, pengkaji berpandangan bahawa duit poket bagi anak prasekolah tidak perlu diperuntukkan oleh ibu bapa untuk keperluan mereka.
- 4) Sekiranya data anak-anak responden ini dibandingkan dengan yuran dan keperluan prasekolah kerajaan (KEMAS) pula, pengkaji mendapati bahawa

⁴¹⁹ Pengkaji mengamati waktu pembelajaran di PASTI Al-Hidayah, PASTI Mukmin dan PASTI As-Salam, Pantai Dalam, Kuala Lumpur, Tahun 2013-2014.

yuran dan kos alat tulis yang dikenakan untuk setahun ialah RM114, dan yuran bulanan bagi Februari sehingga November ialah RM20 sebulan. Ini menjadikan purata yuran sebulan ialah RM29 sahaja sebulan.⁴²⁰

- 5) Tidak keterlaluan sekiranya pengkaji menyimpulkan bahawa kos yang terlibat bagi anak-anak di prasekolah sama merentas semua kelas responden bagi keperluan asas mereka, dengan tidak menafikan bahawa pemilihan kepada perbelanjaan yang lebih tinggi boleh berlaku bagi responden daripada kelas yang lebih atas (RC) bagi anak-anak mereka.
- 6) **Keputusan:** Justeru, kos yang terlibat bagi anak-anak responden pada peringkat pengajian prasekolah merentas semua kelas dibentangkan dalam Jadual 5.46 seperti yang berikut:

Jadual 5.46. Kos purata bagi anak-anak responden pada peringkat pengajian prasekolah bagi semua kelas:

Kelas Responden	Yuran + Alat Tulis	Pengangkutan	Duit Poket
RA	129	36	0
RB	129	36	0
RC	129	36	0
PURATA	129	36	0

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Kos Pengangkutan Awam Anak-Anak Responden Apabila Diselaraskan.

Mengenai kos pengangkutan awam anak-anak responden bagi peringkat prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah, kajian mendapati bahawa data kos pengangkutan anak-anak responden ini boleh dibandingkan dengan kadar tambang sebenar pengangkutan awam di negara ini bagi mendapatkan keputusan yang lebih memuaskan.

⁴²⁰ Senarai Pembayaran Yuran Pendaftaran Tabika KEMAS Perumahan Pantai Permai, Tahun 2014.

Sebelum itu, seperti yang telah dibentangkan dan dibincangkan, purata kos pengangkutan awam bagi kesemua anak-anak responden mengikut keseluruhan kelas ialah RM36 bagi prasekolah, RM52 bagi sekolah rendah. Sementara bagi sekolah menengah, kos pengangkutan tersebut, ialah RM44 bagi anak-anak responden kelas C dan RM112 bagi anak-anak responden kelas B dan C.

Bagi melihat kos sebenar kenderaan-kenderaan awam ini, pengkaji mengambil kos purata setiap jenis kenderaan awam yang dinaiki oleh anak-anak responden ke sekolah seperti yang boleh dilihat dalam Jadual 5.47 di bawah.

Jadual 5. 47. Purata Kos Bagi Kenderaan Awam Jenis Bas Dan Van Anak-Anak Responden:

Jenis Kenderaan	Anak Responden	Kadar Tambang Sebulan (RM)	Tahap Sekolah	Purata Tambang Sebulan (RM)
BAS	RA 1	60	sek.ren.	60
	RA 3	40	sek. men.	
	RA 4	40	sek. men.	
	RB 12	100	sek. men.	
VAN	RA 2	36	sek.ren. & prasekolah	47
	RA 4	55	sek. ren.	
	RB 14	60	sek. ren.	
	RB 18	35	prasekolah	
	RC 25	50	sek. ren	

Sumber: Borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Jadual 5.47 di atas menunjukkan purata bagi kos ulang-alik ke sekolah dengan menggunakan bas iaitu RM60 sebulan dan van RM47 sebulan. Didapati juga kos bagi van atau bas lebih kurang sama, jika dilihat kos tersebut secara berasingan bagi anak-anak responden. Kadar terendah tambang ialah RM36 iaitu dengan pengangkutan van dan RM100 ialah kadar tertinggi dengan pengangkutan bas.

Pengangkutan dengan van dilihat lebih murah secara puratanya berbanding pengangkutan bas. Walau bagaimanapun, mahal atau murah kos tambang tersebut sebenarnya juga bergantung kepada jarak perjalanan rumah anak-anak responden ke sekolah. Kenderaan awam merupakan pengangkutan yang lebih mudah dan cepat di

bandar berbanding kenderaan sendiri yang selalunya akan terperangkap dalam kesesakan lalu lintas terutama di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Kenderaan awam menjadi pilihan bukan sahaja kepada para pelajar yang ingin ke sekolah, namun juga kepada para pekerja memandangkan kosnya yang rendah dan kurang terperangkap dalam kesesakan lalu lintas. Misalnya, syarikat Rapid KL ada menawarkan pelbagai jenis kenderaan awam seperti bas, aliran transit ringan (LRT), dan *monorail*.

Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, kesemua anak-anak responden yang bersekolah menengah, rendah ataupun prasekolah hanya menggunakan perkhidmatan van dan bas, serta jarang menggunakan perkhidmatan LRT atau monorel. Berikut dibentangkan jadual kadar tambang Bas *rapid KL* mengikut jenis perjalanan bas iaitu utama, bandar dan tempatan seperti yang boleh dilihat dalam Jadual 5.48:

Jadual 5.48. Kadar Tambang Bas *Rapid KL* Mengikut Jenis Perjalanan Bas:

Bus Service	Adult Fare	Concession Fare
UTAMA	RM 1.00 (1 zone) RM 1.90 (2 zones) RM 2.50 (3 zones) RM 3.00 (4 zones and more)	RM 0.50 (1 zone) RM 0.90 (2 zones) RM 1.20 (3 zones) RM 1.50 (4 zones and more)
BANDAR	RM 1.00	RM 0.50
TEMPATAN	RM 1.00	RM 0.50
EKSPRES	RM 3.80	RM 1.90

Sumber: Laman Sesawang Myrapid⁴²¹

Jadual 5.48 di atas menunjukkan kadar bagi tambang biasa (*Adult Fare*) dan kadar yang telah dibuat potongan harga (*Concession Fare*). Bagi Concession Fare ini, terdapat kad khas yang perlu dipohon oleh para pelajar yang berumur antara 7 hingga 17 tahun seperti yang boleh dilihat dalam Rajah 5. 18 yang berikut.

⁴²¹ <http://www.myrapid.com.my/tickets-fares/faretable>, dicapai pada 24 November 2014.

Rajah 5.18. Kad Khas Pelajar



Sumber: Laman Sesawang Myrapid⁴²²

Dengan penggunaan kad khas ini, harga tambang bas yang dikenakan hanya separuh daripada kadar biasa. Merujuk Jadual 5.48 di atas pula, tambang yang paling tinggi ialah apabila menaiki bas utama bagi perjalanan empat zon dan ke atas, iaitu bagi *Concession Fare* ialah RM1.50 untuk sekali perjalanan.

Sekiranya seorang pelajar terpaksa menggunakan bas utama bagi perjalanan empat zon ke atas disebabkan jarak rumah dan sekolah yang jauh, beliau memerlukan RM3 sehari, atau RM60 sebulan bagi perjalanan selama 20 hari. Kos ini ialah kos yang paling tinggi dalam penggunaan bas dengan pakej potongan harga pelajar.

Kos RM60 juga merupakan kos purata para pelajar (anak-anak responden) yang bersekolah dengan menggunakan perkhidmatan bas. Kebiasaannya, jarak perjalanan rumah ke sekolah di kawasan tempat kajian pengkaji hanya memerlukan bas jenis tempatan atau bandar yang hanya bercaj RM0.50 (*Concession Fare*) bagi sekali perjalanan atau RM20 bagi sebulan perjalanan selama 20 hari. Kos RM60 juga merangkumi kos maksimum pengangkutan dengan van dalam kajian ini.

Justeru, kajian ini menyimpulkan bahawa RM60 sudah memadai dan lebih daripada mencukupi bagi kos pengangkutan ke sekolah seorang pelajar sama ada dengan menggunakan perkhidmatan van atau bas. Kadar ini bersesuaian bagi pelajar

⁴²² <http://www.myrapid.com.my/tickets-fares/concession-cards>, dicapai pada 24 November 2014.

prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah merentas kelas sosioekonomi. Oleh itu, kadar RM60 akan digunakan sebagai kadar *kifāyah* nafkah bagi kos pengangkutan anak ke sekolah sebulan.

Kesimpulan Kos Pendidikan Pengajian Peringkat Prasekolah, Rendah dan Menengah bagi Nafkah Anak:

Kos pendidikan pengajian peringkat prasekolah, rendah dan menengah nafkah anak dengan merujuk kepada hasil perbincangan data keperluan pendidikan anak-anak responden boleh diputuskan dalam Jadual 5.49 seperti yang berikut:

Jadual 5.49. Kos pendidikan peringkat prasekolah, rendah dan menengah:

Peringkat Pengajian/ Kelas Responden	Yuran + Alat Tulis (RM)	Pengangkutan (RM)	Duit Poket (RM)
<i>Prasekolah</i>			
Anak RA	129	60	0
Anak RB	129	60	0
Anak RC	129	60	0
<i>Rendah</i>			
Anak RA	19	60	91
Anak RB	75	60	91
Anak RC	75	60	91
<i>Menengah</i>			
Anak RA	44	60	97
Anak RB	112	60	97
Anak RC	112	60	97

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Peringkat ketiga (Sijil/Diploma/Ijazah):

Bagi data pendidikan peringkat ketiga, anak-anak responden yang mengikuti pengajian peringkat ini adalah terhad dan tidak dapat mewakili kesemua kelas responden.

Daripada 5 orang anak-anak responden yang mengikuti pengajian pada peringkat ketiga, 3 orang daripada kelas A, dan 2 orang daripada kelas B sementara tiada data bagi anak-anak responden kelas C kerana tiada seorang responden pun daripada kelas ini yang mempunyai anak pada pengajian peringkat ketiga.

Justeru, data tambahan daripada temu bual secara rambang telah dilakukan kepada lapan orang pelajar yang mengikuti pengajian peringkat ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana bagi melihat kos keperluan yang diperlukan bagi menampung keperluan pengajian dan sara hidup mereka.

Data ini kemudiannya dibandingkan dengan data anak-anak responden bagi mendapatkan kos keperluan pendidikan dan sara hidup yang lebih tepat. Tinjauan rambang tersebut telah dilakukan kepada para pelajar yang sedang mengikuti pengajian di universiti-universiti terpilih negara ini pada 6-10 April 2014 secara temu bual bersemuka atau secara talian telefon. Mereka terdiri daripada 7 orang pelajar daripada IPTA (Universiti Malaya) dan seorang daripada IPTS (*Kuala Lumpur Metropolitan University College*).

Sebagai permulaan perbincangan, berikut dibentangkan terlebih dahulu kos keperluan pendidikan anak-anak responden bagi pengajian peringkat ketiga sebulan daripada data awal yang dimiliki oleh kajian ini seperti dalam Jadual 5.50 di bawah:

Jadual 5. 50. Kos keperluan pendidikan anak-anak responden bagi pengajian peringkat ketiga sebulan:

RB 16	RB 14	RA 6	RA 5	RA 1	Responden
19	24	21	22	20	Umur
diploma	ijazah sarjana muda	-	ijazah sarjana muda	diploma	Peringkat Pengajian
politeknik	Kolej (Kolej Universiti Islam Malaysia)	Pondok Tuan Guru Haji Adnan	IPTA (UITM Shah Alam)	Kolej (Kolej PTPTN)	Jenis & Nama Institusi
kerajaan	kerajaan negeri	swasta	kerajaan	swasta	Status Institusi
astrama	tinggal bersama keluarga	pondok	asrama	tinggal bersama keluarga	Tempat Penginapan
pinjaman PTPTN	500	0	pinjaman PTPTN	pinjaman PTPTN	Yuran Tahunan (RM)
n/a	n/a	30	n/a	n/a	Yuran Bulanan (RM)
n/a	n/a	n/a	n/a	n/a	Tuisyen, Alat Tulis, Dan Lain-Lain (RM)
n/a	1000	360	n/a	n/a	Kos/ Thn (RM)
n/a	ditanggung sendiri	30	n/a	n/a	Total Kos / Bln (RM)
n/a	ditanggung sendiri	n/a	n/a	ditanggung sendiri	Kos Pengangkutan Anak (RM)
200	ditanggung sendiri	ditanggung sendiri	300	120	Duit Poket / Bln (RM)

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Merujuk kepada Jadual 5.50 di atas, duit tambahan yang diperlukan bagi anak RA 1 ialah RM120 sebulan pada peringkat pengajian diploma. Ini merupakan kos terendah berbanding anak responden yang lain. Hal ini kerana anak RA 1 tidak perlu

membayar kos makanan dan penginapan kerana beliau tinggal bersama-sama ibunya (responden).

Menurut RA 1, duit poket yang diberikan kepada anaknya hanya digunakan untuk menampung minyak motor anak beliau dan juga bagi pembelian buku dan alat tulis. Anaknya tidak memerlukan kos makanan kerana anaknya akan pulang untuk makan di rumah disebabkan tempat pengajian berdekatan dengan rumah mereka. Sementara kos-kos lain ditampung oleh pinjaman PTPTN.

Bagi anak RB 16 yang juga berada pada pengajian peringkat diploma, beliau sebaliknya memerlukan RM200 sebulan daripada ibu bapa beliau memandangkan beliau tinggal di asrama, walaupun mendapat pinjaman PTPTN. Anak RA 5 yang berada pada pengajian peringkat ijazah sarjana muda pula, beliau memerlukan sekurang-kurangnya RM300 sebulan daripada ibunya (RA 5) untuk menampung kos makan beliau setiap bulan.

Walaupun beliau mendapat pinjaman PTPTN, namun pinjaman tersebut hanya mampu untuk menampung kos yuran, keperluan pembelajaran dan penginapan beliau. Sementara bagi kos makanan, beliau masih memerlukan sebanyak RM300 setiap bulan bagi menampung keperluan makan beliau. Hal ini berbeza dengan anak RB 14, beliau membayar sendiri yuran serta kos sara hidupnya memandangkan beliau bekerja sambilan walaupun belajar. Tinggal bersama keluarga juga antara faktor penyebab anak RB 14 dapat menjimatkan kos makanan dan penginapan beliau. Begitu juga dengan anak RA 6 yang menanggung sendiri kehidupan pembelajaran beliau dengan bekerja sambilan. Sekiranya kos yang terlibat ingin diringkaskan, maka perbelanjaan anak-anak responden mengikut kelas boleh dilihat dalam Jadual 5.51 seperti berikut:


Jadual 5. 51. Kos purata perbelanjaan pengajian anak responden pada peringkat ketiga mengikut kelas.

Responden/ Kelas	Kos Pengajian Peringkat Ketiga (Diploma/ Ijazah) Sebulan		
A	Yuran dan Alat Tulis (RM)	Pengangkutan (RM)	Duit Poket (RM)
RA 1	PTPTN	ditanggung sendiri	120
RA 5	PTPTN	ditanggung sendiri	300
RA 6	ditanggung sendiri	ditanggung sendiri	ditanggung sendiri
Purata	x	x	210
B	Yuran dan Alat Tulis (RM)	Pengangkutan (RM)	Duit Poket (RM)
RB 14	ditanggung sendiri	ditanggung sendiri	ditanggung sendiri
RB 16	PTPTN	ditanggung sendiri	200
Purata	x	x	200
C	Yuran dan Alat Tulis (RM)	Pengangkutan (RM)	Duit Poket (RM)
Purata	x	x	x

Sumber: Borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Merujuk kepada Jadual 5.51 di atas, kos ini kemudiannya dikecilkan kepada kos keperluan purata setiap kelas dan dibandingkan dalam graf seperti Rajah 5.19 yang berikut:

Rajah 5. 19. Kos purata pengajian peringkat ketiga anak-anak responden mengikut kelas:



Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Jadual 5.51 dan Rajah 5.19 di atas menunjukkan tahap keperluan duit poket (duit tambahan) yang diperlukan daripada ibu bapa tidak dipengaruhi oleh tahap pengajian (diploma ataupun ijazah) mahupun kelas responden.

Ia dipengaruhi oleh keperluan sebenar anak responden sebagai seorang pelajar di institusi-institusi tersebut dan kemandirian mereka untuk menyara hidup sendiri dengan melakukan kerja-kerja sambilan. Justeru, penting untuk mengetahui kos keperluan sara hidup secara umum yang diperlukan bagi seorang pelajar pada pengajian peringkat ketiga ini.

Pengkaji menyedari bahawa data yang dimiliki dalam pengajian peringkat ketiga ini sangat sedikit bagi membuat sebarang kesimpulan. Justeru, seperti yang telah dijelaskan pengkaji telah mencari data tambahan daripada temu bual rambang yang dilakukan kepada lapan orang pelajar pengajian pada peringkat ini untuk mengetahui tahap keperluan sebenar mereka.

Responden-responden terdiri daripada mereka yang tinggal bersama keluarga dan juga yang tinggal di asrama. Bagi melihat keperluan sebenar peringkat ini, pengkaji akan mengabaikan data pelajar yang tinggal bersama keluarga atau pelajar yang tidak mengambil pinjaman atau pembiayaan pelajaran.

Hal ini kerana, melihat kepada majoriti kes, para pelajar ditawarkan untuk mengambil pinjaman dan kebanyakan pelajar tinggal di asrama berbanding keluarga.

Data temu bual yang diperoleh kemudiannya diringkaskan dalam Jadual 5.52 seperti berikut:

Jadual 5. 52. Data daripada temu bual rambang ke atas 8 orang pelajar pengajian peringkat ketiga:

Responden	Peringkat Pengajian	Pinjaman/ Pembentayaan	Baki duit pinjaman/pembentayaan yang diperoleh setiap bulan setelah ditolak yuran (RM)	Hasil kerja sambilan (RM)	Diterima daripada ibubapa sebulan	Total pendapatan sebulan (RM)	Kos keperluan lain yang diperlukan sebulan selain yuran (Cth: penginapan, makanan, pakaian, pengangkutan dll. (RM)	Memerlukan bantuan kewangan ibu bapa setiap bulan.
Pelajar 1	Ijazah Sarjana Muda	Pinjaman PTPTN	360	450 berniaga makanan	200	1010	750	Tidak perlu
Pelajar 2	Ijazah Sarjana Muda	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	600	-	-	600	470	Tidak perlu
Pelajar 3	Ijazah Sarjana Muda	Pinjaman PTPTN	300	-	200	500	500	Ya
Pelajar 4	Ijazah Sarjana Muda	Pinjaman PTPTN	240	2000 <i>online business</i>	-	2240	1000	Tidak perlu
Pelajar 5	Ijazah Sarjana Muda	Biasiswa Yayasan 1 Malaysia (MDB)	300	-	200	500	500	Ya
Pelajar 6	Ijazah Sarjana	Skim Biasiswa Universiti Malaya (SBUM)	1000	300 Pembantu Penyelidik	-	1300	830	Tidak perlu
Pelajar 7	Ijazah Sarjana	Pinjaman KPT & YPJ	700	-	60	760	760	Ya
Pelajar 8	Ijazah Sarjana	Pembentayaan KPT (yuran sahaja)	-	1335 Pembantu Penyelidik	400	1735	490	Tidak perlu
PURATA	-	-	-	-	212	-	663	-

Sumber: Borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Merujuk kepada Jadual 5.52 di atas, didapati bahawa seramai 3 daripada 8 orang pelajar memerlukan bantuan kewangan (duit tambahan) daripada ibu bapa mereka

walaupun mendapat pinjaman. Menurut Pelajar 3 dan Pelajar 5, hal ini berlaku kerana pinjaman yang diperoleh sedikit berbanding keperluan sara hidup mereka yang tinggi,

Justeru, kedua-dua berpendapat duit tambahan RM200 sebulan daripada ibu bapa mereka sangat diperlukan bagi menampung keperluan sara hidup mereka.

Bagi pelajar 7 yang merupakan pelajar ijazah sarjana pula, kos pendidikan tahap ijazah sarjana yang tinggi menyebabkan beliau terpaksa untuk meminta bantuan kewangan ibu bapa. Beliau juga belum mampu untuk membuat apa-apa pekerjaan sambilan. Walaupun setelah ditolak yuran pengajian, duit pinjaman pelajaran yang diterima berbaki sebanyak RM700 sebulan, namun beliau tetap mengharapkan bantuan sebanyak RM60 sebulan daripada ibu bapa beliau bagi menampung keperluan kehidupan.

Jika dijumlahkan purata kos keperluan hidup Pelajar 3, 5 dan 7 (tidak termasuk yuran pengajian) ialah RM587 atau lebih kurang RM600 sebulan bagi menampung sara hidup mereka.

Bagi lima pelajar lain pula, mereka dapat menampung kehidupan sendiri, walaupun tidak dibantu oleh ibu bapa. Bagi kategori pelajar ini beberapa faktor yang menyebabkan ketidakbergantungan mereka kepada ibu bapa, antaranya kemandirian mereka yang mampu mencari pendapatan sendiri dengan bekerja sambilan dan faktor penerimaan duit pembiayaan yang melebihi daripada keperluan.

Purata keperluan kewangan yang melibatkan kos sara hidup selain yuran seperti makanan, kos sewaan penginapan, kos pembersihan, buku dan alat tulis, pengangkutan serta perhubungan, yang diperoleh bagi kelapan-lapan pelajar ini ialah RM663. Perbelanjaan ini ialah bagi kos sara hidup di bandar kerana semua institusi dan tempat penginapan responden ialah di Bandaraya Kuala Lumpur. Purata penerimaan mereka

daripada ibu bapa pula ialah RM212 seperti yang boleh dilihat dalam Jadual 5.51 sebelum ini.

Persamaan antara data anak-anak responden dalam kajian ini serta data tambahan temu bual lapan orang pelajar menunjukkan kadar kebiasaan bantuan tambahan ibu bapa yang selalunya diberikan kepada anak-anak pengajian peringkat ketiga ini ialah RM200 sebulan. Perbelanjaan ini bagi menampung kos keperluan sara hidup seorang pelajar yang puratanya ialah sebanyak RM600 setiap bulan bagi kos keperluan sara hidup di bandar.

Justeru, pengkaji berpandangan bahawa jumlah keperluan sara hidup pelajar pengajian peringkat ketiga sebanyak RM600 sebulan ialah meliputi kesemua kelas pelajar daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi. Justeru, ibu bapa bertanggungjawab untuk mencukupkan keperluan anak-anak mereka sekiranya bantuan pinjaman atau pembiayaan yang diterima daripada badan-badan yang berkaitan tidak mencukupi bagi memenuhi kadar keperluan tersebut.

Oleh itu, kajian mengangarkan, kos pendidikan yang terlibat bagi anak-anak responden merentas semua kelas ialah seperti dalam Jadual 5.53 yang berikut:

Jadual 5.53. Duit Poket /Bantuan Sara Hidup Tambahan daripada Ibu Bapa Sebulan (RM) nafkah anak bagi semua kelas:

Kelas Responden	Duit Poket /Bantuan Sara Hidup Tambahan daripada Ibu Bapa Sebulan (RM)
RA	200
RB	200
RC	200

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Tempat Tinggal Dan Perubatan Anak-Anak Responden:

Bagi kos tempat tinggal yang merupakan salah satu item nafkah anak yang wajib disediakan bapa, kajian mendapati bahawa kebanyakan anak-anak responden tinggal bersama-sama dengan responden. Oleh itu kos keperluan tempat tinggal yang disediakan untuk ibu secara langsungnya telah memenuhi keperluan tempat tinggal anak yang tinggal bersama ibu tersebut.

Bagi anak-anak responden pengajian peringkat ketiga, sebahagiannya tinggal di asrama ataupun rumah sewa apabila mereka belajar di institusi-institusi yang menyediakan kemudahan tersebut. Bagi anak-anak responden dalam kes ini, kebiasaan kadar sewaan penginapan pelajar perlu diambil kira sebagai keperluan tempat tinggal mereka yang wajib dinafkahi.

Bagi kos perubatan pula, majoriti responden yang ditemui bual menyatakan bahawa kos dan keperluan perubatan anak-anak mereka sama seperti mereka, iaitu tiada peruntukan khusus yang disediakan setiap bulan. Hal ini memandangkan kemudahan klinik dan hospital kerajaan di Malaysia masih menawarkan kos yang minimum bagi keperluan perubatan anak-anak mereka.

5.3: KESIMPULAN

5.3.1: Item-Item Keperluan Asas Isteri Dan Anak

Kajian mendapati bahawa keperluan atau item asas yang yang sangat diperlukan oleh responden (isteri) ialah seperti berikut:

1. Makanan dan minuman
2. Alatan dan bahan pembersihan
3. Tempat tinggal
4. Bil-bil asas tempat tinggal seperti elektrik, air dan penyelenggaraan

5. Pakaian
6. Perubatan
7. Telekomunikasi (kos telefon)
8. Pengangkutan (kos kenderaan),
9. Dandan (dalam kos yang minimum)
10. Kos pengasuh anak (bagi responden yang bekerja).

Bagi item anak, item atau keperluan asas tersebut ialah seperti berikut:,

1. Makanan serta Minuman
2. Pakaian
3. Tempat Tinggal
4. Perubatan
5. Alatan dan Bahan Pembersihan
6. Pendidikan.

Item-item ini merupakan keperluan asas yang diperlukan bagi responden dan anak-anak responden. Item-item ini tidak semestinya merupakan item nafkah yang diiktiraf syarak. Justeru bagi memperincikan lagi item-item nafkah yang diiktiraf syarak serta mengambil kira kepentingan ‘urf semasa dan setempat, item-item nafkah seterusnya akan dibahaskan secara muktamad dalam bab 7 kajian.

5.3.2: Amalan Perbelanjaan Item-Item Nafkah

Bagi menilai kos perbelanjaan item-item nafkah di atas, kajian ini telah mengkategorikan para responden kepada tiga kelas sosioekonomi iaitu A, B dan C, mengikut kaedah kumpulan pendapatan isi rumah rendah, sederhana dan tinggi sama seperti mengikut metodologi Jabatan Perangkaan Malaysia. Para responden kemudiannya dikenal pasti dan dilabelkan mengikut tiga kelas tersebut iaitu RA

(responden berpendapatan isi rumah rendah), RB (responden berpendapatan isi rumah sederhana) dan RC (responden berpendapatan isi rumah tinggi).

Dalam kajian ini, pembahagian pendapatan isi rumah bulanan para responden ialah seperti berikut: RA ialah kategori responden dengan pendapatan isi rumah RM3400 dan ke bawah; RB ialah kategori responden dengan pendapatan isi rumah RM3401- RM10,000; dan RC ialah responden dengan pendapatan isi rumah RM10,001 dan ke atas.

5.3.3: Formula *Kifāyah Nafkah*

Formula secara berperingkat telah digunakan bagi mengenal pasti perbelanjaan responden mengikut kelas masing-masing yang boleh diringkaskan seperti berikut:

- 1) Mengenal pasti sosioekonomi responden sama ada A, B atau C. Ini dilakukan dengan menggunakan metodologi Jabatan Perangkaan Malaysia seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Para responden kemudiannya dilabelkan mengikut kelas dan turutan nombor responden. Sebagai contoh:
 - I. Responden (R) dalam kelas A; n:10; dilabelkan sebagai RA 1, RA 2, RA 3, RA 4, RA 5 dan seterusnya sehingga RA 10.
 - II. Responden dalam kelas B; n:10; dilabelkan sebagai RB 11, RB 12, RB 13, RB 14, RB 15 dan seterusnya sehingga RB 20.
 - III. Responden dalam kelas C; n:6; dilabelkan sebagai RC 21, RC 22, RC 23, RC 24, dan seterusnya sehingga RC 26.
- 2) Mengenal pasti kos bagi setiap item keperluan asas bagi setiap responden dalam sesuatu kelas. Sebagai contoh:
 - I. Kos item makanan sebulan bagi RA 1 = RM200 (RA 1 a) , RA 2 = RM250 (RA 2 a), RA 3 = RM150.

II. Kos item pakaian sebulan bagi RA 1 = RM50 (RA 1 b), RA 2 = RM 30 (RA 2 b), RA 3 = RM 30 (RA 3 b).

III. Kos sewa tempat tinggal sebulan bagi RA 1 = RM350 (RA 1 c) , RA 2 = RM450 (RA 2 c), RA 3 = RM500 (RA 3 c).

- 3) Mengenal pasti kos purata sesuatu item bagi sesuatu kelas responden. Ini dilakukan dengan mencampurkan kesemua kos sesuatu item bagi semua responden dalam sesuatu kelas (x) dan dibahagikan dengan jumlah semua responden dalam kelas tersebut (n=y); Misalnya:

I. Untuk mengetahui purata kos perbelanjaan bagi item makanan sebulan responden kelas A (aa) ialah:

$$RA\ 1\ a + RA\ 2\ a + RA\ 3\ a, . = x / (n\ 10 = y) = aa$$

II. Untuk mengetahui purata kos perbelanjaan bagi item pakaian sebulan responden kelas A (bb) ialah:

$$RA\ 1\ b + RA\ 2\ b + RA\ 3\ b, . = x / y = bb$$

III. Untuk mengetahui purata kos perbelanjaan bagi item sewa tempat tinggal sebulan responden kelas A (cc) ialah:

$$RA\ 1\ c + RA\ 2\ c + RA\ 3\ c, . = x / y = cc$$

- 4) Mengetahui kos purata perbelanjaan bagi kesemua item keperluan nafkah isteri bagi seorang responden sesuatu kelas; Misalnya untuk mengetahui kos purata perbelanjaan item-item nafkah seseorang daripada kelas A; (Z):

$$Z = aa + bb + cc + \dots$$

Justeru, Z ialah kadar *kifāyah* nafkah sebulan bagi seseorang (ibu/isteri) daripada kelas A.

Formula yang sama diaplikasikan untuk mengetahui kadar *kifāyah* nafkah sebulan bagi seseorang daripada kelas yang berbeza dengan mengikuti langkah yang sama seperti di atas.

5.3.4: Jadual *Kifāyah Nafkah Isteri* Mengikut Kelas

Setelah pengiraan dilakukan dengan mengaplikasikan formula seperti di atas, hasil kajian mendapati kos perbelanjaan item-item keperluan asas responden (isteri) mengikut kelas ialah seperti Jadual 5.54 yang berikut:

Jadual 5. 54. Kos perbelanjaan item-item keperluan asas responden mengikut kelas A,B dan C.

Bil	Item	Purata Kos Perbelanjaan Sebulan (RM)		
		RA	RB	RC
1	Makanan & minuman	217	300	436
2	Pakaian	35	67	143
3	Sewa/ansuran tempat tinggal	371	544	1920
4	Bil-bil asas rumah (elektrik, air & penyelenggaraan)	90	142	229
5	Pembersihan	14	17	32
6	Telekomunikasi	41	59	130
7	Dandan	5	28	183
	Total	773	1155	3073

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Kadar perbelanjaan nafkah responden (isteri) dalam Jadual 5.54 di atas didapati berubah dengan perbelanjaan yang lebih besar dilakukan oleh responden RC diikuti RB dan seterusnya RA. Ini menunjukkan taraf sosioekonomi (dengan merujuk kepada pendapatan isi rumah) yang tinggi mempengaruhi kadar perbelanjaan item-item nafkah yang lebih besar. Ini menepati kriteria *kifāyah* yang dibincangkan iaitu, kadar

kecukupan semakin besar dengan peningkatan taraf sosioekonomi. Ia juga menepati kriteria *ma'rūf* kerana kebiasaan bagi masyarakat atau '*urf* ialah mereka yang berada dalam golongan yang berpendapatan lebih tinggi selalunya berhak berbelanja dengan lebih besar dan selesa berbanding dengan pendapatan yang lebih rendah.

Kajian juga telah memastikan bahawa kadar perbelanjaan yang dilakukan responden menepati kecukupan atau *kifāyah* responden tersebut. Hal ini dipastikan melalui soalan yang ditanyakan kepada responden, adakah kadar perbelanjaan terhadap item-item tersebut memenuhi keperluan kehidupan responden. Semua responden dalam kelas C dan B menyatakan bahawa perbelanjaan tersebut memenuhi kecukupan atau *kifāyah* keperluan kehidupan mereka.

Bagi responden kelas A (sosioekonomi rendah), walaupun lima daripada sembilan orang responden merupakan asnaf zakat yang dibantu kerana kemiskinan, namun, perbelanjaan mereka setiap bulan apabila ditambah dengan bantuan yang diterima telah mencukupkan keperluan mereka. Ini telah dipastikan oleh pengkaji melalui soal balas dengan responden-responden tersebut.

Para responden yang terlibat menyatakan bahawa sekurang-kurangnya keperluan mereka yang paling asas dipenuhi, iaitu mereka tidaklah perlu sampai mengikat perut kerana berlapar. Ini menunjukkan kadar perbelanjaan mereka ialah kadar yang dapat memenuhi sekurang-kurangnya tahap keperluan mereka yang paling minimum setelah ditambah dengan bantuan daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Justeru, kadar nafkah yang dicadangkan dalam Jadual 5.54 di atas menepati kriteria *kifāyah* atau sekurang-kurangnya *kifāyah adnā* nafkah responden dalam kajian ini.

5.3.5: Jadual *Kifayah* Nafkah Anak Mengikut Umur dan Kelas

Bagi mendapatkan kadar *kifayah* item-item nafkah anak, formula yang sama diaplikasikan dengan beberapa penerangan yang telah dibincangkan dalam hasil kajian bab ini iaitu dalam perbincangan nafkah anak.

Justeru, setelah pengiraan dilakukan, hasil kajian mendapati kos perbelanjaan item-item keperluan asas nafkah anak-anak responden mengikut umur dan kelas ialah seperti Jadual 5.55 berikut:

Jadual 5. 395. Jadual *Kifayah* Nafkah Anak Mengikut Umur dan Kelas:

Item/Anak Responden	Anak berumur sebelum 4 thn			Anak berumur 4-6 thn.			Anak berumur 7-12 thn (sek. ren.)			Anak berumur 13-17 thn (sek. men.)			Anak berumur 18 tahun dan ke atas		
	RA	RB	RC	RA	RB	RC	RA	RB	RC	RA	RB	RC	RA	RB	RC
Kadar dalam Ringgit Malaysia (RM)															
Makanan & Minuman /Penyusuan															
Pakaian															
Pembersihan															
Pendidikan (Yuran Sekolah dan Alat tulis)	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
Pengangkutan ke sekolah	60	129	60	129	60	129	60	19	60	75	60	75	60	44	60
	70	70	70	14	17	32	14	17	17	17	32	14	14	28	112
	28	28	28	28	28	87	49	49	49	87	87	28	28	28	112
	150	150	150	109	150	218	150	300	300	436	436	217	217	217	436

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Jadual 5. 55. Sambungan.

Item/Anak Responden	Anak berumur sebelum 4 thn			Anak berumur 4-6 thn.			Anak berumur 7-12 thn (sek. ren.)			Anak berumur 13-17 thn (sek. men.)			Anak berumur 18 tahun dan ke atas		
	RA	RB	RC	RA	RB	RC	RA	RB	RC	RA	RB	RC	RA	RB	RC
Kadar dalam Ringgit Malaysia (RM)															
Duit poket semasa di sekolah/tempat pengajian.	498	250	X	498	250	X	498	250	X	340	X	X	405	X	X
Upah Pengasuh	498	250	X	340	X	X	526	X	X	429	X	91	592	X	91
Total	498	250	X	498	250	X	498	250	X	405	X	X	526	X	X
	600	X	600	600	X	600	600	X	600	600	X	600	600	X	600

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Penerangan Jadual 5.55:

Makanan atau Penyusuan:

1. Anak berumur tujuh tahun dan ke atas: Seperti yang telah dijelaskan, kadar makanan bagi anak yang berumur tujuh tahun dan ke atas ialah sama dengan kadar makanan ibu (responden). Ini berdasarkan jumlah kalori anak-anak pada peringkat tersebut adalah sama, atau lebih kurang kalori ibu⁴²³.

Justeru, kajian ini menetapkan kadar bagi kos makanan sebulan bagi anak-anak di sekolah rendah dan menengah (tujuh tahun ke atas) ialah sama dengan kadar kos makanan ibu sebulan mengikut tahap kelas masing-masing.

⁴²³ Research Priority Area 2: Monitoring of National Nutritional Status- Recommended Nutrient Intakes for Malaysian, A Report of the Technical Working Group on Nutritional Guidelines, National Coordinating Committee on Food and Nutrition, Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya,2005.

Kenyataan ini juga disokong oleh responden yang ditemui bual majoriti yang mempunyai anak pada tahap ini mengatakan bahawa kadar makanan atau kuantiti makanan yang dimakan oleh anak mereka ialah sama dengan kadar makanan yang diambil oleh mereka.

2. Anak berumur 4 sehingga 6 tahun: Anak pada tahap ini memerlukan separuh kalori daripada ibu mereka seperti yang dijelaskan dalam *Recommended Nutrient Intakes for Malaysian*, Kementerian Kesihatan Malaysia⁴²⁴.

Fakta ini juga disokong oleh kenyataan responden yang mempunyai anak pada umur ini menyatakan bahawa kadar makanan mereka ialah separuh daripada makanan responden.

3. Anak berumur sebelum 4 tahun: Keperluan makanan anak pada tahap ini menunjukkan tiada perbezaan antara kelas-kelas responden bagi kos makanan anak-anak mereka. Kajian mendapati kos makanan anak-anak pada tahap ini ialah separuh daripada makanan ibu(responden) bagi kelas B, iaitu RM150 sebulan.

Kadar ini juga merupakan jumlah yang sesuai diberikan sebagai upah penyusuan kepada ibu yang telah bercerai tetapi masih menyusukan anak-anak mereka.

Pakaian:

Dalam membincangkan dan menganalisis data keperluan pakaian anak-anak responden, kajian ini telah membahagikan anak-anak responden kepada dua kumpulan iaitu yang bersekolah (termasuk prasekolah) dan yang belum bersekolah. Rasional di sebalik pembahagian ini kerana kumpulan anak-anak yang bersekolah memerlukan keperluan

⁴²⁴ Research Priority Area 2: Monitoring of National Nutritional Status- Recommended Nutrient Intakes for Malaysian, A Report of the Technical Working Group on Nutritional Guidelines, National Coordinating Committee on Food and Nutrition, Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya,2005.

pakaian rasmi persekolahan yang bebeza dengan kumpulan anak yang belum bersekolah, tidak memerlukan pakaian tersebut.

1. Anak yang telah bersekolah: Kajian ini menganggarkan anak-anak responden yang berumur empat tahun dan ke atas telah bersekolah. Ini memandangkan kebanyakan prasekolah telah menyediakan pendidikan pada tahap umur ini.

Kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan kos keperluan pakaian mengikut kelas. Kos ini termasuk pakaian persekolahan yang perlu disediakan pada setiap tahun bagi tujuan persekolahan. Kajian mendapati kos tersebut ialah R28 sebulan bagi anak-anak responden kelas A, RM49 bagi anak-anak responden kelas B dan RM 87 bagi anak-anak responden kelas C.

2. Anak yang belum bersekolah: Kajian ini menganggarkan anak-anak responden yang berumur sebelum empat tahun belum lagi bersekolah. Kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan kos keperluan pakaian mengikut kelas. Juteru, kos sebanyak RM28 diambil daripada purata keperluan pakaian anak-anak responden pada tahap ini tanpa mengikut kelas sosioekonomi.

Pembersihan:

1. Anak berumur sebelum 4 tahun: Bagi anak-anak yang berumur sebelum 4 tahun, data menunjukkan bahawa kos pembersihan meningkat disebabkan kos lampin pakai buang bayi yang rata-ratanya digunakan oleh semua responden merentas kelas sosioekonomi.

Ia merupakan keperluan yang sangat penting bagi anak-anak responden pada tahap tersebut tidak kira sama ada ibu mereka (responden) bekerja ataupun

merupakan suri rumah sepenuh masa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa RM70 merupakan kekerapan pembelian bagi keperluan ini yang mewakili kos bagi keperluan pembersihan anak-anak pada tahap ini merentas kelas sosioekonomi.

2. Anak berumur sebelum empat tahun dan ke atas: Data responden menunjukkan kos pembersihan anak-anak mereka yang berumur empat tahun ke atas, sama seperti ahli isi rumah yang lain, yang juga bermaksud sama dengan kos pembersihan ibu mereka (responden) sebulan.

Bagi anak-anak yang berumur empat tahun dan ke atas, kebergantungan terhadap keperluan lampin pakai buang adalah kecil, ini memandangkan anak-anak responden telah mula pergi ke pengajian prasekolah.

Upah Pengasuh Anak:

1. Anak sebelum empat tahun: Data responden menunjukkan bahawa keperluan pengasuh anak diambil oleh semua ibu yang bekerja merentas kelas. Keperluan ini semakin mendesak apabila ibu tersebut merupakan ibu tunggal yang terpaksa menyara anak-anak beliau dan mempunyai anak yang masih kecil.

Kajian ini mengutarakan bahawa keperluan kepada kos tersebut perlu sebagai satu hak nafkah ibu-ibu (terutamanya bagi ibu yang diceraikan) untuk mendapatkan khidmat pengasuh dan penjaga transit anak-anak mereka. Item keperluan ini perlu dimasukkan sebagai item nafkah anak yang perlu ditanggung oleh bapa (defenden) bagi menjaga kemaslahatan anak tersebut terutamanya semasa ibu atau penjaga keluar bekerja. Kos sebanyak RM250 dalam Jadual 5.55 di atas merupakan kos purata perbelanjaan upah pengasuh anak bagi anak-anak responden yang berumur sebelum umur 4 tahun.

Pendidikan (Yuran Sekolah dan Alat tulis):

1. Kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan tahap pembayaran yuran dan pembelian peralatan persekolahan serta alat tulis antara anak-anak responden mengikut kelas disebabkan kemampuan sosioekonomi keluarga masing-masing seperti dalam data yang dibentangkan dalam Jadual 5.55 di atas bagi kategori anak yang bersekolah rendah dan menengah.

Bagi anak-anak responden pada tahap pengajian prasekolah, didapati bahawa pemilihan institusi swasta adalah lebih berbanding kerajaan. Ini merupakan pemilihan semua responden yang mempunyai anak pada umur tersebut untuk menyekolahkan anak mereka tanpa mengira faktor kelas sosioekonomi. Justeru, purata kos yang diperlukan bagi yuran dan kos alat tulis bagi anak-anak responden tahap prasekolah ialah RM129 sebulan.

Pengangkutan ke sekolah:

1. Data anak-anak responden menunjukkan bahawa tiada beza antara pengangkutan anak-anak responden bagi kelas A, B dan C sebulan mengikut tahap peringkat persekolahan apabila anak-anak responden ini menggunakan pengangkutan awam seperti bas dan van sekolah.

Setelah dianalisis dengan kos pengangkutan awam sebenar, didapati bahawa kos RM60 sebulan ialah kadar yang paling sesuai bagi keperluan pengangkutan anak ke sekolah untuk semua tahap persekolahan bagi anak yang berumur tujuh tahun dan ke atas.

Duit poket semasa di sekolah/ tempat pengajian:

1. Anak-Anak di Sekolah Menengah, Rendah dan Prasekolah: Kos duit poket untuk anak-anak yang bersekolah di sekolah rendah dan menengah dilihat tidak dipengaruhi oleh kelas sosioekonomi.

Justeru RM91 sebulan bagi duit poket anak yang bersekolah rendah dan RM97 sebulan bagi duit poket anak yang bersekolah menengah diperoleh daripada kos purata keperluan tersebut daripada data anak-anak responden. Bagi anak-anak responden di prasekolah pula, tiada seorang pun responden daripada mana-mana kelas yang membekalkan duit poket untuk tujuan pembelian di sekolah disebabkan tiada keperluan bagi tujuan tersebut.

2. Anak-anak yang berumur 18 tahun ke atas: Kajian mendapati bahawa anak-anak responden pada tahap ini kebiasannya telah menyambungkan pelajaran ke peringkat ketiga sama ada untuk pengajian diploma atau ijazah.

'Urf menunjukkan bahawa anak-anak ini dibantu oleh pembiayaan kewangan oleh agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang terlibat bagi kos sara hidup dan keperluan pembelajaran mereka. Walaupun begitu kajian juga mendapati bahawa masih terdapat anak-anak responden yang memerlukan duit poket tambahan daripada ibu bapa mereka setiap bulan untuk menampung perbelanjaan yang tidak mencukupi.

Data yang diperoleh oleh kajian ini menunjukkan pinjaman atau pembiayaan pendidikan yang diperoleh rata-ratanya dapat menampung kos yuran pendidikan mereka. Namun, bagi kos sara hidup seperti makanan, pembersihan, pakaian, sewa penginapan dan keperluan asas yang lain, seorang pelajar pengajian peringkat ketiga memerlukan sekurang-kurangnya RM600 sebulan bagi menampung keperluan tersebut.

Justeru, menjadi tanggungjawab ibu bapa terutamanya bapa untuk mencukupkan keperluan sara hidup anaknya setiap bulan apabila anak tersebut belum mampu untuk bekerja untuk menyara hidup sendiri.

BAB ENAM

MODEL NAFKAH KIFĀYAH ADNĀ ISTERI DAN ANAK DI MALAYSIA: SATU CADANGAN

6.1: KIFĀYAH ADNĀ: SATU PENGENALAN

Konsep *Kifāyah Adnā* atau had minimum keperluan diambil daripada beberapa pandangan antaranya pandangan Imam Abū Ḥanīfah dan anak-anak muridnya iaitu Abū Yūsuf dan Muḥammad. Imam Abū Ḥanīfah, Abū Yūsuf dan Muḥammad telah meletakkan kadar bagi mentaksirkan serendah-rendah kecukupan (*kifāyah*) dalam nafkah isteri dengan mengikut kadar nafkah yang memenuhi keperluan isteri daripada golongan miskin.

Hal ini kerana, kadar nafkah isteri yang miskin, sekurang-kurangnya telah memenuhi keperluan asas isteri tersebut, iaitu *kifāyahnya* yang paling minimum seperti pandangan *mashāyīkh* ini:

إِنَّ الْزَوْجَ الْمُوْسَرَ يَلْزَمُهُ مِنْ نَفْقَةِ الْخَادِمِ مَا يَلْزَمُ الْمُعْسَرِ مِنْ نَفْقَةِ اُمْرَأَتِهِ وَهُوَ أَدْنَى الْكَفَايَةِ

Sesungguhnya seorang suami yang kaya, wajib ke atasnya nafkah khadam isterinya, iaitu dengan (kadar nafkah) yang diwajibkan bagi seorang miskin kepada isterinya, dan ia (kadar tersebut) adalah serendah-rendah *kifāyah* (kecukupan).⁴²⁵

Pandangan daripada *mashāyīkh* ini diambil berbanding dengan cadangan kadar nafkah yang diutarakan oleh Imam-Imam daripada mazhab lain kerana cadangan yang diberikan bukan merupakan sebuah kadar yang tetap (*fixed rate*), namun merupakan

⁴²⁵ Lihat Naṣzām al-Dīn, *al-Fatāwā al-Hindiyah fī Madhhab Imām Abī Ḥanīfah* (t.tp: Dār al-Fikr, 1991), 1:570. Muḥammad bin Maḥmud Kamāl al-Dīn al-Bābārtī, *Al-‘Ināyah Syarḥ al-Hidāyah: Wahuwa Syarḥ ‘alā al-Hidāyah Syarḥ Bidāyah al-Mubtadī fī fur‘ al-Fiqh al-Ḥanafī li ‘Alī bin Abī Bakr al-Marghiyānī al-Ḥanafī*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2007), 6: 209-210, dan ‘Alā’ al-Dīn al-Kāsānī, *Badā‘i‘ al-Ṣanā‘i‘ fī Tartīb al-Syarā‘i‘*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabī, 1982), 4:25.

satu kaedah (*method*) penetapan kadar. Iaitu, sekurang-kurang kadar kecukupan adalah dengan melihat kebiasaan keperluan golongan isteri yang miskin dalam sesebuah masyarakat. Pandangan ini juga bersifat anjal dengan kesesuaian masa, tempat dan ‘urf sesebuah masyarakat yang menyebabkannya berbeza dengan pandangan Imam-Imam yang lain dan menjadi sebab mengapa pengkaji telah memilih pandangan ini sebagai ukuran kecukupan dalam penentuan kriteria *kifāyah*.

Konsep *kifāyah adnā* juga berdasarkan hadis Hindun binti Utbah seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Dalam mensyarahkan hadis tersebut, ulama berpandangan bahawa terdapat dua kemungkinan yang boleh terjadi mengenai ketidakcukupan nafkah Hindun. Pertama, sama ada Hindun dinafikan *kifāyah* nafkahnya mengikut sosioekonomi suaminya yang kaya seperti menurut pandangan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī dan Al-Khaṭṭābī. Kemungkinan juga Hindun dinafikan *kifāyah* nafkahnya yang paling asas seperti pandangan al-Ṣan‘ānī.⁴²⁶

Kecukupan (*kifāyah*) nafkah isteri dan anak merupakan satu tuntutan yang besar dalam penyempurnaan pemberian nafkah kepada mereka terutamanya nafkah isteri. Menurut al-Kāsānī, nafkah isteri perlulah dicukupkan walaupun berlaku perubahan sosioekonomi suaminya daripada susah kepada senang walaupun dalam waktu yang singkat.⁴²⁷

Beliau memberikan satu contoh; Sekiranya hakim memerintahkan isteri diberi nafkah selama satu bulan pada ketika suaminya susah, dan kemudian suaminya menjadi senang sebelum habis tempoh sebulan tersebut, maka isteri perlu ditambahkan nafkahnya, kerana kadar nafkah berbeza mengikut kesenangan dan kesusahan pembiaya nafkah. Begitu juga jika berlaku kenaikan harga barang, sedangkan nafkah isteri

⁴²⁶ Lihat Ahmad bin ‘Alī bin Ḥajar, *Fath al-Bārī Sharh Sahīh al-Bukhārī*, ed. Muhibb al-Dīn al-Khātīb (Beirut: Dār al-Ma‘rifah), 15:226, dan Al-Buhūtī, 7:2828-2829.

⁴²⁷ ‘Alā’ al-Dīn al-Kāsānī, *Badā’i’ al-Ṣanā’i’ fī Tartīb al-Syarā’i’*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabī, 1982), 4:25.

tersebut diberi berdasarkan kadar perbelanjaan sebelum kenaikan barang, maka kadar nafkah isteri perlu ditambah sehingga keperluannya mencukupi.⁴²⁸

Seperti yang dibahas sebelum ini, nafkah anak adalah sedikit berlainan dengan nafkah isteri menurut perbincangan fuqaha kerana nafkah kebelakangan⁴²⁹ anak tidak boleh dituntut seperti nafkah kebelakangan isteri. Nafkah anak juga berdasarkan *al-hājjah* (keperluan anak tersebut), dan bukan semata-mata berdasarkan kesenangan seorang ayah seperti dalam kriteria penentuan nafkah isteri. Walaupun terdapat sedikit perbezaan dengan nafkah isteri, namun memenuhi *al-hājjah* anak tersebut merupakan dalil yang kuat menunjukkan bahawa *kifāyah adnā* anak tersebut diambil kira dalam penyempurnaan nafkah anak.

Pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh para ulama dan fuqaha di atas menunjukkan bahawa kecukupan nafkah isteri dan anak yang paling asas (*kifāyah adnā*) merupakan satu tuntutan yang perlu disempurnakan oleh seorang suami atau bapa dalam menunaikan pemberian nafkah kepada pihak-pihak tersebut. Penyempurnaan *kifāyah adnā* ini merupakan tuntutan dalam kriteria *kifāyah* seperti yang digariskan syarak.

Kepentingannya sangat jelas apabila syarak membenarkan isteri untuk memohon fasakh sekiranya kecukupan nafkah asas ini tidak mampu dipenuhi oleh suami. Ini seperti yang diutarakan oleh al-Juwainī bahawa pada pandangan majoriti ulama al-Syāfi'iyyah, suami yang tidak mampu untuk memberikan nafkah disebabkan kemiskinan, membolehkan isterinya untuk memohon fasakh. Hal ini kerana, hak utama isteri dalam perkahwinan adalah untuk mendapatkan nafkah sehingga memenuhi kecukupannya, sementara hak utama suami dalam perkahwinan adalah untuk

⁴²⁸ Ibid.

⁴²⁹ Adalah satu istilah yang diguna pakai dalam undang-undang kekeluargaan Islam di negara ini. Ia bermaksud nafkah yang telah berlalu dengan berlalunya masa. Tunggakan nafkah adalah Istilah lain yang diguna pakai dalam Akta 303, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, Seksyen 69.

berseronok-seronok (*al-istimta'*) dengan isteri tersebut.⁴³⁰ Tambahan lagi, menurut al-Buhuti daripada ulama Ḥanbalī, kesan tidak menyempurnakan kecukupan tersebut mampu memudaratkan kehidupan seorang isteri.⁴³¹

Dalam mazhab Ḥanafī, walaupun fasakh tidak dibolehkan bagi keadaan suami yang gagal membayar nafkah kerana kemiskinan, namun hutang tetap dikenakan ke atas suami tersebut. Menurut al-Marghiyānī, apabila sabit kebenaran seorang suami gagal untuk menyediakan nafkah disebabkan kemiskinan, kadi akan meminta isteri untuk berhutang bagi memenuhi kecukupan nafkahnya. Sementara suami, bertanggungjawab untuk melunaskan tanggungan hutang tersebut.⁴³²

Memahami garis pengertian *adnā al- kifāyah* merupakan satu cabaran bukan sahaja kepada para fuqaha terdahulu tetapi juga kepada para pengkaji masa kini. Fuqaha cuba memberikan interpretasi serta menggariskan ciri-ciri *adnā al- kifāyah* atau yang diistilahkan dalam kajian ini sebagai *kifāyah adnā*.

Misalnya menurut Ibn Nujaim, nafkah *kifāyah adnā* kurang daripada nafkah isteri yang suaminya kaya. Ia sama seperti nafkah khadam atau nafkah isteri yang suaminya miskin. Kekurangan tersebut menurut beliau bukan dari sudut kuantiti makanan asasi (seperti roti ketika itu) tetapi ia bermaksud kurang dari segi kualiti lauk yang disediakan.⁴³³ Kamāl al-Dīn al-Bābartī turut menerangkan bahawa yang dimaksudkan dengan kekurangan dari segi lauk pauk tersebut ialah seperti berikut. Lauk yang mahal ialah seperti daging, dan lauk yang pertengahan ialah seperti minyak dan

⁴³⁰ Al-Juwaini, *Nihayah al-Matlab bi Dirayah al-Mazhab*, 15, 459.

⁴³¹ Al-Buhūtī, 7:2828-2829.

⁴³² Abī al-Hassan ‘Alī bin Abī Bakr bin ‘Abd al-Jalīl al-Rusydānī al-Marghiyānī, *al-Hidāyah Syarh Bidāyah al-Mubtadī*, (t.t: Al-Maktabah al-Islāmiyyah, t.t), 2:41.

⁴³³ Zain al-Dīn Ibn Nujaim al-Ḥanafī, al-Bahr al-Rā’iq *Syarḥ Kanz al-Daqā’iq*, (Beirut: Dār al-Ma’rifah, t.t), 4:200.

lauk yang murah ialah seperti garam dan susu.⁴³⁴ Justeru, pemilihan jenis lauk sepatutnya lebih rendah dalam *kifāyah adnā* kerana ia merupakan taraf nafkah bagi isteri yang suaminya miskin dan ia tidak sama dengan taraf makanan bagi isteri yang suaminya kaya.⁴³⁵

Al-Marghiyānī turut menyatakan bahawa antara ciri *kifāyah adnā* juga ialah seorang isteri yang mempunyai suami yang susah, maka tidak wajib disediakan untuknya pembantu (khadam) seperti isteri yang mempunyai suami yang kaya. Hal ini kerana isteri yang suaminya susah memadai dengan berkerja sendiri tanpa bantuan pembantu (khadam). Menurut beliau lagi, ini merupakan pendapat majoriti fuqaha mazhab Ḥanafī namun berlainan dengan pandangan Muḥammad yang berhemat bahawa isteri yang mempunyai suami yang susah juga layak untuk disediakan pembantu sebagai memenuhi kecukupan nafkah isteri tersebut.⁴³⁶

Kesimpulannya, *kifāyah adnā* yang diinterpretasikan oleh para fuqaha di atas ialah sebagaimana berikut:

1. Kualiti makanan dalam nafkah *kifāyah adnā* kurang daripada kualiti makanan dalam nafkah isteri yang suaminya kaya. Ini juga terpakai kepada item-item nafkah yang lain seperti pakaian serta keperluan lain. Hal ini kerana, kualiti dalam keperluan tersebut dalam *kifāyah adnā* nafkah adalah kurang daripada kualiti nafkah isteri yang sosioekonomi suaminya lebih tinggi.⁴³⁷

⁴³⁴ Muḥammad bin Maḥmud Kamāl al-Dīn al-Bābartī, *Al-‘Ināyah Syarḥ al-Hidāyah: Wahuwa Syarḥ ‘alā al-Hidāyah Syarḥ Bidāyah al-Mubtadi fī fur’ al-Fiqh al-Ḥanafī li ‘Alī bin Abī Bakr al-Marghiyānī al-Ḥanafī*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2007), 6:210.

⁴³⁵ Ibid.

⁴³⁶ Al-Marghiyānī, 2:41

⁴³⁷ Lihat ‘Alā’ al-Dīn al-Kāsānī, 4:25.

2. Terdapat item-item nafkah dalam nafkah isteri yang suaminya kaya yang bukan menjadi item nafkah dalam nafkah *kifāyah adnā*.

Kedua-dua ciri-ciri ini juga membawa maksud bahawa dari segi perbelanjaan peruntukan nafkah dalam nilai mata wang, nafkah *kifāyah adnā* juga kurang daripada nafkah isteri dan nafkah anak yang berlatar belakangkan suami dan bapa dari sosioekonomi tinggi.

Penentuan ciri-ciri *kifāyah adnā* yang digariskan fuqaha terasas dalam ruang lingkup sosioekonomi pada waktu tersebut. Justeru, interpretasi dan penentuan semula *kifāyah adnā* perlu dilakukan pada masa sekarang untuk mendapatkan penterjemahan sebenar *kifāyah adnā* dalam konteks ‘urf masyarakat masa kini.

Kesimpulannya, penyempurnaan *kifāyah adnā* dalam nafkah dapat memenuhi keperluan asas isteri sehingga menjauhkan kemudaratan dalam kehidupan isteri tersebut. Ia juga merupakan jaminan keseimbangan dan keperluan anak untuk membesar dan hidup dengan selayaknya. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa *kifāyah adnā* selaras dengan tuntutan *maqāsid al-Syari‘ah* dalam menjaga nyawa, akal, agama, harta dan keturunan. Penentuannya menuntut kepada kajian sosioekonomi masyarakat yang perlu dilakukan dari semasa ke semasa.

6.2: KIFĀYAH ADNĀ: SATU IMPLIKASI

Kegagalan pembuktian oleh plaintif dan penetapan jumlah yang munasabah oleh hakim dalam pentaksiran nafkah merupakan satu kekangan kepada proses pentaksiran nafkah yang baik dan lancar di mahkamah. Antara permasalahan dalam pentaksiran nafkah yang banyak didedahkan oleh para hakim ialah masalah pembuktian oleh plaintif. Hal ini terjadi kerana pelbagai tuntutan oleh plaintif serta amaun yang diminta memerlukan

pembuktian untuk melihat tahap kebiasaan pembiayaan nafkah oleh defendant (suami) sebelum ini.

Misalnya dalam tuntutan item nafkah pendidikan anak-anak seperti kos tuisyen, buku dan sebagainya, isteri memerlukan resit terdahulu yang menunjukkan bahawa terdapat kebiasaan perbelanjaan yang dilakukan oleh beliau atau anak beliau.⁴³⁸ Menurut hakim, plaintiff kurang menyedari bahawa bukan sahaja dokumen-dokumen atau resit-resit berkaitan boleh digunakan sebagai bahan bukti, tetapi saksi juga boleh dipanggil untuk memberikan keterangan.⁴³⁹ Walau bagaimanapun kebiasaan yang berlaku bagi sesetengah kes ialah plaintiff hanya menuntut tanpa dibuktikan daripada mana-mana cara pembuktian yang dibenarkan di mahkamah.⁴⁴⁰ Pada pandangan pengkaji, hal ini berlaku berkemungkinan disebabkan plaintiff tidak arif dengan prosedur mahkamah terutamanya bagi plaintiff yang tidak diwakili oleh mana-mana peguam. Mungkin juga plaintiff sendiri tidak menjangkakan hal yang berlaku kepada beliau justeru tidak menyimpan dokumen-dokumen tersebut sebagai persediaan dalam tuntutan beliau di mahkamah. Walau bagaimanapun menurut hakim, bagi tiga item keperluan asas yang jelas digariskan syarak sebagai nafkah isteri dan anak iaitu yang melibatkan makanan, pakaian serta tempat tinggal, hakim akan tetap memberikan amaun yang sesuai walaupun plaintiff gagal untuk membuktikan keperluan-keperluan tersebut.⁴⁴¹

Masalah kedua terbesar dalam pentaksiran nafkah bagi para hakim adalah untuk menentukan jumlah yang munasabah bagi item-item keperluan yang dituntut. Hal ini berlaku bagi item-item keperluan asas dan bukan asas. Bagi item-item keperluan asas,

⁴³⁸ Tuan Mohamad Fauzi bin Ismail (Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kuala Langat, Selangor), dalam temu bual dengan pengkaji, 13 September 2012, Tuan Shaiful Azli bin Jamaludin (Hakim Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur, Selangor), dalam temu bual dengan pengkaji, 27 September 2012 dan Tuan Wan Mahyuddin Wan Muhammad (Hakim Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya, Selangor), dalam temu bual dengan pengkaji, 18 Oktober 2012.

⁴³⁹ Yang Arif Tuan Fauzi Mokhtar (Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor) dalam temu bual dengan pengkaji, 14 Disember 2012.

⁴⁴⁰ Tuan Mohamad Fauzi bin Ismail, Tuan Shaiful Azli bin Jamaludin dan Tuan Wan Mahyuddin Wan Muhammad.

⁴⁴¹ Ibid.

hakim akan tetap memberikan pertimbangan, walaupun plaintif gagal memberikan justifikasi keperluannya terhadap item-item tersebut. Manakala bagi item-item keperluan yang bukan asas, keperluannya kepada plaintif dan anak-anaknya perlulah dibuktikan oleh plaintif.⁴⁴²

Untuk memberikan pertimbangan bagi item keperluan asas iaitu menentukannya dalam amaun tertentu, hakim akan membuat kajian dalam menentukan amaun yang munasabah bagi pihak-pihak. Selalunya beberapa tempoh masa akan diambil dan sering kali kes terpaksa ditangguhkan kepada perbicaraan yang akan datang.⁴⁴³ Penentuan amaun menjadi lebih rumit apabila melibatkan tuntutan nafkah kebelakangan yang selalunya sudah bertahun-tahun tidak dituntut.⁴⁴⁴

Jalan-jalan penyelesaian yang wajar perlu bagi menangani masalah-masalah yang diutarakan oleh para hakim di atas agar prosedur pentaksiran nafkah yang lebih efisien dan baik dapat berlaku. Ini seterusnya akan memberikan imej yang baik kepada pihak-pihak yang terlibat dan masyarakat awam.

Pengkaji berpandangan bahawa penetapan kadar *kifāyah adnā* nafkah isteri dan anak secara semasa dan berkala sudah tentu sedikit sebanyak akan melancarkan lagi proses perbicaraan di mahkamah. Kebaikan-kebaikan tersebut bolehlah diperincikan seperti berikut mengikut kategori nafkah isteri dan anak.

Bagi nafkah isteri, menggariskan kadar *kifāyah adnā* bakal memberikan beberapa impak positif; antaranya:

- 1) Menjamin hak kecukupan nafkah isteri terjaga walaupun suami tersebut seorang yang sangat miskin:

⁴⁴² Ibid.

⁴⁴³ Yang Arif Tuan Haji Walid Abu Hassan (Hakim Mahkamah Tinggi Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur), dalam temu bual dengan pengkaji, 3 Mei 2013 dan Tuan Shaiful Azli bin Jamaludin

⁴⁴⁴ Tuan Shaiful Azli bin Jamaludin.

Apabila isteri yang kaya ditakdirkan berkahwin dengan seorang suami yang miskin, tidaklah bermakna *kifāyah* isteri tersebut dinafikan terus, tetapi suami tersebut perlu memberikan sekurang-kurangnya kadar *kifāyah adnā* nafkah isterinya. Sekiranya suami gagal, isteri dibolehkan berhutang atas nama suaminya, menuntut fasakh, atau dibantu oleh pihak ketiga seperti baitulmal sekiranya *kifāyah adnā* tidak dapat lagi dipenuhi oleh suaminya.

- 2) Mengurangkan perselisihan dan ketidakpuasan hati pihak-pihak yang terlibat:

Kifāyah adnā ialah sesuatu yang boleh dimaklumi oleh mana-mana pihak pada bila-bila masa. Hal ini akan memudahkan hakim membuat keputusan pentaksiran nafkah isteri dan memuaskan hati semua pihak kerana masing-masing telah mengetahui mengenai keperluan minimum seorang isteri.

- 3) Memudahkan pengiraan kes nafkah tertunggak:

Kes nafkah tertunggak selalunya menimbulkan rasa yang kurang senang kepada pembiaya nafkah kerana terpaksa berdepan dengan timbunan tuntutan pembiayaan nafkah yang telah lepas atau boleh diistilahkan sebagai ‘hutang lapok’. Dengan adanya kadar *kifāyah adnā*, sekurang-kurangnya persetujuan dapat dicapai kerana pertimbangan keperluan minimum isteri dapat diketahui.

- 4) Menjamin hak suami dalam memberikan nafkah:

Apabila suami telah mampu sekurang-kurangnya memberikan kadar *kifāyah adnā* nafkah isterinya maka menurut perbincangan majoriti ulama, isteri tersebut tidak berhak untuk meminta fasakh. Isteri akan lebih menyedari

dengan nafkah yang diterimanya dan akan mengurangkan kes tuntutan perceraian disebabkan ketidakcukupan kadar nafkah yang diterima.

Pentaksiran nafkah isteri dan anak melalui *kifāyah adnā* tidaklah merisikokan nafkah-nafkah tersebut hanya diberi pada kadar yang minimum. Hal ini kerana, pentaksiran melalui prosedur tersebut hanya dibuat setelah hakim mempertimbangkan keadaan status sosioekonomi dan kemampuan suami terlebih dahulu;

- 1) Sekiranya suami berstatus sosioekonomi tinggi, maka isteri dan anak berhak untuk mendapat nafkah selayaknya seperti mengikut status suaminya tersebut apabila keperluan nafkah isteri dan anak tidak memudarangkan pendapatan dan kemampuan suami.
- 2) Jika berbanding pendapatan dan kemampuan suami itu kadar keperluan nafkah isteri dan anak yang mampu diberikan adalah di bawah *kifāyah adnā* isteri dan anak, maka dalam hal nafkah isteri, hakim perlu memberi pilihan kepada suami dan isteri tersebut sama ada:
 - I. Suami berusaha dengan lebih keras untuk mencari rezeki sehingga dia mampu untuk membayai sekurang-kurangnya kadar *kifāyah adnā* nafkah isterinya.
 - II. Sekiranya suami masih tidak mampu atau gagal, dan suami mempunyai aset lain seperti tanah, rumah dan sebagainya, aset-aset tersebut boleh dijual dan hasil daripada jualan tersebut boleh digunakan sebagai bayaran nafkah isterinya.
 - III. Sekiranya suami tiada aset, dengan perintah dan kebenaran daripada mahkamah, isteri dibenarkan berhutang atas nama suaminya untuk mencukupkan keperluan *kifāyah adnā* nafkah dirinya.

- IV. Sekiranya suami tiada aset dan tidak mampu, isteri bolehlah bersabar dengan menerima kadar nafkah di bawah *kifāyah adnā* sehingga suami mampu menyempurnakan nafkahnya.
- V. Sekiranya isteri sudah tidak dapat bersabar lagi ataupun tidak mahu menerima nafkah di bawah kadar *kifāyah adnā*, maka pada waktu tersebut isteri dibolehkan untuk memohon fasakh.

Dalam hal nafkah anak pula, hakim perlu memberi pilihan kepada bapa sama ada:

- I. Bapa berusaha dengan lebih keras untuk mencari rezeki sehingga mampu untuk membiayai sekurang-kurangnya *kifāyah adnā* anaknya.
- II. Sekiranya bapa masih tidak mampu atau gagal, dan beliau mempunyai aset lain seperti tanah, rumah dan sebagainya, aset-aset tersebut boleh dijual dan hasil daripada jualan tersebut boleh digunakan sebagai bayaran nafkah anaknya.
- III. Sekiranya bapa tiada aset, dengan perintah dan kebenaran daripada mahkamah, isteri dibenarkan berhutang atas nama suaminya untuk mencukupkan keperluan *kifāyah adnā* nafkah anaknya. Pihak yang bertanggungjawab memberi hutang adalah waris kepada anak tersebut atau mana-mana badan kerajaan yang berkaitan seperti baitulmal. Hutang tersebut pula perlu dibayar setelah bapa berkemampuan.
- IV. Sekiranya bapa telah hilang upaya atau sakit yang tidak mampu sembah, maka waris anak tersebut boleh diperintahkan oleh mahkamah untuk membiayai nafkah anak itu sehingga memenuhi *kifāyah adnā*nya.
- V. Jika waris kepada anak tersebut tidak mampu, hilang upaya atau tidak dapat dikesan dengan sebenar-benarnya, maka pihak kerajaan seperti

baitulmal dan juga badan-badan yang bertanggungjawab perlu membiayai nafkah anak itu sehingga mencukupi *kifāyah adnānya*.

6.3: KIFĀYAH ADNĀ: PANDANGAN HAKIM

Dalam temu bual bersama sembilan orang para hakim, hakim-hakim tersebut telah ditanya mengenai pandangan mereka mengenai tanda aras kecukupan minimum dalam pentaksiran nafkah isteri dan anak sekiranya diadakan. Pelbagai respon telah diberikan oleh para hakim, majoritinya berbentuk positif dan terdapat juga yang berbentuk negatif. Antaranya seperti berikut:

1. Memudahkan dan mempercepatkan proses pentaksiran dan perbicaraan.

Menurut lima daripada sembilan orang hakim, adanya tanda aras minimum tersebut, bakal memudahkan hakim kerana dapat menjadikannya sebagai panduan. Hakim akan cuba untuk tidak mengurangi daripada kadar tersebut dan akan melihat fakta kes sekiranya amaun tersebut boleh ditingkatkan atau dikurangkan. Ini kerana nafkah dan keperluan adalah sinonim. Jadi, jika terdapat mekanisma dalam penentuan kecukupan seorang manusia, maka ia akan memudahkan proses pengiraan nafkah.

Tanda aras ini bukan sahaja akan menjadi panduan kepada hakim, malahan akan menjadi panduan kepada orang ramai dalam melihat keperluan minimum yang tidak boleh dikurangi dalam nafkah isteri.⁴⁴⁵ Justeru, kes tuntutan nafkah yang dibicarakan di mahkamah akan dipercepatkan memandangkan banyak pihak telah maklum mengenai kadar kecukupan

⁴⁴⁵ Yang Arif Tuan Amran Mat Zin (Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur), dalam temu bual dengan pengkaji, 29 Mac 2013, Yang Arif Tuan Haji Walid Abu Hassan, Tuan Kamarulzaman bin Ali (Hakim Mahkamah Rendah Syariah Gombak Barat, Selangor), dalam temu bual dengan pengkaji, 14 Februari 2013, Tuan Drs Atras bin Mohamad Zin (Hakim Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat, Selangor), dalam temu bual dengan pengkaji, 18 Februari 2013 dan Tuan Wan Mahyuddin Wan Muhammad.

minimum ini yang seterusnya akan membawa lebih persetujuan dan kurang pertikaian.

2. Boleh menjadi panduan penghakiman yang tidak mengikat hakim untuk mematuhiinya.

Menurut sebahagian hakim, mereka akan mendapat idea mengenai kadar aras keperluan *daruri* nafkah seorang isteri, kerana pada waktu sekarang hakim hanya merujuk laporan penghakiman-penghakiman terdahulu seperti dalam jurnal hukum dan sebagainya.⁴⁴⁶ Majoriti hakim⁴⁴⁷ yang ditemu bual bersetuju bahawa ia boleh membantu dalam proses pentaksiran, namun panduan tersebut mestilah tidak mengikat hakim untuk mematuhiinya kerana apa yang lebih penting ialah melihat fakta kes.

Walau bagaimanapun dengan adanya panduan tersebut ia merupakan salah satu rujukan hakim yang akan memudahkan lagi kerja hakim untuk mengetahui keperluan aras seorang isteri.⁴⁴⁸ Antara kenyataan positif tersebut ialah sebagaimana kenyataan Yang Arif Tuan Haji Walid Abu Hassan:

Boleh sebagai panduan hakim, yang tidak mengikat hakim. Hakim boleh *up* dan hakim tak akan turun di bawah tahap tu. Cadangan yang baik sekiranya dapat melihat atau *link* kepada kajian semasa dan akan memudahkan kerja hakim.⁴⁴⁹

3. Kesan Pelaksanaan. (Positif).

Tujuh daripada sembilan hakim melihat kesan positif sekiranya tanda aras tersebut diadakan dan ia dapat membantu semua pihak walaupun hal tersebut didedahkan secara terbuka. Hal ini kerana jika semua pihak memaklumi

⁴⁴⁶ Tuan Shaiful Azli bin Jamaludin.

⁴⁴⁷ Yang Arif Tuan Zainor Rasyid (Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor) dalam temu bual dengan pengkaji, 14 Disember 2012, Yang Arif Tuan Amran Mat Zin, Yang Arif Tuan Haji Walid Abu Hassan, Tuan Drs Atras bin Mohamad Zin, Tuan Shaiful Azli bin Jamaludin Tuan Mohamad Fauzi bin Ismail.

⁴⁴⁸ Ibid.

⁴⁴⁹ Yang Arif Tuan Haji Walid Abu Hassan.

mengenai tanda aras minimum tersebut, hal ini tidak akan menjadi masalah kerana hakim melalui soal balas dapat mengetahui pihak-pihak yang cuba mengambil kesempatan dan sebagainya.⁴⁵⁰

Keperluan nafkah yang asas ataupun *daruriyat* sebenarnya dapat membantu hakim dalam banyak kes-kes berkaitan seperti menentukan kelayakkan dalam kes fasakh, poligami, dan perceraian akibat kecuaian nafkah.⁴⁵¹ Pandangan yang diberikan oleh para hakim ini bertepatan seperti yang diutarakan oleh kajian ini mengenai impak atau kesan pelaksanaan *kifayah adnā* sebelum ini di bawah tajuk perbincangan, ‘*Kifayah adnā*: Satu Implikasi’.

4. Kesan Pelaksanaan (Negatif).

Dua daripada sembilan orang hakim pula memberikan respon kebimbangan apabila terdapatnya tanda aras ini. Mereka berpendapat, dengan adanya kadar *kifayah adnā* ini mungkin akan lebih menyusahkan perbicaraan kerana hakim perlu merujuk pula kepada panduan tersebut.⁴⁵² Ia juga bakal membuka ruang kepada suami untuk mengambil kesempatan membayar sedikit berdasarkan nilai nafkah minimum sedangkan suami mampu untuk membayar lebih.⁴⁵³

Secara keseluruhannya, didapati bahawa majoriti hakim memberikan respon yang positif sekiranya penentuan kadar *kifayah adnā* anak dan isteri diadakan. Menjawab kepada respon negatif daripada sebahagian kecil hakim iaitu seperti akan menyusahkan proses perbicaraan dan juga akan membuka peluang kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan, beberapa hakim sendiri memberikan pandangan yang sebaliknya, antaranya adalah pandangan Yang Arif Tuan Haji Walid Abu Hassan:

⁴⁵⁰ Ibid.

⁴⁵¹ Yang Arif Tuan Zainor Rasyid dan Tuan Kamarulzaman bin Ali.

⁴⁵² Yang Arif Tuan Fauzi Mokhtar.

⁴⁵³ Tuan Wan Mahyuddin Wan Muhammad.

“Kalau semua orang tau pun tak ada masalah, sebab hakim melalui soal balas dapat mengetahui pihak-pihak yang cuba mengambil kesempatan dan sebagainya..” (sic.)⁴⁵⁴

Melalui kenyataan Yang Arif Tuan Haji Walid Abu Hassan di atas, sebenarnya hakim dapat mengetahui hasrat pihak-pihak yang ingin mengambil kesempatan atau tidak, melalui kebijaksanaan mereka dalam soal balas bersama pihak-pihak yang terlibat dalam perbicaraan. Pengkaji juga berpandangan bahawa dalam hal mengambil kesempatan atau membuat kejahanan kepada orang lain, ia tidak bergantung kepada adanya penetapan kadar *kifāyah adnā* ataupun tidak. Hal ini kerana ia lebih bergantung kepada niat seseorang untuk mematuhi atau tidak peraturan yang telah ditetapkan.

Mengenai penetapan kadar *kifāyah adnā* yang akan menyukarkan perbicaraan, pengkaji berpandangan bahawa hal tersebut timbul disebabkan oleh salah faham mengenai panduan tersebut sebagai panduan yang mengikat hakim ataupun tidak. Hal ini juga dijawab oleh sebahagian hakim yang lain bahawa sekiranya panduan ini ialah panduan yang tidak mengikat hakim, maka soal menyusahkan tidak akan timbul. Sebaliknya akan memudahkan dan mempercepatkan lagi proses perbicaraan. Hal ini kerana ia telah menjadi makluman awam, seperti kenyataan Yang Arif Tuan Amran Mat Zin:

“Sebut saja panduan, mesti la dia membantu, dia akan *speed up the case*, sebab *ma'lūm bi al-darurah*, orang akan boleh terima dan tanpa *argument*, dan tak payah nak *cross* (soal jawab) balik..” (sic.)⁴⁵⁵

Menilai respon para hakim secara keseluruhannya, enam daripada sembilan iaitu dua pertiga hakim memberikan respon positif dengan menyatakan penentuan tersebut sangat membantu hakim dalam membuat keputusan dan pertimbangan terhadap kadar

⁴⁵⁴ Yang Arif Tuan Haji Walid Abu Hassan.

⁴⁵⁵ Yang Arif Tuan Amran Mat Zin.

nafkah yang dituntut. Ia juga akan mempercepatkan kes-kes tertunggak dan akan lebih membawa kepada persefahaman antara pihak-pihak yang terlibat.

Penentuan kadar nafkah isteri dengan melihat *kifāyah adnānya* atau keperluannya yang asas juga akan menyelesaikan beberapa isu berbangkit seperti permohonan isteri dalam tuntutan fasakh dan taklik di atas kecuaian nafkah, serta tuntutan suami dalam kes poligami.

Walau bagaimanapun, seperti persetujuan daripada para hakim yang ditemubual, penetapan kadar asas nafkah isteri dan anak tersebut perlulah tidak mengikat hakim, tetapi hanya menjadi rujukan tambahan dalam mengetahui keperluan asas semasa nafkah isteri dan anak. Ini kerana fakta kes akan tetap menjadi pertimbangan utama dalam pentaksiran tersebut. Walaupun hakim-hakim boleh menambah atau mengurangi kadar asas nafkah yang dicadangkan, namun semua hakim memaklumi bahawa mengurangi kadar asas tersebut sebenarnya boleh menggugat *maqasid syariah* yang melindungi seorang Muslim meliputi nyawa, agama, harta, dan juga akal.

Semua hakim yang telah ditemubual mengakui bahawa tidak ada standard atau tanda aras tertentu yang digunakan dalam pentaksiran kadar nafkah isteri dan anak. Walau bagaimanapun, dalam praktis tidak rasmi, menurut sebahagian hakim yang ingin dirahsiakan nama mereka bahawa terdapat beberapa amalan yang menentukan kadar nafkah. Seorang isteri sebagai contoh memperoleh di antara RM300 hingga RM3,000 sebulan dan bagi anak ialah di antara RM150 hingga RM500 sebulan berdasarkan kemampuan dan keperluan pihak-pihak yang terlibat.

Ada juga hakim yang mengira secara sekaligus (*lumpsum*) iaitu RM10 sehari seperti yang dipraktikkan dalam amalan penghakiman pada tahun 90-an namun menurut hakim tersebut ia sudah tidak relevan pada waktu sekarang. Terdapat juga kaedah yang digunakan dengan mengambil jumlah pertengahan antara tuntutan plaintif

dengan kadar kemampuan yang ditawarkan defendan. Misalnya plaintiff menuntut nafkah sebanyak RM700, sementara defendant menawarkan RM300, justeru hakim akan menentukan RM500 sebagai jumlah yang perlu dibayar.

Walau apa pun kaedah yang digunakan, menurut hakim-hakim ini, semuanya akan berbalik dan bergantung kepada fakta kes sebagai bahan bukti utama bagi mempastikan penghakiman membawa kebaikan kepada pihak-pihak yang terlibat. Ini bermaksud hakim akan menilai kemampuan defenden dan keperluan pihak yang menuntut yang berjaya dibuktikan di mahkamah. Praktis-praktis penentuan kadar nafkah yang tidak rasmi ini, yang telah diamalkan oleh beberapa orang hakim menunjukkan bahawa hakim sebenarnya memerlukan satu kaedah yang boleh dirujuk sebagai panduan bagi mereka menentukan kadar nafkah yang sesuai dan relevan dengan tuntutan keperluan semasa. Namun, kaedah yang telah digunakan jelas menunjukkan ia kurang sesuai dan kurang menepati kaedah ilmiah yang sepatutnya dalam penentuan kadar nafkah tersebut. Oleh yang demikian, adalah lebih baik sekiranya panduan seperti yang dikemukakan oleh kajian ini dapat digunakan oleh para hakim kerana ia ditetapkan melalui kajian empirikal dan mampu memberikan kaedah standard kepada hakim-hakim mahkamah syariah di negara ini.

6.4: KIFĀYAH ADNĀ: PANDANGAN MASYARAKAT

Bagi melihat pandangan masyarakat mengenai kadar *kifāyah adnā* yang bakal dicadangkan, pengkaji telah mengemukakan cadangan kadar keperluan asas mengikut had kifayah zakat, yang dikeluarkan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi tahun 2013. Kadar ini diambil hanya sebagai contoh bagi melihat tahap kecukupan keperluan asas responden (nafkah isteri sahaja).

Seperti yang sedia dimaklumi, had kifayah zakat negeri Selangor merupakan had kecukupan minimum yang dikeluarkan oleh jabatan ini bagi menilai tahap

kelayakan seseorang untuk menerima bantuan zakat. Sekiranya seseorang pemohon zakat (selalunya ketua keluarga) mempunyai pendapatan kurang daripada had kifayah zakat ini, makan beliau dan keluarganya layak dibantu oleh pusat zakat sehingga had kifayah keperluan kelarganya mampu dipenuhi oleh LZS ini. Tetapi, sekiranya pendapatan beliau melebihi had kifayah zakat, bermaksud, beliau dan keluarganya tidak layak dibantu. Berikut merupakan jadual kalkulator had kifayah zakat yang dikeluarkan oleh LZS tersebut:

Jadual 6. 1. Jadual Kalkulator Had Kifayah Zakat LZS

Pendapatan Keluarga			
Bil	Kategori	Kadar Had	Bilangan
1	Ketua Keluarga (Rumah Berbayar) ATAU	895.00	<input type="text" value="0"/>
	Ketua Keluarga (Rumah Percuma)	570.00	<input type="text" value="0"/>
2	Pasangan	415.00	<input type="text" value="0"/>
3	Dewasa (berumur 18 thn ke atas)	190.00	<input type="text" value="0"/>
4	Anak Belajar di IPT	235.00	<input type="text" value="0"/>
5	Anak Bersekolah Berumur 5-17 tahun	185.00	<input type="text" value="0"/>
6	Anak Tidak Bersekolah Berumur Bawah 17	120.00	<input type="text" value="0"/>
Tambahan			
1	Tanggungan/Anak Cacat	200.00	<input type="text" value="0"/>
2	Penjagaan Anak	190.00	<input type="text" value="0"/>
3	Kos Perubatan Sakit Kronik	200.00	<input type="text" value="0"/>
Jumlah Had Kifayah			
Pendapatan - Had Kifayah			
Keputusan			

Sumber: Laman sesawang LZS⁴⁵⁶

⁴⁵⁶ “Jadual Kalkulator Had Kifayah”, laman sesawang *Lembaga Zakat Selangor (LZS)*, dicapai pada 23 Julai 2013, <http://www.e-zakat.com.my/kalkulator-kifayah/>.

Merujuk kepada Jadual 6.1 di atas, kajian ini mengambil kadar had *kifāyah* kategori pasangan yang dirujuk kepada isteri iaitu RM415 sebagai kadar keperluan asas bagi item- keperluan iaitu makanan, pakaian, dan keperluan lain (kos pembersihan, perhubungan (bil telefon) dan perubatan). Kadar ini tidak termasuk kos tempat tinggal.

Had *kifāyah* ini (RM415) dibahagikan kepada dua cadangan iaitu cadangan pertama RM400 bagi kadar penuh dan cadangan kedua RM200 bagi kadar separuh. Cadangan kedua juga sebenarnya berbetulan dengan kadar Paras Garis Kemiskinan individu terkini iaitu RM200 yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, tahun 2013.⁴⁵⁷ Contoh kadar yang dikemukakan oleh kajian ini seperti yang boleh dilihat dalam jadual berikut:

Kategori	Item-item	Cadangan 1: (RM/bln)	Cadangan 2: (RM/bln)	Cukup/ Tidak Cukup/ Cadangan lain
Responden (Isteri)	Makanan, pakaian, dan keperluan lain (seperti kos pembersihan, perhubungan (bil telefon) dan perubatan dan tidak termasuk kos sewa rumah atau pembayaran bil-bil asas rumah)	400	200	

Keputusan:

Seramai 26 orang responden kajian ini telah ditanya mengenai kadar keperluan asas yang dicadangkan iaitu cadangan pertama ialah RM400 sebulan dan cadangan kedua ialah RM200 sebulan sebagai jumlah *kifāyah* nafkah mereka bagi item-item asas yang telah dinyatakan. Hasil tinjauan yang diperolehi ialah seperti berikut:

⁴⁵⁷ Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah (Report on household expenditure survey), 2009-2012, (Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012), 27.

Kos Sebulan (RM) Bagi pembelian item Makanan, pakaian, dan keperluan lain (seperti kos pembersihan, perhubungan (bil telefon) dan perubatan serta tidak termasuk kos sewa rumah atau pembayaran bil-bil asas rumah)	Keputusan
RM400	90% responden atau 23/26 responden mengatakan ia mencukupi bagi item-item yang dicadangkan. Sementara 10% atau 3/26 responden mengatakan ia tidak mencukupi bagi item-item yang tersebut.
RM200	60% responden atau 16/26 responden mengatakan ia tidak mencukupi bagi item-item yang dicadangkan. Sementara 40% atau 10/26 responden mengatakan ia mencukupi bagi item-item tersebut.

Berdasarkan keputusan di atas, hampir 90% mengatakan mereka cukup dengan item-item asas nafkah iaitu makanan, pakaian, dan keperluan lain (kos pembersihan, perhubungan(bil telefon) dan perubatan) dengan kos RM400. Kos ini sebenarnya sangat hampir dengan cadangan had *kifāyah adnā* pengkaji iaitu RM402, sekiranya ditolak dengan kos tempat tinggal (RM371) kerana jumlah kos keseluruhan bagi kesemua item nafkah *kifāyah adnā* berjumlah RM773 dalam kajian ini.

Sementara 60% lagi responden mengatakan sekiranya kadar RM200 merupakan kadar bagi tiga keperluan asas mereka iaitu bagi pembelian dan pembayaran kos makanan, pakaian, dan keperluan lain (kos pembersihan, perhubungan(bil telefon) dan perubatan), kadar RM200 sebulan tersebut tidak mencukupi.

Ini juga menunjukkan kadar PGK yang yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu RM200⁴⁵⁸ bagi keperluan asas individu tidak mencukupi bagi nafkah seorang isteri seperti yang ditunjukkan oleh dapatan kajian ini. Sementara kadar had *kifāyah* sebanyak RM415 sebulan (tidak

⁴⁵⁸ Ibid.

termasuk kos tempat tinggal) bagi keperluan isteri yang dikeluarkan oleh Lembaga Zakat Selangor,⁴⁵⁹ sebenarnya sangat hampir dengan kadar keperluan asas nafkah isteri yang didapati oleh kajian ini.

Walaupun begitu, item-item keperluan asas isteri yang dikeluarkan oleh LZS tidaklah sama dengan item-item nafkah yang ditarjihkan dan dikemukakan oleh kajian ini. Justeru, kajian secara khusus dan empirikal perlu dilakukan untuk mengetahui kadar sebenar *kifāyah adnā* nafkah isteri dan anak. Hal ini penting agar dapatan yang diperoleh adalah melalui metodologi kajian yang standard dan tidak dapat dipertikaikan oleh mana-mana pihak.

6.5: KIFĀYAH ADNĀ: SATU CADANGAN

Model cadangan *kifāyah adnā* nafkah isteri dan anak kajian ini diambil daripada kebiasaan perbelanjaan golongan miskin atau golongan yang berpendapatan rendah seperti mengikut pandangan Imam Abū Ḥanīfah, Abu Yūsuf dan Muḥammad yang telah meletakkan serendah-rendah *kifāyah* dalam nafkah isteri mengikut kadar nafkah yang memenuhi keperluan isteri daripada golongan miskin.

Bagi melihat kesan sosioekonomi dengan berpandukan tahap pendapatan isi rumah, kajian ini telah mengklasifikasikan pendapatan isi rumah responden kepada tiga kelas iaitu A, B, dan C sebagai penanda aras bagi kategori berpendapatan rendah (miskin), berpendapatan sederhana (sederhana) dan berpendapatan tinggi (kaya).

Pembahagian tersebut dilakukan dengan menggunakan metodologi oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, yang membahagikan pendapatan isi rumah kepada 40% terendah (B40), 40% sederhana (M40), dan 20% tertinggi (T20).

⁴⁵⁹ Lihat “Jadual Kalkulator Had Kifayah”, laman sesawang *Lembaga Zakat Selangor (LZS)*, ibid., dan rujukan kepada dokumen had kifayah zakat yang diberikan kepada pengkaji dalam temu bual bersama Cik Wan Ritini Binti Wan Ismail dan Ustaz Mohd Fariz Abdul Razak, Pegawai Eksekutif, Sektor Perancangan Korporat, pada 20 Mei 2013, Lembaga Zakat Selangor, Selangor.

6.5.1: Model cadangan kadar *kifāyah adnā nafkah isteri*

Hasil kajian mendapati bahawa perbelanjaan iem-item nafkah isteri, lebih besar bagi responden dari kelas pendapatan isi rumah yang lebih tinggi, seperti dalam Jadual 6.2 di bawah:

Jadual 6. 2: Purata Kos Perbelanjaan Kadar Nafkah Responden Sebulan bagi Semua Tahap Kelas.

Bil	Item	Purata Kos Perbelanjaan Sebulan (RM)		
		RA	RB	RC
1	Makanan & minuman	217	300	436
2	Pakaian	35	67	143
3	Sewa/ansuran tempat tinggal	371	544	1920
4	Bil-bil asas rumah (elektrik, air & penyelenggaraan)	90	142	229
5	Pembersihan	14	17	32
6	Telekomunikasi	41	59	130
7	Dandan	5	28	183
Total		773	1155	3073

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Cadangan bagi model *kifāyah adnā nafkah isteri* kemudiannya diambil berdasarkan perbelanjaan RA (responden dengan pendapatan isi rumah terendah dalam kajian ini (B40-kajian)). Model cadangan *kifāyah adnā nafkah isteri* ini boleh dilihat dalam Jadual 6.3 seperti berikut:

Jadual 6. 3. Model Cadangan Kadar *Kifāyah Adnā Nafkah Isteri*

Bil.	Model <i>Kifāyah Adnā Nafkah Isteri/ Item</i>	Purata Kos Perbelanjaan Sebulan (RM)
1.	Makanan & minuman	217
2.	Pakaian	35
3.	Sewa/ansuran tempat tinggal	371
4.	Bil-bil asas rumah (elektrik, air & penyelenggaraan)	90

Jadual 6. 3. Sambungan.

Bil.	Model <i>Kifāyah Adnā Nafkah Isteri/ Item</i>	Purata Kos Perbelanjaan Sebulan (RM)
5.	Pembersihan	14
6.	Telekomunikasi	41
7.	Dandan	5
	Total	773

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

6.5.2: Model cadangan kadar *kifāyah adnā nafkah anak*

Hal yang sama dilakukan bagi mengetahui kadar *kifāyah adnā nafkah anak*, iaitu perbelanjaan kebiasaan anak-anak responden yang telah dikelaskan kepada RA, RB dan RC boleh dilihat dalam Jadual 6.4 di bawah yang telah dikeluarkan oleh kajian ini:

Jadual 6. 4. Purata Kos Perbelanjaan Kadar Nafkah Anak Responden Sebulan bagi Semua Tahap Kelas

Item/Anak Responden	Anak berumur sebelum 4 thn			Anak berumur 4-6 thn.			Anak berumur 7-12 thn (sek. ren.)			Anak berumur 13-17 thn (sek. men.)			Anak berumur 18 tahun dan ke atas		
	RA	RB	RC	RA	RB	RC	RA	RB	RC	RA	RB	RC	RA	RB	RC
Makanan & Minuman /Penyusuan	Kadar adalah dalam Ringgit Malaysia (RM)														
Pakaian	X	X	X	70	28	150	150	150	150	150	150	150	150	150	150
Pembersihan	X	X	X	70	28	150	150	150	150	150	150	150	150	150	150
Pendidikan (Yuran Sekolah dan Alat tulis)	X	X	X	70	28	150	150	150	150	150	150	150	150	150	150
Pengangkutan ke sekolah	X	X	X	129	14	28	109	109	109	109	109	109	109	109	109
Duit poket semasa di sekolah/ tempat pengajian.	X	X	X	60	129	17	49	150	150	150	150	150	150	150	150

Jadual 6.4. Sambungan

Item/Anak Responden	Anak berumur sebelum 4 thn	Anak berumur 4-6 thn.	Anak berumur 7-12 thn (sek. ren.)	Anak berumur 13-17 thn (sek. men.)	Anak berumur 18 tahun dan ke atas
	RA	RB	RC	RA	RB
Upah Pengasuh	498	250	X	405	X
Total	498	250	X	526	X

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

Perbelanjaan anak-anak responden dari kelas A (RA) kemudiannya diambil sebagai kadar *kifāyah adnā* nafkah anak yang dicadangkan oleh kajian ini. Model cadangan *kifāyah adnā* nafkah anak boleh dilihat dalam Jadual 6.5 seperti di bawah:

Jadual 6.5. Model Cadangan Kadar *Kifāyah Adnā* Nafkah Anak

Item Nafkah Anak	Kategori Anak & Kadar Nafkah (RM/bln.)				
	Anak berumur sebelum 4 thn	Anak berumur 4-6 thn.	Anak berumur 7-12 thn (sek. ren.)	Anak berumur 13-17 thn (sek. men.)	Anak berumur 18 tahun dan ke atas
Makanan & Minuman /Penyusuan	150	109	217	217	X
Pakaian	28	28	28	28	X
Pembersihan	70	14	14	14	X
Pendidikan (Yuran Sekolah dan Alat tulis)	X	129	19	44	X
Pengangkutan ke sekolah	X	60	60	60	X
Duit poket semasa di sekolah/ tempat pengajian.	X	X	91	97	600
Upah Pengasuh	250	X	X	X	X
Total	248 (tidak termasuk upah pengasuh)	340	429	460	600

Sumber: Diubah suai daripada borang temu bual, Mei - Disember 2013.

BAB TUJUH

KESIMPULAN

7.1 PENDAHULUAN

Bab ini merupakan bab penutup bagi kajian ini yang mengandungi rumusan kajian serta cadangan. Rumusan kajian akan dibincangkan mengikut empat objektif yang telah digariskan, sementara cadangan merupakan saranan dan syor pengkaji kepada kajian akan datang bagi memperkasakan lagi amalan pentaksiran nafkah di negara ini dengan lebih kemas dan lebih baik.

7.2 RUMUSAN

7.2.1: Objektif Pertama

Objektif pertama kajian ini untuk mengenal pasti item-item nafkah isteri dan anak serta kriteria-kriteria pentaksiran nafkah menurut perbincangan fuqaha. Item-item yang dikenal pasti menjadi pengiktibaran para fuqaha apabila menentukan nafkah isteri dan anak boleh diperbaikan mengikut nafkah-nafkah tersebut. Bagi item-item nafkah isteri, terdapat tiga item yang utama yang telah digariskan syarak dan dibincangkan oleh fuqaha iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal. Syarak juga telah menetapkan upah penyusuan sebagai satu item nafkah ibu yang telah diceraikan oleh suaminya tetapi masih menyusukan anak bekas suaminya itu.

Fuqaha meluaskan lagi perbincangan dalam penentuan item-item nafkah isteri yang lain, antaranya makanan tambahan sewaktu hamil dan sakit, peralatan pembersihan dan perapian diri, perabot dan perkakasan rumah tangga, pembantu atau alat pemudah kerja rumah tangga serta rawatan perubatan isteri.

Bagi item-item nafkah anak pula, fuqaha lebih menekankan tiga item utama nafkah yang diperlukan oleh anak antaranya ialah makanan, pakaian dan tempat tinggal dengan nafkah penyusuan sebagai nafkah tambahan yang wajib kepada seorang anak yang masih kecil. Sementara dalam perbahasan kriteria-kriteria pentaksiran nafkah, terdapat dua kriteria yang telah dibincangkan oleh fuqaha dan dikenal pasti dalam kajian ini ketika mentaksirkan nafkah isteri dan anak iaitu kriteria *kifāyah* dan kriteria *ma’rūf*.

Kriteria *ma’rūf* menetapkan tiga elemen yang perlu dilihat dalam mentaksirkan nafkah isteri dan anak iaitu pertama dengan melihat sosioekonomi suami, kedua memeriksa kemampuan tertinggi suami dan ketiga menyemak pentaksiran nafkah dengan ‘urf semasa yang berlaku dalam masyarakat sewaktu pentaksiran nafkah tersebut dilakukan.

Bagi nafkah anak, terdapat satu elemen tambahan, iaitu eleman yang keempat dalam pentaksiran nafkah anak iaitu dengan melihat *al-hājjah* atau keperluan sebenar anak tersebut. Hal ini berbeza dengan nafkah isteri yang lebih ditentukan dengan melihat sosioekonomi suami. Manakala nafkah anak kurang tertakluk kepada sosioekonomi bapanya. Hal ini kerana keperluan sebenar anak tersebut perlu dilihat apabila mentaksirkan nafkah anak, walaupun anak tersebut berbapakan daripada seseorang yang berstatus sosioekonomi tinggi.

Kriteria *kifāyah* pula menetapkan kadar nafkah isteri dan anak perlulah memenuhi kecukupan dan keperluan mereka dengan melihat kebiasaan kecukupan dan keperluan mengikut status sosioekonomi dari mana keluarga tersebut tergolong. Ini dilakukan dengan melihat status bapa tersebut sama ada kaya, sederhana atau miskin. Kriteria *kifāyah* yang ditarjihkan oleh kajian ini bagi memastikan nafkah isteri dan anak tersebut mencukupi dan nafkah tersebut mestilah sekurang-kurangnya tidak mengurangi *kifāyah adnā* atau keperluan asas isteri dan anak. Ini merupakan pendapat yang telah

disarankan oleh Imam Abū Ḥanīfah, Abū Yūsuf dan Muḥammad daripada mazhab Hanafī.

7.2.2: Objektif Kedua

Bagi objektif kedua, pengkaji telah meneliti dan menilai sama ada pandangan dan amalan semasa oleh hakim-hakim di Malaysia dalam pentaksiran nafkah isteri dan anak menepati kriteria *kifāyah* dan *ma’rūf* mengikut pentarjihan yang telah dilakukan dalam bab kedua dan ketiga. Kaedah yang telah digunakan oleh pengkaji berdasarkan temu bual secara mendalam terhadap sembilan orang hakim daripada mahkamah rendah serta mahkamah tinggi syariah. Kemudiannya, laporan kes-kes mahkamah yang terpilih juga telah diteliti bagi menilai amalan yang dibincangkan (temu bual hakim) dan amalan yang telah berlaku (laporan kes-kes mahkamah) dalam pentaksiran nafkah isteri dan anak.

Hasil kajian ini mendapati dari segi konsep dan pemahaman kriteria *kifāyah* dan *ma’rūf* adalah jelas dalam kalangan para hakim. Namun, dari segi praktikalnya, untuk para hakim mentaksirkan sesuatu kadar nafkah memenuhi dan menepati kedua-dua kriteria ini, pengkaji mendapati ia masih kabur.

Bagi penilaian kriteria *kifāyah*, antaranya ialah prosedur penghakiman mahkamah lebih diutamakan daripada menjaga keperluan asas pihak-pihak yang menuntut nafkah. Kemampuan suami pula lebih diambil kira oleh hakim berbanding keperluan asas isteri dan anak. Penentuan agar kadar nafkah yang diputuskan tidak mengurangi kadar *kifāyah adnā* dan bagaimana kadar tersebut ditentukan, masih belum dapat diaturkan secara sistematik. Item-item semasa dalam nafkah isteri dan anak pula masih belum diselaraskan dalam kalangan para hakim.

Bagi penilaian kriteria *ma'rūf*, belum ada satu penilaian yang bersistematik dalam mendapatkan data amalan masyarakat dan harga barang-anan semasa. Penilaian tersebut juga dilihat tidak diselaraskan dalam kalangan para hakim bagi menghasilkan amalan penghakiman yang bersepada. Oleh itu, kajian mendapati pengiktibaran kriteria *ma'rūf* dari segi praktikalnya juga kurang memuaskan.

Kelonggaran-kelonggaran pengiktibaran kriteria *kifāyah* dan *ma'rūf* yang berlaku dalam proses pentaksiran nafkah dalam sistem amalan kehakiman syariah negara ini membuka ruang bagi kajian ini untuk mengemaskan lagi proses pentaksiran tersebut. Hal demikian ini supaya kedua-dua kriteria pentaksiran nafkah sebagai mana yang telah digariskan syarak dan dibincangkan fuqaha, serta menepati tuntutan amalan masyarakat semasa dapat diambil kira dalam proses pentaksiran tersebut.

7.2.3: Objektif Ketiga

Bagi objektif ketiga iaitu menganalisis amalan semasa masyarakat berkaitan item-item keperluan asas isteri dan anak serta perbelanjaannya, pengkaji telah menjalankan temubual secara mendalam terhadap 26 orang responden yang terdiri daripada kumpulan isteri dan ibu tunggal yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak.

Temu bual yang memakan masa selama dua hingga tiga jam ini telah menghasilkan data yang kaya dengan pelbagai maklumat yang berkaitan dengan keperluan asas isteri dan anak dan perbelanjaan keperluan asas tersebut. Item-item keperluan asas ini diselidiki bagi mengetahui '*urf* yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Seterusnya, hal ini telah dibandingkan dengan pandangan syarak dan fuqaha bagi menghasilkan garis panduan pentaksiran nafkah yang menepati kriteria *kifāyah* dan *ma'rūf*.

Dalam penentuan item-item keperluan isteri dan anak, terdapat perbezaan ‘urf yang berlaku serta item nafkah yang ditarjihkan dalam kajian ini. Berasaskan kajian lapangan tersebut, dapatan menunjukkan bahawa item pengangkutan merupakan item keperluan yang sangat penting bagi para ibu yang bekerja maupun yang tidak bekerja dalam kajian ini. Walaupun begitu, item pengangkutan bukanlah satu item nafkah yang perlu ditanggung oleh suami. Hal ini kerana tugas mencari nafkah yang lazimnya memerlukan pengangkutan itu atas tanggungjawab suami.

Bagi para ibu tunggal yang diceraikan, namun masih menjaga anak-anak suami mereka, nafkah pengangkutan hanya dikira sebagai salah satu item nafkah bagi anak-anak mereka ke sekolah. Justeru, sekiranya anak-anak responden ini pergi ke sekolah dengan menaiki sebarang jenis kendaraan awam yang berbayar, maka wajib bagi bapa membayai nafkah pengangkutan anak-anak mereka ke sekolah. Namun, sekiranya ibu ataupun bekas isteri yang ditugaskan untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah, wajib bagi bapa membayai kos pengangkutan yang digunakan oleh isteri atau ibu tersebut apabila menghantar anak-anak mereka ke sekolah.

Bagi item pembantu atau khadam yang membantu isteri melakukan kerja-kerja rumah dan mengasuh anak seperti yang telah digariskan oleh fuqaha sebagai salah satu item nafkah isteri, maka kajian ini memperlihatkan bahawa berlakunya sedikit kelainan pada ‘urf. Majoriti responden, walaupun dari kelas sosioekonomi berpendapatan tinggi, kebanyakannya tidak memerlukan pembantu isteri atau khadam seperti ‘urf yang berlaku pada zaman dahulu. ‘Urf pada zaman dahulu meletakkan khadam atau pembantu isteri tersebut tinggal bersama atau sekurang-kurangnya menghabiskan sebahagian besar masa mereka di rumah tuan mereka dengan pelbagai kerja yang dilakukan. Rata-rata mereka tidak dibayar gaji secara bulanan kerana kehidupan mereka sendiri telah ditanggung oleh tuan mereka dari segi nafkah seperti makanan,

pakaian dan tempat tinggal. Justeru, tidak hairanlah apabila fuqaha membahaskan wajib bagi suami yang kaya menyediakan khadam untuk isteri mereka dan menangung nafkah khadam itu.

Pada hari ini, pembantu isteri ialah mereka yang dipanggil sebagai orang gaji atau pembantu rumah. Kerja yang dilakukan tertakluk kepada perjanjian dan persetujuan, manakala bayaran berdasarkan kerja yang dilakukan. Para responden yang ditemu bual majoritinya memilih pembantu kerja rumah mereka yang tidak tinggal bersama mereka. Pembantu ini pula dicari bagi melakukan tugas penjagaan anak-anak responden yang kecil dan memerlukan pengawasan ketika responden ke tempat kerja atau melakukan kerja-kerja pembersihan rumah yang agak berat.

Bagi pembantu atau pengasuh anak-anak responden, kajian menunjukkan bahawa bukan hanya responden daripada kelas sosioekonomi tinggi sahaja yang memerlukan khidmat tersebut, namun ia juga meliputi responden-responden yang berstatus sosioekonomi rendah terutamanya apabila mereka keluar bekerja. Sementara, bagi pembantu kerja rumah pula, hanya responden dari kelas sosioekonomi tinggi yang mampu membiayai perbelanjaan tersebut.

Kajian mendapati bahawa kos pengasuhan serta penjagaan anak-anak yang masih kecil merupakan satu keperluan penting sekiranya ibu bekerja. Walau bagaimanapun, kos tersebut bukanlah menjadi salah satu item nafkah isteri yang bekerja kerana ia berlaku atas kemahuannya sendiri atau pun diistilahkan sebagai ‘sukarela bekerja’. Hal ini kerana tugas pengasuhan anak tetap merupakan tugas isteri. Namun, sekiranya isteri tersebut disuruh bekerja oleh suami atau bekas isteri yang perlu bekerja atau ‘terpaksa bekerja’ untuk menanggung kehidupannya setelah diceraikan suami, dan pada masa yang sama, beliau perlu menjaga anak-anak bekas suaminya itu, maka kos pengasuhan dan penjagaan anak-anak ini wajib ditanggung oleh suami.

Kos ini merupakan satu item nafkah yang wajib diberikan kepada isteri dan bekas isteri yang terpaksa bekerja. Berbeza dengan kos pembantu rumah, kos ini hanya wajib ditanggung oleh suami sebagai salah satu item nafkah isteri, sekiranya isteri memerlukan khidmat tersebut dan kos tersebut mampu ditanggung oleh suami.

Kajian juga mendapati penyusuan bagi anak yang masih kecil merupakan salah satu item nafkah yang wajib bagi anak kecil tersebut. Penyusuan seperti mana yang telah dibincangkan oleh para fuqaha merupakan salah satu tanggungjawab ibu kepada anaknya. Para ibu digalakkan menyusukan anaknya sehingga genap dua tahun seperti yang digariskan syarak.

Walau bagai mana pun, tidak semua ibu berasas baik dapat dan berpeluang menyusukan anaknya. Hal ini kerana ada ibu yang tidak mempunyai susu, justeru terpaksa mengupah ibu susuan untuk menyusukan anaknya. Ada juga ibu yang mempunyai susu namun terpaksa bekerja bagi menampung kehidupan. Justeru, bagi kelompok ibu-ibu seperti ini, kos nafkah penyusuan wajib ditanggung oleh suami mereka sebagai salah satu item nafkah anak yang memerlukan penyusuan. Kos ini termasuklah kos bagi upahan ibu susuan atau pembelian susu formula untuk anak-anak mereka.

Dalam kes ibu yang telah diceraikan, namun masih meneruskan penyusuan bagi anak-anak bekas suami mereka, kos tersebut perlu ditanggung oleh suami sebagaimana yang telah digariskan syarak. Kos ini termasuklah kos upah kepada bekas isteri yang menyusukan anak-anak suaminya, atau kos pembelian susu formula sekiranya tidak disusui oleh ibu tersebut atau kos upahan ibu susuan sekiranya perkhidmatan ibu susuan digunakan.

Kajian juga mendapati walaupun item telekomunikasi merupakan keperluan yang paling minimum, namun ‘urf membuktikan keperluan tersebut sangat penting bagi

semua responden. Hal ini kerana keperluan tersebut memudahkan responden untuk dihubungi dan menghubungi suami sendiri, anak-anak dan ahli keluarga terdekat. Ia merupakan keperluan *hājiyāt* yang sangat penting kerana memudahkan kehidupan responden dan juga suami responden sendiri seperti yang dinyatakan oleh kebanyakan responden yang ditemu bual. Justeru, pembiayaan kos bil telefon tidak dinafikan lagi menjadi salah satu item nafkah semasa isteri yang wajib ditanggung oleh para suami.

Tempat tinggal merupakan item nafkah isteri yang perlu ditanggung oleh suami seperti yang digariskan syarak. Penetapan bersifat umum ini tidak menafikan keperluan yang berkaitan dengan tempat tinggal lain yang juga perlu ditanggung oleh suami seperti keperluan asas meliputi hamparan yang menghindari dari kesejukan dan sebagainya.

Juga termasuk dalam keperluan ini ialah bil air dan elektrik kerana kedua-duanya merupakan perkara yang telah menjadi kemestian bagi setiap rumah di negara ini. Walaupun tidak dinafikan, isteri masih mampu hidup tanpa bekalan paip air dan elektrik, namun, memenuhi keperluan kedua-dua item yang dikenakan caj bayaran itu termasuk memenuhi maksud *hājiyāt* isteri serta memudahkan kehidupannya.

Tambahan pula, tidak semua isteri boleh mendapat bekalan air dan elektrik secara percuma. Lebih-lebih lagi kehidupan di bandar menyebabkan akses percuma kepada kedua-dua bekalan tersebut hampir mustahil. Rata-rata responden yang ditemu bual meletakkan keperluan kepada pembiayaan kos air dan elektrik setiap bulan adalah sangat penting dan wajib.

Pakaian juga merupakan satu item keperluan nafkah isteri yang telah digariskan syarak. Pakaian bertujuan melindungi aurat isteri, memberikan keselamatan dan keselesaan dan tidak kurang juga sebagai hiasan kepada isteri. Hal yang sangat hampir ialah keperluan dandanan isteri di samping keperluan kepada barang pembersihan

diri. Dandanan yang paling minimum diperlukan oleh seorang isteri sekurang-kurangnya sikat, bedak, minyak wangi dan minyak rambut. Ia menjadi keperluan bagi kesemua responden yang ditemu bual.

Perubatan juga merupakan salah satu keperluan penting bagi setiap responden ketika sakit. Kajian menunjukkan tahap kepentingan item ini mencecah tahap *daruri* dan merupakan salah satu item nafkah bagi isteri dan anak. Namun, keperluannya berbeza kerana ia tidak mewajibkan kepada seorang bapa untuk menyediakannya sama seperti keperluan makanan pada setiap bulan untuk anak dan isterinya. Responden yang ditemu bual menyatakan mereka dan anak-anak tidak memerlukan kos bagi keperluan perubatan daripada suami mereka setiap bulan ketika mereka sihat. Tambahan pula, kos perubatan di negara ini, menurut mereka masih lagi murah dan mudah didapati dari klinik dan hospital kerajaan.

Sebahagian responden pula ditanggung oleh majikan masing-masing. Justeru, walaupun keperluan kepada perubatan merupakan salah satu item nafkah penting bagi isteri dan anak, namun ia bukan merupakan item nafkah yang diperlukan bagi setiap bulan.

Bagi item-item nafkah anak pula, tidak dinafikan bahawa ketiga-tiga item utama iaitu makanan, pakaian dan keperluan kepada tempat tinggal merupakan hak anak seperti mana yang telah ditetapkan syarak. Mengikut ‘urf masyarakat, biasanya anak akan tinggal bersama ibu, justeru kos pembiayaan tempat tinggal ibu sudahpun meliputi keperluan tempat tinggal anak. Namun, bagi anak-anak yang tinggal di asrama, pondok ataupun rumah sewa ketika dalam pengajian seperti halnya anak-anak responden dalam kajian ini, mendapat pembiayaan tempat tinggal merupakan salah satu item nafkah anak yang wajib ditanggung oleh bapa.

Perubatan seperti yang dinyatakan di atas, walaupun merupakan item nafkah anak, namun ia bukan merupakan item nafkah yang perlu dinyatakan kosnya setiap bulan oleh bapa. Antara item nafkah yang sama pentingnya dengan keperluan kepada ketiga-tiga item utama nafkah anak ialah pendidikan. Keperluan kepada item ini dibuktikan kepentingannya oleh kesemua anak-anak responden. Malah, walaupun ada antara responden yang mempunyai anak-anak orang kelainan upaya ‘OKU’, mereka tetap menghantar anak-anak mereka di sekolah pendidikan khas, walhal responden merupakan orang yang paling rendah pendapatan isi rumahnya dalam kajian ini. Item-item lain yang berkaitan dengan pendidikan dan kelancarannya, ia tetap merupakan item nafkah yang wajib ditanggung oleh bapa. Ia meliputi yuran persekolahan, alat tulis, buku, pakaian sekolah, serta pengangkutan ke sekolah. Termasuk juga tanggungan tersebut ialah duit poket anak ke sekolah untuk pembelian makanan dan keperluan peralatan persekolahan.

Bagi anak-anak yang berada di pengajian peringkat ketiga, iaitu di institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta, kajian tambahan telah dilakukan bagi melihat keperluan kebiasaan anak-anak di tahap ini. Justeru temu bual mendalam terhadap lapan orang pelajar pada peringkat diploma, ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana telah dilakukan seperti yang diterangkan dalam bab 5, di bawah tajuk ‘Pengajian Peringkat Ketiga (Sijil/ Diploma/Ijazah).

Analisis kemudiannya dilakukan kepada data yang sedia ada iaitu lima orang anak-anak responden dan data tambahan; lapan orang pelajar. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebiasaannya pembiayaan pendidikan di negara ini ditanggung oleh institusi kerajaan mahupun bukan kerajaan sama ada dalam bentuk pinjaman ataupun biasiswa. Anak-anak yang berada di tahap ini pula seperti data 13 orang pelajar dalam kajian ini, sebahagiannya telah mampu berdikari dengan mencari duit poket sendiri.

Justeru, keperluan anak-anak pada tahap ini, terutamanya bagi mereka yang sihat, tidak memerlukan tanggungan nafkah secara total daripada bapa mereka. Hasil kajian menunjukkan, setelah ditolak dengan kos pengajian, anak-anak pada tahap ini memerlukan sekurang-kurangnya RM600 sebulan bagi nafkah sara hidup atau duit poket mereka. Keperluan kepada kos tersebut bagi pembiayaan makanan, pakaian dan pembiayaan tempat tinggal mereka.

Oleh itu, sekiranya bantuan pinjaman atau biasiswa yang diterima tidak dapat mencakupi keperluan sara hidup ini, maka menjadi tanggungjawab bapa untuk mencukupkan keperluan nafkah anak-anak ini terutamanya bagi mereka yang masih belum mampu menyara hidup sendiri.

Item-item keperluan asas isteri dan anak dalam kajian ini yang ditarjihkan berdasarkan item-item keperluan setiap bulan seperti halnya ‘urf yang berlaku di negara ini. Ketiadaan item perubatan bukan menafikan item tersebut, namun ia dikira berdasarkan keperluan khas bagi nafkah anak dan isteri dan tidak meliputi semua orang.

Justeru, kajian ini mengusulkan item-item keperluan asas bagi nafkah isteri yang wajib ditanggung oleh suami untuk setiap bulan ialah makanan, pakaian, tempat tinggal dan hal yang berkaitan dengannya seperti bayaran sewa rumah, ansuran rumah, penyelenggaraan serta bil elektrik dan air. Selain itu, item-item seperti keperluan asas telekomunikasi, sekurang-kurangnya pembiayaan bil telefon, bahan dan alatan pembersihan, serta dandan juga diperlukan.

Sementara item-item keperluan asas bagi nafkah anak yang wajib ditanggung oleh suami untuk setiap bulan ialah makanan, pakaian, tempat tinggal, alatan dan bahan pembersihan diri, dan pendidikan. Termasuk dalam item pendidikan ialah yuran persekolahan, buku dan alat tulis, pengangkutan ke sekolah, serta duit poket untuk perbelanjaan di sekolah bagi pembelian makanan dan keperluan persekolahan.

Bagi anak yang belum bersekolah dan masih menyusu, keperluan kepada penyusuan termasuk dalam nafkah wajib yang perlu disediakan oleh bapa, sekiranya ibu mempunyai keuzuran untuk menyediakan keperluan tersebut. Ini termasuklah kos bagi pembelian susu formula atau upahan untuk ibu susuan. Bagi ibu yang telah diceraikan namun masih menyusukan bekas anak suaminya, maka bapa wajib memberikan upah penyusuan kepada ibu tersebut.

Bagi anak-anak yang tidak tinggal bersama ibu bapa dan telah pun berada di pengajian peringkat ketiga, pada masa yang sama mereka pula mampu berdikari meneruskan hidup, namun tidak mampu mencari duit sara diri disebabkan oleh kesibukan belajar, maka bapa perlulah memberikan nafkah berupa duit poket kepada anak-anak ini untuk menguruskan kehidupan mereka sendiri dari segi makanan, pakaian, tempat tinggal dan keperluan-keperluan asas yang lain.

7.2.4: Objektif Keempat

Objektif keempat yang telah disasarkan dalam kajian ini ialah mengemukakan panduan pentaksiran nafkah isteri dan anak secara *kifāyah* dan *ma'rūf* dengan mengusulkan item-item semasa nafkah isteri dan anak bagi amalan kehakiman dan masyarakat di Malaysia.

Panduan pentaksiran bermula dengan penentuan item-item nafkah isteri dan anak yang meliputi item-item semasa yang ditarjihkan oleh kajian ini. Item-item nafkah isteri dan anak tersebut seperti yang telah diterangkan dalam objektif ketiga setelah item-item tersebut diteliti dan dibandingkan dengan perbincangan fuqaha, peruntukan statut undang-undang iaitu Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan (1984) serta temu bual para responden yang terdiri daripada kumpulan hakim, ibu dan pelajar.

Langkah yang seterusnya ialah mengenal pasti kriteria *kifāyah* dan *ma'rūf*. Bagi menentukan kriteria *kifāyah*, kajian ini mengusulkan kadar kebiasaan perbelanjaan mengikut tahap kelas sosioekonomi masyarakat perlulah dikenal pasti terlebih dahulu sebelum pentaksiran nafkah isteri dan anak ingin dilakukan oleh para hakim. Kajian ini yang cuba melihat kesan tersebut telah mengkategorikan responden mengikut tiga kelas sosioekonomi yang dibahagikan kepada A (rendah), B (sederhana), dan C (tinggi).

Hasil pembahagian tersebut mendapati bahawa tahap keperluan *kifāyah* berbeza antara kelas responden. Hal ini berlaku disebabkan responden yang berada dalam kelas yang lebih tinggi sosioekonominya, kebiasaannya berbelanja lebih besar bagi keperluan nafkah mereka. Ini menguatkan lagi perintah nas syarak yang memerintahkan suami memberikan nafkah kepada ahli keluarganya mengikut kemampuannya. Pentaksiran nafkah oleh hakim yang mengikut kadar kebiasaan kelas sosioekonomi penuntut nafkah dan suaminya bakal memenuhi kriteria *kifāyah* yang telah dibincangkan.

Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa perlu dikenal pasti kadar semasa *kifāyah adnā* masyarakat di sesuatu tempat. Hasil kajian menunjukkan kadar *kifāyah adnā* tidak mustahil untuk ditentukan melalui pengambilan kadar kebiasaan nafkah bagi kumpulan masyarakat terendah dalam kajian ini yang diboleh digolongkan sebagai kumpulan miskin. Hal ini berdasarkan pentarjihan pendapat yang mengatakan sekurang-kurangnya kadar kecukupan nafkah isteri mengikut kadar kebiasaan nafkah isteri yang miskin yang diambil daripada Abū Ḥanīfah, Abū Yūsuf dan juga Muḥammad.

Pengetahuan dan pengiktibaran *kifāyah adnā* dalam penghakiman para hakim memastikan kadar yang diputuskan tidak mengurangi keperluan asas isteri dan anak. Ia juga akan membantu para hakim dalam memutuskan kes-kes berkaitan nafkah seperti tuntutan fasakh disebabkan ketidak cukupan nafkah, penentuan kadar nafkah tertunggak dan kelayakkan permohonan poligami oleh suami. Ia bakal membantu menjelaskan lagi

kekaburuan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam kes tuntutan nafkah dan melancarkan perbicaraan kes.

Bagi memenuhi kriteria *ma'rūf* pula, pentaksiran nafkah mestilah bersandarkan kepada sosioekonomi dan kemampuan tertinggi suami. Hujah ini sama seperti pendapat terkuat pada pandangan majoriti fuqaha yang mengutamakan pengiktibaran sosioekonomi suami berbanding isteri seperti yang telah dibincangkan.

Kriteria ini juga menuntut pentaksiran nafkah perlulah bersandarkan kepada harga pasaran semasa dan '*urf* masyarakat setempat. Hal ini kerana nafkah berkaitan dengan nilai wang dan barang biasanya akan berubah mengikut ekonomi semasa dan '*urf* masyarakat. Justeru, pengiktibaran kriteria ini menuntut kajian berkala mengenai kadar semasa nafkah masyarakat bagi membantu para hakim dalam pentaksiran yang dilakukan.

Elemen yang tidak dapat dinafikan kepentingannya dalam kriteria *ma'rūf* ialah budi bicara hakim. Hakim perlulah menggunakan budi bicaranya dalam setiap kes pentaksiran kadar nafkah. Hal ini bagi memastikan pentaksiran yang dilakukan oleh para hakim ditimbang melalui kebijaksanaan dan pertimbangan yang adil walaupun melalui proses pengiktibaran *kifāyah adnā*.

7.3 KESIMPULAN

Berbanding pentaksiran nafkah di mahkamah syariah negara ini, pentaksiran nafkah terutamanya nafkah anak kelihatan lebih kemas dan terkehadapan di peringkat antarabangsa. Pelbagai kajian telah dijalankan seawal 80an bagi menghasilkan kaedah pentaksiran nafkah yang bersesuaian terutama bagi negara-negara yang mempraktiskan

sistem *Child Support*.⁴⁶⁰ Dari segi sejarah, objektif serta ruh pelaksanaan *Child Support* walaubagaimana pun adalah berlainan dengan konsep nafkah yang digariskan dalam Islam. Islam menekankan bapa sebagai pembiaya utama dalam nafkah isteri dan anak berbanding sistem ini yang menjalankan dwi-pembiaya iaitu ibu juga wajib menanggung nafkah anaknya. Anak yang mendapat pembiayaan dalam sistem ini turut merangkumi anak hasil bersekedudukan di luar perkahwinan yang berlainan dengan sistem nafkah Islam.⁴⁶¹

Dari segi kaedah pentaksiran, sistem *Child Support* ini mengalami anjakan iaitu dari kaedah tradisional atau *fix order* yang ditetapkan oleh mahkamah kepada kaedah pentaksiran berdasarkan pemotongan pendapatan bapa mengikut peratusan.⁴⁶² Setelah perlaksanaan, sistem ini dilihat telah dikesampingkan apabila para pembiaya merasakan penetapan sebegitu jauh dari mentaksirkan keperluan sebenar seorang anak. Justeru, kaedah terkini pentaksiran berdasarkan keperluan sebenar seorang anak telah

⁴⁶⁰ Lihat Belinda Fehlberg and Mavis Maclean, *Child Support Policy in Australia and the United Kingdom: Changing priorities but a similar tough deal for children?*, International Journal of Law, Policy and the Family 23, (2009), 1-24 doi: 10.1093/lawfam/ebn015, Advance Access Publication 29 January 2009 and *Child Support Handbook* (OCS), Administration for Children and Families, Department of Health and Human Services, 6, <http://www.acf.hhs.gov/programs/css/resource/handbook-on-child-support-enforcement> dan The Organization For Economic Co-Operation And Development (OECD) <http://www.oecd.org/els/family/oecdfamilydatabasethefamilysupportcalculator.htm> dicapai pada 12 November 2014.

⁴⁶¹ Ibid.

⁴⁶² Misalnya di Wisconsin, Amerika, apabila menerapkan *Child Support Assurance System* (CSAS) pada tahun 1987, Lihat Meyer, Daniel R;Bartfeld, Judi;Garfinkel, Irwin;Brown, Patricia, *Child support reform: Lessons from Wisconsin*, Family Relations; Jan 1996; 45, 1; ProQuest Education Journals, 11. Sisitem pemotongan pendapatan bapa berdasarkan peratusan juga dilaksanakan di Norway pada tahun 1990an lihat Anne Skevik, *Fairness in Child Support Assessments: the view of non resident fathers in norway*, International Journal of Law, Policy and the Family 20, (2006), 181-200, doi: 10.1093/lawfam/ebn012, Advance Access Publication.

mengambil alih sistem pentaksiran mengikut peratusan tersebut.⁴⁶³

Kajian yang dibuat oleh Daniel R. Meyer dan Mei-Chun Hu⁴⁶⁴ serta Kate Stirling dan Tom Aldrich di Amerika⁴⁶⁵ pula menunjukkan walaupun setelah pelbagai polisi dan perubahan baru telah pun dilakukan, sistem *Child Support* dilihat tidak berkesan dalam mengurangkan tahap kemiskinan. Menurut Meyer dan Chun Hu, ini mungkin disebabkan sistem *Child Support* lebih memfokuskan untuk menyama tarakan atau ‘mengadilkan’ tanggungjawab antara pembiaya dan juga penjaga yang tinggal bersama anak tersebut, berbanding memfokuskan untuk menaikkan jumlah bantuan yang diterima oleh keluarga-keluarga miskin yang terlibat.⁴⁶⁶ Stirling dan Aldrich pula menekankan walaupun pengurangan terhadap tanggungjawab pembiayaan bapa ingin dilakukan oleh para penggubal polisi, namun, keadaan ibu dan anak tidak boleh diabaikan walaupun setelah menerima pembiayaan *Child Support*.⁴⁶⁷

Walaupun begitu, sistem *Child Support* lebih terkehadapan dalam pengalamannya mencuba pelbagai kaedah dan menerapkan pelbagai polisi dalam pentaksiran nafkah anak di negara-negara mereka. Sehingga hal kepada kaedah dan polisi terkini di beberapa buah negara seperti di Norway, Australia dan United Kingdom yang melaksanakan pentaksiran nafkah anak ialah berdasarkan keperluan sebenar anak tersebut, berbanding sistem pemotongan pendapatan bapa mengikut

⁴⁶³ Misalnya di Norway, lihat Anne Skevik, Fairness in Child Support Assessments: the view of non resident fathers in Norway, International Journal of Law, Policy and the Family 20, (2006), 181-200, doi: 10.1093/lawfam/ebn012, Advance Access Publication. Di Australia dan United Kingdom, lihat Belinda Fehlberg and Mavis Maclean, Child Support Policy in Australia and the United Kingdom: Changing priorities but a similar tough deal for children?, International Journal of Law, Policy and the Family 23, (2009), 1-24 doi: 10.1093/lawfam/ebn015, Advance Access Publication 29 January 2009 and Child Support Handbook (OCS), Administration for Children and Families, Department of Health and Human Services, 6, <http://www.acf.hhs.gov/programs/css/resource/handbook-on-child-support-enforcement>

⁴⁶⁴ Meyer, Daniel R; Chun Hu, Mei, A note on the Antipoverty Effectiveness of Child Support among Mother-Only Families; 1999; University of Wisconsin Press, The Journal of Human Resources, Vol. 34, No. 1, 225-234.

⁴⁶⁵ Stirling, Kate; Aldrich, Tom, Child Support: Who Bears the Burden?* Family Relations; Jul 2008; 57, 3; ProQuest Education Journals, 376.

⁴⁶⁶ Lihat Meyer, Daniel R; Chun Hu, Mei.

⁴⁶⁷ Lihat Stirling, Kate; Aldrich, Tom.

peratusan.⁴⁶⁸ Kajian pengkaji yang turut mengutarakan nafkah anak perlu berdasarkan keperluan asas atau keperluan sebenar anak tersebut seterusnya menyokong polisi dan kaedah terkini pentaksiran nafkah yang dilaksanakan di negara-negara ini.

Walaubagaimana pun, dari segi pelaksanaan, ia berbeza dengan apa yang ditekankan oleh pengkaji apabila sistem di negara ini menekankan dwi pembiaya. Kajian-kajian yang dilaporkan menunjukkan bahawa sistem *Child Support* masih belum mampu melepaskan bagi anak dan penjaga (kebiasannya ibu) yang tinggal dan bertanggungjawab menjaga anak tersebut dari kemiskinan. Hal ini mungkin disebabkan tanggungjawab iaitu perkongsian pendapatan (dwi pembiaya) yang turut dikenakan ke atas ibu di samping bapa untuk membiayai anaknya berbanding hanya bapa dalam sistem nafkah Islam. Pada pandangan pengkaji, hal ini menyebabkan nafkah yang dibiayai masih tidak dapat menampung keperluan anak tersebut lantaran kemiskinan ibu yang tinggal bersama-sama anak itu turut mempengaruhi aliran kewangan nafkah anak seperti bagaimana dan ke mana wang tersebut digunakan. Sistem *Child Support* juga sudah semestinya hanya memfokuskan permasalahan dan kepentingannya menguruskan pentaksiran dan kutipan bagi nafkah anak selaras dengan objektif asal penubuhannya. Manakala bagi pentaksiran dan hal-hal yang berkaitan bagi nafkah ibu, atau alimoni, tumpuan tidak diberikan ke arah ini seperti yang turut difokuskan oleh kajian pengkaji.

Di Malaysia, tidak kurang juga para pengkaji dan pencadang polisi mengemukakan kaedah pentaksiran nafkah isteri dan anak ditetapkan dengan kaedah-kaedah tertentu seperti kadar tetap (*fix order*) yang bersesuaian dengan waktu kajian

⁴⁶⁸ Lihat Anne Skevik, Belinda Fehlberg dan Mavis Maclean.

mereka,⁴⁶⁹ sistem pecahan⁴⁷⁰, dan juga sistem pemotongan pendapatan bapa mengikut peratusan seperti yang dilaksanakan dalam sistem *Child Support* di negara-negara yang terlibat.⁴⁷¹

Kajian-kajian yang mencadangkan kadar tetap ini sayangnya berlalu dengan peredaran masa dan tidak dapat diaplikasikan pada masa depan selaras dengan perubahan nilai wang dan harga pasaran semasa. Kajian pengkaji sebaliknya memperkenalkan satu kaedah pentaksiran nafkah yang diambil daripada pandangan Imam Abū Ḥanīfah, Muḥammad dan Abū Yūsuf iaitu bagi memenuhi elemen kecukupan (kriteria *kifāyah*) yang paling minima, pentaksiran nafkah perlu sekurang-kurangnya mengikut kadar kebiasaan masyarakat yang miskin. Masyarakat miskin yang diketengahkan oleh kajian pengkaji bukanlah mereka yang tidak cukup makan sehingga perlu menahan lapar atau mengikat perut, tidak cukup pakaian sehingga tidak mampu menutup aurat untuk pergi ke tempat kerja atau sekolah. Sebaliknya, masyarakat miskin dalam kajian pengkaji adalah golongan yang berpendapatan rendah dalam masyarakat. Golongan ini sebaliknya adalah mereka yang mampu makan sehingga kenyang dan

⁴⁶⁹ Lihat Aishah yang mencadangkan nafkah minimum anak pada kadar RM150 sebulan pada waktu tersebut, lihat Siti Aishah Din, “Mekanisma Penetapan Kadar Nafkah Anak: Analisis terhadap penghakiman kes-kes Mahkamah Syariah Negeri Selangor” (tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010), Suwaid mencadangkan nafkah isteri pada kadar RM10 atau lebih pada waktu tersebut, lihat Suwaid Tapah, “Nafkah Isteri”, dalam *Undang-Undang Keluarga Islam*, ed. Abdul Monir Yaacob dan Siti Shamsiah Md.Supi, (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2006), 61-79, dan Nurhidayah mencadangkan nafkah isteri RM17 sehari atau RM500 sebulan pada waktu kajian beliau, lihat Nurhidayah Muhamad Hashim, “Failure to provide maintenance for the wife & children: Is there justice for women in Malaysia’s Syariah Court?” dalam *5th Asian Law Institute Conference (ASLI)* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2008).9.

⁴⁷⁰ Azhar mencadangkan suami menyumbang 2/3 dan isteri 1/3 daripada perbelanjaan keluarga sekiranya berlaku perkongsian pendapatan antara suami dan isteri berdasarkan pandangan Imam Malik. Lihat Azhar bin Abdul Aziz, “Amalan Perkongsian Pendapatan Antara Suami Isteri dalam Keluarga Islam di Malaysia: Analisis terhadap sumbangan isteri bekerja dalam perbelanjaan rumah tangga”, (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012). Lihat juga Siti Aishah Din yang mencadangkan kadar nafkah anak yang diberikan sepatutnya pada kadar 1/3 daripada pendapatan bapa.

⁴⁷¹ Lihat Siti Aishah Din yang mencadangkan dilaksanakan potongan peratusan pendapatan bapa untuk pembiayaan nafkah anak seperti yang dijalankan di Austria iaitu potongan 15%, 20% dan 25% masing-masing bagi seorang, dua orang anak, dan tiga orang anak atau lebih dan kertas kerja “Cadangan Formula Pengiraan Nafkah”, yang dibuat oleh Prof Madya Dr Noraini Arifin (Pensyarah Perakaunan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) bersama-sama Dr. Noraini Md Hashim dan Dr. Roslina Che Soh (Pensyarah Undang-Undang Keluarga Islam, UIAM), 2008, yang mencadangkan pemotongan sebanyak 23%, 33%, 40% dan 53% bagi seorang, 2, 3 dan 4 dan ke atas masing-masing.

mempunyai pakaian serta tempat tinggal yang selamat, namun tidaklah setaraf seperti golongan pertengahan dan tinggi.

Takrifan golongan berpendapatan rendah ini seperti yang telah pengkaji jelaskan iaitu dengan mengikut metodologi yang ditetapkan oleh Jabatan Perangkaan Negara iaitu pembahagian pendapatan isi rumah berdasarkan tiga kumpulan iaitu rendah, sederhana, dan tinggi mengikut nisbah peratusan B40%, M40% dan T20%. Walaupun pengkaji juga mencadangkan kadar iaitu RM773 sebagai kadar minima bagi nafkah seorang isteri dan beberapa kadar minima mengikut kategori anak mengikut kaedah yang dijelaskan, namun kadar ini boleh berubah berdasarkan perubahan pendapatan, harga barang dan amalan yang berlaku dalam golongan yang berpendapatan rendah. Justeru metodologi yang dikemukakan oleh kajian pengkaji boleh diaplikasikan semula bagi mendapatkan kadar minima yang sepatutnya bagi nafkah isteri dan anak walaupun beredarnya masa dan zaman.

Pengkaji mengakui bahawa terdapat kajian sebelum ini misalnya jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh JKSM pada awal penubuhan BSK telah mencadangkan formula pentaksiran nafkah mengikut sistem pemotongan pendapatan bapa mengikut peratusan malah dengan bersandarkan kepada mafhum hadis. Namun, apa yang ingin diutarakan oleh pengkaji ialah cadangan pemotongan pendapatan bapa berdasarkan peratusan juga telah diaplikasikan di beberapa negara yang melaksanakan sistem *Child Support* dan hasil kajian pelaksanaan pentaksiran mengikut kaedah tersebut tidak kurang mendapat rungutan di kalangan pembiaya di negara-negara tersebut. Ini lebih-lebih lagi berlaku apabila seorang bapa yang berpendapatan tinggi misalnya RM30 ribu sebulan membiayai 23% (seperti yang dikemukakan oleh kertas cadangan jawatankuasa ini) daripada pendapatannya membiayai nafkah seorang anak iaitu RM6,900 sebulan. Kadar RM6,900 ini sudah semestinya sangat tinggi dan melebihi keperluan nafkah bagi

seorang anak. Apabila nafkah anak melebihi apa yang sepatutnya anak tersebut dapat, ini telah menyalahi elemen dalam kriteria *ma'rūf* yang telah dikemukakan oleh kajian ini iaitu berdasarkan apa yang dibincangkan oleh fuqaha. Ia berlainan dengan nafkah isteri yang wajar untuk diberikan lebih sekiranya suami mampu bersesuaian dengan pendapatan dan status sosioekonomi suami tersebut. Justeru pada pandangan pengkaji, kaedah pentaksiran nafkah berdasarkan sistem pemotongan pendapatan bapa mengikut peratusan agak jauh dari landasan yang digariskan dalam sistem nafkah Islam seperti yang telah pengkaji bincangkan dalam bab 3 kajian ini. Sebaliknya, kadar keperluan anak yang sebenar lebih menepati pandangan syarak dan perbincangan fiqh.

Kadar keperluan sebenar tersebut sudah semestinya kadar yang berpatutan dan asas dan inilah yang telah dikemukakan oleh kajian pengkaji. Apabila pengkaji melihat amalan kebiasaan perbelanjaan bagi keperluan anak dalam kalangan golongan berpendapatan rendah masyarakat, keperluan dan kadar yang dikemukakan adalah keperluan dan kadar yang asas bagi keperluan anak-anak tersebut. Walaupun ia merupakan kadar dan keperluan yang asasa, anak-anak dalam golongan ini tidaklah sampai berlapar, malah masih mampu makan dengan seadanya, mempunyai pakaian yang mampu menutup aurat dan mampu untuk ke sekolah, mampu membeli peralatan asas sekolah dan bersekolah di sekolah kerajaan, boleh berhari raya dengan pakaian yang baru walaupun agak minima dan boleh hidup dalam suasana tempat tinggal dan kejiranian yang selamat. Ini juga berlaku dalam kehidupan ibu tersebut yang dapat pengkaji simpulkan juga sebagai kadar kebiasaan keperluan nafkah seorang isteri dalam golongan ini.

Justeru, kadar kebiasaan keperluan golongan berpendapatan rendah ini seterusnya dijadikan kadar minima nafkah dalam kajian pengkaji. Ini bermaksud, hakim tidak boleh memutuskan satu kadar nafkah yang mengurangi kadar minima ini sebagai

ukuran kepada memenuhi kecukupan nafkah isteri dan memelihara maqāṣid al-syarī‘ah ke atas pihak-pihak yang memberi dan menerima nafkah. Mengikut cadangan pengkaji, sekiranya bapa mampu memberikan lebih, bapa perlu memberikan kadar nafkah mengikut kemampuannya yang lebih (dengan sedikit perbeaan pertimbangan dalam nafkah isteri dan nafkah anak), dan jika sebaliknya, kadar nafkah minima perlu diperlihara dan perlu dicukupkan oleh pihak-pihak yang dicadangkan oleh pengkaji.

Pengkaji mengakui bahawa dari segi pelaksanaan, pentaksiran nafkah yang tidak mengurangi kadar minima atau yang diistilahkan dalam kajian ini sebagai *kifāyah adnā*, memerlukan satu sistem pengurusan yang mantap. Sistem ini boleh dibina oleh BSK, JKSM selaras dengan fungsi penubuhannya iaitu antaranya melaksanakan penguatkuasaan penghakiman atau penghakiman atau perintah nafkah yang dikeluarkan oleh mahkamah syariah, menjadi agen mengutip dari pihak yang diperintahkan membayar nafkah, menyalurkan nafkah kepada pihak yang berhak mendapat nafkah dan mencari serta mengumpul dana bagi keperluan pembayaran nafkah yang tidak mencukupi⁴⁷² Pihak-pihak yang perlu mencukupkan kadar *kifāyah adnā* atau kadar minima nafkah isteri dan anak sekiranya bapa tidak mampu boleh dikenal pasti dan diuruskan dengan baik oleh BSK bermula dengan ahli waris bapa tersebut, seterusnya badan-badan kerajaan yang perlu bertanggungjawab.

Kajian ini juga mengakui bahawa sekiranya tiada arahan amalan untuk menerapkan pentaksiran nafkah sekurang-kurangnya tidak mengurangi kadar *kifāyah adnā* ini sudah semestinya ia akan terbiar tanpa pelaksanaan seperti yang terjadi oleh cadangan pentaksiran nafkah untuk hakim-hakim di mahkamah yang telah dikemukakan oleh jawatankuasa khas penubuhan BSK sejak 2008 lagi. Justeru satu arahan amalan

⁴⁷² Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, http://www.jksm.gov.my/jksmv2/index.php?option=com_content&view=article&id=152%3Abahagian-sokongan-keluarga&catid=59%3Absk&Itemid=146, dicapai pada 13 Oktober 2012.

haruslah dibentuk bagi menjamin pentaksiran nafkah yang berlaku di mahkamah adalah tidak mengurangi kadar *kifāyah adnā* tersebut. Arahan amalan ini dapat dikuatkuasakan setelah sistem pengurusan dan pengendalian kadar *kifāyah adnā* ini telah disusun dengan kemas dan terperinci oleh pihak BSK, JKSM negara ini.

Sebagai penutup, kajian yang difokuskan oleh pengkaji bermatlamat mendapatkan kaedah pentaksiran nafkah isteri dan anak yang lebih kemas dan kukuh berdasarkan perspektif syarak dan mengikut amalan semasa masyarakat. Hasil kajian ini seterusnya diharap dapat mempermudahkan lagi pentaksiran nafkah dalam amalan penghakiman syariah di negara ini.

7.4 CADANGAN

Pentaksiran nafkah isteri dan anak dengan pengiktibaran *kifāyah adnā* memastikan keperluan asas isteri dan anak tersebut dipelihara. Kepentingannya pada pandangan syarak dan kemanusiaan tidak dinafikan lagi. Hal ini kerana menjadi matlamat syarak (*maqāsid al-syari‘ah*) dalam menjaga lima perkara itu iaitu nyawa, akal, maruah, agama, dan harta yang juga turut merupakan hak seseorang dari sudut kemanusiaan.

Terdapat dua cadangan pengkaji untuk kajian akan datang bagi memantapkan lagi pelaksanaan pentaksiran nafkah isteri dan anak dengan pengiktibaran *kifāyah adnā*. Cadangan pertama ialah skop kajian masyarakat dalam penentuan kadar *kifāyah adnā* yang lebih menyeluruh perlu dilakukan meliputi tahap kajian bandar, luar bandar dan negeri. Tempoh kajian yang berkala perlu ditetapkan dan diulang, agar kajian bersifat semasa dan berkala.

Misalnya apabila kajian ditetapkan bagi setiap lima tahun, iaitu hasil kajian pertama pada tahun 2015, maka hasil kajian yang seterusnya pula perlu dikeluarkan pada tahun 2020. Hal ini juga memandangkan ‘urf masyarakat mengenai perbelanjaan

keperluan semasa sangat dipengaruhi oleh harga barang semasa dan ekonomi negara.

Mode kajian juga boleh diubah seperti menggunakan kaedah kuantitatif dengan sampel saiz yang lebih besar, meliputi pelbagai kawasan seperti bandar dan luar bandar serta mengikut negeri. Kajian juga boleh dilebarkan menerusi kerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan yang juga menjalankan penyiasatan perbelanjaan isi rumah di Malaysia seperti Jabatan Perangkaan Negara dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM).

Cadangan kedua pula ialah kajian mengenai penguatkuasaan perintah nafkah yang mengambil pengiktibaran *kifāyah adnā*. Suatu perintah nafkah yang dikeluarkan oleh mahkamah walaupun menepati tuntutan syarak dan menjaga *kifāyah adnā* pihak-pihak yang menuntut masih memerlukan penguatkuasaan terhadap perintah tersebut agar terlaksana.

Justeru, satu kajian terhadap penguatkuasaan perintah tersebut boleh dikaji dan diteliti. Ini termasuklah mengkaji, apakah tindakan undang-undang ke atas suami yang gagal memenuhi perintah nafkah pada tahap *kifāyah adnā*, siapakah yang perlu mencukupkan kadar *kifāyah adnā* tersebut sekiranya suami tidak mampu.

Sekiranya waris perlu menanggung, bagaimanakah susunan kelayakan waris yang boleh dipertanggungjawabkan. Menurut beberapa orang hakim yang ditemu bual, walaupun terdapat peruntukan yang sangat jelas dalam al-Quran mengenai kewajipan ahli waris menanggung isteri dan anak-anak ahli waris yang lain, sekiranya suami mereka kurang berkemampuan, namun plaintif jarang memohon hal tersebut.⁴⁷³

Ini mungkin disebabkan peruntukan yang sedia ada masih belum jelas mengenai turutan ahli waris yang wajib menanggung nafkah isteri dan anak-anak selepas suami seperti yang diperuntukan dalam kes hadanah. Walaupun telah ada cadangan daripada

⁴⁷³ Yang Arif Tuan Haji Walid Abu Hassan, Yang Arif Tuan Zainor Rasyid dan Tuan Shaiful Azli bin Jamaludin.

pihak hakim sendiri dan pihak-pihak lain mengenai pengemaskinian peruntukan undang-undang ini, namun ia masih belum dikemaskinikan dalam akta perundangan yang sepatutnya.⁴⁷⁴

Kajian tersebut juga perlu melihat siapakah selepas waris bapa yang perlu bertanggungjawab sekiranya *kifāyah adnā* tidak dapat dipenuhi oleh waris-waris tersebut. Sekiranya pihak kerajaan, siapakah badan yang perlu bertanggungjawab dan bagaimanakah kaedah pengurusan hal yang tersebut agar perintah nafkah isteri dan anak yang memelihara *kifāyah adnā* mereka dapat direalisasikan.

⁴⁷⁴ Ibid.

BIBLIOGRAFI

Buku dan Journal:

- Abī al-Yaman, Ibrāhīm bin Abī al-Yaman Muḥammad al-Hanafī. *Lisān al-Hukkām fī Ma'rifah al-Aikām*. Kaherah: al-Bābī al-Ḥalbī, 1973.
- Abū Dāud, Sulaimān bin Asy'ath al-Sajastānī. *Sunan Abī Dāud*, ed. Wizārah al-Auqāf Al-Miṣriyyah. Beirut: Dār al-Kutub al-'Arabī, t.t.
- _____, Sulaimān bin al-'Ash'ath Abū Dāud. Dalam *Sunan Abū Dāud*, ed. Muḥammad Muḥyī al-Dīn 'Abd al-Ḥamīd. t.tp: Dār al-Fikr, t.t.
- Abū Ḥayyān al-Andalusī. *Tafsīr al-Baḥr al-Muhiḍ*. t.tp: Dār al-Fikr, t.t.
- Al-Asyqar, 'Umar Sulaimān 'Abd Allāh. *Al-Wadīh fī Sharḥ Qānūn al-Āhwāl al-Shakhsiyah al-'Urdunī*, Raqm 26, li 'Ām 2010. Jordan: Dar al-Nafais, 2012.
- Al-Baghwī, Abū Muḥammad Ḥussain bin Mas'ūd bin Muḥammad al-Farā' al-Baghwī. *al-Tahdhīb fī Fiqh Imām al-Syāfi'i*, ed. 'Ādil Aḥmad. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997.
- _____, Abū Muḥammad al-Ḥussain bin Mas'ūd al-Baghwī. *Ma'ālim al-fī Tafsīr al-Qur'ān*, ed. 'Abd Razzāq al-Mahdī. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 2000.
- Al-Baihaqī, Aḥmad bin al-Ḥussain bin 'Alī bin Mūsā Abū Bakr. Dalam *Sunan al-Baihaqī al-Kubrā*, ed. Muḥammad 'Abd Qādir 'Aṭā'. Makkah: Maktabah Dār al-Bāz, 1994.
- Al-Baidāwī, Nāṣir al-Dīn Abī al-Khayr 'Abd Allāh bin 'Umar. *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl*. cet.ke-2, Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1968.
- Al-Buhūtī, Manṣūr bin Yūnus bin Idrīs. *Kasyf al-Qinā' 'an Matn al-Iqnā'*, ed. Ibrāhim Aḥmad 'Abd Hēmid. Riyad: Dār 'Ālim al-Kutub, 2003.
- Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl Abū 'Abd Allāh. *Al-Jāmi' al-Sahīh al-Mukhtaṣar*, ed. Muṣṭafā Dīb al-Bughā. cet. ke-3, Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1987.
- Al-Dusūqī, Muḥammad 'Arafah. *Hāsyiah al-Dusūqī 'alā al-Syarḥ al-Kabīr*. t.t.p: Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, t.t.
- Al-Jassās, Abī Bakr Aḥmad bin 'Alī al-Rāzī al-Jassās. *Aḥkām al-Qur'ān*, ed. 'Abd Salām Muḥammad 'Alī Syāhīn. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.
- Al-Juwainī, 'Abd Mālik bin 'Abd Allāh bin Yūsuf. *Nihāyah al-Matlab fī Dirāyah al-Madhab*, ed. 'Abd al-'Azīz Maḥmud al-Dīb. cet.1, Jeddah: Dār al-Minhāj, 2008.

Al-Kāsānī, ‘Alā’ al-Dīn. *Badā’i‘ al-Šanā’i‘ fī Tartīb al-Syarā’i‘*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabī, 1982.

Al-Khīn, Muṣṭafā, Al-Bughā, Muṣṭafā dan Al-Sharbājī ‘alī. *al-Fiqh al-Manhajī*, terj. Rashidah Adam & Shaifuddin Maulup. cet.1, Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Negeri Sembilan, 2005.

Al-Mardāwī, ‘Alā’ al-Dīn Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Sulaimān. *al-Taḥbīr Syarh al-Tahrīr fī Uṣūl al-Fiqh*, ed. ‘Abd Raḥmān al-Jibrīn dll. Riyad: Maktabah al-Rusyd, 2000.

Al-Marghiyānī, Abī al-Hassan ‘Alī bin Abī Bakr bin ‘Abd al-Jalīl al-Rusydānī. *Al-Hidāyah Syarh Bidāyah al-Mubtadī*. t.t.p: Al-Maktabah al-Islāmiyyah, t.t.

Al-Mūṣilī , ‘Abd Allāh bin Maḥmūd bin Maudūd al-Mūṣilī al-Hanafī. *Al-Ikhtiyār li ta’līl al-Mukhtār*. cet.2, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2005.

Al-Māwardī, Abī al-Hassan ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥussain. *Al-Ḥāwī al-Kabīr*, ed. ‘Alī Muḥammad Mu‘awwad dan ‘Ādil Aḥmad ‘Abd Maujūd. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999.

Al-Māwardī, Abū al-Hassan ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb. *Al-Nakat wa al-‘Uyūn*, ed. Al-Sayid bin ‘Abd Maqsūd. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.

Al-‘Ainī, Badr al-Dīn Maḥmūd Ibn Aḥmad. *al-Bidāyah fī Syarh al-Hidāyah*. Beirut: Dār al-Fikr, 1990.

Al-‘Andalusī, Abū Muḥammad ‘Abd Ḥaqq bin Ghālib bin ‘Atiyyah. *Al-Muharrar al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-‘Azīz*, ed. ‘Abd Salām ‘Abd al-Shāfi‘ Muḥammad. Lubnān: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993.

Al-Naisābūrī, Abū Ishāq Aḥmad bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Tha‘labī al-Naisābūrī. *Al-Kasyf wa al-Bayān*, ed. Abī Muḥammad bin ‘Āsyūr. cet.1, Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 2002.

Al-Naisābūrī, ‘Abd Allāh al-Ḥākim al-Naisābūrī. Dalam *al-Mustadrak ‘ala al-Ṣahīhain*, ed. Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir ‘Atā’. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1990.

Al-Namlah, ‘Abd al-Karīm bin ‘Alī bin Muḥammad al-Namlah. *Taisīr Masā’il al-Fiqh Syarh al-Raud al-Marba‘*. cet.1, Kaherah: Maktabah al-Rushd, 2006.

Al-‘Arabī, Abū Bakr Muḥammad bin ‘Abd Allāh Ibn al-‘Arabī. *Aḥkām al-Qur’ān*, ed. Muḥammad ‘Abd Qādir ‘Atā’. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003.

Al-Nasā’ī, Abū ‘Abd al-Raḥmān al-Nasā’ī. Dalam *Sunan al-Nasā’ī al-Kubrā*, ed. Sulaimān al-Bandārī. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1991.

Al-Nawawī, Muhyī al-Dīn Abī Zakariyyā Yahyā bin Syarf al-Nawawī. *Al-Majmū‘ Syarh al-Muhaddhab*. Madīnah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiyyah, t.t.

Al-Şan‘ānī, Muḥammad bin Ismā‘īl al-Şan‘ānī. *Subul al-Salām*, ed. Muḥammad ‘Abd ‘Azīz al-Khaulī. cet. 4, Beirut: Dār Ihyā’ al-Turath al-‘arabī, t.t.

Al-Qairawānī, Abī Muḥammad ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Rahmān al-Qairawānī. *Al-Nawādir wa al-Ziyādāt*, ed. Muḥammad Ḥajjī. Beirut: Dār al-Gharbī al-Islāmī, 1999.

Al-Qarrāfī, Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs Al-Qarrāfī. *Al-Ddhākhirah*, ed. Muḥammad Bukhaizah. cet.1, t.tp: Dār al-Gharbī al-Islāmī, 1994.

Al-Qurṭubī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Ansārī al-Qurṭubī. *Al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān*. al-Qāhirah: Dār al-Syī‘b, t.t.

Al-Ramlī, Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-‘Abbas al-Ramlī. *Nihāyah al-Muhtāj ilā Syarh al-Minhāj*. t.tp: Maktabah Muṣṭafā al-Bāb al-Ḥalabī, 1967.

Al-Rāzī, Muḥammad bin ‘Umar bin al-Ḥussain al-Rāzī. *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī*, t.tp: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.

Al-Samarqandī, Abū al-Laith Naṣr bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Samarqandī. *Bahr al-‘Ulūm*, ed. Maḥmūd Muṭrajī. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.

Al-Sa‘dī, ‘Abd al-Rahmān bin Nāsir bin al-Sa‘dī. *Taisīr al-Qur’ān al-Rahmān fī Tafsīr Kalām al-Mannān*, ed. ‘Abd al-Rahmān bin Ma‘lā. t.tp: Mu‘assasah al-Risālah, 2000.

Al-Sayyid Sābiq. *Fiqh al-Sunnah*. Kaherah: al-Fatḥ li I‘lām al-‘Arabī, t.t.

Al-Shairāzī, Ibrāhīm bin ‘Aliyy bin Yūsuf al-Shairāzī Abū Ishāq. *Al-Muhadhab fī al-Fiqh Imām al-Shāfi‘iyy*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.

Al-Shanqīṭī, Muḥammad al-Amīn bin Muḥammad al-Shanqīṭī. *Aḍwā’ al-Bayān fi ‘Idāh al-Qur’ān bi al-Qur’ān*. Lubnan: Dār al-Fikr li al-Ṭibā‘ah wa al-Nasyr wa al-Tauzī, 1995.

Al-Sharbīnī, Muḥammad bin Aḥmad al-Sharbīnī. *Tafsīr al-Sirāj al-Munīr*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.

Al-Shaukānī, Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al-Shaukānī. *Nail al-Awtār Sharḥ Muntaqā al-Akhbār min Aḥādīth al-Sayyid al-Akhyār*. Kaherah: Maktabah Dār al-Turāth, t.t.

Al-Shāfi‘ī, Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi‘ī Abu ‘Abd Allāh. *Al-Umm*, ed. Maḥmud Maṣrajī. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002.

Al-Suyūṭī, ‘Abd Rahmān bin al-Kamāl Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī. *Al-Ddar al-Manthūr*. Beirut: Dār al-Fikr, 1993.

Al-Syāṭirī, Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Umar al-Syāṭirī. *Syarh al-Yāqūt al-Nafīs fī Madhab Ibn Idrīs*. cet.ke-2, Saudi: Dār al-Minhāj, 2007.

Al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Īsā Abū ‘Īsā al-Tirmidhī al-Salmī. “Sunan al-Tirmidhī.” Dalam *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, ed. Aḥmad Muḥammad Shākir. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.

Al-Ṭabarī , Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd Abū Ja‘far al-Ṭabarī. *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur’ān*, ed. Aḥmad Muḥammad Syākir. t.t.p: Mu’assasah al-Risālah, 2000.

Al-Zamakhsyarī, Abū al-Qāsim Maḥmūd bin ‘Umar al-Zamakhsyarī. *Al-Kassiyāf ‘an ḥaqā’iq wa ‘Uyūn al-‘Aqāwīl fī Wujūh al-Ta’wīl*, ed. ‘Abd Razzāq al-Mahdī. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.

Al-Zuhailī, Muḥammad al-Zuhailī. *Al-Mu’tamad fī al-Fiqh al-Syafī’iyy*. Damsyiq: Dār ‘Ulūm, 2007.

Babbie, E. *Introduction to Social Research*. cet. ke-5, Belmont, CA: Wadsworth, 2011.

Bartfeld, Judi; Garfinkel, Irwin. *The impact of percentage-expressed child support orders on payments*. The Journal of Human Resources; Fall 1996; 31, 4; ProQuest Education Journals, 794.

Drake, B. & Jonson-Reid, M. *Social Work Research Methods; From Conceptualization to Dissemination*. New York: Perarson Education Inc., 2007.

Fehlberg, Belinda; Maclean, Mavis. *Child Support Policy in Australia and the United Kingdom: Changing priorities but a similar tough deal for children?*, International Journal of Law, Policy and the Family 23, (2009), 1-24 doi: 10.1093/lawfam/ebn015, Advance Access Publication 29 January 2009

Ibn Ḥajar, Aḥmad bin ‘Alī. *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. Muhibb al-Dīn al-Khāṭib. Beirut: Dār al-Ma’rifah, t.t.

Ibn Ḥibban, Muḥammad bin Ḥibbān bin Aḥmad Abū Ḥātim al-Tamīmī. Dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, ed. Syu‘aib al-Arnā’ut. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1993.

Ibn al-Hummām, Kamāl al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd Wāhid. *Syarḥ Fath al- Qadīr ‘Ala al-Hidāyah: Syarḥ Bidāyah al-Mubtadī*. Mesir: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Jalī, t.t.

Ibn Kathīr, Abī al-Fidā’ Ismā‘il Ibn Kathīr. *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*, ed.‘Abd Razak al-Mahdhī. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 2001.

Ibn ‘Asyūr, Muḥammad al-Ṭāhir. *Tafsīr al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*. cet.1, Beirut: Mu’assasah al-Tārīkh, 2000.

Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amīn al-Syahīr Ibn ‘Ābidīn. *Hāsyiah Rad al-Mukhtār*. cet. ke-2, Mesir: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Jalī, 1966.

Ibn ‘Ādil, Abū Ḥafṣ ‘Umar bin ‘Alī. *Al-Lubāb fī ‘Ulūm al-Kitāb*, ed. ‘Ādil Aḥmad ‘Abd Maujūd. cet.1, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998.

Ibn Nujaim, Zain al-Dīn al-Ḥanafī. *Al-Bahr al-Rā’iq Syarḥ Kanz al-Daqā’iq*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, t.t.

Ibn Qudāmah , ‘Abd Allāh bin Aḥmad ibn Qudāmah al-Muqaddasī Abū Muḥammad. *Al-Mughnī fī Fiqh al- Imām Aḥmad bin Ḥanbal*. cet.1, Beirut: Dār al-Fikr, 1404H.

Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah/ Report on Household Expenditure Survey; 2009-2012. Putrajaya, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012.

Maznah Mohamad, “Di mana berlaku diskriminasi dalam undang-undang keluarga Islam.” Dalam *Undang-Undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-Negara Asean*, ed.Abdul Monir Yaacob. cet.ke-2, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2000.

Meyer, Daniel R;Bartfeld, Judi;Garfinkel, Irwin;Brown, Patricia. *Child Support Reform: Lessons from Wisconsin*. Family Relations; Jan 1996; 45, 1; ProQuest Education Journals, 11.

Muslim, bin Ḥajjāj Abū al-Hussain al-Qusyairī al-Naisābūrī. *Saḥīḥ Muslim*, ed. Muḥammad Fu’ad ‘Abd al-Bāqī. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.

‘Abd al-‘Azīz ‘Āmir. *Al-Āhwāl Al-Syakhsiyah*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabiyy, t.t.

Nazzām al-Dīn. *Al-Fatāwā al-Hindiyah fī Madhhab Imām Abī Ḥanīfah*. t.tp: Dār al-Fikr, 1991.

Namki, Aḥmad Muḥammad Sādiq. *Al-Āhwāl al-Syakhsiyah li al-Muslimīn: Dirāsaḥ Muqāranah baina Fiqh al-Islāmī wa Masyrū’ Qānūn al-Āhwāl al-Syakhsiyah al-Ittiḥadī li Daulah al-Immārāt al-‘Arabiyyah al-Muttaḥidah*. Dubai: Kulliyyah Syurṭah Dubayy, 1997.

Natalier, Kristin; Hewitt, Belinda. *It’s not just about the money’: non resident fathers’ perspectives on paying child support*. Sage publication, 2010, BSA Publication ltd, vol 44(3) : 489-505.

Neuman, W. L. *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. cet. ke-7, Boston: Pearson, 2011.

Nik Noraini Nik Badli Shah. *Undang-Undang Keluarga: Nafkah dan Hak-Hak Kewangan Lain*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1994.

Noor Aziah Mohd Awal. “Nafkah Anak: Kedudukannya di sisi Undang-Undang di Malaysia.” Dalam *Manual Undang-Undang Keluarga Islam*, ed. Abdul Monir Yaacob dan Siti Shamsiah Md Supi. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2006.

Nurhidayah Muhamad Hashim. "Failure to provide maintenance for the wife & children: Is there justice for women in Malaysia's Syariah Court?" Dalam *5th Asian Law Institute Conference (ASLI)*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2008.

'Uthaimīn, Muḥammad Ṣāliḥ. *Fiqh al-Nisā'*. Beirut: Dār al-Kutub al-'ilmīyyah, 2008.

Othman Lebar. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Perak: Universiti Perguruan Sultan Idris, 2012.

Skevik, Anne. *Fairness in Child Support Assessments: The view of non resident fathers in Norway*. International Journal of Law, Policy and the Family 20, (2006), 181-200, doi: 10.1093/lawfam/ebn012, Advance Access Publication.

Stirling, Kate; Aldrich, Tom. *Child Support: Who Bears the Burden?* Family Relations; Jul 2008; 57, 3; ProQuest Education Journals, 376.

Suwaid Tapah. "Nafkah Isteri." Dalam *Manual Undang-Undang Keluarga Islam*, ed. Abdul Monir Yaacob dan Siti Shamsiah Md.Supi. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2006.

Waller, Maureen R;Plotnick, Robert. *Effective child support policy for low-income families: Evidence from street level research*. Journal of Policy Analysis and Management; Winter 2001; 20, 1; ProQuest Education Journals, 89.

Wani, M. A. *The Islamic Law on Maintenance Of Women, Children, Parents & Other Relatives: Classical Principles and Modern Legislations In India And Muslim Countries*. Kashmir :Upright Study Home, 1995.

Yūsuf Qāsim. *Huqūq al-Usrah*. Kaherah: Dār al-Nahdah al-'Arabiyyah, 1984.

Zaleha Kamaruddin & Raihanah Abdullah. *Kamus Istilah Undang-Undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Zebra Edition Sdn. Bhd., 2002.

Bahan Yang Tidak Diterbitkan:

"Borang Asnaf Zakat 2012." Dokumen. Lembaga Zakat Selangor, Selangor, 2012.

"Cadangan Formula Pengiraan Nafkah", Kertas Kerja. Noraini Arifin, Noraini Md Hashim dan Roslina Che Soh. Daripada jawatankuasa khas yang dilantik oleh JKSM bersempena dengan penubuhan BSK, 2008.

"Pemansuhan Bayaran Tambahan Persekolahan di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan." Surat Pekeling Ikhtisas Bil 11 Tahun 2011 bertarikh 3 November 2011. Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Sektor Operasi Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Putrajaya, 2011.

"Research Priority Area 2: Monitoring of National Nutritional Status- Recommended Nutrient Intakes for Malaysian: A Report of the Technical Working Group on

- Nutritional Guidelines, National Coordinating Committee on Food and Nutrition". Laporan PDF. Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya, 2005.
- "Yuran Pendaftaran Tabika KEMAS." Dokumen. Tabika KEMAS, Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pantai Permai, Kuala Lumpur, 2014.
- "Yuran Persekolahan Sekolah Kebangsaan Bangsar, Kuala Lumpur." Dokumen, Sekolah Kebangsaan Bangsar, Kuala Lumpur, 2014.
- "Yuran Persekolahan Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Pantai Kg. Kerinchi." Dokumen, Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Pantai Kg. Kerinchi, Kuala Lumpur, 2014.
- Azhar bin Abdul Aziz. "Amalan Perkongsian Pendapatan Antara Suami Isteri dalam Keluarga Islam di Malaysia: Analisis terhadap sumbangan isteri bekerja dalam perbelanjaan rumah tangga". Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012.
- Mek Wok Mahmud & Sayed Sikandar Shah Haneef. "The Problem of the Divorce Among Muslim in Malaysia: Addressing Its Epistemological Dimension." Kertas Kerja, International Family Law Conference di Hotel Crown Princess, Kuala Lumpur, 16-17 Januari, 2007.
- Siti Aishah Din. "Mekanism Penetapan Kadar Nafkah Anak: Analisis terhadap penghakiman kes-kes Mahkamah Syariah Negeri Selangor." Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010.
- Zaharah Jaafar. "Penetapan Kadar Nafkah Isteri: Satu Kajian di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan." Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2005.

Laman Sesawang:

- "Akta 303, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, mengandungi pindaan terkini - P.U.(A)247/2002." Laman sesawang *esyariah*. dicapai pada 7 Mac 2012. http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal_Updated.nsf/b3ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/3668dafa6fd3e20b48256fd50019775d?OpenDocument
- "Bahagian Sokongan Keluarga (BSK)." Laman sesawang *Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia*. dicapai pada 13 Oktober 2012. http://www.jksm.gov.my/jksmv2/index.php?option=com_content&view=article&id=152%3Abahagian-sokongan-keluarga&catid=59%3Absk&Itemid=146.

“Child Support Assessments.” Laman sesawang *Department of Human Service, Australia Government.* dicapai pada 4 November 2014. <http://www.humanservices.gov.au/customer/enablers/child-support/child-support-assessment/minimum-and-fixed-child-support-assessments>.

“Child Support Handbook (OCS), Administration for Children and Families.” Laman sesawang *Department of Health and Human Services, Australia Government.* dicapai pada 12 November 2014. <http://www.acf.hhs.gov/programs/css/resource/handbook-on-child-support-enforcement>.

“Child Support Table Look Up.” Laman sesawang *Department of Justice, Government of Canada.* dicapai pada 14 November 2014. <http://www.justice.gc.ca/eng/fl-df/child-enfant/look-rech.asp>.

“Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.” Laman Sesawang esyariah. dicapai pada 7 Mac 2012.
http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Upd.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/ca9cc9e2f91e354748257115000d69dd?OpenDocument.

“Islamic Family Law (State Of Selangor) Enactment 2003.” Laman sesawang esyariah. dicapai pada 7 Mac 2012.
http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/Eng_enactment_Upd.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/be3982513842335848256f3900165bfb?OpenDocument.

“Kalkulator Had Kifayah”, Laman sesawang *Lembaga Zakat Selangor.* dicapai pada 20 Mac 2012. <http://www.e-zakat.com.my/kalkulator-kifayah/>.

“*Lisān al-‘Arab*”. Laman sesawang *al-Bāhith.* dicapai pada 3 April 2013.
<http://www.baheth.info/all.jsp?term=%D8%B1%D8%B7%D9%84>.

“Office of Child Support Enforcement.” Laman sesawang *Department of Health & Human Services, United State of America.* dicapai pada 12 November 2014. <http://www.acf.hhs.gov/programs/css/families>.

“Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka”. Laman sesawang *Dewan Bahasa dan Pustaka.* dicapai pada 7 Oktober 2013.
<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=sosioekonomi>

“The Organization For Economic Co-Operation And Development (OECD)” *Laman sesawang OECD.* dicapai pada 12 November 2014.
<http://www.oecd.org/els/family/oecdfamilydatabasethefamilysupportcalculator.htm>.

“Ticket Fares.” Laman sesawang *myrapid.* dicapai pada 24 November 2014.
<http://www.myrapid.com.my/tickets-fares/faretable>,

“Ticket Fares; Concession Card.” Laman sesawang *myrapid*. dicapai pada 24 November 2014.<http://www.myrapid.com.my/tickets-fares/concession-cards>.

Hilary P M Winchester. “Lone Fathers and the Scales of Justice: Renegotiating Masculinity After Divorce, Department of Geography and Environmental Science.” Laman sesawang *University of Newcastle*. dicapai pada 14 November 2014.
http://www.newcastle.edu.au/Resources/Schools/Humanities%20and%20Social%20Science/JIGS/JIGSV4N2_081.pdf.

Huang, Chien-Chung, Child Support Enforcement and Father Involvement for Children in Never-Married Mother Families, *Fathering*, vol. 4(1), 97.
<http://search.proquest.com/docview/222722764?accountid=28930>, dicapai pada 11 Mei 2015.

Jean van Houtte and Corinne de Vocht. “The Obligation to Provide Maintenance between Divorced Husband and Wife in Belgium, *Law & Society Review*”, Vol. 16, No. 2 (1981 - 1982), pp. 321-334, laman sesawang *Blackwell Publishing*. Dicapai pada 20 Julai 2012. <http://www.jstor.org/stable/3053363>

Tuan Mohd Isa Abd Ralip. “Nafkah sementara dalam proses cerai ikut kemampuan;” 11 April 2012. Laman sesawang *bharian*. dicapai pada 10 September 2014.
<http://www2.bharian.com.my/articles/Nafkahsementaradalamprosesceraiikutkemampuan/Article/>